



Pertanika

MAHAWANGSA

MAHAHA

VOL. 1 (1) JUN 2014



PERTANIKA
JOURNALS

Jurnal Bahasa, Budaya dan Warisan Melayu

MAHAWANGSA, Jurnal Bahasa, Budaya dan Warisan Melayu

Latar Belakang

Pertanika merupakan jurnal berwasit antarabangsa yang berfungsi sebagai medium penerbitan dan perbincangan isu pertanian tropika serta bidang berkaitan. *Pertanika* memulakan penerbitan pertama pada 1978 sebagai *Journal of Tropical Agricultural Science*. Pada 1992, *Pertanika* diselaraskan kepada tiga jurnal berasingan, iaitu *Journal of Social Sciences & Humanities (JSSH)*, *Journal of Tropical Agricultural Science (JTAS)* dan *Journal of Science and Technology (JST)* sebagai memenuhi keperluan jurnal yang lebih khusus dalam bidang pengajian. Pengasingan ini memberikan ruang tumpuan yang khusus terhadap kekuatan bidang yang pelbagai di universiti. Pada 2013, siri terbaharu dalam *Pertanika* telah diwujudkan, iaitu MAHAWANGSA (Jurnal Bahasa, Budaya dan Warisan Melayu). Siri jurnal ini lebih tertumpu kepada bidang bahasa, budaya dan warisan Melayu. *Pertanika MAHAWANGSA* diterbitkan dalam *bahasa Melayu*, dua kali setahun, iaitu pada *Jun* dan *November* dan dibuka kepada pengarang dari seluruh dunia

Matlamat

Menyebarkan penyelidikan berkualiti tinggi kepada umum.

Kualiti

Pertanika menyasarkan kecemerlangan melalui profesionalisme dalam penerbitan. Keputusan penerimaan makalah dijamin dalam tempoh 14 minggu. Masa diambil daripada serahan makalah kepada penerbitan untuk artikel adalah dalam purata 5-6 bulan.

Indeks Petikan

Pengetahuan dan pengalaman penerbitan selama 33 tahun telah melayakkan siri terbitan *Pertanika* diindeks dalam *SCOPUS (Elsevier)*, *Thomson (ISI) Web of Knowledge [CAB Abstracts]*, *EBSCO*, *DOAJ*, *ISC*, *MyAIS* dan *Rubriq*.

Visi

Pertanika akan terus mempertingkatkan kandungan, khidmat penyelidikan dan capaian arkib jurnal kepada umum. *Pertanika* berusaha merealisasikan wawasan baharu yang akan memberikan manfaat kepada ahli akademik dan masyarakat umum. Kemunculan medium atas talian menjadi pemacu utama sebaran berita penyelidikan terkini untuk pembaca *Pertanika*.

Skop dan Matlamat

Matlamat *Pertanika MAHAWANGSA* adalah untuk menjadi peneraju utama dalam bidang *bahasa, budaya dan warisan Melayu* merentas disiplin. Kandungan penulisan boleh berbentuk konseptual, teoritik, empirikal, sejarah, dan sebagainya dalam kerangka *kebahasaan, kesusasteraan, pendidikan, kebudayaan dan warisan Melayu*. Ranah pengajian mestilah meliputi alam Melayu dan diaspora Melayu.

Kenyataan Redaksi

Pertanika ialah jurnal rasmi Universiti Putra Malaysia. Singkatan untuk Jurnal *Pertanika Bahasa, Budaya dan Warisan Melayu* ialah *Pertanika MAHAWANGSA*.

Sidang Editorial

2013-2015

Ketua Editor

Prof. Madya Dr. Abdul Mua'ti@ Zamri Ahmad
Pengucapan Awam, Retorik dan Komunikasi Politik
Universiti Putra Malaysia

Editor Bersekutu I

Dr. Hajah Nor Azuwan Yaakob
Penulisan Kewartawanan Melayu dan Penerbitan
Universiti Putra Malaysia

Editor Bersekutu II

Dr. Muhd Zulkifli Ismail
Bahasa dan Kesusasteraan Arab
Universiti Putra Malaysia

Anggota Sidang Editorial



- Profesor Emeritus Dr. Hashim Musa**, *Sosiolinguistik, Falsafah Bahasa, Manuskrip Melayu dan Tulisan Jawi*, Universiti Putra Malaysia.
Profesor Emeritus Dato' Dr. Osman Bakar, *Falsafah Sains, Peradaban dan Pemikiran Islam*, Universiti Brunei Darussalam.
Profesor Dr. Arndt Graf, *Linguistik dan Bahasa Melayu*, Goethe-University Frankfurt, Germany.
Profesor Dr. Barbara Watson Andaya, *Pengajian Sejarah Alam Melayu*, University of Hawai'i, USA.
Profesor Dr. Deddy Mulyana, *Komunikasi antara budaya*, Universitas Padjadjaran, Indonesia.
Profesor Dr. Ezhar Tamam, *Komunikasi antara Budaya, Pembangunan Belia dan Komunikasi*, Universiti Putra Malaysia.
Profesor Dr. Mohamad Mokhtar Abu Hassan, *Kesusasteraan Melayu Moden*, Universiti Malaya.
Profesor Dr. Noriah Mohamed, *Bahasa Melayu dan Linguistik*, Universiti Sains Malaysia.
Profesor Dr. Wu Zong Yu, *Bahasa, Sastera dan Pengajian Melayu*, Beijing Foreign Studies University, China.
Profesor Dr. Zaharani Ahmad, *Bahasa Melayu dan Linguistik*, Dewan Bahasa dan Pustaka.
Profesor Madya Dr. Che Ibrahim Salleh, *Linguistik Terapan dan Tatabahasa Melayu*, Universiti Putra Malaysia.
Profesor Madya Dr. Mohd Zariat Abdul Rani, *Teori dan Kritikan Sastera*, Universiti Putra Malaysia.
Profesor Madya Dr. Syed Farid Alatas, *Sosiologi Pengajian Masyarakat dan Budaya Melayu*, National University of Singapore.

Ketua Editor

Pertanika MAHAWANGSA (Jurnal Bahasa, Budaya dan Warisan Melayu),
Pejabat Dekan,
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi
Universiti Putra Malaysia, 43400 UPM Serdang, Selangor, Malaysia
Tel: +603-8946 8661 / 8326 / 8723 / 8753 • Faks: +603 8943 9951
E-mel: mahawangsa@upm.edu.my ; azuwan_nor@yahoo.com
Laman Sesawang: <http://www.mahawangsa.upm.edu.my>

Penerbit

Penerbit Universiti Putra Malaysia
Universiti Putra Malaysia
43400 UPM, Serdang, Selangor, Malaysia
Tel: +603 8946 8855, 8946 8854 • Faks: +603 8941 6172
E-mel: penerbit@upm.edu.my
Laman Web : <http://penerbit.upm.edu.my>



Corak dasar : PUCUK REBUNG
Variasi : PUCUK REBUNG BUAH PADI
Filosofi : *Pucuk rebung buah padi
Tanda hidup mengenang budi
Sebarang kerja akan menjadi
Ilmu banyak dada berisi*

Keterangan Warna

Emas : Mercu Kegemilangan
Ungu : Warisan Peradaban Melayu

Adaptasi daripada:

Corak dan Ragi Tenun Melayu Riau

*Penulis: Abdul Malik, Tenas Effendy, Hassan Junus
dan Auzar Thaher*

Terbitan: BKPBM dan Adicita, Yogyakarta Indonesia



MAHAWANGSA
(Jurnal Bahasa, Budaya dan Warisan Melayu)
Vol. 1 (1) Jun. 2014

Kandungan

Editorial	i
<i>Ketua Editor</i>	
Penulis Undangan	
Strategi Menjayakan Bahasa Melayu sebagai Bahasa Negara	1
<i>Awang Sariyan</i>	
Makalah	
Peranan Bahasa Melayu dan Legasi Sejarah Penubuhan Malaysia dalam Penyemaian Cinta akan Negara Bangsa Malaysia	19
<i>Hashim bin Musa dan Rozita Che Rodi</i>	
Kata Serapan Arab dalam Bahasa Melayu: Perubahan dari Segi Ejaan Jawi dan Makna	43
<i>Muhammad Bukhari Lubis</i>	
Retrospek Sumbangan Dato' Dr. Hassan Ahmad dalam Kebahasaan dan Penerbitan	61
<i>Nor Azuwan Yaakob, Syed Nurulakla Syed Abdullah dan Muhd Zulkifli Ismail</i>	
Budaya Melayu: Transformasi Gaya Komunikasi daripada Budaya Konteks Rendah kepada Budaya Konteks Tinggi	85
<i>Norliana Ali Haidzir, Jusang Bolong dan Ezhar Tamam</i>	
Lakuan Pernyataan dalam Wacana Wawancara	101
<i>Haslinda Saad dan Ahmad Mahmood Musanif</i>	
Hubungan antara Kesantunan Berbahasa dengan Perlakuan Tidak Bermoral Orang Melayu-Islam	121
<i>Abdul Rashid Daing Melebek dan Shamsul Hazliyatul Akma Mohmad</i>	
Hubungan antara Nilai Pencapaian dan Lokus Kawalan Denganatribusi Kemiskinan dalam Kalangan Remaja Orang Asli	133
<i>Azlina Mohd Khir, Ma'rof Redzuan, Hanina H. Hamsan dan Mohamad Ibrani Shahrinin</i>	



EDITORIAL

Buat julung-julung kalinya MAHAWANGSA (Jurnal Bahasa, Budaya dan Warisan Melayu) diizinkan penerbitannya secara rasmi di bawah payung Jurnal PERTANIKA Universiti Putra Malaysia. Jurnal ini dihasratkan menjadi wadah penerbitan artikel ilmiah berbentuk kupasan konsep, kritik, perbincangan hasil kajian empirikal, dan ulasan buku dalam bidang yang menyentuh kebahasaan, kesusasteraan, kebudayaan, warisan, dan pendidikan Melayu.

Demi merealisasikan hasrat ini, maka isu pertama jurnal ini memuatkan artikel tentang *Strategi Menjayakan Bahasa Melayu Sebagai Bahasa Negara* oleh Datuk Dr. Awang Sariyan; *Peranan Bahasa Melayu dan Legasi Sejarah Penubuhan Malaysia Dalam Penyemaian Cinta Akan Negara Bangsa Malaysia* oleh Hashim Musa dan Rozita Che Rodi; *Kata Serapan Arab Dalam Bahasa Melayu: Perubahan Dari Segi Ejaan Jawi Dan Makna* oleh Muhammad Bukhari Lubis; *Retrospek Sumbangan Dato' Dr. Hassan Ahmad Dalam Kebahasaan Dan Penerbitan* oleh Nor Azuwan Yaakob, Syed Nurulakla Syed Abdullah dan Zulkifli Ismail; *Keupayaan Budaya Melayu Mengubah Gaya Komunikasi Budaya Konteks Rendah Dan Budaya Konteks Tinggi* oleh Norliana Ali Haidzir, Jusang Bolong, dan Ezhar Tamam; *Lakuan Pernyataan Dalam Wacana Wawancara* oleh Haslinda Saad dan Ahmad Mahmood Musanif; *Hubungan Antara Kesantunan Berbahasa Dengan Perlakuan Tidak Bermoral dalam Kalangan Orang Melayu-Islam: Analisis Pandangan Sebilangan Anggota Masyarakat Melayu* oleh Rashid Daing Melebek; dan *Hubungan Antara Nilai Pencapaian Dan Lokus Kawalan Dengan Atribusi Kemiskinan Dalam Kalangan Remaja Orang Asli* oleh Azlina Mohd Khir, Ma'rof Redzuan, Hanina H. Hamsan, dan Mohamad Ibrani Shahrinin.

Hakikatnya tidak begitu banyak jurnal khusus mengenai Melayu yang diterbitkan. Jurnal ini cuba untuk mengisi ruang dan keperluan yang wujud, untuk menjadi wadah bagi pengkaji dan para ilmuan berkongsi idea dan pandangan mereka mengenai Melayu dan menyajikannya kepada dunia. Hasrat saya untuk melihat lebih banyak artikel ilmiah hasil daripada penyelidikan empirikal sama ada dalam bentuk makalah, kupasan konseptual, mahu pun kritikan dihasilkan oleh penulis dari segenap rantau diterbitkan dalam jurnal ini.

Akhirnya, saya ingin mengambil kesempatan untuk merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada sidang editorial, para pewartu, dan penyumbang artikel yang telah menyumbang kepada usaha penerbitan jurnal ini. Mudah-mudahan kerjasama kita diberkati Allah SWT dan jurnal ini dapat dilestarikan penerbitannya.

Ketua Editor

Prof. Madya Dr Abdul Mua'ti@ Zamri Ahmad,



Penulis Undangan

Strategi Menjayakan Bahasa Melayu sebagai Bahasa Negara

Awang Sariyan

Dewan Bahasa dan Pustaka, Jalan Dewan Bahasa, 50460 Kuala Lumpur, Malaysia, Malaysia

ABSTRAK

Bagi negara Malaysia kontrak sosial yang terdiri daripada empat perkara pokok, iaitu kedudukan Raja-raja Melayu, Islam sebagai agama Persekutuan, kedudukan istimewa orang Melayu dan kaum bumiputera, merujuk kepada persetujuan warganegara tentang asas-asas tertentu yang diputuskan dalam proses “pembinaan negara” sesudah mencapai kemerdekaan. Pada zahirnya asas kontrak sosial itu tertumpu pada hal-hal yang berkaitan dengan bangsa Melayu, namun kesemunya itu dirancang untuk manfaat kepada semua rakyat, tanpa mengira asal keturunannya. Prinsip *jus soli* yang memungkinkan golongan pendatang bukan Melayu diterima sebagai rakyat negara ini, diterima dengan penuh redha oleh orang Melayu atas kepentingan untuk mencapai kemerdekaan dan beberapa asas kenegaraan yang berteraskan kemelayuan dan keperibumian diterima pula oleh orang bukan Melayu sejak pada zaman menjelang kemerdekaan lagi. Proses pembinaan negara dalam zaman pascakemerdekaan memerlukan perancangan yang holistik yang mengandungi bidang ekonomi, pendidikan, kebudayaan, pembangunan nasional, dan bahasa kebangsaan. Peranan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan telah menjadi lambang kewujudan entiti politik negara, menjadi asas jati diri dan wahana perpaduan warga negara bangsa Malaysia yang terdiri daripada pelbagai keturunan. Bahasa Melayu sebagai bahasa penghantar utama sistem pendidikan negara telah mengisi erti pendemokrasian pendidikan, iaitu ilmu dapat disampaikan kepada sebahagian besar rakyat melalui bahasa yang satu. Sistem pendidikan negara yang berbahasa penghantar bahasa Melayu telah membentuk kesatuan sikap, pemikiran, sistem nilai dan pandangan sarwa dalam kalangan generasi muda di Malaysia, selain terbentuknya budaya berbahasa yang relatif seragam. Namun bahasa Melayu tinggi belum membudaya dengan mantap dalam kalangan yang seharusnya menguasainya. Oleh itu usaha merancang bahasa Melayu sebagai bahasa tamadun bangsa dan negara untuk waktu mendatang memerlukan waktu dan kaedah yang serapi-rapinya, antaranya perancangan yang berkaitan dengan taraf dan peranan bahasa Melayu, perancangan yang berkaitan dengan pemupukan bahasa Melayu tinggi, langkah menjadikan bahasa Melayu sebagai bahasa supranasional, dan paling utama ialah ketekalan sikap dan pendirian para pemimpin negara agar peranan bahasa Melayu sebagai salah satu pancang pembinaan negara bangsa terus ditingkatkan dan diperkukuh.

INFO MAKALAH

Pewasitan Makalah:

Dihantar: 2 November 2013

Diterima: 5 Disember 2013

E-mail:

awang@dbp.gov.my (Awang Sariyan)

Kata kunci: Kontrak sosial, *Jus soli*, perancangan holistik, pendemokrasian pendidikan, pandangan sarwa, bahasa supranasional

ABSTRACT

As a prerequisite for the Malaysian nation, “the social contract” comprising the four fundamental elements of upholding the Malay kingship, accepting Islam as the religion of the Federation and Malay as the national language, and acknowledging the special position accorded to the Malays and the Bumiputeras, refers to the mutual agreement achieved among all citizens in their efforts to develop the post-independent nation of Malaysia. Although in its surface value, the social contract was seemingly biased towards the Malays, in reality it was meant to benefit all citizens irrespective of their racial identities. The legal provision of jus soli in granting citizenship to the non-Malays was fully accepted by the Malays for the sake of securing independence. Likewise the important principles in nation building, being based on the fundamental features of the Malays and the Bumiputeras or the original people of the land, were also fully embraced by the non-Malays during the struggle for independence. Hence, during the subsequent process of nation building in the post-independence period, a holistic plan was drawn up and implemented that covered the domains of economy, education, culture, national development, and national language. The function of Malay as the national language, which symbolised the political unity of the nation, also became the basis of national identity and the vehicle of integration among the multi-racial citizenry. The implementation of a national educational system with the Malay language as the medium of instruction was able to forge some form of unity in attitude, thought, value system, and worldview among the younger generations of Malaysians, apart from establishing a language/cultural practice which was relatively uniform. However, the higher form of Malay language usage has not been successfully enculturated into society, particularly among those who should have acquired it to fulfil their duties in the official register. Hence, the effort to establish the Malay language as the language of higher civilisation of the nation in the future requires time, proper

planning, and implementation in many aspects such the status and function of the language, the fostering of a higher form of language usage, the elevating of the Malay language into a supra-national language, and above all, the consistency and strength of the national leaders’ attitude and resolve in upholding the Malay language as one of the pillars of nation building in Malaysia.

Keywords: Social contract, Jus soli, holistic planning, democratisation of education, worldview, supra-national language

PENDAHULUAN

Istilah *kontrak sosial* yang digunakan dalam hubungannya dengan proses pembinaan negara Malaysia tidak ada kaitannya secara langsung dengan istilah *social contract* yang diperkenalkan oleh ahli falsafah Perancis Jean-Jacques Rousseau (1712-1778). Gagasan yang dikemukakan oleh Rousseau timbul dalam konteks perubahan sistem pemerintahan daripada golongan bangsawan kepada golongan *borjuis* atau kelas menengah dan gagasan itu rapat kaitannya dengan kebersamaan nilai serta kehendak individu-individu dalam masyarakat atau negara secara sedar dan sengaja. Kebersamaan nilai dan kehendak itulah yang menjadi asas kontrak sosial menurut gagasan Rousseau.

Dalam konteks pembinaan negara Malaysia sesudah mencapai kemerdekaan, kontrak sosial merujuk kepada persetujuan anggota-anggota masyarakat atau warganegara tentang asas-asas tertentu yang diputuskan dalam proses membina negara. Gagasan “pembinaan negara” (*nation building*) merupakan gagasan yang timbul

di negara-negara dunia ketiga yang baru lepas daripada belunggu penjajahan. Negara kita yang dijajah oleh Inggeris memerlukan orientasi dan perancangan untuk muncul dan wujud secara mandiri dalam segenap bidang, termasuklah pemerintahan, undang-undang, ekonomi, pendidikan, kebudayaan dan pertahanan.

Kemerdekaan yang dicapai oleh Malaysia menuntut perancangan yang selaras dengan keadaan dan realiti pada waktu itu, khususnya yang diakibatkan oleh kesan-kesan penjajahan Inggeris. Antara keadaan dan realiti itu, yang utama ialah perubahan demografi dan kerakyatan negara sebagai kesan pembawaan masuk jumlah yang signifikan daripada kalangan orang Cina dan orang India oleh Inggeris untuk keperluan manipulasi ekonomi penjajah itu di Tanah Melayu, seperti estet getah dan lombong bijih timah. Dengan penerimaan syarat Inggeris bahawa kemerdekaan hanya diberikan jika prinsip *jus soli* diterima dan dilaksanakan (semua penduduk yang bermastautin di Tanah Melayu pada waktu kemerdekaan diterima sebagai warganegara), maka timbul keperluan untuk merancang pembentukan (pembinaan) negara yang menitikberatkan perpaduan kebangsaan. Hal ini demikian, kerana polarisasi rakyat yang berasaskan kelainan etnik, bahasa, budaya, sistem nilai, tradisi dan amalan kehidupan sehari-hari dengan sendirinya menjadi masalah pokok yang perlu diselesaikan untuk memungkinkan negara membangun dengan lancar.

Untuk tujuan itulah maka dipersetujui oleh pemimpin-pemimpin bangsa

utama yang mewakili rakyat negara ini beberapa asas kenegaraan yang kemudian dimaktubkan dalam Perlembagaan Persekutuan. Sebagai imbalan pelaksanaan *jus soli*, iaitu pemberian taraf kerakyatan secara automatik kepada semua orang Cina dan orang India yang bermastautin di Persekutuan Tanah Melayu pada waktu kemerdekaan diisytiharkan, pemimpin tiga bangsa utama itu bersetuju menjadikan empat perkara pokok sebagai kontrak sosial rakyat negara ini.

Empat perkara pokok itu ialah kedudukan Raja-raja Melayu (Perkara 32(1) Perlembagaan), agama Islam sebagai agama Persekutuan (Perkara 3(10) Perlembagaan, kedudukan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan dan bahasa rasmi (Perkara 152 (1) Perlembagaan dan hak istimewa orang Melayu (kemudian meliputi hak istimewa kaum-kaum Bumiputera yang lain, terutama di Sabah di Sarawak, apabila terbentuk Persekutuan Malaysia pada tahun 1963) (Perkara 153 Perlembagaan).

Walaupun tampak zahirnya penekanan empat perkara pokok yang menjadi asas kontrak sosial itu tertumpu pada hal-hal yang berkaitan dengan bangsa Melayu, namun kesemunya itu dirancang untuk manfaat kepada semua rakyat, tanpa mengira asal keturunannya. Sebagai contoh, kedudukan Raja-raja Melayu sebagai ketua negara dan ketua negeri (bagi negeri yang beraja) tidak mengurangkan apa-apa hak pun dalam kalangan rakyat bukan Melayu kerana Raja-raja Melayu menjadi ketua kepada semua rakyat. Penetapan agama Islam sebagai agama Persekutuan tidak

menyekat rakyat untuk mempercayai dan mengamalkan agama lain. Penetapan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan dan bahasa rasmi tidak menutup ruang penggunaan dan pembelajaran bahasa-bahasa lain. Yang dikatakan hak istimewa orang Melayu dan Bumiputera pula tidak mengurangkan hak rakyat daripada bangsa lain menikmati kekayaan dan kemakmuran negara. Keempat-empat perkara pokok kontrak sosial itu senantiasa disertai jaminan tiadanya penghapusan dan pengurangan hak orang bukan Melayu dan Bumiputera, dalam Perlembagaan Persekutuan itu juga.

Maka itu, proses pembinaan negara dalam zaman kemerdekaan memerlukan perancangan yang holistik atau menyeluruh untuk menerjemahkan dasar-dasar negara yang sebahagian besarnya berasaskan kontrak sosial itu tadi. Gambaran perancangan pembinaan negara yang menyeluruh itu dapat digambarkan dengan Rajah 1.

Bagi hampir setiap bidang utama kenegaraan, digubal dasar yang serasi dengan asas dan orientasi pembinaan negara baharu. Sebagai contoh, bagi bidang ekonomi, digubal Dasar Ekonomi Baharu pada tahun 1970 (khususnya sesudah berlaku sejarah hitam 13 Mei 1969) sebagai pembaikan rancangan lima tahun ekonomi negara sejak kemerdekaan. Bagi bidang pendidikan, digubal Dasar Pendidikan Negara yang secara rasmi bermula pada tahun 1961 apabila diperundang-undangkan di Parlimen Akta Pendidikan 1961 (namun sebelum kemerdekaan lagi dasar pendidikan negara telah dirangka

dengan jelas oleh Jawatankuasa Razak 1956 dan Jawatankuasa Rahman Talib 1960). Bagi bidang kebudayaan, digubal Dasar Kebudayaan Kebangsaan, sebagai susulan Kongres Kebudayaan Kebangsaan pada tahun 1971 yang menetapkan tiga asas penting, iaitu kebudayaan asal rantau ini, unsur-unsur kebudayaan lain yang wajar dan sesuai, dan Islam sebagai unsur teras.

Bidang bahasa tidak ketinggalan dalam skema perancangan pembinaan negara Malaysia, selaras dengan teori perancangan bahasa yang meletakkan bahasa sebagai salah satu unsur pembinaan negara. Sebagaimana yang pernah diungkapkan oleh Perdana Menteri Malaysia yang pertama, Tunku Abdul Rahman Putera, bahasa kebangsaan umpama roh atau jiwa negara. Negara tanpa bahasa kebangsaan ialah negara tanpa roh atau jiwa. Maka itu, digubal Dasar Bahasa Kebangsaan sebagai salah satu dasar negara. Bersama-sama dengan “dasar-dasar kenegaraan” yang lain, Dasar Bahasa Kebangsaan memainkan peranan penting dalam proses pembinaan negara.

PERANAN BAHASA MELAYU DALAM PEMBINAAN NEGARA

Peranan bahasa Melayu dalam pembinaan negara pascamerdeka sebenarnya merupakan kesinambungan peranan yang telah berlangsung dalam tempoh lebih daripada dua alaf sebelum itu. Hakikat ini dapat difahami dengan menyedari bahawa bahasa Melayu telah menjadi salah satu asas penting dalam pembentukan konsep negara, paling lewat sejak abad ke-7 Masihi.


Pada abad itu, muncul kerajaan Sriwijaya yang menggunakan bahasa Melayu sebagai bahasa pentadbiran, bahasa perdagangan dan bahasa pengajian agama (Buddha).

Apabila kemudian muncul kesultanan-kesultanan Melayu di pelbagai tempat di Kepulauan Melayu, seperti kerajaan Pasai, kerajaan Melaka, kerajaan Aceh, kerajaan Kutai, kerajaan Patani dan kerajaan Brunei, bahasa Melayu kian jelas dan meluas peranannya dalam pembinaan negara. Paling lewat, kesultanan Melayu telah mula muncul dalam abad ke-13 dengan memperhitungkan kewujudan kerajaan Pasai, sebagaimana yang dilaporkan oleh Marco Polo apabila tiba di Perlak di utara Sumatera pada tahun 1292. Kesultanan Melaka yang diasaskan pada awal abad ke-15 merupakan kerajaan Melayu yang paling berpengaruh dan luas jajahan takluknya serta luas pula hubungannya dengan kuasa-kuasa dan bangsa asing.

Jika dalam zaman Sriwijaya bahasa Melayu memainkan peranan dalam tiga ranah, iaitu pentadbiran, perdagangan

dan pengajian agama, maka dalam dalam zaman kesultanan Melayu bahasa Melayu memainkan peranan yang amat luas, meliputi seluruh aspek tamadun. Peranannya dalam bidang pentadbiran kian meluas, terutama dengan sistem pemerintahan yang jauh lebih canggih dan maju daripada sistem pemerintahan dalam zaman Sriwijaya. Wujudnya sistem pembesar yang menyokong institusi raja, seperti bendahara, temenggung, laksamana, syahbandar dan penghulu bendahari dengan sendirinya memperluas konsep-konsep baharu dan peranan bahasa Melayu dalam konteks yang lebih luas. Demikian juga, sistem perdagangan yang jauh lebih canggih dan lebih luas interaksinya dengan pelbagai bangsa asing menjadikan bahasa Melayu bahasa yang dihormati dan dipelajari oleh pelbagai bangsa.

Sebagai bahasa ilmu pula, bahasa Melayu menjadi wasilah pengungkapan dan pengembangan ilmu yang cukup luas cakupannya, khususnya ilmu yang berkaitan dengan agama Islam, seperti akidah,



Rajah 1: Skema Perancangan Pembinaan Negara

fiqah dan tasawuf, selaras dengan proses pengislaman yang sedang pesat berlangsung pada waktu itu. Dalam bidang sastera, pada zaman kesultanan Melayulah bahasa Melayu benar-benar menjadi bahasa sastera yang mekar, meliputi pelbagai bentuk prosa dan puisi. Di samping itu, bahasa Melayu telah menjadi bahasa undang-undang bagi hampir setiap kesultanan Melayu; antaranya yang amat masyhur ialah *Hukum Kanun Melaka*. Di peringkat antarabangsa pula, bahasa Melayu telah menjadi bahasa perhubungan diplomatik apabila digunakan dalam warkah dan perutusan serta perjanjian dengan kuasa-kuasa dan pihak-pihak asing.

Selain berperanan dalam pelbagai ranah itu, hakikat asas yang membuktikan bahawa bahasa Melayu telah menjadi asas pembinaan negara pada zaman kesultanan-kesultanan Melayu dahulu ialah bahawa bahasa Melayu menjadi tali pengikat perpaduan dan persefahaman, terutama dalam kalangan pelbagai kumpulan etnik yang ada di Kepulauan Melayu yang ratusan jumlahnya. Istilah *bangsa Jawi* yang bersinonim dengan bangsa Melayu itu merupakan istilah yang merujuk kepada semua bangsa yang ada di Kepulauan Melayu.

Lebih daripada tahap itu, bahasa Melayu malahan telah menjadi bahasa yang diterima oleh bangsa-bangsa lain yang datang bermastautin di rantau ini. Kewujudan kaum Baba Cina di negeri-negeri yang dahulu di kenal sebagai Negeri-negeri Selat (Melaka, Pulau Pinang dan Singapura), dengan ciri jati dirinya yang amat rapat dengan kebudayaan Melayu,

termasuk penggunaan bahasa Melayu kreol Baba Cina, membuktikan bahawa bahasa Melayu secara alamiah dapat menjadi wasilah perpaduan dan persefahaman antara bangsa yang berlainan. Selain kaum Baba Cina, di Melaka terdapat kaum Ceti India yang juga mengasimilasikan jati dirinya dengan budaya Melayu, termasuk dalam hal penggunaan bahasa Melayu kreol Ceti. Dengan peranannya yang merentas etnik atau supraetnik dan juga merentas bangsa itu, bahasa Melayu memang telah benar-benar menjadi asas pembinaan negara.

BAHASA MELAYU ASAS PEMBINAAN NEGARA BANGSA

Dalam zaman pascamerdeka, bahasa Melayu mengalami peluasan peranan, bukan sahaja sebagai asas pembinaan tamadun bangsa Melayu, sebagaimana yang berlangsung dalam zaman kesultanan Melayu, tetapi juga sebagai asas pembinaan tamadun bangsa Malaysia. Peranannya telah merentas etnik yang berbagai-bagai, selaras dengan kedudukannya sebagai bahasa kebangsaan dan bahasa rasmi.

Konsep yang menjadi salah satu ideologi negara ialah “negara bangsa”. Istilah “bangsa” (*nation*) dalam konteks ini merujuk kepada makna yang lebih luas daripada istilah “ras” (*race*), walaupun memang ada pertindanan makna antara bangsa dan ras. Dengan mengambil inti pati takrif “bangsa” dalam *Webster’s New Twentieth Century Dictionary Unabridged* (1983), bangsa berkaitan dengan wilayah tertentu, khususnya negara yang ditadbirkan oleh sebuah kerajaan, sementara ras

lebih berkaitan dengan kelompok yang ditandai oleh hubungan biologi dan ciri-ciri persamaan yang berkaitan dengan hubungan keturunan.

Maka itu, “negara bangsa” dalam konteks Malaysia merujuk kepada bangsa Malaysia yang terdiri daripada pelbagai ras (dengan ras yang utamanya ialah Melayu - sekitar 65%, Cina - sekitar 25%, India - sekitar 8%, kumpulan etnik seperti Orang Asli, lebih 50 kumpulan etnik peribumi di Sabah dan lebih 30 kumpulan etnik peribumi di Sarawak). Konsep “bangsa” yang dikaitkan dengan “negara bangsa” lebih tinggi tahapnya daripada konsep “bangsa” yang merujuk kepada sesuatu kumpulan manusia yang mempunyai beberapa ciri persamaan.

Konsep “pembinaan negara bangsa” yang menjadi cita-cita utama negara bererti pembinaan negara yang berasaskan semua ras yang ada, dengan bertunjangkan beberapa dasar, antaranya termasuklah Dasar Bahasa Kebangsaan. Dalam kaitannya dengan Dasar Bahasa Kebangsaan itulah relevannya usaha “memperkasakan bahasa” untuk membina negara bangsa, dan bahasa yang perlu diperkasakan itu ialah bahasa yang menjadi asas pembinaan negara yang terdiri daripada pelbagai ras itu, iaitu bahasa Melayu, sebagaimana yang dimaktubkan dalam Perlembagaan Persekutuan.

Upaya meneliti jejak pemeraksanaan bahasa Melayu setengah abad yang silam, iaitu dengan bertitik tolak dari tahun kemerdekaan Malaysia (yang sebelum 1963 dikenal sebagai Persekutuan Tanah Melayu) dan rencana membaharui babak

untuk tempoh yang mendatang berhubungan secara langsung dengan ehwal pembinaan negara Malaysia sebagai negara bangsa. Hal ini demikian kerana bahasa Melayu memang cukup erat hubungannya dengan pembinaan konsep kebangsaan dan kenegaraan entiti politik yang dikenal sebagai Malaysia. Kedudukan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan dan bahasa rasmi menjadi salah asas kontrak sosial rakyat Malaysia, di sisi kedudukan raja-raja Melayu, agama Islam sebagai agama Persekutuan dan hak-hak istimewa bangsa Melayu dan Bumiputera (Awang Sariyan, 2006 dan 2007). Perlembagaan Persekutuan, Perkara 152 menetapkan bahawa bahasa Melayu ialah bahasa kebangsaan dan bahasa rasmi negara.

Dengan perkataan lain, pembicaraan tentang perkembangan bahasa Melayu selama setengah abad silam dan perancangannya untuk setengah abad mendatang tidak akan bererti apa-apa dengan hanya membicarakan perkembangan bahasa tersebut sebagai wasilah mekanis yang alamiah bagi keperluan komunikasi sekelompok umat. Maksudnya, perkembangan bahasa Melayu, dalam hubungannya dengan pembinaan bangsa dan negara, tidak cukup sekadar dihuraikan daripada sudut perkembangan sistem bahasanya (tatabahasa, sistem ejaan, sebutan, kosa kata dan laras bahasa), meskipun aspek itu memang penting dalam hal penentuan sosok bahasa yang menjadi sendi tamadun. Perkembangan korpus bahasa Melayu itu baru menggambarkan sebahagian hakikat, sedang perkembangan yang lebih mendasar ialah yang berkaitan

dengan pemenuhan dan pengisian dasar bahasa negara. Sesungguhnya perkembangan bahasa Melayu mempunyai kaitan yang langsung dengan roh bangsa, dengan asas jati diri dan citra bangsa serta dengan cita-cita luhur bangsa dan negara. Sia-sialah pembicaraan yang tidak mengaitkan bahasa Melayu dengan cita-cita besar membina tamadun bangsa dan negara, kerana dari tahap awal pertumbuhan dan perkembangannya, bahasa Melayu senantiasa menjadi petunjuk dan kayu ukur kemajuan bangsa.

Kebangkitan semangat kebangsaan yang berlangsung di Malaysia merupakan kebangkitan semangat yang holistik sifatnya. Cita-cita membebaskan tanah air tidak terhad pada pembebasan daripada sudut politik dan ekonomi semata-mata, bahkan turut merangkum aspek bahasa, pemikiran, pendidikan dan kebudayaan juga. Maka itu, masuklah dalam kosa kata bahasa Melayu frasa *nasionalisme bahasa* atau *nasionalisme linguistik*, dengan pengertian nasionalisme atau semangat kebangsaan yang berteraskan perjuangan memartabatkan bahasa Melayu sebagai salah satu asas kebangsaan dan kenegaraan. Gerakan nasionalisme sebagaimana yang berlangsung dalam kalangan nasionalis di Maktab Sultan Idris Tanjung Malim (yang ditubuhkan pada tahun 1922), wartawan, sasterawan, bahasawan dan bahkan agamawan yang tampak nyata berkobar dalam Kongres Bahasa dan Persuratan Melayu Pertama (1952), Kongres Bahasa dan Persuratan Melayu Kedua (1954) dan Kongres Bahasa dan Persuratan Melayu

Ketiga (1956) membuktikan penghayatan yang bersepadu tentang erti kemerdekaan tanah air. Penubuhan Dewan Bahasa dan Pustaka pada tahun 1956 sebagai badan perancangan bahasa Melayu itu pun merupakan hasil perjuangan rakyat, khususnya melalui Kongres Bahasa dan Persuratan Melayu Ketiga.

Pada pihak Kerajaan pada waktu itu, pembentukan Jawatankuasa Razak pada tahun 1956 turut memperlihatkan kejelasan tentang wawasan pembentukan negara yang turut memperhitungkan peranan bahasa, apabila Laporan Razak menegaskan peranan bahasa Melayu sebagai bahasa penghantar utama dalam sistem pendidikan negara ini. Pancang yang diasaskan oleh Jawatankuasa Razak dan kemudian diperkukuh oleh Jawatankuasa Rahman Talib (1960) itulah yang kemudian menjadi asas Akta Pendidikan 1961 dan diperteguh pernyataannya dalam Akta Pendidikan 1996, yang malangnya tidak dihormati apabila asas itu diketepikan dengan keputusan pengajaran sains dan matematik serta subjek-subjek teknikal dalam bahasa Inggeris, bermula pada tahun 2003. Syukurlah sesudah enam tahun berlangsung, dasar yang bertentangan dengan Dasar Bahasa Kebangsaan dan Dasar Pendidikan Kebangsaan serta mendatangkan musibah kepada majoriti generasi muda negara ini telah diputuskan untuk dimansuhkan sepenuhnya pada tahun 2012 dan digantikan dengan MBMMBI (Memartabatkan Bahasa Melayu, Memperkukuh Bahasa Inggeris) dan dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025, peranan bahasa

kebangsaan dalam bidang pendidikan diberi penegasan.

Tempoh sebahagian setengah abad silam sebenarnya dapat dikatakan diwarnai oleh kejayaan tertentu dasar negara dalam hampir semua ranah. Meskipun masih jauh perjalanan untuk mencapai cita-cita luhur sebagai negara yang benar-benar bersatu padu rakyatnya, tercapainya keadilan ekonomi yang sesungguhnya dan jelas sendi kebudayaan kebangsaannya, namun kita telah bermula dengan perancangan yang bersepadu antara pembangunan fizikal dengan pembangunan dalaman. Kisah kejayaan negara kita dalam tempoh setengah abad sebenarnya berkaitan rapat dengan adanya dasar-dasar kenegaraan yang jelas dan terarah, termasuk dalam soal bahasa, pendidikan dan kebudayaan. Negara kita terbentuk atas landasan kontrak sosial yang jelas.

Prinsip *jus soli* yang memungkinkan golongan pendatang bukan Melayu diterima sebagai rakyat negara ini diterima dengan penuh redha oleh orang Melayu atas kepentingan untuk mencapai kemerdekaan dan beberapa asas kenegaraan yang berteraskan kemelayuan dan keperibumian diterima pula oleh orang bukan Melayu sejak pada zaman menjelang kemerdekaan lagi (misalnya dalam manifesto pilihan raya 1955) sewaktu negara dalam tahap pemerintahan sendiri sebelum kemerdekaan diberikan. Kedudukan agama Islam sebagai agama Persekutuan, bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan, kedudukan Raja-raja Melayu dan hak istimewa orang Melayu serta Bumiputera merupakan asas

kontrak sosial yang tidak harus dilupakan. Sebagaimana kata Khoo Kay Kim (2005), hingga tahun 2020 sekalipun kontrak sosial tidak mungkin dapat diabaikan begitu sahaja.

Dalam soal bahasa, jelas bahawa penobatan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan dan bahasa rasmi sebagaimana yang dimaktubkan dalam Perkara 152 Perlembagaan Persekutuan telah menjadi asas kenegaraan dan kebangsaan yang penting. Sebagai bahasa kebangsaan, bahasa Melayu menjadi lambang yang signifikan bagi kewujudan entiti politik yang dikenal sebagai negara Malaysia, menjadi asas jati diri bangsa Malaysia yang terdiri daripada pelbagai keturunan dan menjadi wahana perpaduan bangsa melalui komunikasi dalam pelbagai ranah. Sebagai bahasa rasmi, bahasa Melayu menjadi salah satu unsur penggerak jentera pentadbiran negara, dengan peranannya sebagai wahana komunikasi rasmi dalam pelbagai urusan pentadbiran sehingga kecekapan pentadbiran sebahagiannya bergantung pada kecekapan bahasa yang ada pada penjawat awam pada pelbagai peringkat.

Sebagai bahasa ilmu pula, khususnya melalui peranannya sebagai bahasa penghantar utama sistem pendidikan negara, bahasa Melayu mengisi erti pendemokrasian pendidikan, dengan pengertian bahawa pelbagai ilmu dapat disampaikan kepada sebahagian besar rakyat melalui bahasa yang satu, sehingga kemungkinan wujudnya kesenjangan atau jurang ilmu dan kemahiran, sebagaimana yang berlaku dalam zaman

penjajahan dapat dielakkan kerana kita mempunyai sistem pendidikan kebangsaan, bukan sistem yang memisah-misahkan empat aliran (aliran bahasa Inggeris dan tiga aliran vernakular – Melayu, Cina dan India). Penggunaan bahasa kebangsaan sebagai bahasa pengembangan ilmu (yang memenuhi fitrah dan disokong oleh sekian banyak kajian, termasuk diungkapkan dalam piagam UNESCO) memungkinkan proses pengilmuan masyarakat menjadi lebih berkesan. Dalam tempoh kira-kira tiga dekad pelaksanaan bahasa Melayu sebagai bahasa penghantar utama (dengan mengambil tahun 1970 sebagai titik tolaknya), telah terhasil ratusan ribu ahli ilmu, birokrat, teknokrat, profesional dan tenaga pembangunan negara dalam pelbagai bidang, dengan sebahagian besar mereka terdidik dalam sistem kebangsaan yang bahasa penghantar utamanya bahasa Melayu, sekurang-kurangnya sehingga peringkat menengah atas (Tingkatan Lima).

Aspek yang kurang diperhatikan dan kurang disedari kebanyakan orang tentang kejayaan sistem pendidikan negara yang berbahasa penghantar bahasa Melayu ialah terbentuknya kesatuan sikap, pemikiran, sistem nilai dan pandangan sarwa dalam kalangan generasi muda di Malaysia, selain terbentuknya budaya berbahasa yang relatif seragam. Orang yang bergerak dalam bidang pendidikan dan memperhatikan kehidupan di alam persekolahan pasti dapat menyaksikan bagaimana bahasa Melayu berhasil menjadi wahana yang membentuk sikap, pemikiran, sistem nilai dan pandangan sarwa anak didik di institusi

pendidikan. Ternyata bahawa prasangka perkauman dapat diatasi sebahagiannya oleh faktor bahasa. Pasti menarik hasilnya jika kajian empiris tentang aspek itu dapat dilakukan.

Ibu segala masalah dalam pelaksanaan dasar bahasa yang berkaitan erat dengan proses pembinaan negara itu ialah ketidaktekalan sikap, pendirian dan pelaksanaan, yang sebahagiannya disebabkan oleh faktor tidak atau kurang memahami peranan bahasa sebagai salah satu asas pembangunan. Pasti pula ketidakfahaman itu disebabkan oleh pemahaman yang silap tentang konsep dan falsafah pembangunan, yang umumnya lebih dipertalikan kebanyakan orang dengan pembangunan fizikal, sehingga faktor bahasa dan budaya dianggap tidak penting dalam usaha mengejar kemajuan. Dalam pada itu, kalangan bukan Melayu, meskipun ribuan langkah di hadapan dalam bidang ekonomi, ternyata begitu perihatin terhadap bahasa dan budayanya dan sanggup mati bergalang tanah untuk mempertahankannya. Sebilangan orang Melayu yang baru agak celik dalam bidang ekonomi tiba-tiba menjadi orang yang angkuh dan memandang hina pula akan bahasa dan budayanya.

Andai kata dasar-dasar kenegaraan yang telah diletakkan oleh kepimpinan terdahulu, khususnya pada zaman Perdana Menteri kedua, Allahyarham Tun Abdul Razak, dihayati dan diperkukuh pelaksanaannya, nescaya tidak bangkit masalah ketidaktentuan dalam pelaksanaan dasar negara sehingga seringkali terjadi keadaan tikus membaiki labu. Tidak jarang bahawa diagnosis yang silap dilakukan

dalam usaha menyelesaikan sesuatu masalah. Dalam soal yang dikatakan kelemahan penguasaan bahasa Inggeris dalam kalangan pelajar dan lepasan sekolah serta universiti, misalnya, diagnosis yang dilakukan ternyata silap sehingga penyelesaian terhadap masalah itu menjadi silap juga. Kiasan yang dinyatakan oleh Tan Sri Ainuddin Wahid, bekas Naib Canselor pertama Universiti Teknologi Malaysia amat tepat menggambarkan diagnosis yang silap itu, iaitu “Lain yang luka lain yang dibebat”.

Penyakit yang dikatakan kelemahan penguasaan bahasa Inggeris dalam kalangan lepasan sekolah dan universiti tidak diatasi dengan pembaikan dalam pengajaran bahasa itu tetapi dengan menjadikan bahasa Inggeris bahasa penghantar subjek-subjek teknikal. Kajian yang telah dilakukan (misalnya Juriah Long et al., 2004 dan Norhashimah, 2004) menunjukkan bahawa bukan sahaja pencapaian pelajar dalam subjek bahasa Inggeris tidak meningkat, bahkan subjek matematik dan sains merudum dengan nyatanya. Lebih malang lagi, pencapaian dalam subjek bahasa Melayu pun terkena tempiasnya. Menteri Pelajaran, Tan Sri Muhyiddin Yassin dalam pengumuman pemansuhan PPSMI (pengajaran sains dan matematik dalam bahasa Inggeris), antara lain menekankan bahawa salah satu asas pemansuhan PPSMI ialah disebabkan pencapaian dasar tersebut hanya sekitar 3%, berbanding dengan beberapa bilion wang yang dibelanjakan

PEMANTAPAN DAN KEMANTAPAN KORPUS BAHASA MELAYU SEBAGAI PRASYARAT

Tempoh setengah abad yang lalu sesudah kemerdekaan turut memperlihatkan kepesatan usaha memantapkan korpus bahasa Melayu daripada sudut sistem ejaan, peristilahan, kosa kata umum, sebutan, tatabahasa dan laras bahasa. Kisah kejayaan perancangan bahasa dalam bidang korpus itu telah saya rumuskan dalam beberapa tulisan sebelum ini (lihat, misalnya, makalah saya dalam A. Rahim Bakar dan Awang Sariyan, 2005). Terlepas daripada polemik linguistik dan sociolinguistik tentang sistem bahasa yang dimantapkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka dengan dukungan sekian banyak ahli bahasa dan ahli ilmu dalam pelbagai bidang, dapat dikatakan bahawa bahasa Melayu telah mencapai kemantapan korpusnya dan kemantapan korpus atau sistem bahasa menjadi prasyarat kekuatan bahasa Melayu dalam pembinaan negara bangsa. Kemantapan korpus bahasa Melayu itu telah dimanfaatkan dengan agak meluas dalam pelbagai ranah.

Pemantapan korpus bahasa Melayu, biarpun dengan pelbagai istilah dan tafsiran, seperti adanya istilah *pembakuan*, *penstandardan*, *penyelarasan* atau yang lain, mempunyai erti yang penting dalam rangka pembinaan tamadun bangsa dan negara. Perancangan korpus bahasa berperanan mengisi erti taraf atau kedudukan bahasa Melayu yang dinobatkan sebagai bahasa kebangsaan, bahasa rasmi, bahasa ilmu dan bahasa komunikasi umum. Apatah ertinya taraf bahasa Melayu sebagai bahasa

kebangsaan (yang bermakna bahasa negara) jika sistemnya tidak keruan sehingga tidak dapat dikenal sosok bahasa Melayu yang menjadi bahasa negara itu? Apatah ertinya taraf bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi jika untuk menjadi wahana pelaksanaan pentadbiran negara bahasa itu tidak mempunyai sistem yang kemas dan relatif seragam dalam hal ejaan, sebutan, istilah, kosa kata umum, tatabahasa dan laras bahasanya sehingga tidak dapat menjadi wahana komunikasi pentadbiran yang cekap dan berkesan? Demikian pula, apatah eritnya taraf bahasa Melayu sebagai bahasa ilmu jika sistem bahasanya tidak mencapai tahap teratur, baku atau standard dan berdaya mengungkapkan hal-hal ilmu?

Dalam kaitannya dengan semua keperluan itulah maka usaha pemasyarakatan bahasa yang baik, teratur dan santun perlu terus-menerus dilaksanakan. Mana-mana bangsa yang bertamadun memiliki ragam bahasa yang baku atau standard, di sisi ragam bahasa basahan atau bahasa sehari-hari, untuk menjadi wahana penzahiran idea, ilmu konsep dan budaya tinggi. Sehubungan dengan itu, pembudayaan berbahasa dengan santun (dengan pengertian berbahasa menurut peraturan linguistik, peraturan sociolinguistik dan peraturan pragmatik) memerlukan perancangan dan pelaksanaan strategi yang lebih berkesan, khususnya melalui institusi pendidikan, pentadbiran dan media massa.

Tempoh setengah abad lalu meskipun memperlihatkan kemajuan dalam penguasaan sistem bahasa Melayu dalam kalangan pelajar, penjawat awam dan

masyarakat umumnya, ternyata masih belum mencapai tahap yang cukup memuaskan jika diukur daripada sudut penggunaan “bahasa Melayu tinggi”. Dengan tidak bermaksud menafikan peranan bahasa sehari-hari, tampaknya bahasa Melayu tinggi yang dapat juga diistilahkan sebagai “bahasa terbina” (*elaborated code* menurut istilah Bernstein), sebagai lawan “bahasa terhad” (*restricted code*) belum membudaya dengan mantap dalam kalangan yang seharusnya menguasainya. Masih banyak karya ilmiah yang belum mencapai tahap bahasa Melayu tinggi yang sewajarnya. Masih ketara penggunaan bahasa Melayu yang tidak baku di tempat awam (iklan, nama tempat, bangunan, syarikat dan sebagainya). Demikian juga masih menjadi impian untuk kita menyaksikan pidato, ucapan, syarahan dan perbahasan yang mencerminkan bahasa Melayu tinggi, dengan kekecualian sejumlah orang yang masih agak kecil bilangannya. Seringkali harapan untuk menikmati wawancara atau ucapan yang bermutu penyampaiannya (termasuk dalam hal penggunaan bahasa) tidak tercapai, malahan perbahasan di Parlimen kadangkala tidak pula mencerminkan kemurnian dan taraf Parlimen itu sendiri, disebabkan bahasa Melayu tinggi yang seharusnya digunakan bertukar menjadi bahasa Melayu rendah, kadangkala dengan carutan dan maki hamun.

Dalam pada itu, sebarang langkah berundur daripada ketetapan dan pelaksanaan yang telah berlangsung disebabkan keraguan yang timbul dalam diri sendiri tidak membantu keutuhan bahasa Melayu.

Sebagai contoh, pelaksanaan sebutan baku yang bertujuan untuk membentuk bahasa lisan formal sebagai salah satu cirinya, telah diputuskan pada tahun 1980-an, dan pelaksanaannya diterapkan dalam Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah dan Sekolah Rendah (KBSM dan KBSR) bermula pada tahun 1988. Dengan keputusan Kabinet pada tahun 2000, sebutan baku dihadkan dalam mata pelajaran Bahasa Melayu sahaja, tidak lagi merentas kurikulum seperti selama 12 tahun sebelumnya. Dengan keputusan pengenduran pelaksanaan sebutan baku itu, ada asasnya untuk kita ragui pelaksanaannya hatta dalam mata pelajaran Bahasa Melayu itu sendiri!

Dewan Bahasa dan Pustaka sendiri sebagai penggerak utama, bersama-sama dengan Persatuan Linguistik Malaysia dan beberapa badan bukan kerajaan yang lain telah berhasil memperteguh ciri bahasa lisan formal bagi bahasa Melayu, terutama kemudian apabila penggunaannya di Stesen Televisyen Malaysia Berhad atau TV3 membentuk citra istimewa bagi bahasa Melayu lisan rasmi. Kini Radio dan Televisyen Malaysia (RTM) berusaha melaksanakan beberapa aspek sebutan baku, terutama bagi kosa kata ambilan daripada bahasa asing. Citra DBP, iaitu program radio DBP selama setengah jam setiap hari (kecuali pada hari Ahad) menjadi contoh penggunaan sebutan baku. Sayangnya program yang dimulakan pada tahun 2002 itu hanya dapat bertahan beberapa tahun sahaja dan telah dihentikan atas alasan yang

tidak dapat dipastikan (menurut sumber dalaman, disebabkan faktor kewangan).

MERENUNG DAN MERANCANG PEMERKASAAN BAHASA MELAYU PADA WAKTU MENDATANG

Pastilah usaha merancang bahasa Melayu sebagai bahasa tamadun bangsa dan negara untuk waktu mendatang memerlukan waktu dan kaedah yang serapi-rapinya. Perlu ada sesi khas untuk sumbang saran pelbagai pihak dan perlu ada pendokumentasian strategi perancangan itu, sebagai pelan tindakan yang menerjemahkan Dasar Bahasa Kebangsaan dan Dasar Pendidikan Kebangsaan. Namun, dalam syarahan ini saya sekadar mencatat beberapa fikiran umum yang mudah-mudahan dapat membantu sedikit banyaknya perancangan bahasa Melayu dalam tempoh setengah abad mendatang.

1. *Perancangan yang berkaitan dengan taraf dan peranan bahasa Melayu*
 - i. **Peruntukan undang-undang tentang taraf dan peranan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan, bahasa rasmi dan bahasa ilmu perlu dipertegas dalam pelaksanaan dan penguatkuasaannya.** Jika Kerajaan bersedia meminda atau memperluas Akta DBP dalam hal pemberian kuasa untuk mengambil tindakan kepada pihak yang menggunakan bahasa Melayu yang salah di tempat awam, maka tindakan yang sama hendaklah

dikenakan kepada sesiapa jua yang tidak menghormati bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan, bahasa rasmi dan bahasa ilmu. Mekanisme penguatkuasaan dan tindakan perlu dirancang dengan rapi agar sikap tidak menghormati bahasa kebangsaan dipandang serius oleh semua pihak, sama dengan seriusnya tindakan kepada orang yang melanggar undang-undang negara yang lain. Amatlah ironis halnya apabila penguatkuasaan undang-undang pembuangan sampah yang tidak menentu dan kesalahan lalu lintas, misalnya, diberi perhatian, tidak ada pula undang-undang melanggar peruntukan Perlembagaan negara yang berkaitan dengan dasar bahasa atau akta pendidikan yang memperuntukkan bahasa Melayu sebagai bahasa penghantar utama.

- ii. **Taraf dan peranan bahasa Melayu perlu diperluas ranah penggunaannya.** Mana-mana pengecualian yang tidak munasabah tidak harus wujud lagi dalam Akta Bahasa Kebangsaan atau akta-akta lain, misalnya pengecualian penggunaan bahasa Melayu dalam sistem kehakiman. Demikian juga, kedudukan bahasa Melayu dalam bidang ekonomi (termasuk perdagangan). Beberapa undang-undang yang berkaitan dengan bidang perdagangan yang selama ini ‘menyekat’ penguatkuasaan

penggunaan bahasa Melayu disebabkan akta yang berkaitan telah ‘luput tarikh’ (sebilangannya diaktakan sebelum atau pada awal kemerdekaan) hendaklah segera dipinda dan dimasukkan unsur penguatkuasaan penggunaan bahasa Melayu ke dalam akta pindaan itu.

- iii. **Taraf dan peranan bahasa Melayu sebagai bahasa penghantar pendidikan sebagaimana yang termaktub dalam Perkara 17(1) Akta Pendidikan 1996 hendaklah dikuatkuasakan dalam sistem pendidikan negara.** Langkah mengembalikan pengajaran mata pelajaran sains dan matematik dan subjek teknikal dalam bahasa Melayu baru-baru ini hendaklah disegerakan dan disusuli dengan pelaksanaan bahasa Melayu sebagai bahasa penghantar utama di peringkat tingkatan enam, matrikulasi dan pengajian tinggi. Bahasa Melayu sebagai salah subjek wajib, termasuk di IPTS sebagaimana yang ditetapkan dalam akta tersebut hendaklah dilaksanakan.
- iv. **Pengayaan khazanah ilmu dalam bahasa Melayu untuk pelbagai lapisan khalayak perlu dijadikan agenda negara.** Dewan Bahasa dan Pustaka, Institut Terjemahan dan Buku Negara, Majlis Penerbitan Ilmiah Malaysia (Mappim) yang menggembelngkan penerbit institusi pengajian tinggi dan insitusi

penyelidikan dan badan-badan lain digerakkan secara bersinergi agar untuk dapat benar-benar memenuhi tanggungjawab sosial dalam penyediaan dan penerbitan karya ilmu untuk kelompok dewasa, remaja dan kanak-kanak, dalam bentuk cetakan mahupun elektronik. Perlu ada dana yang khusus untuk menjayakan agend memperkaya khazanah ilmu dalam bahasa Melayu.

- v. **Perlu ditubuhkan jabatan atau unit audit bahasa yang memantau penguatkuasaan dasar bahasa, terutama dalam bidang pentadbiran.** Sebagai langkah proaktif, Dewan Bahasa dan Pustaka telah memulakan Program Audit Bahasa Melayu di semua kementerian kerajaan pusat dan di jabatan kerajaan negeri dengan menilai dua aspek utama, iaitu peratusan penggunaan bahasa Melayu sebagai bahasa urusan rasmi sebagaimana yang diperuntukkan dalam Perkara 152 Perlembagaan persekutuan dan aspek mutu bahasa yang digunakan.
- vi. **Dewan Bahasa dan Pustaka yang diaktakan sebagai badan perancangan bahasa dan sastera kebangsaan hendaklah diberi wewenang sebagaimana yang seharusnya.** Bidang kuasa dan tujuan DBP ditubuhkan untuk memajukan dan mengembangkan bahasa Melayu sebagai bahasa

kebangsaan, bahasa rasmi dan bahasa ilmu tidak harus terganggu oleh arahan semasa yang bertentangan dengan Akta DBP sendiri. Dewan Bahasa dan Pustaka perlu diberi wewenang untuk memenuhi tujuan-tujuan badan itu ditubuhkan sebagaimana yang terkandung dalam Akta Dewan Bahasa dan Pustaka dengan tidak terlalu terikat atau mengikat dirinya dengan kehendak semasa pihak tertentu yang bertentangan dengan peranan DBP agar dapat memenuhi amanah menjayakan misi memajukan dan mengembangkan bahasa dan persuratan negara.

2. *Perancangan yang berkaitan dengan pemupukan bahasa Melayu tinggi*
 - i. **Sebagai bahasa tonggak tamadun, usaha bersepadu melalui semua kementerian, jabatan dan agensi kerajaan serta swasta perlu dirancang untuk membudayakan atau memasyarakatkan bahasa Melayu tinggi.** Langkah Kerajaan mengadakan Kempen Budi Bahasa dan Nilai Murni merupakan langkah positif yang dapat dimanfaatkan untuk turut membudayakan penggunaan bahasa yang baik dan santun. Mudah-mudahan komponen “bahasa Melayu tinggi” dapat diintegrasikan dalam pelaksanaan kempen tersebut. Konsep bahasa sebagai “warisan tidak tampak” atau “warisan tidak ketara” sebagaimana

yang ditakrifkan dalam Akta Warisan Kebangsaan 2005 perlu dikembangkan dan direalisasikan dalam kehidupan masyarakat.

- ii. **ii. Media, baik media cetak mahupun media elektronik perlu meningkatkan peranannya dalam pembudayaan bahasa Melayu tinggi.** Kita barangkali memang tidak dapat membendung fenomena bahasa rojak, slanga dan segala bentuk bahasa yang mewakili realiti sosial yang ada. Namun, dengan mengupayakan penyajian program-program yang dapat memasyarakatkan bahasa Melayu tinggi, bahasa Melayu dapat bertahan sebagai bahasa yang mewakili budaya tinggi. Dengan demikian tidaklah menular fenomena “sekerat ular sekerat belut” (seperti yang diistilahkan oleh Tan Sri Datuk Seri Utama Dr. Rais Yatim) dalam penggunaan bahasa bagi tujuan yang rasmi. Yang sungguh-sungguh kita bimbangi ialah kegagalan masyarakat menempatkan ragam bahasa yang betul pada konteks dan situasinya. Sebagaimana kita tidak mengharap bahasa yang baku digunakan dalam komunikasi sehari-hari tidak rasmi, maka tidak harus kita terima penggunaan bahasa ragam kolokial dalam urusan rasmi dan ilmiah.

3. *Langkah menjadikan bahasa Melayu sebagai bahasa supranasional*

Bahasa Melayu perlu dirancang menjadi bahasa supranasional, iaitu bahasa serantau dan bahasa antarabangsa.

Bahasa Melayu yang gemilang dalam zaman Sriwijaya dan Kesultanan Melayu ialah bahasa yang tidak terikat oleh batas geopolitik. Oleh itu, dalam upaya memperkuat bahasa Melayu di peringkat negara, segala upaya memadukan kerjasama dengan negara-negara berbahasa Melayu yang lain dan mana-mana sahaja pihak yang dapat membantu melonjakkan citra dan kedudukan bahasa Melayu hendaklah dilaksanakan. Sekali lagi kita perlu belajar daripada rakan bukan Melayu kita yang mempunyai rangkaian yang cukup erat dalam pakatan Cina antarabangsa. Sekretariat Melayu Antarabangsa perlu digerakkan semula. Kongres Dunia Melayu Dunia Islam perlu disemarakkan terus. Dewan Bahasa dan Pustaka yang memperoleh kelulusan Kabinet pada tahun 1997 untuk menggerakkan Majlis Antarabangsa Bahasa Melayu (MABM) (yang sudah mula beroperasi sejak tahun 2000 hingga 2004) sedang digerakkan semula untuk memenuhi keperluan pengantarabangsaan bahasa dan persuratan Melayu.

Bahasa Melayu pernah menjadi bahasa antarabangsa, khususnya dalam zaman bahasa Melayu klasik pada sekitar abad ke-15 dan beberapa abad berikutnya. Pada masa ini bahasa Melayu belum sampai ke tahap bahasa antarabangsa yang dominan sebagaimana halnya dengan bahasa Inggeris yang telah menjadi bahasa ibunda atau

bahasa pertama lebih 45% penduduk 10 buah negara di dunia seperti United Kingdom, Ireland, Australia, New Zealand, Barbados, Jamaica, Trinidad, Amerika Syarikat, Kanada dan Guyana (Fishman et al., 1977), menjadi bahasa rasmi atau bahasa kedua di Botswana, Cameroon, Fiji, Gambia, Ghana, India, Lesotho, Liberia, Malawai, Malta, Mauritius, Namibia, Nauru, Nigeria, Filipina, Zimbabwe, Sierra Leone, Singapura, Afrika Selatan, Swaziland, Tanzania, Tonga, Uganda, Saomoa Barat dan Zambia (Richards, 1991). Dengan kedudukannya sebagai bahasa dunia yang dominan dan kini dipercayai antara bahasa dunia yang berperanan besar dalam proses globalisasi, perbincangan tentang pengajaran bahasa Inggeris kepada penutur asing menjadi tema yang mendapat perhatian besar sehingga perbincangan tentang pengajaran bahasa Melayu kepada penutur asing mungkin dianggap oleh sesetengah orang sebagai kurang relevan.

Namun bahasa Melayu mempunyai kedudukannya sendiri dalam perkembangan bahasa-bahasa utama dunia sehingga memang ada keperluan pengajarannya kepada penutur asing meskipun tidak seluas keperluan pengajaran bahasa Inggeris. Fakta mutakhir yang cukup memberangsangkan ialah pernyataan tentang perkembangan dan potensi bahasa Melayu sebagai bahasa dunia yang dominan, antaranya seperti pernyataan David Graddol, Pengarah The English Company (UK) Ltd dalam jurnal *The Future of Language* (27 Februari 2004) bahawa bahasa Melayu merupakan salah

satu bahasa yang amat pesat berkembang. Yang penting ialah bahawa atas dasar adanya keperluan bahasa Melayu diajarkan kepada dan dipelajari oleh penutur asing itu, perlu ada perencanaan yang rapi untuk memenuhi keperluan tersebut.

PENUTUP

Usaha memartabatkan dan memerkasakan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan, bahasa rasmi, bahasa ilmu dan bahasa ranah-ranah lain hendaklah dilihat sebagai amanah besar yang perlu dilaksanakan oleh semua peringkat warganegara. Kedudukan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan, bahasa rasmi dan bahasa ilmu merupakan salah satu kontrak sosial yang perlu senantiasa dipertahankan dan ditingkatkan oleh segenap lapisan warganegara, daripada penggubal dasar kepada pelaksana dasar dan masyarakat awam.

Yang paling utama ialah ketekalan sikap dan pendirian para pemimpin negara agar peranan bahasa Melayu sebagai salah satu pancang pembinaan negara bangsa terus ditingkatkan dan diperkukuh. Bahasa kebangsaan, yang diungkapkan oleh Perdana Menteri Malaysia yang pertama, Almarhum Yang Teramat Mulia Tunku Abdul Rahman Putera sebagai roh bangsa dan negara yang merdeka tidak seharusnya dikorbankan atas nama pembangunan dan kemajuan, kerana kemajuan yang hakiki turut meliputi keupayaan kita maju dalam bahasa dan landasan budaya kita sendiri.

BIBLIOGRAFI

- Abdullah Hassan (Ed.). (1999). *Perancangan Bahasa di Asia Tenggara*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Abdullah Hassan (Ed.). (2006). *Mengapa Kami Bantah! Penggunaan Bahasa Inggeris bagi Mengajarkan Sains dan Matematik*. Kuala Lumpur: Persatuan Penterjemah Malaysia.
- Abdul Rahim Bakar & Awang Sariyan (Ed.). (2005). *Suara Pejuang Bahasa*. Kuala Lumpur: Persatuan Linguistik Malaysia dan Dawama.
- Asmah Hj. Omar. (1993). *Language and Society in Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asraf (Ed.). (n.d.) *Manifesto Budaya: Pupus Bahasa Pupuslah Bangsa*. Kuala Lumpur: Persatuan Linguistik Melayu.
- Awang Sariyan. (2002). *Ceritera Bahasa*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Awang Sariyan. (2005). *Hakikat Bahasa dan Realisasi Fungsinya dalam Pembinaan dan Penakatan Tamadun*. Kuala Lumpur: Persatuan Linguistik Malaysia.
- Awang Sariyan. (2006). *Warna dan Suasana Perancangan Bahasa Melayu di Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Awang Sariyan. (2006). *Analisis Beberapa Isu Utama Sosiobudaya Bangsa*. Kertas kerja Dialog Susulan Kongres Kepentingan Bangsa Peringkat Wilayah Persekutuan, Dewan Al-Malik Faisal, Petaling Jaya (15 April 2006). Terbit dlm. Abdullah Hassan. *Mengapa Kami Bantah! Penggunaan Bahasa Inggeris bagi Mengajarkan Sains dan Matematik*. 2006. Kuala Lumpur: Persatuan Penterjemah Malaysia.
- Awang Sariyan. (2007). Keunggulan Bahasa, Persuratan dan Tamadun Melayu". Ucap Utama Kolokium Pasca-Kongres Bahasa dan Persuratan Melayu Ke-7, anjuran Persatuan Melayu Pulau Pinang (PEMENANG), GAPENA, Persatuan Penulis Pulau Pinang dan Dewan Bahasa dan Pustaka Wilayah Utara (27 Mac 2007) di Dewan Seri Pinang, Pulau Pinang. Terbit dalam *Jurnal Persatuan Linguistik Malaysia*, 2007.
- Awang Sariyan. (2009). *Mencari Makna Diri Melayu: Renungan untuk Bangsaku*. Kuala Lumpur: Persatuan Linguistik Malaysia.
- Awang Sariyan. (2010). *Asas Falsafah dan Pemikiran Melayu Berteraskan Islam*. Kuala Lumpur: IKDAS dan ABIM.
- Collins, J. T. (1998). *Malay, World Language A Short History*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- GAPENA dan Dewan Bahasa dan Pustaka. Kumpulan Kertas Kerja Kongres Bahasa dan Persuratan Melayu Ke-7 (6-8 November 2006).
- Juriah Long et al. (2004). *Laporan Kajian Kesediaan Guru dan Pelajar dalam Pengajaran Sains dan Matematik dalam Bahasa Inggeris*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka (tidak diterbitkan).
- Hassan Ahmad. (2000). *Imbasan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Nik Safiah Karim et al. (2003). *Tatabahasa Dewan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Norhashimah Jalaluddin. (2006).Penerimaan Pengajaran Sains dan Matematik dalam Bahasa Inggeris: Konflik antara Dua Darjat. Dalam Abdullah Hassan (Ed.). *Mengapa Kami Bantah! Penggunaan Bahasa Inggeris bagi Mengajarkan Sains dan Matematik*. Kuala Lumpur: Persatuan Penterjemah Malaysia.
- Persatuan Linguistik Malaysia. (2002). *Keranda 152: Bahasa Kita, Air Mata dan Maruah Kita*. Kuala Lumpur: Persatuan Linguistik Malaysia.

Peranan Bahasa Melayu dan Legasi Sejarah Penubuhan Malaysia dalam Penyemaian Cinta akan Negara Bangsa Malaysia

Hashim Musa* dan Rozita Che Rodi

Jabatan Bahasa Melayu, Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, Universiti Putra Malaysia, 43400 Serdang, Selangor, Malaysia

ABSTRAK

Negara Malaysia merupakan sebuah negara bangsa yang mempunyai penduduk yang berbilang kaum, keturunan, budaya, bahasa ibunda dan agama. Oleh demikian masalah perpaduan dan integrasi nasional menjadi isu yang paling kritikal dalam usaha membangunkan negara ke status negara maju. Artikel ini akan membincangkan konsep negara bangsa, integrasi nasional dan mencadangkan beberapa strategi demi perpaduan negara bangsa Malaysia, iaitu 1) memperkasakan penggunaan bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar pendidikan dan ilmu tinggi, 2) menyemai keinsafan terhadap legasi sejarah penubuhan negara Malaysia demi menimbulkan ikatan kukuh dalam kalangan rakyat Malaysia, dan 3) memupuk semangat patriotisme dan kebanggaan kepada negara Malaysia sebagai tanah air tempat tumpah darah bersama.

Kata kunci: Heterogen, Integrasi nasional, Keutuhan budaya, Negara bangsa, Patriotisme

ABSTRACT

Malaysia is a nation state with a plural society in terms of race, culture, creed and language. Hence the questions of national integration and unity are critical issues in the effort of national development towards a developed status. This article will focus discussion on the concepts of Malaysian nation state, national integration and unity, and will propose several strategies towards developing national integration and unity, namely 1) empowering Malay language as the language of education and higher learning, 2) instilling the understanding of the historical legacy in the formation of Malaysian nation, and 3) instilling the spirit of patriotism or love for the nation as their homeland amongst Malaysians

Keywords: Heterogenous, National Integration, Cultural Solidarity, Nation State, Patriotism

INFO MAKALAH

Pewasitan Makalah:
Dihantar: 19 Ogos 2013
Diterima: 5 Disember 2013

E-mail:

mh_hashim@upm.edu.my (Hashim Musa)

* Penulis penghubung

PENDAHULUAN

Malaysia ialah sebuah negara dengan penduduk yang bersifat heterogen iaitu jamak kaum, keturunan, budaya, agama

dan bahasa ibunda. Justeru, persoalan perpaduan, integrasi nasional dan patriotisme merupakan isu yang kritikal dalam usaha membangunkan negara ke arah status negara maju. Artikel ini akan memfokuskan perbincangan kepada topik-topik yang berikut:

1. Malaysia sebagai sebuah negara yang bersifat heterogen dan isu-isu integrasi nasional yang ditimbulkan,
2. Konsep perpaduan negara dan integrasi budaya di Malaysia,
3. Kesan buruk penggunaan bahasa Inggeris sebagai pengantar pendidikan, sains dan teknologi terhadap usaha memupuk integrasi nasional di Malaysia,
4. Strategi untuk menyemai dan memupuk integrasi nasional dan perpaduan negara bangsa Malaysia,
5. Konsep negara bangsa dan negara bangsa Malaysia,
6. Pemupukan semangat patriotisme dalam kalangan rakyat Malaysia,
7. Pemerksaan bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar pendidikan, sains, teknologi dan ilmu tinggi demi memupuk perpaduan dan pembangunan rakyat jelata Malaysia,
8. Pemupukan kefahaman yang mendalam terhadap legasi sejarah pembentukan negara Malaysia, dan
9. Pemupukan perasaan bangga, komitmen, cinta dan semangat patriotisme dalam kalangan rakyat

jelata terhadap negara Malaysia sebagai tanah air tempat lahir mereka.

MALAYSIA SEBAGAI SEBUAH NEGARA YANG BERSIFAT HETEROGEN DAN ISU INTEGRASI NASIONAL YANG DITIMBULKAN

Malaysia merupakan sebuah negara yang mempunyai penduduk yang berbilang kaum, keturunan, budaya, bahasa ibunda dan agama. Jabatan Statistik Malaysia (<http://www.statistics.gov.my>) memperturunkan statistik penduduk terkini seperti Jadual 1.

Jelas daripada statistik di atas, Malaysia bukan sebuah negara yang padu dari segi komposisi penduduknya tetapi sebaliknya merupakan negara yang heterogen, iaitu berkepelbagaian dari segi kaum, keturunan, budaya, bahasa dan agama. Walaupun kaum Bumiputra merupakan kaum majoriti dan agama Islam juga merupakan agama majoriti bagi penduduknya, namun keadaan majoritinya bukan bertaraf mutlak (*absolute majority*), iaitu melebihi 75% (3/4) daripada penduduk supaya menjadikannya berkuasa penuh secara mutlak, seperti halnya dalam kebanyakan negara maju di dunia (Jadual 2).

Paul Kennedy (1994, ms. 334-335) setelah membuat tinjauan ke atas negara di dunia secara ekstensif, mengatakan bahawa negara-negara yang berada dalam kedudukan yang terbaik untuk terus maju dan berstatus tinggi dalam abad ke-21:

“[...] Japan, Korea, and certain other East Asia trading states, Germany, Switzerland, and some of the Scandinavian states, and

JADUAL 1

Statistik penduduk Malaysia mengikut kaum dan agama

Jumlah penduduk Malaysia:	28,552,700
Jumlah warga negara:	25,870,000 100%
Jumlah Kaum	
i. Bumiputera.....	17,312,100 67.7%
(Melayu = 50.4%	
Iban, Kadazan-Dusun,	
Bajau, Murut, Orang Asli, dll = 14.6%)	
ii. Cina.....	6,505,700 24.6%
iii. India.....	1,943,500 7.3%
iv. Lain-lain kaum (minoriti).....	368,500 0.7%
v. Bukan warganegara.....	2,422,000 8.4%
Jumlah Pemeluk Agama	
Islam.....	61.3%
Buddha.....	19.8%
Kristian.....	9.2%
Hindu.....	6.3%
Konfuis/Tao/agama Cina tradisional.....	1.3%
Animis/agama tidak diketahui	1.0%

Sumber: Jabatan Statistik Malaysia (<http://www.statistics.gov.my>)

JADUAL 2

Peratusan majoriti penduduk di negara maju

Amerika Syarikat:	80% golongan kulit putih,
United Kingdom:	92% golongan kulit putih,
Perancis:	92.5% golongan kulit putih,
Jerman:	81% golongan kulit putih,
Itali:	95% golongan kulit putih,
Sepanyol:	89% golongan kulit putih,
Switzerland:	90% golongan kulit putih
Rusia:	80% golongan kulit putih Rusia,
Australia:	78% golongan kulit putih,
Jepun:	99% bangsa Jepun,
Korea Selatan:	98% bangsa Korea,
Taiwan:	98% bangsa China,
Republik Rakyat China:	92% bangsa China Han
Singapura:	75% bangsa China.

Sumber: (http://en.wikipedia.org/wiki/list_of_countries_by_population)

perhaps the European Community as a whole... It is obvious that [these] societies (or nations) which possess technical and educational resources, ample funds, and cultural solidarity are better positioned for the next century than those lacking all those strength”.

Tiga syarat atau aset yang disebutkan Kennedy bagi sesebuah negara untuk maju ialah:

1. mempunyai sumber pendidikan dan teknikal yang baik, supaya dapat melahirkan modal insan yang mahir, beretika, berdisiplin dan juga menciptakan peralatan dan teknologi yang mampu membina negara,
2. harta tabungan yang mencukupi, supaya dapat menyediakan dana yang cukup untuk berkongsi segala bidang pembangunan, dan
3. keutuhan/solidariti budaya yang padu supaya menjamin kestabilan, kerjasama dan keamanan yang teguh.

Walaupun “*cultural solidarity*” atau keutuhan budaya disebutkan oleh beliau secara terakhir, namun pada hakikatnya inilah sifat yang paling penting dan paling menentukan kerana tanpa keutuhan budaya tidak akan ada kesatuan, integrasi dan kekuatan rakyat jelata yang dapat memanfaatkan dua aset yang pertama itu, iaitu kekayaan dan pendidikan serta teknologi sebaik-baiknya. Kalau ditinjau suasana 14 buah negara maju yang tersenarai di atas, maka kesemuanya merupakan

negara yang homogen dari segi komposisi penduduk, iaitu lebih 75% terdiri daripada satu bangsa atau satu keturunan penduduk sahaja sama ada dari segi warna kulit atau suku bangsa sahaja.

Namun, dengan satu bangsa penduduk yang dominan sahaja belum tentu dapat menjamin kestabilan, kekuatan dan kemajuan sesebuah negara. Pakistan, India dan Bangladesh mempunyai penduduk yang majoriti terbesar terdiri daripada satu kumpulan penutur/kelompok dan pemeluk agama yang sama, iaitu di Pakistan penutur Urdu dan pemeluk agama Islam 97%, manakala di Bangladesh penutur Bengali ialah 98% dan pemeluk agama Islam ialah 90%, tetapi ini tidak juga membawa kepada keutuhan budaya, bahkan konflik dan keganasan antara agama, mazhab, wilayah, dan gejala rasuah serta penyelewengan terus-menerus berlaku.

Oleh demikian, bagi negara yang bersifat heterogen, iaitu kepelbagaian kaum, etnik, keturunan, budaya, agama dan bahasa seperti Malaysia, satu formula atau strategi yang kukuh mesti diperoleh demi membentuk keutuhan budaya atau “*cultural solidarity*” untuk melonjakkannya ke status negara maju.

KONSEP PERPADUAN NEGARA DAN INTEGRASI BUDAYA DI MALAYSIA

Konsep budaya walaupun banyak takrifnya, telah disimpulkan secara umum oleh Lee Su Kim seperti berikut:

“It is a set of beliefs, values, norms, customs, traditions, rituals, and a

way of life that differentiates one group from another.”

(Lee Su Kim, 2003, ms.1)

Faktor keutuhan atau solidariti budaya yang padu ialah kesepunyaan dalam unsur yang tersebut di atas, iaitu nilai, norma, adat, tradisi, ritual, dan cara hidup termasuklah agama dan bahasa. Namun, Malaysia yang merupakan negara yang jamak etnik, keturunan, adat, budaya, agama dan bahasa ibunda, tidak memungkinkan suasana kesepunyaan dalam elemen tersebut. Oleh itu, demi mengurangkan jurang perbezaan antara kaum, keturunan, budaya dan sebagainya dan menubuhkan titik persamaan antara kepelbagaian itu, kerajaan Malaysia pernah mengajukan konsep kebudayaan kebangsaan pada 1970 hasil daripada Seminar Kebudayaan Kebangsaan yang diadakan setahun sesudah rusuhan kaum 13 Mei 1969. Kerajaan telah menyedari betapa pentingnya perpaduan kaum, toleransi dan perasaan kekitaan dalam kalangan rakyat Malaysia dengan pluraiti kaum, budaya, agama dan bahasa yang ketara. Gagasan Kebudayaan Kebangsaan yang dicadangkan itu mengandungi elemen berikut:

1. Berdasarkan unsur indigenus atau peribumi, iaitu Melayu dan kaum Bumiputera yang lain sambil menyerap unsur positif non-indigenus,
2. Berteraskan bahasa kebangsaan Malaysia, dan
3. Berasaskan nilai Islam.

Dasar Kebudayaan Kebangsaan itu gagal untuk membentuk satu kebudayaan kebangsaan Malaysia yang utuh, kerana mengikut kata Hassan Ahmad (1999), golongan bukan Melayu telah menolaknya sejak permulaan dasar itu diolah (lihat juga Kua Kia Song, 1985). Oleh itu, mengikut Hassan Ahmad lagi, kerajaan telah membentuk satu lagi badan, iaitu Majlis Penasihat Kebudayaan Kebangsaan pada 1996 untuk meninjau kembali konsep kebudayaan kebangsaan berpandukan Wawasan 2020, yang bercita-cita untuk membentuk sebuah negara bangsa Malaysia yang maju.

Menurut Wawasan 2020, konsep satu negara bangsa mempunyai makna yang dalam kerana negara bangsa bermaksud sebuah negara berdaulat yang rakyatnya tidak dapat diidentifikasi melalui kaum, keturunan atau warna kulit. Pembentukan satu negara bangsa mengikut Wawasan 2020, menjadi prasyarat kepada kemajuan kerana tanpa rakyatnya mempunyai satu perasaan kepunyaan bersama sebagai satu negara dan bangsa, sebarang bentuk kerjasama untuk memajukan negara sukar untuk berlaku. Untuk mengisi konsep ini istilah seperti “perpaduan negara, kesetiaan kepada negara, keharmonian dan toleransi antara kaum” menjadi fokus penekanan Wawasan 2020, bukan lagi kepada satu kebudayaan kebangsaan yang utuh. Oleh itu, mengikut Hassan Ahmad lagi, satu gagasan baharu telah dikemukakan, iaitu “Gagasan Kebudayaan Negara” menggantikan konsep “Kebudayaan Kebangsaan”, iaitu ciri kebudayaan itu dikaitkan dengan kenegaraan

Malaysia bukan dikaitkan dengan bangsa atau kaum tertentu.

Negara bangsa Malaysia yang maju mengikut Wawasan 2020, mempunyai ciri dan matlamat berikut, iaitu berdasarkan sembilan cabarannya (Mahathir Mohamed, 1991, ms. 22):

1. Bangsa Malaysia yang bersatu,
2. Masyarakat yang merdeka, kuat dan yakin diri,
3. Masyarakat yang demokratik secara matang,
4. Masyarakat yang berakhlak, beretika dan teguh agama,
5. Masyarakat yang matang dan bertoleransi,
6. Masyarakat saintifik yang progresif,
7. Masyarakat yang kaya dengan nilai murni dan sifat penyayang,
8. Masyarakat yang saksama dari segi pencapaian ekonomi, dan
9. Masyarakat yang makmur.

Ada dua perkara yang akan diteliti daripada ciri dan matlamat negara bangsa maju yang hendak dicapai oleh Wawasan 2020 yang tersenarai di atas. Pertama, dalam gagasan Wawasan 2020 fokus pembangunan ialah pembentukan negara bangsa Malaysia berdasarkan ciri masyarakat bukan berdasarkan ciri bangsa atau kaum tertentu. Oleh itu, tidak timbul persoalan tentang pembinaan kebudayaan kebangsaan yang utuh, tetapi pembinaan masyarakat yang bercirikan sembilan sifat asasi itu, iaitu negara bangsa yang rakyatnya tidak dapat

diidentifikasi melalui kaum, keturunan atau warna kulit.

Gagasan demikian sememangnya sesuai dan serasi dengan suasana negara bangsa Malaysia yang heterogen iaitu jamak etnik, suku kaum, keturunan, budaya dan agama, yang mustahil untuk dibentuk satu kebudayaan kebangsaan yang utuh. Namun soalan yang penting, iaitu yang merupakan perkara yang kedua yang hendak dibahaskan tentang gagasan Wawasan 2020 itu ialah apakah medium, saluran dan pengantar bagi pembentukan sebuah negara bangsa yang bersatu? Perdana Menteri pada masa itu yang mengusulkan Wawasan 2020, telah memperturunkan perkara berikut sebagai asas membentuk satu bangsa Malaysia yang bersatu (Mahathir Mohamed, 1991, ms. 22):

1. Satu destini yang dirasai sepunya dan dikongsi bersama,
2. Satu bangsa yang aman di dalamnya,
3. Berintegrasi dari segi wilayah dan suku kaum,
4. Hidup berharmoni sebagai rakan kongsi yang penuh dan saksama, dan
5. Taat setia yang tidak berbelah bagi dari segi politik dan dedikasi terhadap negara.

Sekali lagi soalan yang sama boleh dibangkitkan. Apakah bahasa yang menjadi saluran, medium dan pengantar yang hendak digunakan untuk menjadi wahana dan wacana pengucapan, pengungkapan dan penyebaran unsur yang digariskan itu?

Kalau ditinjau di seluruh negara maju di dunia baik di Barat mahupun di Timur,

maka bahasa yang menjadi asas saluran, medium dan perantara bagi penyampaian, pemupukan, pengungkapan, pengucapan, penyebaran dan pengukuhan perkara di atas ialah bahasa indigenus/peribumi mereka sendiri yang menjadi bahasa kebangsaan mereka. Ini ialah satu lumrah alam seperti yang ditegaskan oleh pepatah Melayu “Di mana bumi dipijak di situ langit dijunjung”. Untuk keselamatan, kesejahteraan dan kemakmuran seseorang atau satu kumpulan manusia yang mendiami satu penempatan, perkampungan, perbandaran, negeri dan wilayah, maka mereka mesti menyesuaikan diri dengan ekologi alam sekitar dan budaya tempat mereka berada. Dari segi alam sekitar, mereka mesti menyesuaikan diri dengan iklim, cuaca, topografi, fauna dan flora di persekitarannya untuk hidup dengan selamat dan sejahtera. Dari segi budaya mereka mesti menyesuaikan diri dengan peraturan, adat istiadat, undang-undang, dan bahasa pertuturan tempatan itu demi keselamatan, kesejahteraan dan kemakmuran mereka.

Oleh itu, untuk menyampaikan gagasan dan idea destini yang sepunya, mengeratkan integrasi dan saling persefahaman antara wilayah dan kaum, membudayakan sains dan teknologi kepada rakyat jelata supaya menjadi masyarakat yang saintifik dan progresif, menyampaikan dan memupuk nilai akhlak, etika dan budi bahasa yang santun supaya masyarakat kaya dengan nilai murni dan sifat penyayang, dan membangunkan ekonomi dan modal insan yang saksama dan menyeluruh di segenap lapisan masyarakat di seluruh negara

supaya masyarakat menjadi makmur, maka tidak ada jalan lain melainkan saluran dan mediumnya mesti disampaikan dalam bahasa indigenus atau bahasa peribumi atau bahasa kebangsaannya sendiri. Bagi negara bangsa Malaysia yang telah mengisytiharkan dan melaksanakan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan, bahasa rasmi, bahasa pengantar pendidikan dan bahasa perpaduan nasional dengan berjaya hampir 50 tahun yang lalu bermula dengan Akta Bahasa Kebangsaan 1963, maka saluran bahasanya untuk menyampaikan semua yang disebut itu, tidak ada alternatif lain melainkan bahasa Melayu.

Namun berdasarkan tindakan kerajaan menggalakkan penggunaan bahasa Inggeris dalam pengajaran subjek sains dan teknologi di IPT, pelaksanaan Akta Pendidikan 1996 (menggantikan Akta Pelajaran 1961) dan Akta IPTS 1996 yang membenarkan penggunaan bahasa Inggeris sebagai bahasa pengantar pendidikan sepenuhnya di IPTS (termasuk IPTS tajaan badan-badan milik kerajaan seperti PETRONAS, Telekom, Tenaga Nasional dan sebagainya), dan pelaksanaan polisi pengajaran matematik dan sains dalam bahasa Inggeris di sekolah bermula pada tahun 2003, jelas menunjukkan bahawa hasrat kerajaan adalah untuk menjadikan perantaraan bahasa bagi membawa negara bangsa Malaysia ke status negara maju ialah bahasa Inggeris.

Pemilihan bahasa Inggeris untuk membudayakan semua perkara itu didorong oleh pemikiran golongan elit yang menginginkan manfaat dan keuntungan dalam masa yang singkat atau segera, tanpa

memikirkan keretakan dan perpecahan yang boleh berlaku dalam kalangan rakyat jelata Malaysia yang berbilang kaum, budaya, agama dan bahasa pada masa hadapan. Telah muncul satu persepsi atau satu perasaan dalam kalangan pemimpin dan golongan elit masyarakat bahawa untuk cepat membangun dan maju seperti negara di Amerika Utara, Eropah, Australia dan New Zealand maka strategi yang paling cepat ialah memanfaatkan khazanah ilmu, sains, teknologi dan perdagangan yang ada dalam negara maju itu secara langsung dan segera. Oleh sebab semua khazanah ilmu demikian tercatat, tersimpan dan tersebar dalam bahasa Inggeris, maka strategi yang paling rasional dan praktikal ialah mempelajari, menguasai, mengembang dan menyebarkan ilmu itu dalam bahasa Inggeris juga.

Andaian kejayaan demikian boleh disamakan dengan kejayaan perniagaan francais makanan segera seperti McDonald, Kentucky Fried Chicken, Pizza Hut dan lain-lain yang pesat dilaksanakan di seluruh dunia. Andaian demikian menganggap bahawa sumber tenaga manusia tidak lebih daripada bahan makanan segera yang boleh diolah, diuli, diadun dan dikeluarkan secara produksi massa (*mass-production*) tanpa mengambil kira maruah, martabat, keperibadian dan hati budi manusia dan masyarakatnya.

Persepsi dan perasaan demikian sebenarnya bukanlah berdasarkan hasil kajian yang konkrit tetapi kebanyakannya berdasarkan pengalaman sendiri pemimpin dan golongan elit itu dan juga realiti

kemajuan dan pembangunan negara Barat itu di persada dunia untuk sekian lama sehingga menyalau mata mereka dan memalsukan kesimpulan mereka, seperti kata Holborow (1999, ms. 56-57, dipetik oleh Hashim Hj. Musa, 2008a, ms. 32):

“[...] the dominance of English today is the continuation of a process started in the earliest days of capitalism, deepened by the expansion of the British Empire and given further impetus by the commanding position of the American capitalism in this century [...]”

KESAN BURUK DARIPADA PENGGUNAAN BAHASA INGGERIS SEBAGAI PENGANTAR PENDIDIKAN, SAINS DAN TEKNOLOGI TERHADAP USAHA MEMUPUK INTEGRASI NASIONAL DI MALAYSIA

Penggunaan bahasa Inggeris sebagai pengantar pendidikan dan ilmu tinggi akan menimbulkan implikasi dan kesan yang serius ke atas dasar bahasa, sosioekonomi dan integrasi nasional negara Malaysia (lihat Hashim Hj. Musa, 2008a, ms. 25-26), iaitu:

1. nilai ekonomi bahasa Inggeris akan naik, statusnya akan meningkat dan seterusnya akan mengetepikan status bahasa Malaysia sebagai bahasa kebangsaan dan bahasa rasmi yang terunggul dan tidak lagi dihormati rakyat jelata kerana kejatuhan nilainya, seperti yang diluahkan oleh YB Datuk Sri Dr Rais Yatim “beberapa dasar

yang diwujudkan secara mengejut meletakkan bahasa Malaysia seolah-olah berada di tangga kambing tidak lagi di tahap perdana.” (*Utusan Malaysia* Rabu 7 November, 2007, ms. 27).

2. proses pengintelektualan bahasa Melayu akan terbantut kerana tidak lagi digunakan sebagai pengantar ilmu tinggi tidak dapat berkembang selaras dengan perkembangan ilmu pengetahuan. Ini memerosotkan lagi kedudukan dan status bahasa Malaysia dan menjadikannya bahasa yang rendah untuk komunikasi harian yang rendah tarafnya, manakala interaksi dalam wacana ilmiah dan ilmu pengetahuan yang tinggi, bahasa Inggeris akan digunakan yang menjadikannya bahasa terunggul di Malaysia secara *de facto* mungkin tidak secara *de jure*.
3. bahasa Melayu yang sehingga kini telah menjadi bahasa kebangsaan negara yang memainkan peranan sebagai bahasa penyatuan dan integrasi nasional, bahasa yang membentuk asas jati diri negara Malaysia, sedikit demi sedikit akan kehilangan peranan itu kerana nilai, status dan penghormatan rakyat jelata terhadapnya akan menjadi semakin luntur dan seterusnya akan menghilang.
4. penguasaan bahasa Inggeris secara cepak hanya terhad kepada segelintir penduduk elit yang tinggal di bandar utama kerana konteks penggunaannya yang meluas; maka ilmu pengetahuan dan teknologi tinggi akan berkisar hanya dalam kalangan mereka, manakala

majoriti rakyat jelata yang tidak dapat menguasai bahasa Inggeris sebaiknya, akan tertahan daripada memperoleh ilmu pengetahuan dan teknologi tinggi dalam bahasa Inggeris, dengan itu sains dan teknologi tinggi tidak dapat mengalami proses pembudayaan yang meluas yang amat perlu untuk mencetuskan pembangunan menyeluruh sesebuah negara yang ditimba daripada sumber daya tenaga manusia seluruh rakyatnya.

5. penguasaan bahasa Inggeris dan pemerolehan ilmu pengetahuan dan teknologi tinggi oleh segelintir penduduk yang dengan itu akan menjadikan mereka golongan elit, akan mengasingkan mereka daripada majoriti rakyat jelata dan menimbulkan jurang dan ketegangan sosial yang dahsyat, seperti yang pernah dinyatakan oleh *Indian Education Commission*, 1948, iaitu:

“[the] use of English... divides the people into two nations, the few [English-speaking Indians] who govern and the many [non English-speaking Indians] who are governed.”

(S. Huntington, 1996, ms. 64)

Empat puluh tahun kemudian (pada 1980-an) situasi ini telah mencetuskan ketegangan kelas yang dahsyat *“stimulating tensions between the minority at the top who know English, and the many millions – armed*

with the vote – who do not” (dipetik oleh S. Huntington, 1996, ms. 64). Situasi ini melahirkan dualisme pendidikan yang melahirkan pula dualisme, jurang dan ketegangan sosial antara golongan elit yang berpendidikan Inggeris dengan golongan bawahan tidak berpendidikan Inggeris, seperti dalam zaman penjajah.

6. ketegangan sosial berdasarkan kelas dan golongan yang disebutkan di atas, akan menjadi pemangkin pula kepada ketegangan dan konflik dalam bentuk yang lain, misalnya prasangka dan kebencian etnik dan perkauman, agama, mazhab, ideologi, daerah dan wilayah, seperti yang berlaku di Pakistan, India, dan di negara Afrika dan Amerika Selatan bekas jajahan kuasa kolonial barat.
7. penguasaan ilmu, sains dan teknologi yang tinggi, kemahiran dan kepakaran secara meluas dalam kalangan rakyat jelata, merupakan faktor utama dalam pembangunan sumber daya tenaga manusia sesebuah negara secara menyeluruh, yang dengan itu dapat melahirkan kelas menengah yang majoriti, yang menjadi tenaga penggerak utama pula kepada pembangunan dan kemajuan negara itu. Penyampaian dan penguasaan ilmu pengetahuan, sains, teknologi dan kepakaran serta kemahiran dengan cara yang paling berkesan dan menyeluruh adalah dengan perantaraan bahasa kebangsaan/tempatan rakyat jelata itu sendiri, bukannya sebuah bahasa asing. Inilah yang telah berlaku kepada negara di Amerika Utara, Eropah, Jepun, Korea, dan Taiwan, yang telah menggunakan bahasa kebangsaan/tempatan mereka sendiri untuk menyampaikan segala ilmu pengetahuan kepada rakyat jelata mereka. Oleh yang demikian, tulang belakang bagi pembangunan sumber daya tenaga manusia seluruh rakyat sesebuah negara ialah bahasa kebangsaan/tempatannya, dan bagi Malaysia, Indonesia dan Brunei ialah bahasa Melayu bukannya bahasa Inggeris. Apabila bahasa Inggeris digunakan untuk menyampaikan ilmu pengetahuan, sains dan teknologi, maka ilmu pengetahuan akan terhad kepada segelintir golongan atau kelas elit dan menengah *Englophile* yang minoriti, manakala sumber daya tenaga manusia majoriti rakyat jelatanya, yang merupakan golongan atau kelas bawahan, tidak dapat dibangunkan dan kemajuan serta pembangunan negara secara menyeluruh tidak akan tercapai, seperti yang tertera dalam Rajah 1 dan Rajah 2.
8. penggunaan bahasa Inggeris ataupun bahasa bekas kuasa penjajah yang lain sebagai bahasa pengantar pendidikan tinggi dan seterusnya bahasa rasmi dan bahasa utama di negara membangun termasuklah Malaysia, akan selamanya menjadikan negara demikian mengalami sindrom “mentaliti budak

jajahan” (*colonised mentality*), dengan misi dan visi mereka senantiasa dikaitkan secara mahu atau tidak mahu, dengan misi dan visi “tuan penjajahnya” (*colonial master*), seperti yang berlaku di negara Asia, Afrika dan Amerika Selatan dan Amerika Tengah yang menggunakan bahasa bekas penjajah mereka (Inggeris, Sepanyol, Perancis atau Portugis) sebagai bahasa pengantar pendidikan tinggi dan bahasa rasmi. Mereka itu walaupun sudah merdeka dari segi politiknya, tetapi dari segi ekonomi, pendidikan, sains, teknologi, nilai dan aspirasi senantiasa memandang kepada London, Washington, Paris, Lisbon dan Madrid sebagai sumber ilham dan panduan. Ringkasnya, negara bangsa yang menggunakan bahasa asing sebagai pengantar pendidikan dan ilmu tinggi, terutama sekali bahasa bekas penjajahnya, tidak mampu menjadi negara bangsa yang besar, bahkan sekadar meniru dan memimik secara palsu, lesu dan kaku negara tuan penjajahnya tanpa mempunyai jati diri, maruah, daya usaha, kreativiti dan citranya sendiri. Juga ciri peradaban Barat seperti ideologi, nilai, gaya hidup, seni dan rekreasi mereka akan ditebarkan secara global yang boleh menuju ke arah pembentukan satu peradaban sejagat atau universal.

STRATEGI UNTUK MENYEMAI INTEGRASI NASIONAL DAN PERPADUAN NEGARA BANGSA MALAYSIA

Konsep Negara Bangsa dan Negara Bangsa Malaysia

Konsep negara boleh ditakrifkan secara umum sebagai satu komuniti politik yang bernaung di bawah satu pemerintahan yang berdaulat. Manakala konsep bangsa pula telah ditakrifkan sebagai:

“A relatively large group of people who feel they belong together by virtue of sharing one or more of such traits as a common race, a common language, a common culture, a common history, a common set of customs or traditions. (Satu kelompok manusia yang besar yang merasai bahawa mereka tergolong dalam satu kumpulan yang sama berdasarkan satu atau beberapa ciri yang sepunya seperti kesamaan kaum dan keturunan, kesamaan bahasa, budaya, sejarah, adat dan tradisi).”

(Reo, M. Christenson, N. Jacobs, Engel, Alan S., & Herbert, Waltzer, 1981, ms. 20)

Konsep negara bangsa Malaysia seperti yang diungkapkan oleh Wawasan 2020 mempunyai empat ciri yang berikut:

1. Adanya satu perasaan destini atau nasib masa depan yang sepunya yang dikongsi bersama dalam kalangan rakyatnya,

2. Terdapatnya suasana integrasi dalam kalangan kaum dan juga wilayahnya yang hidup secara harmoni membentuk perkongsian yang penuh dan adil,
3. Terdapatnya ketaatan dan dedikasi kepada negara bangsa yang tidak berbelah bagi, dan
4. Masyarakat yang matang, liberal dan bertoleransi yang terdiri daripada pelbagai warna kulit dan kepercayaan, dan bebas mengamalkan adat, budaya dan agama masing-masing, namun masih berasa tergolong dalam satu bangsa.

(... [A] united Malaysian nation (bangsa Malaysia) with a sense of common and shared destiny. This must be a nation at peace with itself, territorially and ethnically integrated, living in harmony and full and fair partnership, made up of one 'Bangsa Malaysia' with political loyalty and dedication to the nation... a matured, liberal and tolerant society in which Malaysians of all colours and creeds are free to practice and profess their customs, cultures and religious beliefs and yet feeling that they belong to one nation.)

(Mahathir Muhamad, 1991, ms. 2-3)

Jelas prinsip utama dalam pembentukan satu negara bangsa Malaysia ialah perasaan kesatuan atau kekitaan dalam kalangan rakyatnya, iaitu perasaan bahawa negara

Malaysia ialah tanah tumpah darah mereka, dan bangsa Malaysia ialah bangsa yang mereka bertanggungjawab sepenuhnya terhadap kemajuan, keselamatan dan kesejahteraan pada masa kini dan pada masa yang akan datang. Ini merupakan semangat patriotisme atau "*hubbul watan*", iaitu perasaan cinta akan tanah air. Istilah Inggeris *patriot* berasal daripada bahasa Latin *patriota* bermakna "one who loves his/her country and support its authority and interests". (*The Merriam Webster's Collegiate Dictionary*, 1996, ms. 852).

Pemupukan Semangat Patriotisme dalam Kalangan Rakyat Malaysia

Apakah kaedah, formula dan strategi untuk menyemai, memupuk dan membina integrasi nasional dengan "perasaan kesatuan dan kekitaan sehingga benar-benar terasa bahawa Malaysia ialah tanah air tempat tumpah darahnya, bangsa Malaysia ialah bangsanya yang dia bertanggungjawab sepenuhnya terhadap kemajuan, keselamatan dan kesejahteraan pada masa kini dan masa akan datang?"

Dicadangkan tiga strategi yang boleh dilaksanakan untuk menyemai dan memupuk semangat patriotisme terhadap negara bangsa Malaysia, iaitu:

1. memupuk rasa bangga terhadap bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan, bahasa penyatuan, bahasa rasmi dan bahasa pengantar pendidikan yang sama yang menjadi asas pembudayaan ilmu, sains, teknologi dan pembentukan negara bangsa Malaysia dalam acuan kita sendiri,

2. memupuk keinsafan terhadap legasi sejarah pembentukan negara bangsa Malaysia supaya dapat menjadi jalinan yang kukuh dalam kalangan rakyatnya kepada negara ini, dan
3. memupuk semangat patriotisme, iaitu rasa bangga dengan Malaysia sebagai tanah air atau negara tempat tumpah darah mereka.

Munculnya perasaan kesatuan dan kesepunyaan dalam tiga elemen di atas adalah amat penting bagi kelangsungan gagasan satu bangsa Malaysia. Hal ini kerana hanya melalui tiga ciri yang sama itu perpaduan atau integrasi nasional dapat disemai, dipupuk dan dibangunkan dalam kalangan rakyat jelata Malaysia, kerana berdasarkan ciri lain rakyatnya berbilang kaum, keturunan, budaya, agama dan bahasa ibunda.

Untuk meninjau sejauh mana rakyat Malaysia yang berbilang kaum, keturunan dan budaya ini mempunyai perasaan patriotisme demikian, maka satu soal selidik boleh dijalankan ke atas lapisan rakyat jelata yang berbeza, seperti yang pernah di lakukan di beberapa buah negara pada 1995-1997, iaitu berdasarkan soalan: "Sejauh mana anda berasa bangga dengan negara anda?" iaitu berdasarkan skala: 1 = sangat tidak bangga, 2 = tidak bangga, 3 = bangga, 4 = sangat bangga. Hasil kajian itu bagi negara yang berbeza adalah seperti Jadual 3 yang terdapat dalam laman web <http://www.worldvaluessurvey.org/>.

JADUAL 3

Hasil kajian "Sejauh mana anda berasa bangga dengan negara anda?"

Soal selidik: 1995-1997	
Negara:	Skor (maksimum 4)
USA	3.92
Venezuela	3.72
South Africa	3.73
India	3.70
Peru	3.68
Slovenia	3.64
Poland	3.55
Australia	3.54
Spain	3.38
Argentina	3.29
Sweden	3.13
Moldova	2.98
Japan	2.85
Russia	2.69
Switzerland	2.59
Lithuania	2.47
Latvia	2.10
Germany	1.37
Average	3.12

Sumber: (<http://www.worldvaluessurvey.org/>)

Jelas negara Amerika Syarikat telah berjaya menyemai dan memupuk semangat patriotisme yang paling tinggi, iaitu menghampiri 100% warga negaranya bangga menjadi rakyat Amerika Syarikat dan bangga dengan negaranya, manakala rakyat Jepun, Switzerland, Rusia, Lithuania, dan Latvia tidak bangga (kurang daripada 3.00) dengan negaranya dan rakyat Jerman sangat tidak bangga (kurang daripada 2.00) dengan negaranya.

Bagaimanakah Amerika Syarikat berjaya menyemai dan memupuk perasaan cinta akan negara dan solidariti serta integrasi nasional begitu tinggi? Idea yang utama dalam integrasi nasional mengikut Christine Drake (1989), ialah:

“Keinginan untuk mencantumkan pelbagai wilayah dan penduduk yang berbeza-beza dalam sebuah negara, ke dalam satu keseluruhan yang berfungsi dan sokong-menyokong. (The need to bind together the various regions and diverse peoples of a country into a functioning and interdependent whole.)”

(Christine Drake, 1989, ms. 1)

Beliau juga telah menegaskan (1981, ms. 29) bahawa integrasi nasional merupakan gagasan yang bermultidimensi mencakupi lima matra, iaitu:

1. matra sejarah, iaitu kemunculan semangat kebangsaan dan pengalaman sejarah bangsa yang sepunya yang bertindak sebagai kuasa penyatu yang kuat
2. matra politik yang merujuk kepada kaedah politik, kepemimpinan dan pemerintahan yang berakauntabiliti, agihan kuasa antara wilayah dan kumpulan etnik yang adil dan penglibatan meluas di kalangan orang awam dalam organisasi politik demi kemunculan “*social conscience*” yang lantang
3. matra sosio-budaya, iaitu kesetiaan nasional mengatasi kesetiaan wilayah dan etnik, adanya citra nasional dan perhubungan yang harmonis antara kumpulan etnik dan wilayah yang berbeza-beza

4. matra komunikasi, iaitu perhubungan antara wilayah dari segi jalan raya, kereta api, perkapalan, telekomunikasi, dan sebagainya, dan mobiliti penduduk dan munculnya kepelbagaian rakyat dalam satu tempat yang dapat memupuk integrasi, dan
5. matra ekonomi, iaitu adanya saling melengkapi dan sokong-menyokong dalam faktor pengeluaran dan distribusi, dan juga sokong-menyokong antara wilayah dalam negara itu dari segi aktiviti ekonomi.

Daripada perbincangan di atas, jelas bahawa untuk mencapai integrasi nasional dan semangat patriotisme yang tinggi, usaha, perancangan dan tindakan harus mencakupi sekurang-kurangnya lima aspek yang berbeza-beza itu, yang merangkumi kegiatan pendidikan, politik, ekonomi, budaya dan kemasyarakatan. Penggabungan bidang yang berbeza-beza ini secara bijak dapat membina sebuah negara yang mempunyai integrasi nasional yang teguh. Tanpa integrasi nasional, sesebuah negara yang bersifat heterogenus seperti Malaysia dengan ciri jamak budaya dan kaum, jamak agama, jamak adat dan tradisi dan juga jarak wilayah yang luas, sangat sukar untuk mencapai kestabilan dan keamanan yang berterusan.

Amerika Syarikat nampaknya telah berjaya dalam usaha yang merangkumi lima aspek itu, iaitu dalam bidang pendidikan, politik, ekonomi, budaya dan kemasyarakatan. Di Amerika Syarikat, bidang pendidikan pada umumnya di

bawah kelolaan kerajaan iaitu sama ada pada peringkat negara, negeri dan kuasa tempatan, dan mempunyai hanya satu bahasa pengantar, iaitu bahasa Inggeris Amerika. Juga setiap penduduknya wajib belajar sejarah dan geografi Amerika yang menyemai semangat patriotisme dan kebanggaan kepada negara yang tinggi.

Amerika Syarikat sebagai tamadun Barat kini, mendahului negara lain di dunia dalam pelbagai bidang, yang dapat menyemai rasa bangga dalam kalangan warga negaranya, iaitu:

1. mendahului bidang teknologi yang terkedepan di dunia
2. terkedepan dalam sistem pendidikan sains dan teknologi dunia dan mengawalinya melalui IPT dan institusi kajian terkemuka dunia
3. mendominasi akses ke ruang angkasa dunia
4. mendominasi industri aeroangkasa dunia
5. mendominasi industri, sistem dan kandungan media komunikasi dan hiburan dunia yang menyemai nilai budaya, falsafah dan pemikiran mereka secara global
6. mendominasi industri senjata teknologi tinggi dunia
7. mendominasi sistem operasi dan perisian komputer dunia
8. mendominasi bahasa komunikasi luas dunia (*international language of wider communication*), iaitu bahasa Inggeris sebagai bahasa peradaban inti Barat (U.S., U.K., Canada)
9. memiliki sifat keusahawanan yang tinggi
10. menggalakkan suasana perdagangan dalam negara yang kondusif
11. menggalakkan setiap lapisan rakyat jelatanya membuat eksperimen dan menginovasi (misalnya Bill Gate (*Microsoft*), Steve Job (*Apple Computers*), dan Michael Dell (*Dell Computers*) bermula daripada kosong)
12. membenarkan tenaga muda dalam organisasi bersuara dan memimpin jika berupaya, dan
13. berjaya memupuk, memetik dan memanfaatkan akal fikiran tenaga muda dalam lingkungan 20 dan 30 tahun yang amat aktif dan produktif untuk kemajuan organisasi dan komuniti.

(Hashim Hj Musa, 2004, ms. 192)

Di Malaysia, kajian oleh penulis ini pada 2010 dalam kalangan 100 orang responden, iaitu 87 pelajar Universiti Putra Malaysia dan 13 orang awam di Petaling Jaya, tentang perasaan bangga terhadap negara Malaysia, memperoleh perangkaan seperti dalam Jadual 4.

Perangkaan dalam Jadual 4 menunjukkan bahawa majoriti rakyat Malaysia iaitu 92% masih berbangga dengan negara Malaysia, manakala yang tidak bangga ialah 5% dan yang sangat tidak bangga amat kecil hanya 3%. Perangkaan ini menunjukkan bahawa majoriti yang besar rakyat Malaysia (92%)

terutama sekali dalam kalangan belia masih bangga dan boleh mengidentifikasikan diri mereka dengan negara Malaysia dan dengan demikian mempunyai potensi yang besar untuk berintegrasi dan bersatu di bawah payung negara bangsa Malaysia.

JADUAL 4

Hasil kajian “Sejauh mana anda berasa bangga dengan negara anda?” (Malaysia)

sangat bangga	= 48%
	(45 pelajar, 3 orang awam)
bangga	= 44%
	(42 pelajar, 2 orang awam)
tidak bangga	= 5%
	(0 pelajar, 5 orang awam)
sangat tidak bangga	= 3%
	(0 pelajar, 3 orang awam)

Sumber: Hashim bin Musa & Rozita binti Che Rodi, 2010, ms. 11

PEMERKASAAN BAHASA MELAYU SEBAGAI BAHASA PENGANTAR PENDIDIKAN, SAINS, TEKNOLOGI DAN ILMU TINGGI DEMI MEMUPUK PERPADUAN DAN PEMBANGUNAN RAKYAT

Fungsi bahasa bukan setakat menjadi alat dan wadah komunikasi, tetapi bahasa juga amat besar peranannya dalam membentuk jati diri, memupuk semangat kekitaan (*esprit de corps*), integrasi dan maruah masyarakat penuturnya.

Bahasa juga mencerminkan kehalusan dan kesopanan budi bahasa penuturnya dan ketinggian adab susilanya, iaitu merupakan asas dan unsur yang utama dalam pembentukan sesebuah peradaban. Bahasa juga menjadi alat pencatat, perakam, penimbun, penyebar dan pewaris khazanah ilmu pengetahuan dan kebijaksanaan sesuatu

masyarakat dan bangsa yang diperturunkan daripada generasi kepada generasi.

Suasana dan keadaan alam pemikiran dan ilmu pengetahuan sesebuah masyarakat sangat rapat kaitannya dengan keadaan bahasanya. Oleh yang demikian penggunaan bahasa Melayu, iaitu bahasa tempatan dan kebangsaan Malaysia sebagai wadah dan wahana ilmu pengetahuan, sains, teknologi, pendidikan, persuratan dan pentadbiran bagi negara Malaysia dapat mengolah, membentuk dan mewarnakan seluruh pencapaian, kemajuan dan ketinggian peradaban kita dalam acuan budaya tempatan kita sendiri.

Juga pembudayaan ilmu, sains dan teknologi dalam bahasa sendiri dapat dengan mudah difahami oleh seluruh rakyat jelata dan dengan itu dapat meningkatkan sumber daya tenaga dan modal insan yang meluas dalam kalangan seluruh rakyat jelatanya, bukan terhad kepada golongan elit jika pengantar pendidikan dalam bahasa asing. Ini akan membina kekuatan dalaman dan keyakinan diri dalam kalangan rakyatnya yang mampu memupuk pula jati diri, maruah dan rasa kebanggaan kepada elemen budaya dan masyarakatnya sendiri. Inilah bibit-bibit yang akan dapat membina semangat kekitaan atau *esprit de corps* dan patriotisme dalam kalangan rakyat jelata yang kukuh yang boleh menuju ke arah pembentukan keutuhan dan integrasi masyarakat dan budayanya seperti yang berlaku di negara maju di seluruh dunia.

Suasana dan iklim demikian wujud hampir di semua negara maju baik di barat mahupun di timur. Apakah asas utama

yang mencorak dan mewarnai suasana dan iklim yang demikian? Tidak lain dan tidak bukan ialah bahasa kebangsaan/bahasa rasmi, iaitu bahasa tempatan mereka sendiri. Inilah peranan yang mesti dan boleh dimainkan oleh bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan, bahasa rasmi, bahasa pengantar pendidikan, bahasa ilmu, sains, teknologi dan bahasa penyatuan rakyat, demi pemupukan integrasi masyarakat dan negara bangsa Malaysia.

Ringkasnya, bahasa mewarnai seluruh kegiatan dalam kehidupan sesebuah masyarakat dan bangsa penggunaannya. Oleh yang demikian bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan, bahasa rasmi dan bahasa pengantar pendidikan boleh memainkan peranan yang kukuh dalam kelima-lima matra kegiatan hidup yang disebut oleh Christine Drake sebagai aspek pemupukan dan pembinaan integrasi nasional negara bangsa Malaysia.

Pemupukan Kefahaman yang Mendalam Terhadap Legasi Sejarah Pembentukan Negara Malaysia

Kemerdekaan Tanah Melayu pada 31 Ogos 1957 yang dicapai melalui perundingan antara kuasa penjajah British dengan perwakilan dari Malaya yang terdiri daripada wakil ketiga-tiga kumpulan etnik yang utama, iaitu Melayu, Cina dan India serta wakil Raja-Raja Melayu, sangat penting diperingati sebagai satu mercu tanda yang utama dalam sejarah pembinaan negara bangsa Malaysia. Detik pertama dalam hayat penubuhan negara ini secara simbolik ditempa dan dibentuk atas dasar

persefahaman dan penerimaan bersama empat komponen yang utama yang menjadi tunggak asas pembinaan negara, iaitu tiga kumpulan etnik yang utama (Melayu (kini Bumiputra), Cina, dan India) dan institusi Raja-Raja Melayu (sebagai warisan sejarah kewujudan negeri Melayu sejak zaman kegemilangan peradaban Melayu di wilayah alam Melayu ini).

Juga dari segi undang-undang, negara Malaysia bersistem pemerintahan demokrasi secara persekutuan dan raja berperlembagaan (*democratic government with federation system and constitutional monarchy*) sebagai warisan daripada pembentukan Persekutuan Tanah Melayu pada 1 Februari 1948, dan Persekutuan Malaysia pada 16 September 1963. Institusi Raja-Raja Melayu telah diberikan peruntukan kuasa dan bidang tugas tertentu dalam negeri masing-masing dan sebagai simbol ketaatsetiaan rakyat bagi negeri berkenaan, seperti Yang Dipertuan Agong sebagai simbol ketaatsetiaan bagi semua rakyat Malaysia (Tun Mohamed Suffian Hashim, 1976, ms. 1-2).

Hakikat ini mesti difahami dan diiktiraf oleh semua warga negara Malaysia, kerana inilah yang mencorak dan menstrukturkan negara bangsa Malaysia. Seandainya hakikat ini dilupai atau dipersoalkan dan seterusnya dimansuhkan, maka hilanglah corak dan struktur asasinya dan negara ini bukan lagi negara Malaysia.

Namun, ketaatsetiaan dan rasa hormat daripada pihak rakyat kepada institusi Raja-Raja Melayu harus merupakan sesuatu yang disemai dan dipupuk secara sukarela bukan secara paksaan. Dengan lain

perkataan, rakyat menghormati Raja-Raja kerana sememangnya mereka memiliki sifat yang terhormat dan terpuji. Oleh itu institusi Raja-Raja harus disesuaikan dengan kehendak semasa, iaitu rakyat yang terpelajar, berpendidikan dan beretika menginginkan juga Raja-Raja yang terpelajar, berpendidikan tinggi dan beretika, supaya taat setia dan rasa hormat dapat disemai dan dipupuk secara natural bukan paksaan. (Untuk peranan Raja-Raja lihat Tun Muhamed Suffian Hashim. 1976, ms. 17).

Aspek dan fokus sejarah seperti demikian sebagai satu legasi yang berharga harus disemai, dipupuk dan digemburkan dalam kalangan rakyat Malaysia, terutama sekali generasi muda di semua institusi pengajian dan pusat latihan secara berterusan, demi menyemai semangat patriotisme dan keinsafan tentang pengalaman sejarah pembentukan negara bangsa yang sepunya yang boleh bertindak sebagai kuasa penyatu dan ikatan yang kuat. Usaha penyemaian dan pemupukan keinsafan legasi sejarah negara bangsa sedemikian dilakukan secara berterusan oleh negara yang mempunyai semangat patriotisme yang kukuh seperti Amerika Syarikat, dan sebagainya.

Dalam perspektif sejarah penubuhan Persekutuan Tanah Melayu (1957) dan Malaysia (1963), harus juga difokuskan dan ditekankan unsur tradisi Perlembagaan Malaysia, untuk memperkukuhkan kesedaran sejarah yang boleh bertindak sebagai kuasa penyatu yang kuat dalam kalangan rakyat jelata Malaysia demi membina jati diri dan identiti Malaysia dan memupuk

persefahaman ke arah solidariti rakyat jelata Malaysia. Tun Salleh Abbas (1985, dipetik oleh Shamsul Amri Baharuddin (Ed.), 2007, ms. 104) telah menggariskan empat unsur tradisi yang menjadi teras kepada Perlembagaan Malaysia, iaitu:

1. Bahasa Kebangsaan Malaysia iaitu bahasa Melayu
2. Agama Persekutuan iaitu agama Islam
3. Kedudukan istimewa orang Melayu dan Bumiputera Sabah dan Sarawak
4. Pemerintahan beraja

Seperti yang ditegaskan oleh Suruhanjaya Reid, unsur tradisi yang telah wujud ratusan tahun sebelum Malaysia ditubuhkan, berperanan untuk menstabilkan sistem politik negara, kerana ia mengambil kira faktor sejarah, tradisi, dan sosial dan menjadi prasyarat penerimaan hak kewarganegaraan bagi etnik bukan Melayu. Unsur tradisi ini dianggap begitu penting sehingga dilindungi di bawah Akta Hasutan iaitu sebagai isu sensitif yang dilarang daripada perbincangan awam. Ia juga diletak di bawah Perkara 38 Perlembagaan yang memberi kuasa kepada Majlis Raja-Raja menghalang Parlimen membuat undang-undang yang menyentuh empat unsur tradisi itu.

Tentang Perkara 153 Perlembagaan yang menyentuh kedudukan istimewa orang Melayu dan kaum bumiputera Sabah dan Sarawak, rakyat jelata Malaysia kini harus memahami fakta sejarah ketika Perlembagaan ditubuhkan, seperti yang dinyatakan oleh sekumpulan penulis, iaitu:

“Perkara utama yang perlu diambil perhatian dan dihayati ialah semasa proses penggubalan Perlembagaan terdapat semangat persefahaman, akomodatif, berkongsi kuasa dan sedia berkorban yang begitu tinggi dalam kalangan orang Melayu dan bukan Melayu. Sebagai rakyat, kita perlu menghayati perkara ini kerana Perlembagaan merupakan undang-undang tertinggi negara dan menjadi rujukan kepada sesiapa sahaja.”

(Shamsul Amri Baharuddin (Ed.),
2008, ms. 109)

Semangat persefahaman, akomodatif, berkongsi kuasa dan sedia berkorban yang dikenali kini sebagai kontrak sosial antara orang Melayu dengan bukan Melayu itu menyaksikan penerimaan kerakyatan orang bukan Melayu secara *jus soli* (*right of the soil*), iaitu kerakyatan secara automatik bagi mereka yang lahir di negara ini pada atau sebelum hari kemerdekaan (1957), yang kini sudah diganti dengan *jus sanguinis* (*right of blood*) iaitu seorang daripada ibu bapanya mesti rakyat negara ini. Melalui prinsip *jus soli* itu pada 1958 seramai 822, 567 iaitu hampir sejuta orang bukan Melayu diberi kerakyatan secara automatik (Tun Mohamed Suffian Hashim, 1987, ms. 286). Sekiranya prinsip *jus sanguinis* diterapkan pada masa itu, maka majoriti bukan Melayu kini masih kekal sebagai pendatang. Oleh itu, semangat persefahaman, akomodatif,

berkongsi kuasa dan sedia berkorban antara orang Melayu dengan bukan Melayu itu harus terus dipupuk, dihayati dan diamali dalam kalangan rakyat jelata Malaysia demi pesefahaman, perpaduan dan jati diri warga negara sebagai bangsa Malaysia. Inilah legasi sejarah akomodasi dan semangat pengorbanan semua kaum semasa penubuhan negara Malaysia yang mesti disemai, dipupuk dan dilestarikan dalam kalangan rakyat jelata Malaysia secara berterusan.

Pemupukan Perasaan Bangga, Komitmen, Cinta dan Semangat Patriotisme Akan Negara Malaysia sebagai Tanah Air Tempat Lahir Mereka

Kesetiaan nasional atau kebangsaan mengatasi kesetiaan wilayah dan kaum memerlukan pemupukan citra dan semangat kebangsaan yang kuat dan perhubungan yang harmonis antara kaum dan wilayah yang berbeza-beza yang dengan itu dapat membentuk perasaan patriotisme yang kukuh terhadap negara bangsa.

Perasaan bahawa negara Malaysia ini ialah tanah air tempat tumpah darah bersama dan bahawa kesetiaan seorang rakyat kepada negara bangsa Malaysia mengatasi kesetiannya kepada kaumnya dan wilayah asalnya, hanya dapat disemai, dipupuk dan dibina melalui perasaan patriotisme yang kukuh dan padu terhadap negara Malaysia. Bagaimana matlamat ini dapat dicapai?

Daripada perbincangan di atas, dua elemen yang sepunya dalam kalangan rakyat Malaysia, yang sangat penting disemai dan dipupuk yang boleh melahirkan elemen

yang ketiga perasaan patriotisme yang kukuh, telah dibahasakan, iaitu:

1. bahasa kebangsaan, bahasa rasmi, bahasa penyatuan dan bahasa pengantar pendidikan yang sama yang dapat membudayakan ilmu, sains, teknologi ke seluruh rakyat jelata dalam acuan dan citra Malaysia sendiri
2. keinsafan yang mendalam dalam kalangan rakyat jelata terhadap legasi sejarah pembinaan negara bangsa Malaysia yang akan menjadi ikatan yang kuat
3. sifat patriotisme, iaitu perasaan cinta kepada Malaysia, dan menganggap bahawa Malaysia ialah tanah air tempat tumpah darah yang sama

Daripada perbincangan di atas, jelas bahawa untuk mencapai integrasi nasional, usaha, perancangan dan tindakan harus mencakupi aspek yang berbeza-beza itu yang merangkumi kegiatan politik, ekonomi, budaya dan kemasyarakatan. Penggabungan bidang yang berbeza-beza ini secara bijak dapat membina sebuah negara yang mempunyai integrasi nasional yang teguh. Tanpa integrasi nasional sebuah negara yang bersifat heterogenus seperti Malaysia dengan ciri jamak budaya dan kaum, jamak agama, jamak adat dan tradisi dan juga jarak wilayah yang luas, sangat sukar untuk mencapai kestabilan dan keamanan yang berterusan.

Sememangnya bagi negara yang jamak budaya, kaum, keturunan, agama dan bahasa seperti Malaysia, persoalan perpaduan, integrasi, penerimaan dan penghormatan

ciri kepelbagaian kaum, merupakan soalan yang kritikal untuk menjamin kelangsungan dan keselamatan negara.

Untuk tujuan ini, kerajaan Malaysia telah menubuhkan Jabatan Perpaduan Negara pada 1969 sesudah berlakunya Tragedi 13 Mei 1969. Sehingga kini jabatan ini telah bertukar nama dan naungan operasinya lapan kali dan terakhir pada 2009 dengan nama Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (JPNI) di bawah naungan Jabatan Perdana Menteri. (<http://www.jpni.gov.my>)

Visinya adalah:

“Untuk Menjadi Sebuah Agensi Kerajaan Yang Unggul dalam Usaha Melahirkan Bangsa Malaysia Yang Bersatu Padu, Berwawasan dan Berdaya Maju”,

Misinya pula adalah:

“Untuk Memupuk Kesefahaman dan Semangat Muhibah Melalui Jaringan dan Interaksi Sosial Ke Arah Pembentukan Bangsa Malaysia Yang Bersatu Padu dan Beridentiti Nasional.”

Jabatan ini telah mengemukakan 19 strategi yang eksplisit untuk memenuhi misi dan visinya itu, iaitu: strategi politik, ekonomi, pendidikan, penggunaan bahasa kebangsaan, agama, kebudayaan, integrasi wilayah, keselamatan, pembangunan kawasan, media massa, kesukanan, pempasyarakatan perpaduan, pertubuhan

sukarela, penyelidikan dan penerbitan bahan bacaan, pemantauan isu semasa dan konflik, penubuhan Panel Penasihat Perpaduan Negara (PANEL) dan Jawatankuasa Penasihat Perpaduan Peringkat Negeri (JKPPN), program dan aktiviti perpaduan dan program keperluan semasa yang lain.

KESIMPULAN

Artikel ini telah mencadangkan tiga strategi untuk memupuk dan mengukuhkan perpaduan dan semangat cinta akan negara Malaysia dalam kalangan rakyat jelatanya, iaitu:

1. memperkasakan bahasa kebangsaan, bahasa rasmi, dan bahasa pengantar pendidikan yang sama, iaitu bahasa Melayu yang dapat membudayakan ilmu, sains, teknologi ke seluruh rakyat jelata dalam acuan dan citra Malaysia sendiri
2. menyemai dan memupuk keinsafan yang mendalam terhadap legasi sejarah pembinaan negara bangsa yang sama yang akan menjadi ikatan yang kukuh terhadap negara bangsa dalam kalangan warga negaranya, dan
3. menyemai dan memupuk sifat patriotisme, iaitu perasaan bahawa Malaysia ialah tanah air tempat tumpah darah kita yang sama supaya muncul "*hubbul watan*" atau cinta akan tanah air yang tidak berbelah bagi terhadap Malaysia.

Masa depan Malaysia adalah dalam tangan rakyat jelatanya, sama ada mereka

hendak membangunkannya dengan penyemaian dan pemupukan perpaduan dan integrasi nasional yang kukuh dalam kalangan mereka melalui strategi dan langkah-langkah yang digariskan di atas, ataupun mereka mahu terus-menerus bersengketa dan bepecah-belah dengan menekankan perbezaan dan hak masing-masing tanpa kompromi, toleransi, akomodasi, pengorbanan, penerimaan dan seterusnya penghormatan antara satu sama lain. Sikap negatif demikian merupakan bibit ekstremisme, chauvanisme dan fanatisisme yang sememangnya ditentang oleh semua agama dan nilai murni semua bangsa, lebih-lebih lagi Islam yang menekankan perhubungan yang baik dan mesra sesama insan tanpa mengira kaum dan keturunan, seperti yang termaktub dalam Qur'an Surat al-Hujurat (49:13):

"Wahai umat manusia, sesungguhnya kami telah menciptakan kamu daripada lelaki dan perempuan, dan kami telah menjadikan kamu berbagai bangsa dan bersuku kaum, supaya kamu berkenalan secara mesra antara satu sama lain. Sesungguhnya semulia-mulia kamu di sisi Allah ialah orang yang lebih taqwanya di antara kamu."

Sememangnya bagi negara yang jamak budaya, kaum, keturunan, agama dan bahasa seperti Malaysia, persoalan perpaduan, integrasi, penerimaan dan penghormatan ciri kepelbagaian kaum, merupakan soalan

yang kritikal untuk menjamin kelangsungan dan keselamatan negara.

Untuk tujuan ini, kerajaan Malaysia telah menubuhkan Jabatan Perpaduan Negara pada tahun 1969 sesudah berlakunya Tragedi 13 Mei 1969. Sehingga kini jabatan ini telah bertukar nama dan naungannya lapan kali dan terakhir pada tahun 2009 dengan nama Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (JPNI) di bawah Jabatan Perdana Menteri dengan visinya:

“Untuk Menjadi Sebuah Agensi Kerajaan Yang Unggul dalam Usaha Melahirkan Bangsa Malaysia Yang Bersatu Padu, Berwawasan dan Berdaya Maju”,

dan misinya:

“Untuk Memupuk Kesefahaman dan Semangat Muhibah Melalui Jaringan dan Interaksi Sosial Ke Arah Pembentukan Bangsa Malaysia Yang Bersatu Padu dan Beridentiti Nasional.”

(<http://www.jpnn.gov.my>)

Jabatan ini telah mengemukakan 19 strategi untuk memenuhi misi dan visinya itu, iaitu: strategi-strategi politik, ekonomi, pendidikan, penggunaan bahasa kebangsaan, agama, kebudayaan, integrasi wilayah, keselamatan, pembangunan kawasan, media massa, kesukanan, pemasyarakatan perpaduan, pertubuhan sukarela, penyelidikan dan penerbitan bahan bacaan, pemantauan isu-isu semasa dan konflik,

penubuhan Panel Penasihat Perpaduan Negara (PANEL) dan Jawatankuasa Penasihat Perpaduan Peringkat Negeri (JKPPN), program dan aktiviti perpaduan dan program-program keperluan semasa yang lain.

Sekian. *Wallahu `a`lamu bi ssowab wa l-hamdulillahi Rabbil `alamin.*

BIBLIOGRAFI

- Al-Qur`an: Tafsir Pimpinan ar-Rahman.* (1995). (cetakan ke-6), Kuala Lumpur: Jabatan Perdana Menteri.
- Andaya B. W., & L. Y. Andaya. (1992). *A History of Malaysia* (reprint). Hong Kong: Macmillan.
- Drake, C. (1989). *National Integration in Indonesia: Patterns and Policies*. Honolulu: University of Hawaii Press.
- Drake, C. (1981). *The Geography of National Integration; A Case Study of Indonesia*. University Microfilms International, Michigan: Ann Arbor.
- Hashim Hj. Musa., & Rozita Che Rodi. (2010). Pemupukan Perpaduan dan Semangat Cinta akan Negara Malaysia di kalangan Rakyat Jelata. Dalam Mohd Sharifudin Yusuf, Arba`ie Sujud & Zaitul Azma Zainon Hamzah (Ed.). (2010). *Penyelidikan Linguistik, Bahasa dan Budaya: Pemupukan Perpaduan*. Serdang: Penerbit Universiti Putra Malaysia. (hal. 1-18)
- Hashim Hj. Musa. (2008a). Bahasa Melayu dan Pemeraksanaan Masyarakat Malaysia. Dalam *Prosiding Seminar Antarabangsa Linguistik & Pembudayaan Bahasa Melayu ke-4*. Jabatan Bahasa Melayu Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, UPM, Dewan Bahasa dan Pustaka dan Kementerian Perpaduan, Kebudayaan, Kesenian dan Warisan Malaysia. (hal. 21-35)

- Hashim Hj. Musa. (2008b). *Hati Budi Melayu: Pengukuhan Menghadapi Cabaran Abad ke-21*. Serdang: Penerbit Universiti Putra Malaysia.
- Hashim Hj Musa. (2004). *Pemeriksaan Tamadun Melayu Malaysia*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Huntington, S. (1996). *The Clash of Civilizations and the Remaking of World Order*. New York: Simon & Schuster.
- Kua Kia Song. (1985). *Joint Memorandum on National Culture Submitted to the Ministry Culture, Youth and Sports by the Major Chinese Organization in Malaysia*. Kuala Lumpur: Malaysian Chinese Research and Resource Centre.
- Lee Su Kim. (2003). Exploring the Relationship between Language, Culture and Identity. *GEMA Online Journals of Language Studies*, 3(2), (hal. 1)
- Mahathir Mohamed. (1991). *The Way Forward*. Kuala Lumpur: Malaysian Business Council.
- Mohd Salleh Abbas. (1985). *Unsur-Unsur Tradisi dalam Perlembagaan Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohamed Suffian Hashim. (1976). *An Introduction to the Constitution of Malaysia* (cetakan kedua). Kuala Lumpur: Government Printer.
- Hassan Ahmad. (1999). *The Language Policy of Malaysia*. (Thesis Ph.D). Leiden University.
- Kennedy, Paul. (1994). *Preparing for the Twenty-first Century*. New York: Vintage Book.
- Reo, M. Christenson, Dan, N. Jacobs, Engel, Alan S., & Herbert, Waltzer. (1981). *Ideologies and Modern Politics*. New York: Harper & Row.
- Shamsul Amri Baharuddin. (Ketua Ed.). 2008. *Modul Hubungan Etnik*. Shah Alam: Pusat Penerbitan Universiti Teknologi MARA.
- The World Values Survey Association. (n.d.). *The World Values Survey*. Dicapai pada 20 September 2012 dari <http://www.worldvaluessurvey.org>.
- Web rasmi Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional*. Dicapai pada 20 September 2012 dari <http://www.jpnin.gov.my>.
- Web rasmi Jabatan Perangkaan Malaysia*. Dicapai pada 20 September 2012 dari <http://www.statistics.gov.my>.
- Wikipedia. (n.d.). *List of countries by population*. Dicapai pada 18 September 2012, dari http://en.wikipedia.org/wiki/list_of_countries_by_population



Kata Serapan Arab dalam Bahasa Melayu: Perubahan dari Segi Ejaan Jawi dan Makna

Muhammad Bukhari Lubis

*Jabatan Bahasa dan Kesusasteraan Melayu, Fakulti Bahasa dan Komunikasi,
Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI), 35900 Tanjong Malim, Perak, Malaysia*

ABSTRAK

Makalah ini mengulas bagaimana kata serapan Arab dalam bahasa Melayu itu menerima dua perubahan: dari segi ejaan (Jawi) dan makna. Tentu ada perkataan yang dikekalkan ejaannya, khususnya istilah, itu pun masih ada pengecualiannya, terutamanya demi mengelakkan homograf. Secara umum, ejaan kata biasa banyak diubah, namun ada yang kekal kerana alasan-alasan yang ditetapkan. Oleh sebab sumber perkataan yang dibahaskan ini adalah bahasa Arab, maka turut dibincangkan pola tasrif dalam bahasa Arab itu, dan bagaimana situasi perubahan ejaan yang berlaku. Secara terperinci, untuk bahagian-bahagian tertentu, diulas Kata Kerja Bentuk I, II, III, IV, V, VI, VIII, dan X dan dijelaskan pola perubahan ejaan yang berlaku, itu pun dalam area kata-kata nama sahaja. Tentang makna, ditekankan perubahan yang membawa perluasan dan penyempitan makna. Ada yang istimewa, apabila diterima dua keadaan: sebagai istilah (dikekalkan termasuk ejaannya), dan sebagai kata umum (berubah ejaan dan erti sekali). Amat menarik aksara yang berlaku dalam tamadun kita ini: disudahi dengan seruan bersama-sama kita memasyarakatkan tulisan ini, setelah 611 tahun (Masihi) atau 643 tahun (Hijriah) dia menabur bakti!

Kata kunci: Kata serapan Arab, sistem ejaan jawi, pola tasrif, peluasan makna, penyempitan makna

ABSTRACT

This article analyses how the Arabic loan-words in Malay (written in Arabo-Malay [Jawi] spelling) get two changes: spelling and meaning. For words without any spelling changes, it happens to terminologies, however in some cases the spelling has been adopted in order to avoid homograph. In general, the spelling of common words are changed, but some do not for specific reasons. Since the loan-words are originally from Arabic language, this article also discusses the specific sections in Arabic morphology, especially on Verb Forms I, II, III, IV, V, VI, VIII, and X. All nouns derived from the verb forms are explained and how the spellings change when they come to Malay vocabulary. In terms of meaning, there are two changes: extending and reducing. For the extended meaning, it is enlightened when it happens as a term (without any change in spelling and meaning) and as a common word (with changes in spelling and meaning). It is interesting that the Arabo-Malay (Jawi) writing and spelling which have been contributed into our civilization! The article ends with a call upon Malaysians to upgrade their efforts to redevelop this writing, after 611 (A.D)

INFO MAKALAH

Pewasitan Makalah:
Dihantar: 2 Januari 2014
Diterima: 22 Januari 2014

E-mail:

bohari@upsi.edu.my (Muhammad Bukhari Lubis)

or 643 (A.H) years it has successfully make a wounderful contribution!

Keywords: Arabic loan words, Jawi spelling system, conjugation pattern, meaning extension, meaning reduction

PENGENALAN

Sebagai warisan warga Alam Melayu, tulisan atau aksara Jawi sudah lama bertapak dan berjaya memainkan peranannya (bukti awal penggunaannya, Batu Bersurat Terengganu yang bertarikh 4 Rajab 702H / 22 Februari 1303M [Muhammad Zainiy Uthman dan Azlan Hashim, 2013: 30-46]). Setelah menerima kedatangan Islam, dengan sendirinya Alam Melayu mula menukar jenis tulisan sebelumnya (Pallava dan Rencong), seiring dengan peranan bahasa Arab (Syed Muhammad Naguib Al-Attas, 1972 dan *Ensiklopedia bahasa, utama dunia*, 1998, ms. 24-35) dalam agama Islam itu sendiri. Malah tidak salah dikatakan, jika agama Islam itu badannya, maka bahasa Arab adalah bayangannya.

Huruf Jawi yang juga dikenali sebagai huruf Melayu berjumlah 37. Bilangan huruf Jawi yang melebihi abjad rumi menyebabkan tidak semua huruf Jawi itu dapat dipadankan dengan huruf rumi. Abjad Jawi bermula dengan huruf *alif* dan berakhir dengan huruf *nya*. Terdapat enam huruf tambahan rekaan para cendekiawan silam bagi melengkapkan lambang bunyi dalam bahasa Melayu. Oleh itu, mereka telah mengambil dua ‘huruf ubah suai Parsi,’ iaitu *ca* dan *ga*; di samping cendekiawan Melayu sendiri menggubal beberapa huruf baharu – dapat digelar ‘huruf ubah suai Melayu’ -

seperti *nga*, *pa*, *nya*, dan *va*. Keenam-enam huruf tersebut menggunakan ‘rumah huruf’ yang sedia ada dalam huruf hijaiyyah Arab, tetapi diubah suai dengan menambah titik pada bahagian tertentu.

Ha	ح	Ca	چ
Ain	ع	Nga	نج
Fa	ف	Pa	ط
Kaf	ك	Ga	گ
Nun & Ba	ب / ن	Nya	پا / ن
Wau	و	Va	ف

Selain itu, huruf *ye* [ی] [*e-pepet*] atau *ya tanpa noktah* (atau *alif al-maqsurah* dalam bahasa Arab), dipadankan dengan huruf *e-pepet* [a] di akhir kata bagi perkataan-perkataan tertentu seperti *nasionalisme* (ناسیونالیسمی) dan *metode* (میتودی).

Bahasa Melayu berkembang, sejajar dengan perubahan aksara tadi. Banyak sungguh perkataan Arab yang terserap ke dalam bahasa Melayu, lebih daripada 2,200 perkataan. Hal ini belum termasuk istilah Arab yang masuk ke perbendaharaan kita pada zaman globalisasi ini. Sebagai bahasa yang kaya dan maju, kita menerima masuk kedatangan kata-kata Arab ini untuk diterima pakai, sama ada untuk kegunaan makna buat kali pertama, ataupun untuk menambah perkataan sinonim dalam perbendaharaan bahasa Melayu.

PRINSIP UTAMA PENGEJAAN KATA SERAPAN ARAB

Kata serapan Arab dieja dengan Kaedah Lampau Hukum (tidak mengikut kaedah yang dirumus berdasarkan ejaan kata asal Melayu (Muhammad Bukhari Lubis *et al.*, 2013) Dengan kata-kata lain, kebanyakan perkataan begini di luar kaedah

mengeja yang lumrah, khususnya apabila dibandingkan dengan cara mengeja kata jati Melayu. Misalnya:

Ejaan Rumi	Ejaan Arab	Ejaan Jawi BM	Bandingan Kata Melayu
Fardu	فرض	فرض	Garpu (كرفو)
Karib	قريب	قريب	Katil (كاتيل)
Nikah	نكاح	نكاح	Nipah (نيفة)
Sujud	سجود	سجود	Pujuk (فوجوق)
Zaman	زمان	زمان	Makan (ماكن)

Dua Kaedah Utama

Ada dua kaedah utama dalam isu mengeja kata serapan Arab ini.

1. Istilah agama – dikekalkan ejaannya

Kata serapan Arab yang tergolong ke dalam ‘istilah agama’, atau dirasakan sebagai istilah khusus, dikekalkan ejaannya. (Ada juga kekecualiannya, akan dibahas nanti.)

Ejaan Rumi	Ejaan Jawi
Nabi	نبي
Solat	صلاة

2. Kata umum – diubah ejaannya

Kata umum, maksudnya bukan istilah agama dan ia lama terserap sehingga dieja mengikut ejaan kata jati dalam bahasa Melayu.

Ejaan Rumi	Ejaan Arab	Ejaan Jawi
Kertas	قراطيس	كرتس
Sabun	صابون	سابون
Wabak	وباء	وابق
Zuriat	ذرية	ذوريت
Juadah	زواذة	جواده

Perubahan Ejaan Walaupun Istilah

Meskipun satu-satu perkataan itu merupakan istilah, namun untuk mengelakkan homograf, iaitu dua perkataan yang sama

ejaannya tetapi berlainan bunyi dan ertinya, maka ada istilah yang diubah ejaannya (berlaku penambahan huruf khususnya vokal). Huruf vokal dalam bahasa Melayu untuk membimbing bunyi yang sebenarnya (ke atas [a], ke depan [u], atau ke bawah [i]). Sementara dalam bahasa Arab, huruf vokal berfungsi untuk memanjangkan bunyi huruf itu (dengan syarat tertentu). Malah ada masanya, kerana beza antara bacaan pendek dengan bacaan panjang itu, ia memberi makna yang berlainan.

Ejaan Arab	Bunyi Pertama	Bunyi Kedua	Ejaan Jawi BM
ذکر	(zakar)	(zikt)	ذکر ذیکیر
عالم	(alam)	(alim)	عالم عالیم
محرم	(mahram) atau (Muharram)	(muhrim)	محرم محریم

Biarpun Lama Terserap (Kata Umum), Namun Kekal Ejaan Arabnya

Dalam kelompok ini, walaupun satu-satu perkataan itu sudah lama terserap, namun ejaan asal bahasa sumbernya dikekalkan.

Ejaan Rumi	Ejaan Arab	Ejaan Jawi
Akal	عقل	عقل
Khayal	خيال	خيال

Kata Umum yang Menerima Perubahan Konsonan Khasnya

Terdapat pula perkataan yang diubah huruf konsonannya, khususnya konsonan Arab jati, demi memudahkan sebutannya dalam bahasa Melayu.

Ejaan Rumi	Ejaan Arab	Ejaan Jawi
Aral	عرض	عرل
Jamin	ضامن	جامين
Silap	خلاف	سيلف

Tanpa Vokal pada Istilah Agama, namun Ditambah Vokal untuk Pengertian Umum

Ada istilah agama dieja tanpa huruf vokal walaupun ada bunyi vokal [a], [i] atau [u]; bagaimanapun, apabila ia digunakan untuk pengertian umum, ditambah huruf *alif*, atau *ya*, atau *wau*.

Ejaan Rumi	Ejaan Jawi
Al-Arif	العارف
Arif	عاريف
Al-Hakim	الحاكم
Hakim	حاكيم

Sebagai Kata Dasar Kekal Ejaan Asal, Ada Penambahan apabila Menjadi Kata Terbitan

Perkataan yang berakhir dengan suku kata terbuka dengan menggunakan bunyi vokal [a], [i], atau [u] dieja mengikut asalnya sebagai kata dasar. Apabila dibentuk menjadi kata terbitan, dengan tambahan akhiran atau partikel, maka perlu ditambah huruf *alif*, atau *ya*, atau *wau* demi mengelakkan kesamaran dalam pembacaan.

Ejaan Rumi	Ejaan Jawi
Fardu	فرض
Memfardukan	مفروضون
Haji	حج
Menghajikan	مغجاجيكن
Fatwa	فتوى
Memfatwakan	مفتواكن

Penambahan Huruf Vokal pada Kata yang Asalnya Konsonan Sahaja

Demi mengelakkan kesilapan atau kekeliruan dalam pembacaan bunyi vokal, huruf vokal *ya* atau *wau* ditambah ke dalam ejaan Jawi.

Ejaan Rumi	Ejaan Arab	Ejaan Jawi
Fikir	فكر	فيكير
Rukun	ركن	روكون
Sifir	صفر	سيفير

Perubahan Huruf Alif Maqsurah dalam Bahasa Arab (ى, iaitu ya yang tidak bernoktah) Menjadi Alif.

Sebagai kata dasar lagi, terus diubah *ya* yang tidak bernoktah itu menjadi *alif* kerana sudah lama terserap dan bukan istilah.

Ejaan Rumi	Ejaan Arab	Ejaan Jawi
Dakwa	دعوى	دعوا
Makna	معنى	معنا

Pengekalan Huruf Alif Maqsurah dalam Bahasa Arab (ى, iaitu ya yang tidak bernoktah), namun Diubah apabila Menerima Imbuan.

Ada kata serapan Arab yang mengekalkan huruf ini, yang dalam ejaan Jawi dipanggil huruf *ye* (*e-pepet*).

Ejaan Rumi	Ejaan Arab	Ejaan Jawi
Fatwa	فتوى	فتوى
Takwa	تقوى	تقوى

Walau bagaimanapun, apabila ia menjadi kata terbitan dengan akhiran atau partikel, maka huruf *alif maqsurah* atau *ye* tadi digantikan dengan huruf *alif* pula.

Ejaan Rumi	Ejaan Jawi
Memfatwakan	مفتواكن
Ketakwaan	كتقواان

Pengekalan Ejaan Selagi Menjadi Istilah, Diubah apabila Menjadi Kata Umum

Ada kata serapan Arab yang menerima kedua-dua fungsi: sebagai istilah dan kata umum. Sebagai istilah, dikekalkan ejaan asalnya. Sebagai kata umum, diubah di mana yang perlu. Maknanya lebih luas

sedikit, tidak terikat dengan batasan atau unsur keagamaan itu.

Ejaan Rumi	Ejaan Arab	Ejaan Jawi
Akad	عقد	عقد
Ikut	-	ايكت
Fardu	فرض	فرض
Perlu	-	قرلو
Fasakh	فسخ	فسخ
Pisah	-	قيسه
Fatwa	فتوى	فتوى
Petua	-	قتوا
Mudarat	مضرة	مضرت
Melarat	-	ملارت

Penulisan Huruf Hamzah

Bagi kata serapan yang bukan istilah agama, ia dieja mengikut kaedah mengeja kata jati Melayu, iaitu dengan meletakkan *hamzah* selepas *wau*, bukan *hamzah* berumahkan *wau*.

Ejaan Rumi	Sebutan	Ejaan Jawi
Muktamar	Mu'tamar	موٴتمر
Mukmin	Mu'min	موٴمن

Penulisan Huruf Ta Marbutah (Ta Sumpul).

Dalam kata serapan Arab, huruf *ta marbutah* yang berfungsi hanya semata-mata di hujung satu-satu perkataan itu, melambangkan bunyi [t] atau [h] sebagai kelainan sebutan, dan kelainan sebutan itu lazimnya tidak membezakan makna. Pada penerimaan orang Melayu terjadi tiga ragam.

- i. Diterima sebagai bunyi [t] lalu ditulis dengan ejaan *ta* (ت) (*ta maftuhah* atau *ta panjang*).

Ejaan Rumi	Sebutan	Ejaan Jawi
Dahsyat	dah.syat	دهشت
Surat	su.rat	سورت

- ii. Bunyi [h] dengan ejaan *ta marbutah* (ة)

Ejaan Rumi	Sebutan	Ejaan Jawi
Fathah	fat.hah	فتحة
Surah	su.rah	سورة

- iii. Bunyi [t] dan [h] dengan ejaan *ta marbutah* (ة)

Ejaan Rumi	Sebutan	Ejaan Jawi
Akibat / akibah	a.ki.bat / a.ki.bah	عاقبة
Hidayat / hidayah	hi.da.yat / hi.da.yah	هداية
Musibat/musibah	mu.si.bat / mu.si.bah	مصيبة

Pada umumnya, kata-kata dalam kelompok ini dieja menurut corak penerimaannya ke dalam bahasa Melayu.

POLA KATA SERAPAN ARAB DALAM BAHASA MELAYU

Kata yang paling banyak terserap adalah dari kelas kata nama. Kata nama ini meliputi beberapa subkelas, iaitu *ism fa'il* (kata nama pelaku), *ism maf'ul* (kata nama objek), *ism masdar* (kata nama terbitan), *ism makan* (kata nama tempat), *ism zaman* (kata nama masa), dan *ism alah*¹ (kata nama alat).

Dari segi Kata Kerja Bentuk I, ia memberi kesan kepada enam jenis kata nama.

(A) *Ism fa'il* (kata nama pelaku) pola *fa'il* (فاعل)

(A1) Selagi menjadi kata umum, ditambah huruf *ya* untuk suku kata tertutup akhir.

Kata Arab	Sebutan	Ejaan Rumi	Ejaan Jawi
سالم	Sa.lim	Salim	ساليم
عادل	'A.dil	Adil	عاديل

¹ Pada dasarnya, untuk perkataan Arab yang masih dirasakan asing, digunakan sistem transliterasi yang dianjurkan dalam Muhammad Bukhari Lubis dan Ali Haji Ahmad, 2006. Bagaimanapun dalam artikel ini kerana kekangan tertentu, tidaklah semuanya dipatuhi, khususnya yang berkaitan dengan tanda diakritik.

(A2) Apabila menjadi istilah agama, dikekalkan ejaan Arabnya. Misalnya, nama atau sifat Allah, khususnya menjadi nama peribadi yang diawali dengan kata 'Abd.

Kata Arab	Sebutan	Ejaan Rumi	Ejaan Jawi
حافظ سالم	Ha.fiz Sa.lim	[‘Abd] al-Hafiz [‘Abd] al-Salim	(عبد) الحافظ (عبد) السالم

(A3) Ejaan kata terbitannya, ditambah huruf *ya* pada hujung kata itu. Hal ini diterapkan kepada kata kerja Arab yang huruf asasi ketiganya adalah huruf *ya* (yakni tergolong ke dalam kata kerja *mu‘tall*), contohnya دعى قضى

Kata Arab	Sebutan	Ejaan Rumi	Ejaan Jawi
داع قاض	Da.‘in Qa.din	Da‘i Kadi	داعي قاضي

(A4) *Ism fa‘il* (kata nama pelaku) pola *fa‘il* (فعليل) dan *fa‘al* (فعل). Dikekalkan ejaan Arabnya. Kebanyakannya menjadi nama peribadi (termasuk nama atau sifat Allah).

Kata Arab	Sebutan	Ejaan Rumi	Ejaan Jawi
كريم شريف حسن	Ka.rim Sha.rif Ha.san	Karim Syarif Hasan*	كريم شريف حسن

* Nama peribadi dengan ejaan rumi Hassan, asalnya yang betul adalah حسان, berubah sedikit maknanya (lelaki yang ‘begitu banyak’ melakukan kebaikan)

(B) *Ism maf‘ul* (kata nama objek) berpola *maf‘ul* (مفعول) sahaja.

Dapat dikatakan seragam, dan kebetulan ejaan Arab asalnya bersamaan dengan kaedah mengeja kata jati Melayu.

Kata Arab	Sebutan	Ejaan Rumi	Ejaan Jawi
معلوم مشهور منسوخ	ma. lum mash.hur man.sukh	maklum masyhur mansuh	معلوم مشهور منسوخ

(C) *Ism masdar* (kata nama terbitan)

(C1) *Ism masdar* pola *fi‘alat(un)* (فعالة).

Perkataan ini terdiri daripada tiga suku kata dan berakhir dengan huruf *ta marbutah*. Beberapa pedoman perlu diperhatikan. (i) Menurut ejaan asalnya (dalam bahasa Arab), vokal [i] pada suku kata pertama dieja tanpa menggunakan huruf vokal *ya* sebagai lambang. Hal ini begitu mantap dalam penggunaan ejaan Jawi. Maka ia (tanpa menambah huruf *ya*) dikekalkan. (ii) Ada empat hal berlaku pada huruf terakhir perkataan kelompok ini, iaitu *ta marbutah*. **Pertama**, diterima sebagai *ha*. **Kedua**, diterima sebagai *ta*. **Ketiga**, diterima sebagai *ha* dan *ta* secara bertukar ganti tanpa perubahan makna. **Keempat**, diterima kedua-duanya, tetapi mengalami perluasan makna: diterima sebagai *ha* dan kekal dengan makna asalnya; atau diterima sebagai *ta* dengan makna yang baru dan berbeza dengan makna asalnya.

Ada kaedah khusus untuk mengeja keempat-empat jenis tadi. Kelompok pertama, huruf *ta marbutah* ditukar menjadi huruf *ha*. Kelompok kedua, huruf *ta marbutah* itu ditukar dengan *ta maftuhah* (ت). Kelompok ketiga, huruf *ta marbutah* itu dikekalkan. Kelompok keempat, huruf *ta marbutah* itu ditukar menjadi *ha* atau *ta maftuhah* sesuai dengan makna masing-masing.

Kata Arab	Sebutan/Pe-nerimaan Melayu	Ejaan Rumi	Ejaan Jawi
عبارة	'I.ba.rat	Ibarat	عبارت
حكاية	Hi.ka.yat	Hikayat	حكايت
جناية	Ji.na.yah	Jenayah	جنايه

(C2) *Ism masdar* pola *fa'al(un)* (فعل)

Sejak awal dieja mengikut ejaan asal Arabnya, ejaan kata serapan ini telah pun mantap. Maka tiada sebarang perubahan.

Kata Arab	Sebutan	Ejaan Rumi	Ejaan Jawi
نسب	na.sab	nasab	نسب
بحث	(bahth) ba.hath	bahas	بحث

(C3) *Ism masdar* pola *fi'lat(un)* (فعللة)

Jika menjadi istilah, dikekalkan ejaan bahasa asalnya. Sungguhpun sudah menjadi kata umum, namun kerana perkataan itu telah mantap dengan ejaan asalnya, maka dikekalkan ejaan dalam bahasa Arabnya. Kata umum selainnya, ditulis atau dieja mengikut kaedah Jawi bahasa Melayu.

Kata Arab	Sebut	Ejaan Rumi	Ejaan Jawi
حكمة	hik.mah	1. hikmah	حكمه
	hik.mat	2. hikmat	حکمت
نعمة	ni'.mat	nikmat	نعمت

(C4) *Ism masdar* pola *fi'al(un)* (فعل)

Ejaan kata dalam kelompok ini telah pun mantap mengikut ejaan bahasa Arabnya. Maka ia dikekalkan.

Kata Arab	Sebutan	Ejaan Rumi	Ejaan Jawi
جهاد	ji.had	jihad	جهاد
حساب	hi.sab	hisab	حساب

(C5) *Ism masdar* pola *fa'al(un)* (فعال)

Sudah mantap seperti ejaan asalnya, maka ia terus dikekalkan.

Kata Arab	Sebutan	Ejaan Rumi	Ejaan Jawi
حلال	ha.lal	halal	حلال
مقام	ma.qam	makam	مقام

(C6) *Ism masdar* pola *fu'ul(un)* (فعلول)

Ejaan yang sudah mantap itu, mengikut ejaan bahasa Arabnya, dikekalkan.

Kata Arab	Sebutan	Ejaan Rumi	Ejaan Jawi
ركوع	ru.ku'	rukuk	ركوع
سجود	su.jud	sujud	سجود

(C7) *Ism masdar* pola *fa'alat(un)* (فعالة)

Juga ejaan perkataan dalam kelompok ini sudah lama mantap seperti ejaan bahasa asalnya, maka ia dikekalkan.

Kata Arab	Sebutan	Ejaan Rumi	Ejaan Jawi
قناعة	qa.na. 'ah	qanaah	قناعة
شفاة	sha.fa. 'at	syafaat	شفاة

(D) *Ism makan* (kata nama tempat)

Ada dua kemungkinan untuk kata nama ini, sama ada pola *maf'al* (مفعّل) atau *maf'il* (مفعّل).

(D1) Berdasarkan kata kerja pola *a-u*, ia akan menjadi *maf'al* (maskulin) atau *maf'alah* (femimin). Ejaan kata serapan ini kebetulan sama dengan

cara mengeja kata jati Melayu, maka ia dikekalkan.

Kata Arab	Sebutan	Ejaan Rumi	Ejaan Jawi
مركز	mar.kaz	markas	مرکس
محكمة	mah.ka.mah	mahkamah	محکمہ

(D2) Berdasarkan kata kerja pola *a-a*, ia akan menjadi *maf'al*. (مفعّل)

Sama dengan cara pengejaan kata jati Melayu, maka ejaan asalnya tidak menerima perubahan.

Kata Arab	Sebutan	Ejaan Rumi	Ejaan Jawi
مذهب	madh.hab	mazhab	مذهب
معمل	ma'.mal	makmal	معمل

(D3) Berdasarkan kata kerja pola *a-i*, ia akan menjadi *maf'il*. (مفعّل)

Jika ia menjadi kata umum, ditambah huruf *ya* untuk suku kata tertutup akhir itu.

Kata Arab	Sebutan	Ejaan Rumi	Ejaan Jawi
مجلس	maj.lis	majlis	مجلس

(D4) Berdasarkan kata kerja pola *a-i*, ia akan menjadi *maf'il*. (مفعّل)

Jika ia menjadi istilah, ataupun kata umum tetapi sudah lama mantap mengikut yang asalnya, maka dikekalkan ejaan dalam bahasa Arabnya itu.

Kata Arab	Sebutan	Ejaan Rumi	Ejaan Jawi
مغرب	magh.rib	maghrib	مغرب
مسجد	mas.jid	masjid	مسجد
مشرق	mash.riq	masyrik	مشرق

(E) *Ism zaman* (kata nama masa). Hanya satu kemungkinan, pola *maf'il* (مفعّل).

Oleh sebab sudah mantap dengan ejaan kata asalnya, maka terus dikekalkan, tidak diubah mengikut ejaan kata jati Melayu.

Kata Arab	Sebutan	Ejaan Rumi	Ejaan Jawi
مغرب	magh.rib	maghrib	مغرب

(F) *Ism alah* (kata nama alat).

Ada dua kemungkinan, sama ada pola *mif'al* (مفعّل) ataupun *mif'al* (مفعّل).

Boleh disimpulkan seragam bentuknya. Pada amnya, perkataan dalam kelompok ini adalah istilah yang mengandungi makna khusus, maka ejaan asalnya itu dikekalkan. Tidak boleh dikiaskan dengan cara mengeja kata jati Melayu.

Kata Arab	Sebutan	Ejaan Rumi	Ejaan Jawi
منبر	min.bar	mimbar	منبر
معراج	mi'.raj	mikraj	معراج
محراب	mih.rab	mihrab	محراب

Dari segi Kata Kerja Bentuk II, ia memberi kesan kepada tiga jenis kata nama dalam bahasa Melayu.

(A) *Ism fa'il* (kata nama pelaku), hanya dalam pola *mufa'il* (مفعّل).

Dikekalkan ejaan kata asalnya. Walau bagaimanapun agak malang sedikit kerana ejaan ruminya telah menggugurkan satu daripada dua huruf ketiga. Huruf ketiga kata terbitan ini bertanda *syaddah*. Jika dirumikan, sepatutnya huruf berkenaan

ditulis dua kali. Pengguguran salah satunya mengakibatkan para pembaca tersalah sebut.

Kata Arab	Sebutan	Ejaan Rumi	Ejaan Jawi
مبلغ	mu.bal.ligh	mubaligh	مبلغ
مفسر	mu.fas.sir	mufasir	مفسر
مطوف	mu.taw.wif	mutawif	مطوف

(B) *Ism maf'ul* (kata nama objek), hanya dalam pola *mufa'al* (مفعّل).

Kebanyakan kata dalam kelompok ini berupa kata umum. Sejak awal ia menggunakan ejaan bahasa sumber, sehingga ia menjadi mantap. Maka ejaan yang asal itu diteruskan. Kata-kata dalam kelompok ini, juga dalam perakamannya dengan huruf rumi, telah mengalami pengguguran salah satu huruf bertanda *syaddah*.

Kata Arab	Sebutan	Ejaan Rumi	Ejaan Jawi
مقدم	mu.qad.dam	mukadam	مقدم
مسبب	mu.sab.bab	musabab	مسبب
مكلف	mu.kal.laf	mukalaf	مكلف

(C) *Ism masdar* (kata nama terbitan).

(C1) Kata nama terbitan dalam pola *taf'il* (تفعيل), berasal daripada kata kerja yang kesemua hurufnya konsonan, atau lebih tepat tiada huruf vokal *ya* di hujungnya (*fi'l mu'tall*). Secara kebetulan, kata dalam kelompok ini mengikut kaedah ejaan Jawi Melayu. Maka diteruskan sahaja ejaan yang asal itu.

Kata Arab	Sebutan	Ejaan Rumi	Ejaan Jawi
تفسير	taf.sir	tafsir	تفسير
تدبير	tad.bir	tad.bir	تدبير

(C2) Kata nama terbitan dalam pola *taf'ilat(un)* (تفعيلة) (feminin), berasal daripada kata kerja yang kesemua hurufnya konsonan atau yang ada vokal *ya* di hujungnya (*fi'l mu'tall*). Secara kebetulan, kata dalam kelompok ini mengikut kaedah ejaan Jawi Melayu. Maka diteruskan sahaja ejaan yang asal itu.

Kata Arab	Sebutan	Ejaan Rumi	Ejaan Jawi
تذكرة	tadh.ki.rah	tazkirah	تذكرة
تهنئة	tah.ni.'ah	tahniah	تهنئته

Dalam kelompok Kata Kerja Bentuk III, ia memberi kesan kepada tiga jenis kata nama dalam bahasa Melayu.

(A) *Ism fa'il* (kata nama pelaku), hanya dalam pola *mufa'il(un)* (مفاعل).

(A1) Bagi perkataan yang sudah terserap betul, ia dieja dengan menambah huruf *ya* pada suku kata tertutup akhir.

Kata Arab	Sebutan	Ejaan Rumi	Ejaan Jawi
مسافر	mu.sa.fir	musafir	مسافير

(A2) Bagi perkataan yang menjadi istilah atau kata umum yang belum terserap betul, ia dieja tanpa tambahan huruf *ya* pada suku kata tertutup akhir.

Kata Arab	Sebutan	Ejaan Rumi	Ejaan Jawi
مهاجر	mu.ha.jir	muhajir	مهاجر
منافق	mu.na.fiq	munafik	منافق

(B) *Ism maf'ul* (kata nama objek), hanya dalam pola *mufa'al(un)* (مفاعل).

Perkataan dalam kelompok ini dieja seperti dalam bahasa sumbernya.

Kata Arab	Sebutan	Ejaan Rumi	Ejaan Jawi
مبارك	mu.ba.rak	mubarak	مبارك
مخالف	mu.kha.laf	mukhalaf	مخالف

(C) *Ism masdar* (kata nama terbitan), hanya dalam pola *mufa'alat(un)* (مفاعلة).

Perkataan yang tergolong ke dalam kelompok ini dieja seperti dalam bahasa sumbernya.

Kata Arab	Sebutan	Ejaan Rumi	Ejaan Jawi
مسابقة	mu.sa.ba.qah	musabaqah	مسابقة
معاملة	mu.'a.ma.lah / mu.'a.ma.lat	mu'amalah	معامله
موافقة	mu.wa.fa.qat	muafakat	موافقت

Untuk Kata Kerja Bentuk IV, ia memberi kesan kepada tiga jenis kata nama dalam bahasa Melayu.

(A) *Ism fa'il* (kata nama pelaku), hanya dalam pola *mufa'il(un)* (مفاعل).

(A1) Bagi perkataan yang menjadi istilah, ia dieja dengan mengikut ejaan bahasa sumbernya.

Kata Arab	Sebutan	Ejaan Rumi	Ejaan Jawi
مسلم	Mus.lim	Muslim	مسلم
مرشد	mur.shid	mursyid	مرشد

(A2) Bagi perkataan yang terserap betul dalam bahasa Melayu sehingga berubah sebutannya mengikut bunyi Melayu; atau menjadi istilah, namun menimbulkan kesamaran dengan kata serapan lain yang berlainan bunyi tetapi berejaan asal yang sama, maka ia dieja dengan menambah huruf vokal *ya* pada suku kata tertutup akhir.

Kata Arab	Sebutan	Ejaan Rumi	Ejaan Jawi
ممکن	mum.kin	mungkin	موثکین
محرم	muh.rim	muhrim	محريم

(B) *Ism maf'ul* (kata nama objek), hanya dalam pola *muf'al(un)* (مفاعل).

Meskipun perkataan dalam kelompok ini banyak menjadi kata umum, namun pengejaan tidak berubah, mengikut ejaan bahasa sumbernya.

Kata Arab	Sebutan	Ejaan Rumi	Ejaan Jawi
منکر	mun.kar	mungkar	منکر
مطلق	mut.laq	mutlak	مطلق

(C) *Ism masdar* (kata nama terbitan), hanya dalam pola *if'al(un)* (إفعال).

(C1) Kesemua kata nama terbitan dalam kelompok ini didahului dengan huruf *hamzat al-qat'* (همزة القطع), iaitu huruf *hamzah* berkerusikan *alif*.

Diikuti semua cara ejaannya, termasuk pengekalannya ejaan *hamzah*nya itu.

Kata Arab	Sebutan	Ejaan Rumi	Ejaan Jawi
إسلام	Is.lam	Islam	إسلام

* Peringatan: Perkataan Islam ini jika menerima awalan *se-ke-di*, hukum penambah *hamzah* di atas *alif* itu diabaikan. Dikekalkan *hamzah* asal di bawah *alif* itu. Misalnya: keislaman (كإسلامن).

(C2) Kesemua kata nama terbitan dalam kelompok ini didahului dengan huruf *hamzat al-qat'* (همزة القطع), iaitu huruf *hamzah* berkerusikan *alif*. Diikuti semua cara ejaannya, namun mesti digugurkan ejaan *hamzah*nya.

Kata Arab	Sebutan	Ejaan Rumi	Ejaan Jawi
إحسان	ih.san	ihsan	احسان
إعلان	i'.lan	iklan	اعلان

* Peringatan: Walaupun *hamzah* itu sudah hilang, apabila menerima awalan *se-ke-di*, maka mesti ditambah *hamzah* di atas *alif* itu. Misalnya: keikhklasan (كإخلاصن).

Kelompok Kata Kerja Bentuk V memberi kesan kepada dua jenis kata nama dalam bahasa Melayu.

(A) *Ism fa'il* (kata nama pelaku), hanya dalam pola *mutafa'ul(un)* (متفاعل).

(A1) Perkataan dalam kelompok ini kebanyakannya adalah istilah. Maka dikekalkan ejaan mengikut ejaan bahasa sumbernya.

Kata Arab	Sebutan	Ejaan Rumi	Ejaan Jawi
متكلم	mu.ta.kal.lim	mutakalim	متكلم
متنجز	mu.ta.naj.jis	mutanajis	متنجز

(A2) Ada juga perkataan dalam kelompok ini yang mengalami perubahan sebutan. Maka perubahan berlaku pada penambahan huruf vokal *ya* pada suku kata tertutup akhir.

Kata Arab	Sebutan	Ejaan Rumi	Ejaan Jawi
متأخر	mu.ta.akh.khir	mutakhir	متاخير

(B) *Ism masdar* (kata nama terbitan), hanya dalam pola *tafa'ul(un)* (تفاعل).

(B1) Banyak tergolong ke dalam kata umum.

Bagaimanapun, umumnya penutur Melayu tidak dapat menyebutnya dengan tepat (mengikut bunyi bahasa sumber, iaitu pada huruf bertanda *syaddah*), maka berlakulah kesilapan sebutan, iaitu penghilangan bunyi *syaddah*. Akhirnya perkataan berkenaan dieja mengikut sebutan dalam masyarakat kita. Maka lazimnya ditambah huruf vokal *wau* pada suku kata tertutup akhir. Kecenderungan sebutan bunyi pertama:

Kata Arab	Sebutan Asal	Sebutan Melayu	Ejaan Rumi	Ejaan Jawi
تكبر	ta.kab.bur	tak.bur	takbur	تكبور
تعجب	ta.'aj.jub	ta'.jub	takjub	تعجوب

(B2) Seperti di atas, dan inilah kecenderungan cara sebutan bunyi kedua.

Kata Arab	Sebutan Asal	Sebutan Melayu	Ejaan Rumi	Ejaan Jawi
تمدن	ta.mad.dun	ta.ma.dun	tamadun	تمدون
تفكر	ta.fak.kur	ta.fa.kur	tafakur	تفكور

* Peringatan: Ada satu perkataan dalam kelompok ini, iaitu *tawakkul*; tetapi tidak menerima perubahan bunyi yang sama. Malah dibunyikan mengikut pola kata kerja perintah dalam bahasa Arab (*tawakkal*). Ejaan jawinya sama sahaja dengan yang asal.

(B3) Seperti di atas, dan inilah kecenderungan cara sebutan bunyi ketiga.

Kata Arab	Sebutan Asal	Sebutan Melayu	Ejaan Rumi	Ejaan Jawi
تعصب	ta. 'as.sub	ta. 'a.sub	taasub	تعصوب
تعقل	ta. 'aq.qul	ta. 'a.qul	taakul	تعقول

Untuk Kata Kerja Bentuk VI, ia memberi kesan kepada dua jenis kata nama dalam bahasa Melayu.

(A) *Ism fa' il* (kata nama pelaku), hanya dalam pola *mutafa' il(un)* (مفاعل).

Terlalu sedikit, itu pun menjadi istilah. Dieja mengikut ejaan asalnya.

Kata Arab	Sebutan	Ejaan Rumi	Ejaan Jawi
متواتر	mu.ta.wa.tir	mutawatir	متواتر

(B) *Ism masdar* (kata nama terbitan), hanya dalam pola *tafa' ul(un)* (تفاعل).

(B1) Banyak yang menjadi istilah, maka dikekalkan ejaannya.

Kata Arab	Sebutan	Ejaan Rumi	Ejaan Jawi
تعارف	ta. 'a.ruf	taaruf	تعارف
تواضع	ta.wa.du'	tawaduk	تواضع

(B2) Sudah dianggap menjadi kata umum, maka dieja mengikut pengejaan Jawi Melayu. Ditambah huruf vokal *wau* pada suku kata tertutup akhir.

Kata Arab	Sebutan	Ejaan Rumi	Ejaan Jawi
تدارس	ta.da.rus	tadarus	تداروس

Untuk Kata Kerja Bentuk VIII pula, ia memberi kesan kepada tiga jenis kata nama dalam bahasa Melayu.

(A) *Ism fa' il* (kata nama pelaku), hanya dalam pola *mufta' il(un)* (مفاعل).

(A1) Dikekalkan cara pengejaannya kerana ia menjadi istilah.

Kata Arab	Sebutan	Ejaan Rumi	Ejaan Jawi
مجتهد	muj.ta.hid.	mujtahid	مجتهد

(A2) Kata tertutup akhir menjadi kata terbuka, apabila disangka huruf *hamzah* di akhir kata yang berkerusakan huruf *ya* tidak perlu disebut dengan jelas. Maka berubah sedikit ejaannya.

Kata Arab	Sebutan	Ejaan Rumi	Ejaan Jawi
مبتدئ	mub.ta.di'	mubtadi	مبتدي

* Peringatan: Kecenderungan menggugurkan sebutan bunyi huruf *hamzah* di akhir perkataan dalam tulisan Jawi mengakibatkan padanan ruminya tidak diadakan. Jadi ejaan rumi *ulama, fuqaha*, dan *qari* apabila diejajawikan, *hamzah* itu hendaklah didatangkan semula (فقهاء, علماء, and قارئ).

(B) *Ism maf'ul* (kata nama objek), hanya dalam pola *mufta'al(un)* (مفتعل).

(B1) Meskipun banyak dalam kata umum, namun kerana ia sudah mantap dengan ejaan asalnya, maka ia terus dikekalkan.

Kata Arab	Sebutan	Ejaan Rumi	Ejaan Jawi
معتمد	mu'.ta.mad	muktamad	معتمد

(B 2) Menjadi kata umum, lalu dieja dengan pengguguran huruf *alif* pada suku kata tertutup akhir.

Kata Arab	Sebutan	Ejaan Rumi	Ejaan Jawi
مستجاب	mus.ta.jab	mustajab	مستجب

(B3) Menjadi kata umum, lalu dieja dengan mengubah cara meletakkan *hamzah*; bukan di atas *wau*, malah berasingan dengan rumah sendiri.

Kata Arab	Sebutan	Ejaan Rumi	Ejaan Jawi
مؤتمر	mu'.ta.mar	muktamar	مؤتمر

(C) *Ism masdar* (kata nama terbitan), hanya dalam pola *ifti'al(un)* (افتعال)

(C1) Banyak kata dalam kelompok ini terdiri daripada istilah, meskipun bukan berunsur keislaman. Maka ejaannya dikekalkan mengikut ejaan bahasa sumber.

Kata Arab	Sebutan	Ejaan Rumi	Ejaan Jawi
اجتهاد	ij.ti.had	ijtihad	اجتهاد
اجتماع	ij.ti.ma'	ijtimak	اجتماع
اختصاص	ikh.ti.sas	ikhtisas	اختصاص

(C2) Perkataan **istilah** itu sendiri tidak menjadi istilah lagi, maka dianggap kata umum, dan dieja mengikut pengejaan Jawi Melayu.

Kata Arab	Sebutan	Ejaan Rumi	Ejaan Jawi
اصطلاح	Is.ti.lah	istilah	ايسٲتيله

(C3) Suku kata tertutup akhir menjadi suku kata terbuka, apabila huruf *hamzah* di akhir kata itu tidak disebut dengan jelas. Maka berubah sedikit ejaan ruminya. Dalam ejaan jawinya, *hamzah* itu dikembalikan.

Kata Arab	Sebutan	Ejaan Rumi	Ejaan Jawi
ابتداء	Ib.ti.da.	ibtida*	ابتداء

* Peringatan: kesemua kata nama terbitan kelompok ini (C1-C3) diawali dengan huruf *alif*. Jangan terbawa-bawa dengan cara mengeja perkataan Islam (إسلام), wajib ada *hamzah* di bawah *alif* itu.

Dari segi Kata Kerja Bentuk X, ia memberi kesan kepada tiga jenis kata nama dalam bahasa Melayu.

(A) *Ism fa'il* (kata nama pelaku), hanya dalam pola *mustaf'il(un)* (مستفعل), *mustafil(un)* (مستفيل), dan *mustafill(un)* (مستفيل).

(A1) Untuk pola *mustaf'ilun*, dikekalkan ejaannya.

Kata Arab	Sebutan	Ejaan Rumi	Ejaan Jawi
مستمع	mus.ta.mi'	mustamik	مستمع

(A2) Untuk pola *mustafil(un)*, yang huruf asasi kedua dalam kata kerja masa lampainya terdiri daripada *alif*, dikekalkan juga ejaannya. Huruf *ya* di situ asli, bukan ditambah.

Kata Arab	Sebutan	Ejaan Rumi	Ejaan Jawi
مستحيل	mus.ta.hil	mustahil	مستحيل
مستقيم	mus.ta.qim	mustakim	مستقيم

(A3) Untuk pola *mustafill(un)*, yang huruf asasi kedua dan ketiga dalam kata kerja masa lampainya terdiri daripada huruf konsonan yang sama (ada sabdu), diubah ejaannya dengan menambah huruf *ya* pada suku kata tertutup akhir.

Kata Arab	Sebutan	Ejaan Rumi	Ejaan Jawi
مستعد	mus.ta.'idd	musta'id	مستعيد

(B) *Ism maf'ul* (kata nama objek), hanya dalam pola *mustaf'al(un)* (مستفعل).

(B1) Perkataan dari kata kerja kala lampau yang kesemua huruf asasinya konsonan, dikekalkan ejaannya.

Kata Arab	Sebutan	Ejaan Rumi	Ejaan Jawi
مستعمل	mus.ta'.mal	mustakmal	مستعمل

(B2) Perkataan dari kata kerja kala lampau yang huruf asasi keduanya terdiri daripada *alif*, diubah dengan membuang huruf *alif* pada suku kata tertutup akhir.

Kata Arab	Sebutan	Ejaan Rumi	Ejaan Jawi
مستجاب	mus.ta.jab	mustajab	مستجاب

(B3) Perkataan dari kata kerja kala lampau yang huruf asasi kedua dan ketiganya terdiri daripada huruf konsonan yang sama (ada sabdu), diubah dengan membuang satu daripada huruf konsonan yang sama itu.

Kata Arab	Sebutan	Ejaan Rumi	Ejaan Jawi
مستحق	mus.ta.haqq	mustahak	مستحق

(C) *Ism masdar* (kata nama terbitan), hanya dalam pola *istif'al(un)* (استفعل) dan *istif'alah* (استفعالة).

(C 1) Jika kesemua huruf asasi kata kerja kala lampainya konsonan, maka pola *istif'al* digunakan. Ejaannya tidak berubah langsung.

Kata Arab	Sebutan	Ejaan Rumi	Ejaan Jawi
استغفار	is.tigh.far	istighfar	استغفار
استنجاء	is.tin.ja'	istinjak	استنجاء

(C2) Jika huruf asasi kedua dalam kata kerja kala lampainya terdiri daripada *alif* (*fi'l mu'tall*), maka pola *istif'alah* digunakan. Ejaannya tidak berubah, kecuali huruf *ta'* itu, ada masanya diubah menjadi *ta maftuhah*.

Kata Arab	Sebutan	Ejaan Rumi	Ejaan Jawi
استقامة	is.ti.qa.mah	istikamah	استقامة
استعادة	is.ti.'a.dah	istiadat	استعادت
استراحة	is.ti.ra.hah	istirahat	استراحت

* Peringatan: kesemua kata nama terbitan kelompok ini (C1-C2) diawali dengan huruf *alif*. Jangan terbawa-bawa dengan cara mengeja perkataan Islam (إسلام), wajib ada *hamzah* di bawah *alif* itu.

PERUBAHAN DARI SEGI MAKNA

Kebanyakan perkataan Arab yang terserap ke bahasa Melayu mengekalkan makna asalnya, seperti perkataan nabi, musyrik, kabul, dan khusus, Bagaimanapun, ada juga yang berubah, sama ada menjadi lebih luas atau lebih sempit.

Dalam konteks perluasan makna, ia terbahagi kepada dua. Pertama, makna asal dalam bahasa Arab itu dibuang, sebaliknya ditambah (dari makna asal Arabnya) dengan diganti dengan makna baru (bahasa Melayunya). Kedua, perluasan dengan mengekalkan makna Arab yang sedia ada

(khususnya berkaitan dengan istilah agama), dan ditambah dengan makna lain (untuk kata umum pula).

Perluasan pertama antara misalnya adalah perkataan *funduk* (hotel), berubah ejaan, bunyi, dan maknanya dalam bahasa Melayu (pondok): rumah kecil yang didirikan sementara (di sawah dsb), dangau, gubuk, atau teratak; madrasah atau asrama tempat mengaji (belajar agama, dll); rumah kecil yang tidak elok (berdinding buluh beratap rumbia); dan rumah (untuk merendahkan diri apabila bercakap dengan orang).

Perluasan kedua antara misalnya adalah perkataan *fatwa* (keputusan tentang sesuatu hukum agama [yang belum diputuskan lagi] berdasarkan nas al-Qur'an, Hadith, dan sumber hukum lain, termasuk ijtihad oleh mufti [atau mereka yang diberi amanat untuk memutuskan hukum Syarak]), tidak berubah ejaan (selagi menjadi kata dasar), bunyi dan maknanya dalam bahasa Melayu selama ia menjadi istilah agama; namun apabila ia menjadi perkataan umum 'petua', ejaan, bunyi, dan maknanya berubah: nasihat, petunjuk atau panduan yang berguna (biasanya oleh orang tua-tua atau yang berpengalaman) tentang cara melaksanakan atau mencapai sesuatu dengan berkesan). Perkataan *fardu* (kewajipan yang dituntut [ditentukan] oleh agama), tidak berubah ejaan (selagi menjadi kata dasar), bunyi dan maknanya dalam bahasa Melayu selama ia menjadi istilah agama; namun apabila ia menjadi perkataan umum 'perlu', ejaan, bunyi, dan maknanya berubah: menjadi kemestian, kepentingan, terpaksa. Contoh

lain untuk kelompok kata umum (tidak menjadi istilah agama) ialah perkataan *maktab* (jabatan, agensi, pejabat, biro, bilik kerja/belajar, sekolah/sekolah rendah, dan meja tulis), bertambah maknanya dalam bahasa Melayu (*maktab*): tempat belajar, sekolah, pejabat pengurusan, sekolah tinggi/institut untuk ilmu khas (seperti ilmu perguruan dan pertanian), kolej, dan institut pendidikan tinggi.

Dari segi penyempitan makna, ia bermaksud makna dalam bahasa Arab itu tidak dipindahkan sepenuhnya apabila perkataan itu meresap menjadi kosa kata dalam bahasa Melayu. Antara contohnya, perkataan *aqibah* (keturunan, padah, balasan yang baik), berkurangan maknanya dalam bahasa Melayu (*akibat*): padah atau natijah buruk sahaja. Perkataan *shukr* (mengucapkan terima kasih, mengingati nikmat/kebaikan, dan memuji pada objek Tuhan atau manusia, meredai [Tuhan kepada hamba-Nya]), bertambah sempit maknanya dalam bahasa Melayu – juga berubah sedikit ejaan Jawinya - (syukur) kerana perkataan ini ditujukan kepada Allah sahaja (tidak termasuk hamba-Nya), atau dalam sastera lama bermaksud untunglah, mujurlah; juga masih tersirat makna kebergantungan kepada kekuasaan Allah itu (lantas berterima kasih). Perkataan *wafah* (kematian, maut – umum kepada sesiapa sahaja), berkurangan maknanya dalam bahasa Melayu (*wafat*): kematian Rasulullah S.A.W sahaja. Perkataan '*ulama*' (kata jamak: para ilmuwan, orang-orang yang berilmu, tidak kira apa bidang pun), menjadi sempit maknanya dalam bahasa

Melayu (*ulama*): orang yang ahli (pakar) dalam pengetahuan agama Islam sahaja.

KESIMPULAN

Demikianlah, banyak rumusan yang dapat ditarik tentang bagaimana ejaan kata-kata Arab yang terserap ke dalam bahasa Melayu itu, ada yang kekal dan ada yang berubah. Begitu juga maknanya, banyak yang masuk ke dalam perbendaharaan kata-kata Melayu dengan mengekalkan makna asal dari bahasa sumbernya. Namun tidak kurang yang berubah ertinya, sama ada bertambah atau berkurangan. Dari telaah ini, dapat dibuat beberapa kaedah untuk kegunaan masa mendatang, apabila ada sahaja perkataan Arab yang terserap ke dalam perbendaharaan kata-kata kita. Apa yang penting sekarang ini, sikap kita sebagai warga Alam Melayu, tidak kira sebagai siapa: pelajar, guru, orang awam, pegawai, pentadbir, ilmuwan, ahli politik, negarawan, dan sebagainya, harus bersama-sama melestarikan kegunaan dan kegemilangan aksara Jawi ini. Ingatlah setelah 611 tahun (takwim Masihi) atau 643 tahun (takwim Hijriah) aksara Jawi ini digunakan, adakah kita masih lalai – melalui apa sahaja wahana yang ada! – memasyarakatkan tulisan yang banyak berjasa dalam tamadun kita ini, atau masih sedar tetapi tidak bersemangat ke arah mencapai tujuan yang suci lagi gemilang itu!

RUJUKAN

Abu Abdullah Hanafi bin Hj Dollah. (2012). *Kamus al-Khalil al-Islami*. Gombak: Interntional Islamic University Malaysia (IIUM) Press.

- Daftar kata bahasa Melayu: Rumi-sebutan-Jawi edisi kedua.* (2008). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ensiklopedia bahasa utama dunia.* (1998). Terjemahan. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kamus bahasa Melayu Nusantara.* (2003). Brunei Darussalam: Dewan Bahasa dan Pustaka Brunei.
- Kamus Dewan edisi keempat.* (2006). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Madina, Maan Z. (2007). *Arabic-English dictionary of the modern literary language.* With a Foreword by H. M. Bukhari Lubis. Alor Setar: Pustaka Darussalam.
- Muhammad Bukhari Lubis dan Ali Haji Ahmad. (2006). *Transliterasi kata Arab Parsi Turki.* Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd.
- Muhammad Bukhari Lubis, Makmur Haji Harun, dan Alizah binti Lambari. (2013). *Jawi: Warisan warga Alam Melayu.* Tanjong Malim: Penerbit Mentari.
- Muhammad Zainiy Uthman & Azlan Hashim. (2013). *Tarikh Sebenar Batu Bersurat Terengganu oleh Profesor S.M. Naquib Al-Attas: Disahkan dengan Program Komputer Astronomi.* Dlm Mohd Yusof Abdullah dan Rashid Hamat (pnyt.), *Batu bersurat piagam Terengganu: Wadah intelektual tamadun Melayu.* Kuala Terengganu: Lembaga Muzium Negeri Terengganu.
- Osman Haji Khalid *et al.* (2006). *Kamus besar Arab Melayu Dewan.* Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Syed Muhammad Naguib Al-Attas. (1972). *Islam dalam sejarah dan kebudayaan Melayu.* Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.



Retrospek Sumbangan Dato' Dr. Hassan Ahmad dalam Kebahasaan dan Penerbitan

Nor Azuwan Yaakob^{1*}, Syed Nurulakla Syed Abdullah² dan Muhd Zulkifli Ismail²

¹Jabatan Bahasa Melayu, Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, Universiti Putra Malaysia, 43400 Serdang, Selangor, Malaysia

²Jabatan Bahasa Arab, Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, Universiti Putra Malaysia, 43400 Serdang, Selangor, Malaysia

ABSTRAK

Allahyarham Dato' Dr. Hassan Ahmad merupakan tokoh tersohor dan berpengalaman luas dalam pelbagai aspek penerbitan buku, perancangan bahasa dan sastera, penyelidikan serta pengurusan. Beliau berhasrat memartabatkan bahasa Melayu sebagai bahasa yang bukan sahaja mampu mendukung perkembangan ilmu dan pemikiran bangsa dalam segala lapangan, malah sebagai alat yang dapat membentuk dan mengembangkan identiti kebangsaan, alat komunikasi masyarakat serta alat perpaduan dalam negara yang berbilang bangsa dan bahasa. Menurut beliau, kekuatan dan kekayaan bahasa Melayu sebagai bahasa ilmu, pemikiran dan budaya tinggi dapat diperkasakan melalui penghasilan buku yang bermutu tinggi dalam bahasa tersebut. Perusahaan buku pula tidak boleh bermotif ekonomi semata-mata, malah merupakan perusahaan ilmu pengetahuan (*knowledge industry*). Oleh yang demikian, kerajaan perlulah memastikan perusahaan buku diiktiraf sebagai suatu perusahaan yang penting (*essential industry*), iaitu perusahaan budaya (Nor Azuwan Yaakob, 2013, ms. 166-167). Beliau pernah digelar 'The Godfather of Malaysian Book World' dan menerima 'Anugerah Tokoh Pembangunan Buku Negara' (2005) serta merupakan tokoh ilmuwan dan intelektual dalam pelbagai bidang, malah 'pejuang bahasa' yang sangat berani. Makalah ini menelusuri, merungkai dan mengupas retrospek sumbangan beliau dalam kebahasaan dan penerbitan.

Kata kunci: Pendirian, pemikiran, pejuang bahasa, kebahasaan, penerbitan

ABSTRACT

The late Dato' Dr Hassan Ahmad was a renowned and experienced figure in various aspects of book publishing, literacy and language planning, research, as well as management. He sought to uphold the Malay language as a language capable not only of supporting the development of knowledge and thinking among people in various fields but also as a tool capable of moulding and developing national identity, communicating socially, and creating unity in this multiracial country

of many languages. He was of the view that the power and richness of Malay as a language of knowledge, thought, and high culture could be strengthened through the production of high quality books in the language. The book publishing industry is not motivated solely by

INFO MAKALAH

Pewasitan Makalah:

Dihantar: 24 Ogos 2013

Diterima: 5 Disember 2013

E-mail:

azuwan@upm.edu.my (Nor Azuwan Yaakob)

* Penulis penghubung

economic considerations, but is also so by the knowledge industry. The government should thus ensure that the book publishing industry is recognised as an essential industry that is also a cultural industry (Nor Azuwan Yakob, 2013, ms. 166–167). Dato' Dr Hassan was nicknamed 'The Godfather of the Malaysian Book World' and received the National Book Development Personality Award (2005). As well as being a scholar and intellectual in various fields, he was also an extremely brave 'language warrior'. This paper investigates, analyses, and evaluates his contributions to the fields of linguistics and publishing.

Keywords: Principles, thought, language warrior, linguistics, publishing

PENDAHULUAN

Masyarakat sering mengenalinya sebagai 'tokoh bahasa', 'ahli bahasa', 'pakar bahasa' dan juga 'pejuang bahasa'. Meskipun Allahyarham Dato' Dr. Hassan Ahmad aktif dalam bidang perbukuan dan diplomasi, namun masyarakat jarang-jarang mengenalinya sebagai 'tokoh pembangunan buku negara', atau sebagai 'diplomat antarabangsa' yang telah berjaya melakukan beberapa tindakan yang mengharumkan nama Malaysia dalam kalangan komuniti antarabangsa di *United Nations Educational, Scientific and Cultural Organization* (UNESCO). Ketokohan dan keilmuan beliau dalam bidang penerbitan buku, perancangan bahasa dan sastra, penyelidikan serta pengurusan jelas terserlah. Maklumat yang terkandung dalam makalah ini sebahagian besarnya diperoleh melalui hasil penyelidikan, wawancara dan perbincangan yang telah dilakukan oleh penulis sendiri bersama-sama dengan beliau, bermula

pada tahun 2009 sehingga 2011 ketika beliau menyandang jawatan sebagai Ketua Eksekutif di Yayasan Karyawan.

PERANCANG BAHASA MELAYU DAN PEMBINAAN KORPUS BAHASA

Beliau memulakan tugasnya di Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP), khususnya mulai tahun 1970-an, sebagai perancang bahasa. Perancang bahasa bererti orang yang terlibat dalam bidang yang disebut perancangan bahasa atau dalam istilah lain yang digunakan oleh beliau mulai tahun 1970-an, bidang pembinaan dan pengembangan bahasa. Beliau menggunakan istilah atau konsep ini setelah pelbagai teori dan konsep berkaitan 'ilmu' baharu yang disebut *Language Planning* atau 'Perancangan Bahasa' yang dikembangkan, terutama di Barat, sejak tahun 1950-an dibaca dan dikaji oleh beliau. Di Malaysia konsep ini mula diketahui oleh para sarjana bahasa Melayu yang terlibat dan melibatkan diri dalam usaha 'memajukan' bahasa Melayu mulai tahun 1970-an apabila buku bertajuk *Can Language be Planned* (Joan Rubins dan Jernudd, 1972) diterbitkan yang menyebut dasar dan proses perancangan bahasa yang dilaksanakan di Malaysia melalui DBP.

Umumnya perancangan bahasa bererti usaha yang dilakukan oleh pihak tertentu, misalnya kerajaan, untuk membina dan mengembangkan taraf (atau fungsi) dan *korpus* sesuatu bahasa untuk mencapai matlamat tertentu, contohnya untuk memperkukuh bahasa itu sebagai bahasa rasmi negara atau sebagai bahasa pengantar

peringkat pengajian tinggi. Perancang bahasa perlu mengetahui segala aspek bahasa, terutama aspek sosiologinya, dan fungsi politiknya, misalnya sebagai alat pembinaan negara. Perancang bahasa juga perlu mengetahui aspek sintaksis, morfologi dan sistem fonologi bahasa untuk membolehkannya membina korpus bahasa, misalnya membina peristilahan bahasa, membakukan bahasa dan memperbaiki sistem ejaan bahasa itu secara teratur. Kerja memajukan bahasa pula melibatkan proses perancangan dan pengurusan.

Hassan Ahmad mula terlibat dalam bidang perancangan bahasa secara rasmi sejak beliau menyertai DBP pada Jun 1963. Semasa beliau bertugas sebagai Pegawai Penyelidik (dan kemudian sebagai Ketua Pegawai Penyelidik), beliau mula terlibat dalam kerja mencipta istilah baharu melalui Jawatankuasa Istilah yang ditubuhkan. Kebanyakan istilah yang diperlukan segera ialah istilah dalam bidang pentadbiran dan perjawatan tradisi British untuk memenuhi keperluan sektor pentadbiran awam. Istilah-istilah pentadbiran dan perjawatan dalam bahasa Inggeris perlu 'diterjemahkan' atau dicari padanannya dalam bahasa Melayu. Bertolak daripada konsep tersebut, semasa menjadi Ketua Badan Perancangan Bahasa di Malaysia, iaitu DBP, beliau membuat keputusan melakukan perubahan yang agak radikal dalam sistem penamaan perjawatan DBP. Beliau mengubah nama jawatan lama, misalnya 'Pegawai Bahasa' atau 'Pegawai Perkamusan' atau 'Pegawai Peristilahan' atau 'Pegawai Sastera' atau 'Editor Buku' kepada nama yang lebih sesuai, iaitu

'*Pegawai Perancang Bahasa*' atau nama penuhnya ialah 'Pegawai Pembina dan Pengembang Bahasa'. Ini merupakan bidang yang khusus; tidak sama dengan kerja 'penyelidik bahasa' dan tidak sama dengan tugas 'editor buku', 'penyelidik' atau 'editor sastera'.

Bagi Hassan Ahmad, pembakuan bahasa Melayu, baik dari segi tatabahasa mahupun dari segi leksikologi (termasuk peristilahan ilmu) dan ejaannya sebagai bahasa ilmu dan sebagai bahasa sastera, seni dan budaya lebih berkesan kalau dilakukan melalui buku yang ditulis dalam bahasa Melayu yang betul dan baik dari segi nahu, ejaan dan penggunaan peristilahannya, bukan melalui buku tatabahasa, senarai istilah dan perkamusan sahaja. Inilah yang dimaksudkan beliau apabila beliau berkata bahawa pembinaan dan pengembangan bahasa Melayu hendaklah dilakukan secara bersepadu, tanpa memisahkan pembinaan korpus bahasa Melayu dengan pengembangan fungsinya.

DBP SEBAGAI BADAN PERANCANGAN BAHASA KEBANGSAAN

DBP merupakan badan perancangan bahasa. Hal ini dapat dilihat berdasarkan matlamat DBP. Matlamat DBP menurut Akta 195, Seksyen 5 (semakan tahun 1978, dan pindaan dan peluasan 1995) adalah seperti yang berikut:

- i. (i) Membina dan memperkaya bahasa kebangsaan dalam semua bidang termasuk sains dan teknologi;

- ii. (ii) Memperkembangkan bakat sastera, khususnya dalam bahasa kebangsaan;
- iii. (iii) Mencetak atau menerbitkan atau membantu dalam percetakan atau penerbitan buku-buku, majalah-majalah, risalah-risalah dan bentuk-bentuk kesusasteraan yang lain dalam bahasa kebangsaan dan dalam bahasa-bahasa lain;
- iv. (iv) Membakukan ejaan dan sebutan, dan membentuk istilah yang sesuai dalam bahasa kebangsaan;
- v. (v) Menggalakkan penggunaan bahasa kebangsaan yang betul; dan
- vi. (vi) Menggalakkan penggunaan bahasa kebangsaan supaya ia digunakan secara meluas bagi segala maksud mengikut undang-undang yang sedang berkuat kuasa.

Bagi maksud perenggan (v) dan (vi) “untuk menggalakkan” termasuk memberikan arahan, ulasan, nasihat, bantuan, bimbingan, latihan atau pengawasan.

Matlamat (i) menyebut, “Untuk membina dan memperkaya bahasa kebangsaan”. Istilah yang lebih baik, menurut Hassan Ahmad ialah ‘pembinaan dan pengembangan bahasa kebangsaan’. Istilah ini telah mula digunakan beliau sejak beliau memimpin DBP sebagai Ketua Pengarah. Ini merupakan istilah perancangan bahasa atau dalam bahasa Inggeris disebut sebagai *language planning*.

PEDOMAN PEMBENTUKAN PERISTILAHAN BAHASA MELAYU

Seperti yang dinyatakan sebelum ini, pada tahun 1972 sistem ejaan bersama antara Malaysia dengan Indonesia telah diterima dan disahkan penerimaannya oleh kedua-dua negara. Pada tahun 1975, MBIM/MABBIM mencapai satu kejayaan yang besar lagi, iaitu kesepakatan tentang pedoman bersama pembentukan istilah ilmu dalam bahasa masing-masing. Berdasarkan pedoman itu, kaedah pembentukan istilah dalam bahasa Melayu-bahasa Indonesia mengalami beberapa perubahan baharu yang dianggap penting untuk kemajuan bahasa Melayu sebagai bahasa ilmu pada zaman moden ini.

Sesuai dengan hakikat bahawa bahasa Melayu merupakan bahasa yang sudah lama maju, pengambilan atau penyerapan istilah ilmu atau istilah khusus daripada bahasa lain, khususnya bahasa Inggeris, tidak berdasarkan kaedah ‘pinjam terjemah’ dan kaedah menyerap istilah Inggeris secara transkripsi lagi, yakni meniru sebutan atau bunyi kata Inggeris, tetapi berdasarkan bentuk visual istilah asing. Contohnya, istilah asing seperti ‘*psychology*’, ‘*physiology*’, ‘*antropology*’ dan ‘*biology*’ diserapkan dalam bahasa Melayu dengan mengekalkan bentuk visualnya menjadi ‘psikologi’, ‘fisiologi’, ‘antropologi’ dan ‘biologi’, dan tidak diterjemahkan masing-masing menjadi ‘kaji jiwa manusia’, ‘kaji tugas organ’, ‘kaji manusia’, dan ‘kaji hayat’ seperti yang dilakukan menurut kaedah lama, iaitu kaedah ‘pinjam terjemah’. Istilah seperti ‘kaji tugas organ’ misalnya

bukan istilah, tetapi ialah takrif atau makna istilah '*physiology*'. Dalam contoh ini, bentuk visual istilah asing, misalnya 'psi-' dan '-logi' atau '-gi' diserap dengan menyesuaikan ejaan asing itu dengan ejaan bahasa Melayu, misalnya 'gy' menjadi 'gi'.

Bahasa Melayu meminjam atau menyerap istilah khusus ilmu sains dan bidang lain daripada bahasa Latin atau Greek klasik atau peristilahan Greco-Latin melalui bahasa Inggeris yang meminjam dan menyerap hampir semua istilah itu daripada bahasa Latin atau Greek. Hari ini, tidak ada satu pun ayat bahasa sains atau bahasa ilmu dalam bahasa Inggeris yang tidak mengandungi beberapa perkataan atau istilah yang asalnya daripada bahasa Latin-Greek. Apabila bahasa Melayu mengambil istilah yang sama itu daripada bahasa Inggeris, caranya tidaklah seratus peratus meminjam istilah itu bulat-bulat, tetapi melakukannya melalui proses penyesuaian bentuk dan tulisan. Hal ini jarang-jarang diketahui oleh orang ramai atau individu yang menganggap bahawa bahasa Melayu tidak akan maju sebagai bahasa ilmu atau bahasa sains zaman sekarang jikalau bahasa ini tidak meminjam banyak perkataan atau istilah daripada bahasa Inggeris. Hakikatnya, bahasa Inggeris tidak akan maju atau mampu untuk maju dalam sejarahnya sebagai bahasa ilmu, bahasa sains dan teknologi jika bahasa tersebut tidak meminjam lebih 85 peratus daripada seluruh korpus peristilahan sainsnya daripada bahasa lain, khususnya bahasa Latin.

Pedoman baharu itu juga menolak kaedah pembentukan istilah melalui

peleburan fonem vokal yang sama atau dengan meleburkan suku kata. Mulai tahun 1975, semua bentuk gabungan itu dikembalikan semula kepada bentuk asalnya yang betul, iaitu 'kereta api', 'alat tulis' dan 'rukun negara'. Halnya berbeza jika perkataan baharu yang hendak diciptakan tidak pernah ada dalam leksikologi Melayu. Contohnya: 'jabanah', 'kugiran', 'pawagam' dan sebagainya. Bentuk perkataan baharu ini dihasilkan daripada gabungan suku kata, misalnya 'jabanah' daripada 'jalan+bawah+tanah', 'kugiran' daripada 'kumpulan+gitar+rancak' = kumpulan pemain muzik pop; dan 'pawagam' daripada 'panggung+wayang+gambar'. Perancang bahasa Melayu tidak boleh menggunakan kaedah ini secara berlebihan, atau untuk membentuk istilah ilmu dan istilah saintifik.

PENGLIBATAN DALAM PENGEMBANGAN BAHASA MELAYU DI SARAWAK DAN SABAH

Akta DBP 1959 diluluskan sebelum tertubuhnya Persekutuan Malaysia. Ini bererti bahawa tugas DBP untuk memajukan bahasa kebangsaan (bahasa Melayu) terbatas di kawasan Persekutuan Tanah Melayu sahaja dan tidak mempunyai autoriti untuk memperluas tugasnya hingga mencakupi Sarawak dan Sabah. Apabila Persekutuan Malaysia ditubuhkan pada bulan September 1963, Akta DBP itu tidak dipinda untuk membolehkan DBP mengembangkan tugasnya di kedua-dua buah negeri baharu di Malaysia Timur itu. Bagaimanapun, pada awal tahun 1970-an, dua orang pemimpin

negeri Sarawak dan Sabah, iaitu Tun Abdul Rahman Yaakub yang menjadi Ketua Menteri Sarawak dan Tun Mustafa Harun, Ketua Menteri Sabah, telah menggesa supaya DBP ‘masuk ke Sarawak dan ke Sabah’.

Tanpa menunggu Akta DBP 1959 itu dipinda, Tun Abdul Rahman Yaakub telah meminta DBP mengambil alih *Borneo Literature Bureau* (BLB) yang telah ditubuhkan lama sebelum Sarawak menjadi anggota Malaysia. Sebelum kewujudan DBP, semua kegiatan khususnya penerbitan bahan kesusasteraan atau perkembangan aktiviti kebangsaan ditangani oleh BLB. Waktu itu, Hassan Ahmad bertugas sebagai Pengarah DBP (sebelum jawatan itu dinaikkan taraf sebagai Ketua Pengarah). Beliau terlibat secara langsung dalam usaha awal ‘penubuhan’ Cawangan DBP di Sarawak ini. Akhirnya, tertubuhlah Dewan Bahasa dan Pustaka Cawangan Sarawak pada 1 Januari 1977.

Sejak penubuhannya, DBP Cawangan Sarawak memainkan peranan yang penting dalam pengendalian hal-hal yang berkaitan dengan bahasa dan sastera di negara ini. Antara peranan yang penting termasuk yang berikut:

- i. Melaksanakan kegiatan yang mengarah kepada peluasan, peningkatan penggunaan dan kejayaan pelaksanaan bahasa kebangsaan sebagai bahasa rasmi yang tunggal di Sarawak.
- ii. Melaksanakan kegiatan-kegiatan yang mengarah kepada peluasan, peningkatan penggunaan dan kejayaan pelaksanaan

bahasa kebangsaan sebagai bahasa rasmi yang tunggal di Sarawak.

- iii. Membina bakat penulisan dan memupuk minat serta penghayatan sastera kebangsaan di Sarawak.
- iv. Memperbanyak hasil dan bahan untuk diterbitkan dalam bahasa kebangsaan serta meningkatkan mutu sastera kebangsaan di Sarawak.
- v. Mendapatkan bahan-bahan penerbitan dalam bahasa Melayu daripada sumber budaya Sarawak yang sesuai untuk diterbitkan.

Penubuhan DBP Cawangan Sabah pula mula dibincangkan dengan serius mulai dekad 1970-an apabila hal-hal berkaitan dengan pembinaan, pengembangan dan pelaksanaan bahasa Malaysia sebagai bahasa kebangsaan dan bahasa rasmi mula difikirkan. Ketua Menteri Sabah, Tun Mustafa juga mendesak agar DBP ‘masuk ke Sabah’. Sementara menunggu proses undang-undang dilakukan untuk mengesahkan kedudukan undang-undang DBP di Sabah, kegiatan bahasa di negeri itu, yang dikelolakan oleh seorang pegawai bahasa di Pejabat Ketua Menteri, telah digerakkan dengan kerjasama DBP Semenanjung Malaysia.

Perjuangan ke arah mendaulatkan bahasa Melayu di Sabah yang dimulai sejak tahun 1890-an oleh The Muhamadan Association di Sandakan, diikuti kemudiannya oleh beberapa pertubuhan lain seperti Persatuan Melayu Tawau (1910); Persatuan Islam Putatan (1959); Angkatan Gaya Baru (1951);

APMS (1963); dan lain-lain, akhirnya dimanifestasikan melalui penubuhan DBP di Sabah. Penubuhan cawangan DBP ini ialah hasil percantuman DBP dan Biro Kesusasteraan Borneo di Sarawak, yang menyerap juga secara mutlak cawangan Biro Kesusasteraan Borneo (BKB) di Kota Kinabalu.

Antara matlamat utama penubuhan DBP Cawangan Sabah termasuklah:

- i. Meningkatkan penerimaan dan penggunaan bahasa Malaysia di Sabah dengan memesatkan pembinaan dan pengembangannya melalui berbagai-bagai sumber dan media hingga setara dan setaraf dengan Semenanjung Malaysia;
- ii. Mengembangkan bakat dan meningkatkan mutu penghasilan kesusasteraan dalam kalangan sasterawan Sabah hingga menjadi setara dan setaraf dengan Semenanjung Malaysia;
- iii. Menjadikan DBP Cawangan Sabah sebagai pusat kegiatan bahasa dan sastera di negeri Sabah; dan
- iv. Memperluas penyebaran buku-buku terbitan DBP dalam kalangan pengguna-pengguna di Sabah.

PENGALAMAN DALAM MABBIM

Hassan Ahmad juga menyedari betapa kompleksnya kerja dan proses untuk memajukan bahasa Melayu pada peringkat serantau, melibatkan tiga buah negara, iaitu Malaysia, Indonesia dan Brunei Darussalam. Masalah dan cabaran yang

dihadapi bahasa Melayu di ketiga-tiga negara tidak selalunya sama seratus peratus, tetapi berlainan menurut keadaan sosial, budaya dan politik di negara masing-masing. Dalam sidang dan mesyuarat MABBIM, para pesertanya bukan sahaja perlu menguasai sistem linguistik bahasa Melayu-bahasa Indonesia dengan sebaik-baiknya. Malah, mereka perlu menguasai 'diplomasi budaya' juga selain menyedari implikasi politik di negara masing-masing terhadap apa-apa keputusan dan persetujuan yang dicapai dalam sidang itu supaya tidak timbul soal 'siapa menang dan siapa kalah' dalam membuat keputusan itu. Setiap keputusan MABBIM yang mungkin boleh mendatangkan kesan terhadap dasar bahasa di negara masing-masing terpaksa dirujuk kepada kerajaan masing-masing untuk mendapatkan persetujuan atau pengesahan rasmi kerajaan. Hakikat bahawa kerjasama kebahasaan antara ketiga-tiga buah negara MABBIM itu dapat dikekalkan sejak tahun 1972 hingga kini membuktikan bahawa para perancang bahasa Melayu-bahasa Indonesia yang terlibat dalam proses itu berjaya menjalankan tugas dengan semangat persefahaman yang tinggi dalam menangani situasi dan masalah 'dasar bahasa' atau 'politik bahasa' di negara masing-masing. Mereka bukan hanya 'ahli bahasa', tetapi sebenarnya juga 'diplomat bahasa'.

Hassan Ahmad meninggalkan DBP dan Majlis Kemajuan Buku Kebangsaan Malaysia (MKBKM) pada Ogos 1988 setelah berkhidmat di DBP selama 25 tahun dari tahun 1963, dan setelah menjadi Pengerusi MKBKM selama 8 tahun. Beliau

ialah orang yang paling lama menjadi Ketua Pengarah DBP, iaitu selama 12 tahun. Semasa berada di Paris selama lima tahun, Hassan Ahmad terputus sementara dengan kegiatan pembinaan dan pengembangan bahasa di Malaysia. Akan tetapi, beliau terus menulis. Beliau dilantik sebagai penulis kolumnis untuk majalah *Dewan Masyarakat* sejak bulan September 1989 dan kekal menulis untuk majalah itu setiap bulan sejak tarikh itu sehinggalah akhir hayatnya. Beliau telah menyumbangkan lebih 250 artikel kepada majalah itu.

Apabila Hassan Ahmad pulang dari Paris pada April 1994, beliau mula terlibat semula dalam kegiatan perancangan bahasa, khususnya melalui MABBIM. Beliau dilantik sebagai anggota Jawatankuasa Tetap Bahasa Melayu oleh Menteri Pelajaran dan telah mengambil bahagian dalam beberapa kali sidang MABBIM yang diadakan di Malaysia, Indonesia dan di negara Brunei Darussalam, bukan sahaja sebagai anggota mesyuarat Jawatankuasa Eksekutif MABBIM, tetapi juga sebagai pembentang kertas kerja. Terakhir beliau menghadiri sidang MABBIM ke-50 di Jakarta pada 21-25 Mac 2011. Sebuah kertas kerja berjudul '*Akal Budi Sebagai Benteng Ketahanan Negara MABBIM*' turut disampaikan beliau pada sidang tersebut. Beliau adalah satu-satunya mantan Ketua Pengarah DBP yang terus menganggotai Jawatankuasa Tetap Bahasa Melayu (yang pernah diketuai beliau selama 12 tahun) dan terus terlibat dalam sidang MABBIM sehingga akhir hayat selepas beliau bersara dari DBP. Dalam sidang MABBIM ke-40 yang diadakan di Johor Bharu pada 12 hingga 16 Mac

2001, beliau telah diberi Anugerah 'Tokoh MABBIM' sebagai menghargai jasanya kerana merupakan tokoh yang paling lama memimpin kegiatan kerjasama kebahasaan serantau melalui MABBIM. Pada tahun 2006 pula Hassan Ahmad menerima Anugerah 'Tokoh Ilmuwan Bahasa' daripada kerajaan melalui DBP atas sumbangan dan pengaruh sumbangannya dalam bidang kajian serta bidang pembinaan dan pengembangan bahasa Melayu.

KERJASAMA KEBAHASAAN PERINGKAT SERANTAU

Untuk memastikan bahawa bahasa yang sama ini, di Malaysia dan di Indonesia, dapat terus mengekalkan taraf serta identitinya sebagai bahasa serantau, Hassan Ahmad memberikan sokongan padu terhadap prakarsa memajukan bahasa Melayu dan bahasa Indonesia secara bersama. Penglibatan beliau dalam gagasan kerjasama kebahasaan pada peringkat serantau ini bermula pada tahun 1966. Pada tahun tersebut, Tun Abdul Razak mengarahkan Tun Syed Nasir Syed Ismail, Pengarah DBP supaya ke Indonesia bagi mengadakan pertemuan awal untuk memulihkan persahabatan kebudayaan antara Malaysia dengan Indonesia yang telah terputus disebabkan konfrontasi yang telah berlaku. Setelah mendapat persetujuan Tun Abdul Razak, Syed Nasir memilih dua orang ahli bahasa, iaitu Muhammad Yunus Maris, pensyarah linguistik Melayu di Universiti Malaya dan Hassan Ahmad, Pegawai Penyelidik Kanan DBP untuk menyertai rombongan tersebut.

Mesyuarat anggota rombongan Malaysia dengan Tim Komando Tertinggi Indonesia (KOTI) di Jakarta pada tahun 1966 itu telah mencapai persetujuan bahawa terdapat beberapa langkah awal yang perlu dicapai ke arah pemulihan kerjasama kebahasaan yang telah terputus sejak tahun 1959, iaitu dengan mengadakan mesyuarat susulan di Kuala Lumpur. Mesyuarat tersebut bertujuan menilai semula Sistem Ejaan Malindo dan jika perlu, melakukan penambahbaikan sebelum dikemukakan kepada kerajaan masing-masing untuk disahkan penerimaannya. Mesyuarat susulan yang dijadualkan itu bagi mencapai keputusan muktamad berkenaan dengan ejaan bersama untuk menggantikan Ejaan Malindo akhirnya terlaksana.

Kerjasama kebahasaan antara Malaysia dengan Indonesia dikukuhkan lagi dengan 'Pernyataan Bersama' oleh Menteri Pelajaran Malaysia, YB. Hussein Onn dan Menteri Pendidikan dan Kebudayaan Indonesia, Bapak Mahsuri Salleh, pada 23 Mei 1972 di Jakarta. Pernyataan Bersama tersebut mentakrifkan bidang-bidang kerjasama kebahasaan yang akan dilaksanakan oleh kedua-dua buah negara. Salah satu keputusan yang dibuat dalam Pernyataan Bersama itu ialah kedua-dua pihak bersetuju untuk menubuhkan sebuah majlis kebahasaan sebagai wadah kerjasama kebahasaan antara kedua-dua negara. Untuk tujuan tersebut, Malaysia telah menubuhkan sebuah jawatankuasa yang dinamai **Jawatankuasa Ejaan Malaysia** yang ditubuhkan oleh Menteri Pelajaran Malaysia pada tahun 1972, manakala

Indonesia menubuhkan **Panitia Ejaan Indonesia**.

Pada bulan Disember 1972, wakil daripada kedua-dua Jawatankuasa Ejaan itu bertemu di Kuala Lumpur untuk membincangkan penyeragaman ejaan bahasa Melayu-bahasa Indonesia sebagai tindakan susulan bagi Pernyataan Bersama yang dibuat oleh kedua-dua menteri berkenaan. Dalam pertemuan itulah, iaitu pada 29 Disember 1972, majlis kerjasama kebahasaan Malaysia-Indonesia yang dinamai Majlis Bahasa Indonesia-Malaysia, ringkasnya MBIM ditubuhkan. Anggota MBIM ini ialah dua buah badan atau jawatankuasa kebangsaan, iaitu Jawatankuasa Ejaan Malaysia (yang kemudiannya ditukar namanya menjadi Jawatankuasa Tetap Bahasa Melayu) dan Panitia Ejaan Indonesia, yang kemudiannya dikenali sebagai Panitia Kebahasaan Indonesia. Dalam pertemuan antara wakil Jawatankuasa Ejaan Malaysia dengan Panitia Ejaan Indonesia di Kuala Lumpur itu juga tercapainya persetujuan tentang sistem ejaan bersama yang akan digunakan oleh kedua-dua buah negara. Perkara tersebut pula tertakluk pada pengesahan yang dibuat oleh kedua-duanya. Setelah kedua-dua negara dengan secara rasmi mengesahkan sistem ejaan bersama itu untuk digunakan di negara masing-masing, barulah sistem itu dapat digunakan dengan menggantikan sistem ejaan lama.

Di Kuala Lumpur, pengumuman berkenaan dengan ejaan tersebut dibuat oleh Tun Abdul Razak, Perdana Menteri Malaysia, dalam sebuah majlis gilang-

gemilang di Dewan Budaya, DBP pada 17 Ogos 1972. Di Indonesia pula, pengumuman penerimaan Sistem Ejaan itu dilakukan oleh Presiden Suharto dalam Sidang Wakilan Rakyat atau Parlimen Indonesia pada 17 Ogos 1972. Sejak tahun 1966 dan di bawah kepemimpinan Tun Syed Nasir Ismail, iaitu semasa beliau masih menjadi Pengarah DBP lagi, Hassan Ahmad dan anggota Jawatankuasa Ejaan Malaysia yang lain, telah menggerakkan usaha bagi membentuk ejaan bersama bagi kedua-dua buah negara. Hasrat murni itu akhirnya tercapai setelah melalui beberapa siri perbincangan dan perundingan secara ilmiah yang mendalam antara pakar bahasa serta ejaan Malaysia dan Indonesia. Kerajaan Malaysia memberikan tempoh peralihan sehingga tahun 1975 sebelum sistem ejaan itu dapat digunakan sepenuhnya bagi menggantikan sistem ejaan lama.

PERANAN SEBAGAI KETUA SIDANG MBIM-MABBIM

Menurut tradisi, Ketua Pengarah DBP secara automatik bertindak sebagai Pengerusi Jawatankuasa Tetap Bahasa Melayu (JKTBM). Jawatankuasa ini menggantikan jawatankuasa lama, iaitu Jawatankuasa Ejaan Malaysia yang ditubuhkan pada tahun 1972 oleh Menteri Pelajaran, sebagaimana yang telah dinyatakan sebelum ini. Bidang tugas JKTBM diperluas dan mencakupi soal-soal kebahasaan yang lebih luas daripada persoalan ejaan sahaja, misalnya peristilahan, penyelidikan bahasa, perkamusan, istilah dan sebagainya. Secara prinsipnya, jawatankuasa ini berada di

bawah seliaan Kementerian Pelajaran. Anggotanya dilantik oleh Menteri Pelajaran dan lazimnya atas nasihat Ketua Pengarah DBP. Sebagai Pengerusi JKTBM, Hassan Ahmad secara automatik bertindak sebagai Pengerusi Sidang MBIM/MABBIM apabila sidang itu diadakan di Malaysia dan memulakan tugas baharu itu mulai bulan Jun 1976.

Sebelum tahun 1985, nama Majlis Kerjasama Kebahasaan Malaysia-Indonesia ialah Majlis Bahasa Indonesia-Malaysia atau ringkasnya MBIM. Pada tahun 1985, kerjasama kebahasaan Malaysia-Indonesia mengalami perkembangan baharu apabila Negara Brunei Darussalam (NBD), setelah mencapai kemerdekaannya pada tahun 1984, diterima menjadi anggota tetap majlis kerjasama kebahasaan tersebut, iaitu pada 4 November 1985. Sehubungan dengan itu, MBIM diperluas menjadi Majlis Bahasa Brunei-Indonesia-Malaysia atau ringkasnya MABBIM. Sebelum itu, sebagaimana Singapura, NBD mengambil bahagian dalam sidang-sidang kebahasaan Malaysia-Indonesia, iaitu MBIM, hanya sebagai negara pemerhati. Hal ini bererti negara itu tidak mempunyai hak untuk berbincang dan membuat keputusan berkenaan dengan soal-soal kebahasaan dasar pada peringkat Sidang MBIM atau kemudiannya MABBIM. Walau bagaimanapun, sejak negara tersebut menjadi negara pemerhati MBIM/MABBIM, Singapura dan Brunei Darussalam menerima dan menggunakan sistem ejaan serta istilah yang diputuskan oleh MBIM.

Apabila MBIM dan kemudiannya MABBIM menjadi lebih mantap dengan tertubuhnya MBIM di Kuala Lumpur pada 29 Disember 1972, ketiga-tiga negara anggota Majlis ini merasakan penggubalan piagam untuk terus memperkukuh kerjasama kebahasaan itu diperlukan. Setelah ketiga-tiga pihak membincangkan perkara tersebut dengan panjang lebar dalam Sidang MABBIM yang diadakan di Jakarta pada tahun 1987, maka Piagam MABBIM pun digubal pada 11 Jun 1987, iaitu di Jakarta. Tujuan dan tugas piagam tersebut adalah seperti yang berikut:

- a. Meningkatkan semangat kebersamaan dan persaudaraan antara negara anggota;
- b. Meningkatkan peranan bahasa kebangsaan atau bahasa rasmi negara anggota sebagai alat perhubungan yang lebih luas;
- c. Mengusahakan pembinaan dan pengembangan bahasa kebangsaan atau bahasa rasmi negara anggota supaya menjadi bahasa yang setaraf dengan bahasa moden yang lain;
- d. Mengadakan penyelarasan bahasa melalui penulisan ilmiah dan kreatif, pedoman dan panduan (bahasa); dan
- e. Mengadakan pertemuan kebahasaan berkala demi penyelarasan dan pendekatan bahasa kebangsaan atau bahasa rasmi negara anggota.

Selain mentakrifkan tujuan dan tugasnya, Piagam tersebut memantapkan peraturan MABBIM lagi, misalnya yang berkaitan dengan tatakerja, keanggotaan,

dan persidangan MABBIM, peserta sidang, bahan persidangan, di samping keputusan MABBIM. Hassan Ahmad yang terlibat dalam penggubalan Piagam tersebut telah menandatangani Piagam tersebut sebagai Ketua Perwakilan Malaysia.

PENYERAGAMAN SISTEM EJAAN DAN PEMBENTUKAN ISTILAH MELALUI 'PEDOMAN BERSAMA'

Sebelum dan semasa Hassan Ahmad menjadi Pengerusi Sidang-sidang MBIM/MABBIM, beliau amat menyedari bahawa matlamat MABBIM bukanlah untuk menyatukan bahasa Melayu-bahasa Indonesia. MBIM dan kemudiannya MABBIM wujud setelah kedua-dua negara melakukan proses pembinaan dan pengembangan bahasa Melayu menurut dasar bahasa serta kaedah masing-masing. Oleh yang demikian, sewaktu kerjasama kebahasaan tersebut dimulakan pada tahun 1972, Malaysia dan Indonesia sudah pun mempunyai sistem tulisan masing-masing yang sudah dianggap mantap dan sejumlah besar istilah baharu yang telah dibentuk menurut kaedah masing-masing.

Semasa beliau memimpin Jawatankuasa Tetap Bahasa Melayu dan mengetuai Jawatankuasa Istilah, beliau memperhatikan wujudnya kebimbangan dalam kalangan penggubal ejaan bahasa Melayu dan pembina istilah di Malaysia bahawa ejaan dan bentuk istilah bahasa Melayu yang sudah lama digunakan itu akan mengalami perubahan dan dipengaruhi oleh sistem serta bentuk istilah bahasa Indonesia. Dalam sistem ejaan rumi bahasa Melayu,

beberapa fonem bahasa Arab diserap atau dikekalkan, manakala dalam sistem ejaan bahasa Indonesia, fonem Arab tidak digunakan sama sekali. Misalnya fonem/huruf Arab seperti /f/, /kaf (q), /kh/ dan /gh/ tidak digunakan dan huruf atau fonem itu digantikan dengan fonem asli bahasa Melayu: /f/ jadi /p/, /q/ jadi /k/, /kh/ jadi /k/ dan /gh/ jadi /g/. Malah di Indonesia, fonem /z/ menjadi /l/, misalnya perkataan 'zalim' di Malaysia dieja sebagai 'lalim' di Indonesia.

Masalah pendirian dan sikap yang agak konservatif atau tradisionalis seperti itu, sama ada di Malaysia mahupun di Indonesia, akhirnya berjaya ditangani apabila keputusan yang dibuat menunjukkan bahawa sistem ejaan lama Indonesia, iaitu Sistem Ejaan Soewandi, mengalami perubahan yang lebih banyak berbanding dengan perubahan yang berlaku pada sistem ejaan lama Malaysia, iaitu sistem ejaan Za`ba. Sebagai contoh, huruf /dj/ dan /j/ yang masing-masing melambangkan bunyi fonem [j] dan [y] dalam sistem ejaan lama Indonesia digantikan dengan huruf /j/ dan /y/. Dua perubahan radikal yang berlaku dalam kedua-dua sistem ejaan ialah penerimaan grafim atau huruf yang sama sekali baharu, iaitu huruf lama /sh/ dan /ch/ di Malaysia dan huruf lama Indonesia /tj/ dan /sj/, digantikan dengan huruf baharu, iaitu /sy/ dan /c/. Dua huruf baharu ini akhirnya diterima oleh kedua-dua negara (kemudian oleh negara Brunei Darussalam juga) sebagai huruf neutral atau 'jalan tengah' setelah perbincangan panjang lebar tentang perkara tersebut dilakukan, iaitu

berdasarkan hujah serta penjelasan ilmiah atau linguistik-fonologi.

Walaupun di Malaysia beberapa huruf yang melambangkan fonem Arab, misalnya /ʔ/ ('ain), /dz/ dan /dh/ digantikan dengan huruf /k/, /z/ dan /d/, namun huruf baharu itu digunakan untuk mengeja kata-kata umum bahasa Melayu sahaja. Akan tetapi, untuk mentranskripsi ayat-ayat al-Qur'an atau untuk mengeja beberapa perkataan Melayu yang berasal daripada perkataan bahasa Arab dan yang dianggap sebagai perkataan khusus, huruf lama itu masih serta perlu digunakan.

DBP telah mengambil langkah proaktif dengan menggubal sistem ejaan khusus untuk mentranskripsi huruf-huruf Arab dalam al-Qur'an berdasarkan Sistem Transkripsi Antarabangsa yang digunakan secara bersama oleh negara-negara Islam. Dalam sistem ejaan Indonesia, huruf /kh/ dan /gh/ tidak digunakan. Sebaliknya huruf yang digunakan sejak lama ialah /k/ dan /g/. Justeru, dalam soal perubahan ejaan, tidak ada pihak yang memperoleh keuntungan atau kemenangan atau sebaliknya kekalahan. Apa yang lebih penting ialah sistem ejaan di Malaysia, Indonesia, dan Brunei Darussalam disempurnakan serta diseragamkan. Kedua-dua istilah inilah yang digunakan oleh MABBIM yang dianggap lebih praktikal berbanding dengan istilah penyatuan bahasa.

Demikian juga dalam soal peristilahan. Tidak mungkin peristilahan bahasa Melayu-bahasa Indonesia dapat disatukan atau sama seratus-peratus. Sebagai contoh, istilah 'asid' ('acid') dan 'asam' telah lama

digunakan di Indonesia dalam kalangan ahli sains. Oleh yang demikian, istilah seperti 'asid nitrik' (*'nitric acid'*) kekal digunakan di Malaysia dan di negara Brunei Darussalam manakala istilah 'asam nitrik' dikekalkan di Indonesia. Yang sama ialah istilah 'nitrik'. Menurut Hassan Ahmad, "Apabila menghadapi masalah seperti ini, kita tidak boleh terlalu rigid dan memilih untuk bertegang leher. Yang penting ialah kesepakatan semua pihak dapat dicapai. Dengan demikianlah gagasan kerjasama kebahasaan ini dapat kekal dan bertambah kukuh sehingga hari ini."

Baginya yang penting bukanlah untuk menyatukan bahasa Melayu-bahasa Indonesia agar menjadi sistem atau peraturan yang sama sepenuhnya, tetapi sebaliknya untuk menyeragamkan sistem ejaan serta peristilahan. Penyeragaman itu pula dilakukan menurut kadar yang boleh diterima secara bertimbang rasa oleh kedua-dua pihak, tanpa menggugat apa yang disebut oleh beliau sebagai kestabilan sosiobudaya bahasa, iaitu menurut kebiasaan penggunaan bahasa di negara masing-masing. Dua sistem ini, iaitu sistem ejaan dan peristilahan, merupakan korpus penting dalam bahasa Melayu-Indonesia yang dapat menyeragamkan dua bahasa kebangsaan yang sama ini menjadi alat yang standard dan baku. Hal sedemikian memudahkan pemahaman bacaan, penulisan, serta penyebaran bahan-bahan bacaan ilmu yang ditulis dalam bahasa Melayu-bahasa Indonesia di rantau ini.

Penyeragaman bahasa Melayu-bahasa Indonesia itu dicapai melalui dua pedoman

bersama, iaitu (a) Pedoman Sistem Ejaan dan (b) Pedoman Pembentukan Istilah yang digubal serta disahkan oleh Malaysia dan Indonesia pada tahun 1975 untuk digunakan secara bersama oleh ketiga-tiga buah negara MABBIM. Walaupun Singapura tidak menjadi anggota penuh MABBIM, negara itu telah membuat keputusan untuk menggunakan kedua-dua pedoman itu. Tanpa sistem penyeragaman ini, taraf atau kedudukan bahasa Melayu sebagai salah satu bahasa kebangsaan atau bahasa rasmi yang kelima terbesar di dunia, mungkin sukar difahami oleh hampir 300 juta orang penduduk di seluruh dunia, khususnya di negara-negara anggota MABBIM.

Pada pandangan beliau, kemungkinan bahasa Melayu-bahasa Indonesia berkembang menjadi dua dialek bahasa Melayu yang sama sekali berlainan dan sukar difahami di negara masing-masing, tidak akan berlaku. Alasan yang diberikan beliau ialah kedua-dua bahasa berkenaan sudah berkurun-kurun lamanya menjadi bahasa perhubungan serantau. Hakikat itu pula dapat dilihat melalui penerbitan karya-karya kesusasteraan, kitab-kitab atau tulisan-tulisan tentang ilmu serta agama Islam yang dikarang dalam bahasa Melayu sejak abad ke-14 lagi dan yang mencapai kemuncaknya pada abad ke-17 dan 18 di Johor, Aceh, Palembang dan beberapa kawasan lain di rantau ini. Sejak zaman Melayu-Islam Samudera-Pasai abad ke-13, hampir semua kerajaan di rantau ini menggunakan bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi. Di Indonesia, sebagaimana yang telah dinyatakan sebelum ini,

perkembangan ini mencapai kemuncaknya apabila bahasa Melayu diisytiharkan sebagai bahasa kebangsaan dan bahasa rasmi bagi negara Republik Indonesia pada tahun 1945. Hal ini bermaksud bahawa bahasa Melayu, sama ada di Malaysia mahupun Indonesia, sudah lama memperlihatkan ciri-ciri persamaan yang ketara. Dengan kata lain, kedua-duanya memiliki sistem nahu atau tatabahasa yang sama, iaitu tatabahasa Melayu dan bukan tatabahasa Jawa atau bahasa-bahasa Melayu-Polinesia yang lain.

SUMBANGAN DALAM DUNIA PENERBITAN BUKU

Hassan Ahmad sudah mempunyai kelayakan yang tinggi dan pengalaman yang besar dalam lima bidang yang secara keseluruhannya merupakan asas yang penting untuk membolehkannya menjadi ketua badan penerbitan buku yang besar di negara ini. Kelima-lima bidang berkenaan ialah pembinaan dan pengembangan bahasa Melayu, penulisan, penyuntingan, penterjemahan, dan pembinaan serta pengembangan bakat sastera dalam bahasa kebangsaan.

Dalam bidang penerbitan misalnya, beliau percaya bahawa matlamat dan tanggungjawab yang dipikul DBP tidak sama dengan matlamat yang disasarkan oleh penerbit swasta. Pada dasarnya, setiap penerbit mempunyai matlamat bahawa setiap buku yang diterbitkan perlu mempunyai pasarannya. Dengan kata lain, buku-buku berkenaan perlu dipastikan agar dapat dijual dengan baik. Dalam hal ini, DBP juga tidak terkecuali. Tidaklah bijak

bagi penerbit yang besar seperti DBP untuk memperuntukkan biaya yang besar bagi penerbitan buku yang tidak boleh dijual di pasaran lalu akhirnya menyebabkan pembaziran dan menanggung kerugian. Walau bagaimanapun, keuntungan komersial atau kewangan bukanlah merupakan matlamat utama DBP. DBP ditubuhkan semasa dunia penerbitan buku dalam bahasa Melayu, terutama buku teks sekolah rendah dan menengah dalam semua bidang ilmu belum maju. Tiada penerbit swasta pada tahun 1960-an yang cukup bersedia, sama ada dari segi kewangan, lebih-lebih lagi kemampuan serta pengalaman profesional untuk menerbitkan buku teks dalam bahasa Melayu untuk kegunaan pelajar sekolah menengah kebangsaan dan pengajian tinggi.

Kejayaan Dasar Pelajaran Kebangsaan yang menetapkan bahasa kebangsaan, iaitu bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar utama di sekolah kebangsaan bergantung sepenuhnya pada jumlah buku teks yang mencukupi dan bermutu dalam bahasa kebangsaan. Untuk menyelesaikan masalah itulah, maka dengan bantuan kewangan daripada kerajaan, DBP diarahkan untuk segera menerbitkan buku-buku teks dalam semua mata pelajaran, dari peringkat sekolah rendah sehingga peringkat menengah atas. Malah pada tahun 1960-an, DBP sudah terlibat dalam bidang penerbitan buku teks pengajian tinggi, khususnya untuk kegunaan pelajar lepasan sekolah menengah atau pelajar institusi pengajian tinggi. DBP tidak mempunyai pilihan untuk menentukan sama ada bidang penerbitan itu boleh menguntungkannya dari segi pasaran

atau nilai komersialnya atau sebaliknya. Tanggungjawab penerbit ulung negara itu semata-mata merupakan tanggungjawab sosial, iaitu untuk memelihara kepentingan negara.

Bagi beliau, persoalan yang lebih penting daripada masalah ekonomi, penerbitan dan pasaran buku pengajian tinggi dalam bahasa Melayu pada masa itu ialah mutu buku-buku tersebut, sama ada isi mahupun bahasanya. Demikian pula bagi karya-karya terjemahan dan karya asli. Perkara yang diberikan tumpuan penting oleh DBP ialah mutu penterjemahan dan penulisan sesebuah karya. Sebagaimana sering ditegaskan oleh beliau, buku bukan semata-mata produk atau komoditi perdagangan atau ekonomi, tetapi lebih penting daripada itu, buku merupakan produk ilmu dan budaya tinggi. Tamadun Melayu dibina melalui ilmu, iaitu kitab-kitab atau karya-karya kesusasteraan dan ilmu-ilmu tinggi yang berdasarkan ajaran tauhid Islam. Tamadun tersebut bermula sejak abad ke-14 dan mencapai kemuncaknya di Aceh, Johor (selepas Melaka), dan Palembang pada abad ke-17 dan 18. Beliau menyimpan impian yang besar agar tradisi gemilang itu dapat dihidupkan semula dan diperkukuh melalui penulisan serta penerbitan buku-buku budaya dan ilmu tinggi serta karya-karya kesusasteraan selepas tahun 1957. Beliau menganggap bahawa DBP lah yang memikul amanah yang besar untuk melaksanakan tanggungjawab sosial, budaya dan intelektual tersebut. Semuanya dengan satu tujuan, iaitu menjayakan matlamat pembinaan tamadun yang tinggi dalam bahasa Melayu, sebagaimana yang

telah berjaya dilakukan oleh masyarakat Melayu Islam rantau ini suatu ketika dahulu.

Sebagai Ketua Pengarah DBP pada ketika itu, Hassan Ahmad bertanggungjawab memastikan bahawa semua buku yang diterbitkan oleh badan tersebut bermutu tinggi, bukan sahaja dari segi bahasanya, tetapi juga kandungan, kebenaran fakta, dan kaedah atau gaya penyampaiannya. Pasti beliau tidak berkemampuan untuk menyemak semua manuskrip yang diterima oleh DBP daripada penulis disebabkan jumlahnya yang banyak. Walau bagaimanapun, beliau tetap mengambil langkah proaktif dengan mengajukan beberapa soalan penting kepada editor yang menangani manuskrip berkenaan. Hal ini dilakukan sebelum buku itu dihantar ke percetakan untuk diterbitkan, iaitu setelah diluluskan oleh DBP dan disunting oleh editor. Antara soalan yang dikemukakan oleh beliau kepada editor termasuklah sudahkah tatabahasa manuskrip berkenaan disemak dengan teliti dan adakah editor berpuas hati bahawa kandungan buku itu tidak mengandungi sebarang fakta yang salah, atau mengandungi apa-apa pandangan penulis yang mungkin menimbulkan hal-hal yang sensitif atau yang melanggar Akta tertentu yang berkaitan dengan soal yang boleh dianggap sensitif dari segi undang-undang. Demikian pula sama ada editor telah memastikan bahawa penulis tidak melakukan plagiat, iaitu meniru isi daripada buku dan penulis lain dengan tidak menyatakan rujukan dengan sewajarnya?

Apabila dilantik sebagai Ketua Pengarah DBP pada tahun 1976, beliau menyedari

betapa beratnya tanggungjawab budaya dan ilmu yang terpikul di bahunya. Tugas dan tanggungjawabnya bukan hanya sebagai Ketua Perancang Bahasa Melayu malah sebagai ketua sebuah badan penerbitan buku yang besar juga. Beliau menganggap bahawa buku dan bahasa sebagai alat pembina tamadun yang tidak dapat dipisahkan sama sekali. Buku bergantung pada bahasa atau pada kewujudan orang yang mampu berfikir dengan mendalam dalam bahasa itu untuk menghasilkan produk budaya atau ilmu yang tinggi, iaitu buku yang bermutu. Beliau percaya bahawa kekuatan dan kekayaan bahasa Melayu sebagai bahasa ilmu, pemikiran, dan budaya tinggi dapat diperkasakan melalui penghasilan buku yang bermutu tinggi dalam bahasa tersebut.

Bagi Hassan Ahmad, sebuah buku yang mengandungi banyak kesalahan dan kelemahan sudah cukup untuk mencemarkan nama baik DBP sebagai badan bahasa serta penerbit buku yang terulung di Malaysia. Hal ini mengingatkan beliau tentang teori atau pendapat yang dikemukakan oleh Peter Drucker, dalam bukunya *Effective Executive* yang pernah diterjemahkan oleh beliau ke bahasa Melayu. Peter Drucker menyatakan "... *the performance of an organisation is not evaluated or determined inside the organisation but outside it*", maksudnya, prestasi sesebuah organisasi korporat tidak ditentukan oleh individu yang bekerja dalam organisasi itu, tetapi oleh individu yang berada di luar organisasi tersebut atau oleh pasaran atau pengguna juga.

Prinsip yang dipegang oleh beliau ialah setiap buku yang diterbitkan hendaklah dijual atau dipromosikan sehingga khalayak pembeli buku bukan sahaja mengetahui tentang kewujudan sesebuah buku dalam pasaran, tetapi tertarik untuk membelinya. Jika tidak, lebih baik sekiranya buku itu tidak diterbitkan sama sekali. Hassan Ahmad mahukan agar pengurus atau pegawai pemasaran buku DBP bukan hanya bekerja seperti pegawai awam kerajaan yang lazimnya menjalankan tugas dengan menurut peraturan pentadbiran awam yang telah ditentukan sebagai peraturan standard. Dengan kata lain, beliau benar-benar berharap agar mereka, tanpa mengira bidang tugas yang ditentukan, melaksanakan tugas yang diamanahkan dengan penuh kebijaksanaan dan menggunakan daya kreativiti yang tinggi, demi kemajuan serta kecemerlangan DBP umumnya, dan bahasa Melayu itu sendiri khususnya.

Sehubungan dengan itu, beliau pernah beberapa kali cuba menyesuaikan segala peraturan birokratik di DBP dengan keadaan pasaran buku yang semakin kompetitif. Beliau tidak mahu melihat adanya peraturan yang boleh menyekat kebolehan pegawai pemasaran DBP untuk memasarkan buku DBP secara kreatif dan kompetitif dalam pasaran buku di negara ini. Selain itu, beliau mengambil langkah proaktif dengan menjelajah ke seluruh negara untuk menemui pengedar buku DBP dan melihat operasi serta pengurusan mereka. Hassan Ahmad turut mengunjungi kedai-kedai buku untuk meninjau sama ada terdapat

buku-buku DBP di kedai-kedai berkenaan. Jika tiada, beliau akan menanyakan sebab atau alasannya. Langkah bijak yang diambil oleh beliau itu telah membolehkan beliau mengenal pasti dan mempelajari pelbagai kaedah bagi mengatasi masalah dalam penjualan buku. Di samping itu, salah satu matlamat penjelajahan beliau, iaitu untuk mempromosikan penjualan buku DBP tercapai dengan jayanya. Tindakan susulan yang diambil berikutnya juga telah menyumbang kepada peningkatan sebanyak 20% jualan buku-buku DBP yang berjumlah lebih RM2.0 juta.

Pada tahun 1960-an, UNESCO menganjurkan supaya semua negara anggotanya, khususnya negara sedang membangun, memberikan perhatian terhadap buku dan memajukan perusahaan buku sebagai salah satu alat penting bagi kemajuan manusia serta pembangunan negara. Maka timbullah istilah dan konsep yang disebut sebagai '*Book Development*' atau 'Kemajuan Buku'. Untuk mencapai tujuan itu, negara anggota UNESCO digalakkan menubuhkan *Book Development Council* atau Majlis Kemajuan Buku. Hassan Ahmad telah terlibat dalam bidang Kemajuan Buku atau *Book Development* sejak tahun 1970-an. Di Tokyo misalnya, beliau menghadiri dan pernah mempengerusikan beberapa buah mesyuarat kemajuan buku yang dianjurkan oleh *Asian Copublishing Programme for UNESCO* atau ACCU yang berpusat di Tokyo. Pada tahun 1972, beliau membentangkan kertas kerja tentang kemajuan buku di Malaysia dalam 'Persidangan untuk Menubuhkan Persatuan

Penerbit ASEAN' di Bangkok. Sebahagian tulisan atau kertas kerja awalnya yang banyak menyentuh tentang kemajuan buku, sama ada dalam bahasa Melayu mahupun bahasa Inggeris, dan dalam serta luar negara diterbitkan dalam buku *Bahasa, Sastera, Buku: Cetusan Fikiran Hassan Ahmad* (terbitan DBP, 1988).

Antara pencapaian terpenting yang menggembirakan Hassan Ahmad ialah apabila pada tahun 1974, beliau dipilih oleh UNESCO bersama-sama dengan enam orang pakar buku dari Britain, India, Jepun, dan Filipina, selain seorang pakar program daripada Ibu Pejabat UNESCO di Paris untuk menggubal kurikulum *Diploma in Publishing Management*.

PENGGUBAL DASAR PEMBANGUNAN BUKU DAN PEMIMPIN KEMAJUAN BUKU NEGARA

Pada tahun 1978, beliau diundang untuk menghadiri mesyuarat 'pakar-pakar buku' (*Book Experts*) di New Delhi atas tajaan UNESCO. Mesyuarat tersebut bertujuan menggubal cadangan berkaitan dengan 'model' Dasar Pembangunan Buku atau '*Book Development Policy*' untuk negara-negara membangun. Wakil dari kira-kira 18 buah negara Asia-Pasifik dan Afrika telah menghadiri mesyuarat tersebut. Melalui hasil mesyuarat itu, terbentuklah suatu 'model' berkenaan dengan 'Dasar Buku untuk Negara Sedang Membangun' atau '*Book Development Policy for Developing Countries*' yang boleh digunakan oleh negara anggota UNESCO sebagai 'model'

dengan penyesuaian terhadap keadaan dan keperluan negara masing-masing. Dalam *World Book Congress* yang diadakan di London pada tahun 1980, HA dipilih menganggotai sebuah *Jawatankuasa Khas Hak Cipta* (dipengerusikan oleh Mr. Malhotra dari India) untuk mengkaji 'The International Copyright Convention' yang sedia ada dan mencadangkan beberapa pindaan atau peruntukan baharu yang lebih sesuai dengan kepentingan negara-negara sedang membangun. Beberapa cadangan Jawatankuasa itu telah diterima oleh Kongres Buku Sedunia itu setelah dibahaskan lagi oleh para peserta kongres.

Malaysia menubuhkan 'Majlis Kemajuan Buku Kebangsaan' pada tahun 1968 dan diletakkan di Kementerian Pelajaran. Majlis ini dianggotai antara lain oleh badan-badan profesional yang berkaitan dengan buku termasuklah Perpustakaan Negara dan Persatuan Perusahaan Buku seperti Persatuan Penerbit Buku, Persatuan Penjual Buku, Persatuan Pengimport Buku dan Persatuan Percetakan. Pada tahun 1981, Menteri Pelajaran Malaysia ketika itu, Datuk Amar Dr. Sulaiman Daud telah melantik HA sebagai pengerusi baharu MBKM. Dengan berbekalkan pengetahuan dan pengalamannya yang luas, ternyata beliau dapat menghidupkan dan mengaktifkan semula MBKM ke arah kemajuan yang dianggap 'hebat' oleh beberapa pemerhati kemajuan buku di dalam dan di luar negara. Beliau menumpukan perhatian pada tiga aspek penting kemajuan buku, iaitu (a) mendedahkan buku seluas-luasnya kepada masyarakat; (b) menggalakkan

minat membaca; dan (c) memajukan mutu profesionalisme dalam kalangan semua petugas bidang penerbitan buku - editor, pereka bentuk buku, pengurusan penerbitan dan lain-lain lagi.

Untuk mencapai matlamat itu, beliau berpendapat bahawa Malaysia perlu mempunyai **Dasar Buku Negara** yang jelas sebagai rujukan dan panduan untuk menggubal dan melaksanakan semua program dan kegiatan yang dianggap penting untuk memajukan buku sebagai alat atau sumber pembangunan dan kemajuan manusia, masyarakat dan negara. Beliau merancang untuk menggubal cadangan 'Dasar Buku Negara' untuk dikemukakan kepada Kerajaan. Hassan Ahmad berpendapat bahawa perusahaan buku tidak boleh dianggap sebagai soal ekonomi semata-mata. Perusahaan buku ialah perusahaan ilmu pengetahuan (*knowledge industry*) kerana buku merupakan alat bagi perkembangan intelektual. Jumlah buku, jenis buku yang dikeluarkan, bilangan kedai buku serta perpustakaan yang ada mencerminkan tingkat perkembangan intelektualisme masyarakat Malaysia. Untuk itu, 'Dasar Buku Negara' penting untuk memastikan pendekatan yang padu bagi perkembangan buku. Hal yang demikian penting untuk mengatasi rintangan yang mungkin timbul dan menggembeleng usaha mewujudkan serta mengembangkan industri buku yang sihat selain mengatasi pelaksanaan yang tidak teratur yang mungkin menghalang perkembangan buku.

Pada pandangan Hassan Ahmad, peranan kerajaan amat penting dalam menyokong

pertumbuhan industri buku di negara ini. Kerajaan perlu memastikan supaya semua kegiatan pembangunan buku dianggap sebagai sebahagian perusahaan pendidikan dan dengan demikian perlu dimasukkan dalam perancangan pembangunan negara. Peruntukan khas untuk pembinaan buku mesti ada dan kerajaan perlu memastikan supaya perusahaan buku diiktiraf sebagai suatu perusahaan yang penting (*essential industry*), iaitu perusahaan budaya yang sangat penting. Namun demikian katanya, perusahaan buku tidak mungkin dapat berkembang sekiranya tidak wujud keadaan yang boleh membantu perkembangannya. Langkah proaktif yang diambil oleh MBKM di bawah kepimpinan Hassan Ahmad seterusnya adalah dengan mengadakan pameran buku kebangsaan yang pertama pada tahun 1981 di Cangkat Pavilion, Kuala Lumpur. Bermula dengan pameran buku yang pertama itulah, Pameran Buku Kebangsaan atau Antarabangsa Malaysia mencapai tahap yang besar dan lebih gemilang. Kini pameran tersebut diadakan setiap tahun di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC).

Selain itu, beliau meminta MBKM menerima cadangannya supaya sebuah lagu berkenaan dengan buku, berjudul 'BUKU' dicipta untuk disiarkan di RTM dan diperdengarkan dalam perhimpunan sekolah setiap minggu, atau diperdengarkan seberapa kerap kepada masyarakat. Hal yang demikian dilakukan supaya masyarakat menyedari betapa pentingnya buku dalam kehidupan sehari-harian mereka. MBKM kemudiannya menganjurkan pertandingan

mencipta lagu buku itu. Pertandingan tersebut telah dimenangi oleh komposer Manan Ngah, manakala lirik atau seni kata lagu itu pula telah dicipta oleh Sasterawan Negara, iaitu Datuk Usman Awang. Maka lagu itu pun diperdengarkan di RTM dan pernah dinyanyikan di sekolah dan di setiap Pameran Buku Kebangsaan. Menteri Kabinet pada waktu itu, iaitu Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi begitu tertarik dengan lagu itu. Bagaimanapun, beliau tidak tahu apakah yang telah terjadi kepada lagu ini setelah beliau tidak menjadi Pengerusi MBKM lagi sejak Ogos 1988 (kerana memegang jawatan baharu, iaitu sebagai Duta dan Wakil Tetap Malaysia ke UNESCO September 1988). Beliau mengesyorkan supaya MBKM menghidupkan dan menyemarakkan semula lagu ini.

Pada tahun 1970-an, kempen menggalakkan minat membaca telah diadakan di seluruh negara. Pada mulanya, kempen ini yang dilaksanakan dengan bantuan *Toyota Foundation* telah dikendalikan oleh DBP di bawah kelolaan Mohd Noor Azman, Editor Kanan DBP. Sebuah Jawatankuasa Gerakan Membaca pada peringkat pusat telah ditubuhkan dan diketuai oleh Menteri Pelajaran. Jawatankuasa Gerakan Membaca ditubuhkan juga di setiap negeri. Program itu kemudiannya dipindahkan pula ke MBKM. HA telah mengusulkan penubuhan 'Perpustakaan di Rumah' dengan program dimulakan di Lembah Kelang. Setiap keluarga digalakkan menubuhkan perpustakaan sendiri di rumah. Sasaran program ini ialah sebanyak 5,000 rumah atau keluarga di Lembah Kelang. MBKM

telah menyediakan ‘model’ perpustakaan di rumah ini untuk digunakan oleh rumah yang berminat untuk menubuhkan ‘*mini library*’ (perpustakaan kecil) atau ‘Perpustakaan Rumah’. ‘Model’ itu telah dipamerkan dalam Pameran Buku Kebangsaan. HA kesal kerana beliau tidak dapat melihat projek ini berkembang kerana terpaksa meninggalkan MBKM pada bulan Ogos 1988.

Berdasarkan contoh ‘*National Book Policy*’ (‘Dasar Buku Negara’) yang beliau turut terlibat menggubalnya di New Delhi pada tahun 1978, beliau mula mendrafkan cadangan ‘Dasar Buku Negara’ untuk dikemukakan kepada kerajaan. Setelah diteliti oleh pihak kementerian lagi, cadangan itu akhirnya dibawa oleh menteri ke Kabinet. Pada bulan November tahun 1988, Kabinet telah meluluskan cadangan Dasar Buku Negara.

Bagaimanapun, *beliau menasihatkan bahawa sesiapa yang mahu melibatkan diri atau diberi tugas untuk memajukan buku sebagai salah satu alat penting pembangunan manusia dan negara hendaklah betul-betul mencintai buku dan ilmu. Individu itu hendaklah memajukan dirinya dulu, untuk menjadi pemikir budaya, menjadi intelek buku, suka membaca dan menuntut ilmu melalui buku.* Individu itu tidak boleh hanya bertugas sebagai ‘pegawai awam kerajaan’ yang tidak pernah atau jarang-jarang memikirkan secara serius tentang nilai buku kepada kemajuan manusia dan negara. Tentunya individu itu juga bukan individu yang tidak suka membaca dan menuntut ilmu, tidak mengetahui langsung tentang apakah yang dimaksudkan dengan

buku atau penerbitan sebagai ‘perusahaan ilmu’ atau ‘*knowledge industry*’ serta tidak melihat buku sebagai bahan atau komoditi perniagaan atau komersial.

Beliau berpendapat terdapat tanda bahawa sesebuah negara itu sudah mencapai tahap kemajuan buku yang dianggap ‘maju’. Antara tandanya termasuklah; di negara itu terdapat banyak penerbit buku, jumlah judul buku baharu yang diterbitkan setiap tahun banyak, sesuai dan seimbang dengan jumlah penduduk negara itu, serta minat membaca atau kadar mermbaca buku dalam kalangan penduduk negara tinggi. Tanda negara ‘maju buku’ pula terletak pada mutu buku dan bidang buku atau kepelbagaian judul buku yang diterbitkan serta kadar pembacaan yang tinggi.

MEMARTABATKAN KARYA AGUNG DUNIA DI YAYASAN KARYAWAN

Idea untuk menubuhkan Yayasan Karyawan dicetuskan oleh Allahyarham Dato’ Dr. Hassan Ahmad. Pada 30 Ogos 1996, Yayasan Karyawan ditubuhkan dan beliau dilantik sebagai Ketua Eksekutif pertama Yayasan tersebut. Beliau terus menerajunya selama 15 tahun sehinggalah beliau menghembuskan nafasnya yang terakhir pada 31 Ogos 2011.

Tujuan penubuhan Yayasan Karyawan adalah untuk mengkaji dan menerbitkan Karya Agung Melayu, Karya Agung Dunia Melayu dan Karya Agung Dunia dalam bahasa Melayu. Karya Agung Melayu yang dipilih untuk diterbitkan merupakan karya-karya agung kesusasteraan tradisional Melayu dan juga “Dunia Melayu” yang

tertulis dalam bahasa-bahasa serumpun, misalnya karya agung Jawa, Bugis, Makasar, Aceh, Minangkabau dan lain-lain. Yayasan Karyawan juga berusaha menerbitkan Karya Agung Dunia yang diterjemahkan ke dalam bahasa Melayu. Yayasan Karyawan mengkaji dan menterjemahkan ke dalam bahasa Melayu karya-karya agung pilihan daripada tamadun bangsa-bangsa di luar dunia Melayu, antaranya karya agung Arab (Islam), karya agung Asia (China, India, Jepun, Thai, Korea, Vietnam dan lain-lain), karya agung Barat, karya agung Afrika dan karya agung Amerika (Selatan).

Penerbitan buku karya agung pula bertujuan menimbulkan minat dan kesedaran dalam kalangan masyarakat terhadap betapa pentingnya sesuatu bangsa itu mengenal warisan bangsa dan negaranya untuk terus mengekalkan kekuatan dalaman bangsa dalam proses membentuk 'tamadun baharu'. Pembaharuan tidak seharusnya memusnahkan tradisi, tetapi hendaklah memperkukuh tradisi itu. Bangsa yang kekal di dunia ini ialah bangsa yang sangat sedar akan warisan, tradisi dan tamadun bangsa sendiri, bangsa yang melakukan pembaharuan berdasarkan unsur-unsur tradisi bersama yang terbaik.

Karya Agung melambangkan tradisi, budaya dan tamadun sesuatu bangsa. Di dalamnya terdapat gambaran atau panorama budaya yang bersambungan, yakni yang tidak dipisah-pisahkan oleh peristiwa sejarah, tentang pandangan atau falsafah hidup, nilai sosial dan moral serta nilai atau fungsi adat dalam kehidupan bangsa yang terbentuk melalui pengalaman bersama

bangsanya. Gambaran ini disampaikan sama ada secara terus terang ataupun sebaliknya, iaitu tersurat dan tersirat serta halus, diungkapkan melalui kiasan, peribahasa, bidalan dan pantun-gurindam melalui penggunaan bahasa yang halus pula, dan melalui lambang-lambang tertentu, misalnya melalui mitos dan peristiwa yang mengandungi "makna" yang tersirat, yang memerlukan berbagai-bagai "tafsiran" untuk menyingkap maksudnya yang sebenar. Antara mesej yang boleh dikatakan visi penting sastera tradisional Melayu, seperti yang telah dibincangkan ialah mesej jati diri atau identiti orang Melayu sebagai bangsa yang mempunyai negara dan kerajaan atau raja yang berkuasa dan berdaulat (Yayasan Karyawan, 2005, ms. 28-29).

Di bawah kepemimpinan Hassan Ahmad, Yayasan Karyawan telah menerbitkan sejumlah karya agung, yang secara jelas dapat dianggap sebagai cerminan utama tradisi atau tamadun falsafah, pemikiran atau pandangan sejagat bangsa-bangsa di dunia. Antaranya termasuklah *Bustan al-Katibin*, *Cerita Jenaka Melayu*, *Cerita Penglipur Lara*, *Hikayat Abdullah*, *Hikayat Aceh*, *Hikayat Hang Tuah*, *Hikayat Inderaputra*, *Hikayat Merong Mahawangsa*, *Hikayat Panji Jayeng Kusuma*, *Hikayat Pocut Muhamat*, *Hikayat Raja Pasai*, *Kitab Pengetahuan Bahasa*, *Pantun Melayu: Bingkisan Permata*, *Sulalat al-Salatin*, *Syair Ken Tambuhan*, *Tuhfat al-Nafis*, *Undang-undang Melaka dan Undang-undang Laut*, *Pengenalan Konsep dan Gagasan Karya Agung Yayasan Karyawan* serta *Prosiding Persidangan Antarabangsa Karya Agung Melayu*.

KESIMPULAN

Allahyarham Dato' Dr. Hassan Ahmad, dalam makalah terakhir beliau yang tidak sempat dibentangkannya dalam Persidangan Antarabangsa Karya Agung Melayu Sulalat al-Salatin dan Hikayat Hang Tuah yang diadakan di Seri Negeri, Ayer Keroh, Melaka pada 1 November 2011 telah meninggalkan pesanan, iaitu

“Tamadun Melayu dibina oleh orang Melayu yang pandai berfikir dalam bahasanya sendiri; orang Melayu yang mencintai ilmu, orang Melayu yang imejnya adalah seperti yang digambarkan atau ditakrifkan oleh pengarang Hang Tuah. Orang Melayu pada zaman dahulu pandai menggunakan bahasanya dengan baik, betul dan indah, walaupun mereka tidak mempelajari bahasa Melayu secara formal. Hal yang demikian disebabkan mereka berfikir dalam bahasa Melayulah akal mereka dapat ditajamkan, dijernihkan dan menjadi alat pembinaan tamadun tinggi melalui karya agung Melayu yang dilahirkan.”

Kehebatan sesetengah orang dinilai daripada sumbangannya, manakala sesetengah yang lain dinilai daripada keperibadiannya. Namun Allahyarham Dato' Dr. Hassan Ahmad harus dinilai melalui kedua-duanya. Beliau tidak pernah ingin disanjung dan tidak gentar pula mempertahankan kebenaran. Beliau

menjadi suri teladan yang unggul dan dapat dijadikan contoh yang patut diketengahkan kepada generasi muda untuk meneruskan perjuangannya dalam bidang bahasa, persuratan dan ilmu. Maka dengan sedemikian banyaknya sumbangan beliau serta keperibadiannya yang mulia itulah, beliau tanpa ragu-ragu lagi selayaknya dimartabatkan sebagai ‘Cendekiawan Melayu Terulung’ sepanjang zaman (Nor Azuwan Yaakob, 2013:404).

BIBLIOGRAFI

- Hassan Ahmad. (1988). *Bahasa, Sastera, Buku: Cetusan Fikiran*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Hassan Ahmad. (2000). *Imbasan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Hassan Ahmad. (2000). *Ke Luar Jendela*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Hassan Ahmad. (1985). *The Publishing Programme of Dewan Bahasa dan Pusaka*. Kertas kerja dalam Seminar Scholarly Publishing in Southeast Asia. Kuala Lumpur, 16 – 18 Januari 1975.
- Hassan Ahmad. (1966). *Bangsa-Bangsa Bersatu dan Pertubuhan-pertubuhan Khasnya*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Hamilton, Nigel. (2009). *How to Do Biography*. USA: Harvard University Press.
- Nor Azuwan Yaakob. (2013). *Dato' Dr. Hassan Ahmad – Cendekiawan Melayu Terulung*. Serdang: Penerbit Universiti Putra Malaysia.
- Rubin, J., & Jernudd. (1972). *Can Language be Planned*. Honolulu: University Press of Hawaii.
- Wawancara antara Dr. Hajah Nor Azuwan Yaakob (penulis) dengan Dato' Dr. Hassan Ahmad di Yayasan Karyawan, Kuala Lumpur pada tahun 2009 – 2011.

Yayasan Karyawan. (2005). *Pengenalan Konsep dan Gagasan Karya Agung Yayasan Karyawan*. Kuala Lumpur: Yayasan Karyawan.



Budaya Melayu: Transformasi Gaya Komunikasi daripada Budaya Konteks Rendah kepada Budaya Konteks Tinggi

Norliana Ali Haidzir, Jusang Bolong* dan Ezhar Tamam

Jabatan Komunikasi, Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, Universiti Putra Malaysia, 43400 Serdang, Selangor, Malaysia

ABSTRAK

Masyarakat antarabangsa daripada negara budaya konteks rendah yang datang ke Malaysia mempunyai gaya komunikasi yang berbeza dengan masyarakat tempatan. Gaya komunikasi budaya konteks rendah mereka boleh kekal atau berubah kepada budaya konteks tinggi semasa berada di Malaysia. Kajian ini bertujuan meneroka perubahan gaya komunikasi individu daripada budaya konteks rendah kepada gaya komunikasi budaya konteks tinggi selepas berada 6 bulan di Malaysia. Kaedah tinjauan telah dijalankan menerusi pengedaran borang soal selidik kepada responden di sekitar Lembah Klang. Sejumlah 122 orang responden telah terlibat dalam kajian ini. Pemilihan responden ini menggunakan teknik persampelan bertujuan. Selepas enam bulan berada di Malaysia, didapati gaya komunikasi sesetengah individu daripada negara budaya konteks rendah telah mengalami perubahan kepada gaya komunikasi budaya konteks tinggi. Ujian-T Berpasangan menunjukkan perbezaan yang signifikan dalam perubahan gaya komunikasi individu yang berbudaya konteks rendah. Kajian ini dapat menyumbang pengetahuan baru dari aspek perubahan gaya komunikasi masyarakat luar bila berada di negara ini. Ini memberi implikasi kepada pengetahuan bidang komunikasi antara budaya, dan sebagai panduan amalan dalam kalangan masyarakat luar atau negara ini.

Kata kunci: Gaya komunikasi, budaya konteks rendah, budaya konteks tinggi, masyarakat antarabangsa

ABSTRACT

The international society of low context culture countries which comes to Malaysia has different style of communication with the local society. Their communication style of low context culture could remain the same, as well changing to high context culture while in Malaysia. This study aimed to explore individual's communication style changes from low context culture to high context culture communication style after spending 6 months in Malaysia. A survey method was conducted through the distribution of questionnaires to the respondents in the Klang Valley. A total of 122 respondents were involved in this study. The respondent is using purposive sampling technique. After six months in Malaysia, it was found that some individual's communication style of low context culture has changed to high context culture

INFO MAKALAH

Pewasitan Makalah:
Dihantar: 2 September 2013
Diterima: 28 Februari 2014

E-mail:

jusang@upm.edu.my (Jusang Bolong)

* Penulis penghubung

communication style. Two-sample T-test analysis showed that there is a significant difference in individual's communication style changes of low context culture. This study contributes to new knowledge in terms of communication style changes from international society when they are in this country. It gives implications for knowledge in intercultural communication and as a guide to practice for international or local society.

Keywords: Communication style, low context culture, high context culture, international society

PENGENALAN

Komunikasi antara budaya adalah antara faktor penting yang dapat mempengaruhi seseorang dalam sesuatu perhubungan yang lebih berkesan. Beberapa tahun kebelakangan ini, ia menjadi penting kepada banyak bidang termasuk ekonomi, pembangunan, penyelidikan, perhubungan luar, pendidikan, kesihatan, diplomatik dan sebagainya. Komunikasi antara budaya merupakan satu keperluan penting dan bukan satu pilihan. Mahir dalam komunikasi antara budaya dapat menyumbangkan banyak kebaikan dan faedah yang sangat mendalam kepada diri serta negara.

Bagaimanapun komunikasi antara budaya bukannya sentiasa berjaya malah sering menyebabkan seseorang yang melaluinya menghadapi tekanan (Lustig dan Koester, 1993; Chiu, 1995). Menurut Kim dan Paulk (1994), Irwin (1996), Porter dan Samovar (1997), budaya yang berbeza boleh menyebabkan peningkatan masalah komunikasi. Ini kerana apabila budaya berbeza, cara berkomunikasi juga berbeza, dan pemahaman terhadap

sesuatu komunikasi adalah rendah serta boleh menyebabkan pertengkaran akibat salah faham. Fenomena ini berlaku akibat perubahan budaya persekitaran (McKinlay, Pattison dan Gross, 1996 dan Begley, 2000) yang menghasilkan kejutan budaya. Lustig dan Koester (1993) menyatakan orang yang berbeza latar belakang budaya susah untuk memahami dan menafsirkan sesuatu komunikasi dalam hubungan interpersonal antara mereka. Komunikasi mereka adalah berasaskan komunikasi interpersonal yang semulajadi dari budaya asal mereka. Namun fenomena ini dapat dikurangkan melalui proses akomodasi gaya komunikasi antara individu berlainan budaya.

Proses akomodasi gaya komunikasi sentiasa berlaku apabila wujudnya pertembungan budaya gaya komunikasi konteks rendah dan konteks tinggi. Teori akomodasi komunikasi (Giles, 1973) menjelaskan bahawa apabila seseorang berinteraksi, mereka sentiasa mengubahsuai pola pertuturannya secara lisan atau bukan lisan supaya dapat berakomodasi dengan orang lain. Setiap individu cuba untuk mengurangkan keterbezaannya dengan orang lain melalui gaya komunikasi dengan mengambil kira bahasa yang digunakan, konteks komunikasi mengikut budaya dan identiti individu itu. Dalam proses akomodasi, individu mungkin melakukan adaptasi gaya komunikasinya mengikut konteks kumpulan atau masyarakat yang disertainya (*convergence*) untuk mengurangkan perbezaan sosial. Namun terdapat juga individu yang menunjukkan perbezaan yang keterlaluan dari segi

komunikasi lisan dan bukan lisan dengan orang lain sehingga mencapai tahap kecapahan (*divergence*).

PERMASALAHAN KAJIAN

Malaysia adalah sebuah negara yang mengamalkan budaya konteks tinggi kerana berdasarkan maklumat demografi, Malaysia terletak dalam Asia Tenggara. Menurut Mintu-Wimsatt dan Gassenheimer (2000), budaya konteks tinggi di dunia, termasuklah di Asia sebagai contoh; Jepun, China, Korea dan Thailand. Kemahiran gaya komunikasi individu lain, khususnya individu dari budaya konteks rendah akan mempengaruhi keberkesanan komunikasi mereka apabila berada di Negara ini. Justeru, kehadiran individu dari luar negara ke Malaysia merupakan aspek penting dalam hubungan antarabangsa. Pemahaman mereka terhadap budaya dan amalan komunikasi di negara ini menjadi aset kepada hubungan diplomatik yang lebih berkesan.

Mereka yang sanggup meninggalkan negaranya sendiri dan berada di negara yang berbeza budaya seharusnya memahami budaya negara yang mereka diami itu. Sememangnya setiap individu yang meninggalkan negaranya mempunyai tujuan tersendiri sama ada untuk bekerja mahupun belajar. Individu yang datang dari budaya konteks rendah untuk bekerja di negara ini mempunyai jarak kuasa yang rendah. Mereka amat mementingkan kebolehan dan pencapaian dalam menentukan kekuasaan. Berbanding masyarakat Malaysia yang mempunyai jarak kekuasaan yang tinggi

yang sangat mementingkan perbezaan status dan kuasa, menyebabkan berlaku pertembungan budaya gaya komunikasi yang agak kritikal. Fenomena ini memerlukan akomodasi antara individu berlainan budaya dan membawa persoalan keperluan individu dari budaya konteks rendah untuk berubah. Bagaimanapun, fenomena ini dapat diandaikan tidak berlaku dengan ketara apabila individu yang datang dari budaya konteks rendah ke negara ini untuk belajar. Fenomena keperluan perubahan gaya komunikasi dari budaya konteks rendah kepada gaya komunikasi konteks tinggi juga berkait rapat dengan menjaga air muka. Demi menjaga air muka, individu sanggup mengamalkan budaya yang berbeza dari budayanya yang sebenar untuk mencapai sesuatu tujuan, misalnya tujuan hubungan antara individu dalam organisasi multi-nasional. Ting-Toomey (1988) membuat andaian bahawa individu dari pelbagai budaya selalu berunding tentang air muka. Kepentingan menjaga air muka dalam kalangan mereka dari budaya konteks rendah berbeza daripada kepentingan menjaga air muka dalam budaya konteks tinggi.

Selain aspek menjaga air muka, perbezaan budaya konteks rendah dan budaya konteks tinggi juga mengundang kebimbangan dan ketidakpastian yang tinggi. Untuk mengurangkan kebimbangan dan ketidakpastian ini, perubahan kepada gaya komunikasi amat diperlukan dalam konteks teori akomodasi komunikasi. Mengekalkan gaya komunikasi dari budaya konteks rendah ke dalam budaya

konteks tinggi adalah risiko peningkatan kebimbangan dan ketidakpastian.

Bagaimana pun terdapat juga individu dari budaya konteks rendah sentiasa mahu mengekalkan gaya komunikasi mereka kerana adanya peranan etnosentrism dalam diri mereka. Dalam konsep etnosentrism ini, individu akan terus mengekalkan budaya mereka walaupun dalam budaya berbeza melainkan keberkesanan komunikasi dapat mengelakkan etnosentrism itu. Fenomena begini dapat dikaitkan dengan Teori Identiti Sosial (Tajfel, Henri and Turner, 1986) yang memberi penekanan bahawa individu sentiasa mengekalkan identitinya walaupun dalam situasi berbeza.

Dalam percanggahan keperluan mengubah gaya komunikasi antara individu dari budaya konteks rendah kepada budaya konteks tinggi, khususnya di negara Malaysia menimbulkan tanda tanya, adakah individu dari negara budaya konteks rendah akan berubah gaya komunikasi konteks budayanya kepada gaya komunikasi budaya konteks tinggi apabila berada di Malaysia melalui interaksi sosial mereka dengan masyarakat tempatan, sama ada sebagai pekerja atau pelajar?

HUBUNGAN BUDAYA DAN KOMUNIKASI

Budaya adalah satu elemen yang penting dalam memahami komunikasi antara budaya. Budaya dan komunikasi mempunyai hubungan yang rapat dan akan mempengaruhi cara kita berkomunikasi. Menurut Dodd (1998), budaya bukan hanya terbatas kepada elemen –elemen

budaya dan persepsi terhadap isu-isu kepelbagaian budaya. Beliau menyatakan budaya termasuklah bagaimana manusia berfikir berkenaan kepercayaan-kepercayaan mereka, nilai-nilai, pandangan dunia dan pemprosesan maklumat. Ini adalah berdasarkan dimensi budaya yang mana wujud bahagian-bahagian yang kurang jelas tetapi amat penting yang dipanggil budaya kognitif.

Porter dan Samovar (1994) menyatakan bahawa hubungan antara budaya dan komunikasi adalah jalan untuk persefahaman komunikasi antara budaya kerana ia adalah melalui pengaruh budaya terhadap orang belajar berkomunikasi. Mereka menghuraikan seperti berikut :

Cara kita berkomunikasi, keadaan-keadaan komunikasi kita, bahasa dan gaya bahasa yang kita gunakan, dan kelakuan bukan lisan kita adalah yang utama kepada semua respon dan fungsi kepada budaya kita. Sebagai budaya-budaya yang bergantung satu sama lain, amalan-amalan komunikasi dan kelakuan-kelakuan individu-individu yang diamalkan dalam budaya juga berbeza. (ms. 19)

Gudykunst (1994) juga mengakui perhubungan antara budaya dan komunikasi akan menjadi seperti berikut: “Perhubungan antara budaya dan komunikasi, bagaimanapun, adalah saling bergantung. Pengaruh-pengaruh budaya kita adalah komunikasi kita dan pengaruh-pengaruh komunikasi kita adalah budaya kita” (p.39).

GAYA KOMUNIKASI: PERBEZAAN BUDAYA KONTEKS TINGGI DAN BUDAYA KONTEKS RENDAH

Gaya komunikasi individu budaya konteks rendah dan budaya konteks tinggi masing-masing mempunyai perbezaan. Hall (seperti dipetik dalam Samovar & Porter, 2004) mengkategorikan budaya dalam dua konteks iaitu konteks tinggi dan konteks rendah. Budaya konteks tinggi berkomunikasi dengan cara yang berlapik. Kebanyakan makna tidak terdapat pada perkataan yang digunakan tetapi melalui komunikasi bukan lisan seperti gerak badan, kesenyapan (*silence*), ruang peribadi, nada suara, gerakan kepala dan tangan dan pengulangan perkataan. Hall (1976) mengkategorikan budaya konteks tinggi dan budaya konteks rendah sebagai cara untuk menilai persamaan dan perbezaan sesuatu budaya berkenaan dengan tanggapan dan cara berkomunikasi. Kepentingan menjaga air muka dalam kalangan mereka dari budaya konteks tinggi adalah berbeza daripada kepentingan menjaga air muka dalam budaya konteks rendah (Ting-Toomey, 1988).

Dalam komunikasi budaya konteks tinggi, sesuatu mesej yang hendak disampaikan kebanyakan maklumatnya telah pun berada pada individu berkenaan berbanding hanya sedikit sahaja maklumat dikodkan secara jelas. Manakala dalam komunikasi budaya konteks rendah, sesuatu mesej yang hendak disampaikan adalah secara berterus terang tanpa ada unsur-unsur terselindung dan makna adalah dalam perkataan itu (Hall, 1976). Schmitz et al. (2003) pula menyatakan komunikasi konteks tinggi timbul dari hubungan yang kuat di antara komunikator yang

membenarkan mereka untuk berkongsi pemahaman tentang komunikasi bukan lisan bagi membolehkan mereka mentafsir mesej yang berlapik.

Hall (1976) juga menyatakan makna memberi kesan terhadap penilaian persamaan dan perbezaan budaya dalam kedua-dua persepsi dan komunikasi. Beliau mengkategorikan budaya sama ada budaya konteks tinggi atau budaya konteks rendah, bergantung kepada sesuatu makna yang datang daripada pertukaran perkataan. Manakala, Samovar dan Porter (2004) percaya dimensi ini amat berguna untuk memahami perbezaan budaya dari sudut konteks komunikasi. Mereka menjelaskan bahawa konteks komunikasi merujuk kepada sejauhmana makna terhadap mesej komunikasi datang dari persekitaran atau perkataan yang dituturkan.

Dalam budaya konteks tinggi, kebanyakan mesej atau maklumat yang disampaikan adalah secara tersirat. Bagi mengenalpasti sesuatu konteks atau sesebuah masyarakat, ia bergantung kepada komunikasi yang telah disampaikan yang membawa kepada sesuatu maksud (Thatcher, 2001).

Menurut Simintiras dan Thomas (1998), individu dalam budaya konteks tinggi menggunakan kelakuan perasaan atau komunikasi bukan verbal seperti suara, gaya badan, gaya isyarat, bahasa badan, mimik muka dan mendiamkan diri semasa berinteraksi.

Cara menilai dan mentafsir memainkan peranan bagaimana sesuatu komunikasi atau maklumat itu ditafsirkan. Memfokuskan ke

arah pembinaan sesuatu perhubungan adalah perkara biasa yang berlaku dalam budaya konteks tinggi dan persamaan dalam sesuatu kumpulan atau budaya feminin adalah lumrah budaya ini (Hofstede, 1991).

Budaya konteks tinggi terdapat di banyak tempat di dunia, termasuklah di Asia sebagai contoh; Jepun, China, Korea dan Thailand (Mintu-Wimsatt dan Gassenheimer, 2000). Schmitz et al. (2003) menyatakan kesenyapan membawa makna dan menggambarkan pemikiran terutamanya bagi negara di Asia Tenggara. Cara ini juga merupakan strategi untuk menjaga air muka atau membuka pilihan. Tindakan untuk mengisi kesenyapan dianggap sebagai agresif dan emosional.

Menurut kajian yang dilakukan oleh Graham (1988), kebanyakan negara yang mengamalkan budaya konteks rendah adalah seperti di Amerika Utara dan Eropah Barat sebagai contoh, USA, Canada, Switzerland dan Jerman.

Manakala sumber dari Samovar, Porter & McDaniel (2007) menyatakan budaya konteks tinggi terdiri daripada masyarakat Jepun, China, Korea dan Arab manakala budaya konteks rendah terdiri daripada masyarakat Greek, Latin, Itali, Britain, Perancis, Amerika Selatan, Skandinavia, Jerman dan Swiss.

Rajah 1 menunjukkan perbezaan negara budaya konteks tinggi dan budaya konteks rendah. Hall (1990) menyatakan semua budaya terkandung ciri-ciri kedua-dua pemboleh ubah iaitu budaya konteks tinggi dan budaya konteks rendah, kebanyakan tempat mempunyai kedudukan skala tersendiri seperti yang ditunjukkan pada

rajah 1.

Simintiras dan Thomas (1998) mendapati dalam budaya konteks rendah, latar belakang sesuatu maklumat mestilah jelas dan nyata kerana kebanyakan mesej atau maklumat dibawa terus ke dalam pengungkapan secara jelas. Individu dalam budaya ini bergantung kepada komunikasi formal kerana fokus utama terhadap sesuatu penjelasan adalah secara verbal.

Budaya konteks rendah juga bergantung kepada komunikasi yang jelas dan tidak berlapis. Kebanyakan maklumat datang dari komunikasi verbal yang mendorong masyarakatnya untuk kerap bercakap. Menurut Schmitz et al. (2003), masyarakat dalam budaya konteks rendah menumpukan perhatian kepada perkataan untuk membawa makna dan mengelak sebarang gangguan dari komunikasi non-verbal. Mereka sangat menghargai ketepatan dan kejelasan komunikasi verbal dan sangat tidak selesa dengan informasi yang berdasarkan konteks.

Kajian Thatcher (2001) mendapati, dalam budaya konteks rendah, sesuatu makna yang hendak disampaikan terus dibawa ke dalam komunikasi yang akan dikodkan secara jelas dan tepat. Ia merupakan ciri-ciri budaya individualis.

Menurut Hall, (dalam Christopher, 2004), ciri-ciri budaya konteks tinggi adalah berkomunikasi menggunakan makna yang minima di dalam sesuatu mesej manakala budaya konteks rendah berkomunikasi dengan cara memuatkan semua makna dalam mesej itu.


Dou (2005) mengemukakan empat perbezaan yang utama dalam komunikasi budaya konteks tinggi dan budaya konteks

rendah. Pertama, mesej secara verbal adalah yang paling penting dalam budaya konteks rendah di mana maklumat mesej secara verbal dikodkan untuk dikongsi dan bukan sedia ada daripada persekitaran kerana orang dalam budaya konteks rendah tidak belajar bagaimana untuk mencapai maklumat daripada persekitaran. Kedua, orang budaya konteks rendah bergantung kepada permulaan sesuatu mesej secara verbal untuk mencapai maklumat sebagai kurang tertarik dan kurang percaya dengan orang budaya konteks tinggi. Ketiga, orang budaya konteks tinggi mahir mentafsirkan kelakuan komunikasi bukan verbal dan persekitarannya. Keempat, orang budaya konteks tinggi mahir membuat jangkaan dan juga mempunyai kefahaman terhadap komunikasi yang tersirat.

Menurut kajiannya, komunikator

daripada kedua-dua budaya konteks tinggi dan rendah haruslah sentiasa sensitif terhadap gaya komunikasi mereka terutamanya bila penggunaan gaya yang berbeza. Mereka hendaklah belajar cara mengenali gaya berkomunikasi sama ada dalam budaya konteks tinggi atau rendah. Mereka harus mengecam terhadap perbezaan budaya terutamanya dalam penggunaan komunikasi verbal dan bukan verbal dan hendaklah cuba menerima gaya budaya yang berbeza daripada budaya asal mereka untuk menjalinkan hubungan yang lebih rapat dan lama.

Kajian Lailawati (2005) juga mendapati budaya konteks tinggi dan budaya konteks rendah boleh digambarkan melalui komunikasi. Perbezaan tempat dalam penggunaan sama ada bahasa berdigit atau beranalog, berkelakuan verbal dan



Rajah 1: Perbezaan Budaya Konteks Tinggi dan Budaya Konteks Rendah

(Sumber : Robert Kreitner dan Angelo Kinicki, Organizational Behavior, 5th ed., Boston: McGraw-Hill/Irwin, 2001, ms. 111)

bukan verbal, emosi air muka, pembinaan perhubungan, komunikasi secara terus dan tidak terus adalah menggambarkan perbezaan konteks budaya. Berdasarkan perbezaan ketara ini, satu hipotesis dapat diuji dalam kajian ini, iaitu:

H1: Individu dari negara budaya konteks rendah berubah gaya komunikasinya apabila berada di negara budaya konteks tinggi.

METODOLOGI KAJIAN

Kaedah tinjauan berbantuan borang soal selidik tadbir sendiri digunakan dalam kajian ini. Kajian telah dijalankan di beberapa lokasi yang terpilih di sekitar Lembah Klang kerana terdapat ramai pekerja (ekspatriat) dan pelajar daripada negara budaya konteks rendah di kawasan ini (Jadual 1 dan Jadual 2).

Kajian dilakukan terhadap individu berasal dari negara yang mengamalkan budaya konteks rendah (Lampiran: Jadual 9) yang telah berada di Malaysia melebihi 6 bulan yang dipilih dengan teknik persampelan bertujuan. Penyelidik sendiri turun ke lokasi yang dikenal pasti dan berjumpa secara bersemuka dengan responden untuk menyerahkan boring soal selidik. Bagaimana pun penyelidik tidak menunggu sehingga responden habis menjawab soalan, sebaliknya menggunakan pendekatan serah dan kutip semula dalam tempoh seminggu. Sebanyak 150 set borang soal selidik telah disediakan oleh penyelidik untuk diedarkan, namun sebanyak 122 set borang soal selidik sahaja dikembalikan kepada penyelidik.

Gaya komunikasi individu budaya konteks rendah diukur dengan mengemukakan sejumlah pernyataan yang menunjukkan kedua-dua ciri konteks budaya. Ciri-ciri budaya konteks rendah adalah berdasarkan ciri yang ditetapkan oleh Ting-Toomey (1988) dan Kreitner & Kinicki (2001). Manakala, ciri-ciri budaya konteks tinggi berdasarkan Simintiras dan Thomas (1998).

Semua item (misalnya, *Lebih baik mengambil risiko untuk bercakap banyak untuk menerangkan sesuatu perkara untuk mengelakkan salah faham, Lebih penting menyatakan sesuatu mesej dengan efisien daripada menyatakannya dengan panjang lebar*) dalam gaya komunikasi konteks budaya (Jadual 3) diukur dengan menggunakan skala Likert 1= amat bersetuju, 2= bersetuju, 3= sederhana setuju, 4= tidak bersetuju, 5= sangat tidak bersetuju. Berdasarkan skala jumlah skor, jawapan yang telah diberikan oleh responden diambil kira sebagai perubahan gaya komunikasi individu budaya konteks rendah bagi setiap item yang dikemukakan. Sebelum berada di Malaysia, jumlah skor yang tinggi bagi item gaya komunikasi budaya konteks rendah menggambarkan individu memang mengamalkan budaya konteks rendah. Begitu juga dengan dimensi gaya komunikasi konteks tinggi (selepas enam bulan di Malaysia). Jika skor yang tinggi bagi item gaya komunikasi budaya konteks tinggi, ia menunjukkan individu daripada budaya konteks rendah telah berubah gaya komunikasi mereka kepada gaya komunikasi budaya konteks tinggi.

JADUAL 1

Taburan Responden dan lokasi yang telah dikaji

Zon Sentral (Lembah Klang)	Bilangan borang soal selidik (edaran)	Bilangan borang soal selidik (dikembalikan)
Damansara	25	18
Kuala Lumpur	38	32
Serdang	15	14
Cyberjaya	25	25
Putrajaya	5	4
Ampang	8	8
Bangsar	24	21
Jumlah Keseluruhan	150	122

JADUAL 2

Taburan responden mengikut status pekerjaan (n=122)

Status Pekerjaan	Kekerapan	Peratus
Pelajar	47	38.5
Pekerja (Espatriat)	75	61.5

JADUAL 3

Skor Pengukuran Dimensi Perubahan Gaya Komunikasi Individu dari Negara Budaya Konteks Rendah

Dimensi	No. Soalan (Item)	Skor Minimum	Skor Maksimum
Ciri-ciri budaya konteks rendah (budaya asal responden)	1, 2, 3, 4, 5, 6	6	30
Ciri-ciri budaya konteks tinggi (selepas 6 bulan di Malaysia)	7, 8, 9, 10, 11, 12, 13, 14, 15, 16, 17	11	55
Jumlah Keseluruhan		17	85

Manakala jika skor rendah ia menunjukkan individu itu kekal dengan gaya komunikasi budaya konteks rendah mereka.

Bagaimanapun dalam kajian ini, untuk menunjukkan berlakunya perubahan gaya komunikasi budaya konteks rendah kepada budaya konteks tinggi, *cut point* berdasarkan purata dari data sebenar digunakan. Rasional penggunaan *cut point* purata dari data sebenar adalah untuk mengelakkan kepencongan (*bias*) interpretasi. Jadual 4 di bawah menunjukkan sistem agihan purata untuk mengklasifikasikan sama ada berlaku

perubahan gaya komunikasi mengikut konteks budaya oleh setiap individu. Jika skor purata untuk setiap individu bagi jawapan yang diberikan adalah >3.36 , ini bermakna responden dari budaya konteks rendah telah berubah gaya komunikasinya kepada budaya konteks tinggi. Jika skor puratanya <3.36 , maka individu dari budaya konteks rendah itu masih mengekalkan gaya komunikasi mereka walaupun berada di Malaysia.

Ujian kebolehpercayaan instrumen kajian (reliabiliti) terhadap pemboleh ubah

gaya komunikasi mengikut konteks budaya dilakukan ke atas semua soalan yang menggunakan pernyataan berskala Likert. Hasil prauji kajian (Jadual 5), menunjukkan nilai *alpha cronbach* (α) bagi keseluruhan pemboleh ubah yang berkenaan.

Untuk mengenalpasti perbezaan gaya komunikasi. Ujian-T sampel berpasangan (*Pair Sample T-Test*) digunakan bagi mengukur perubahan gaya komunikasi dari budaya konteks rendah kepada gaya komunikasi budaya konteks tinggi. Kajian ini menggunakan nilai alpha 0.05 sebagai aras keertian (*significant level*).

HASIL KAJIAN

Kajian terhadap sejumlah 122 orang responden yang dikaji menunjukkan lebih separuh dari mereka (50.8%) mengalami perubahan dari gaya komunikasi budaya konteks rendah kepada gaya komunikasi budaya konteks tinggi (Jadual 6). Selepas enam bulan berada di Malaysia, perkara ini berlaku kerana mereka perlu berinteraksi dengan masyarakat tempatan untuk mencapai apa yang dikehendaki dan untuk

meneruskan kehidupan harian mereka ketika berada di Malaysia. Kenyataan ini seiring dengan penjelasan (Kim, 1995) yang telah menyatakan persekitaran turut mempengaruhi orang asing dalam adaptasi, di mana tiga aspek berkaitan persekitaran iaitu penerimaan tuan rumah untuk interaksi, persekitaran yang mencabar orang asing untuk menerima guna bentuk-bentuk budaya tuan rumah yang bersifat normatif dalam sistem komunikasi mereka dan kekuatan etnik orang tempatan dalam persekitaran tuan rumah yang dapat membantu individu dari segi maklumat dan emosi yang akan memudahkan adaptasi silang budaya di antara mereka. Fenomena ini juga menyokong Teori Akomodasi Komunikasi dalam konteks penumpukan (*convergence*), di mana individu berbudaya konteks rendah mengikut rentak gaya komunikasi masyarakat setempat yang berbudaya konteks tinggi.

Bagaimana pun dari sejumlah 62 responden yang berakomodasi kepada gaya komunikasi budaya konteks tinggi, terdapat perbezaan yang ketara ($\chi^2=6.565$, $p=0.010$) perubahan gaya komunikasi

JADUAL 4
Perubahan Konteks Budaya

Status perubahan konteks budaya	Skor purata
Berubah	> 3.36
Tidak berubah	< 3.36

JADUAL 5
Nilai Alpha Cronbach (α) Instrumen Kajian

Pemboleh ubah (Gaya Komunikasi mengikut budaya)	Nilai Alpha (α) Prauji kajian (n=22)	Nilai Alpha (α) Kajian sebenar (n=122)
Kontek rendah	0.80	0.81
Konteks tinggi (selepas 6 bulan berada di Malaysia)	0.91	0.86

antara pelajar dan pekerja (espatriat). Jadual 7 menunjukkan para pekerja (espatriat) lebih ramai (36.9%) yang berubah kepada gaya komunikasi budaya konteks tinggi berbanding pelajar hanya 13.9% sahaja. Ini memberi petunjuk bahawa para pekerja berbudaya konteks rendah telah mengubah gaya komunikasi mereka mengikut budaya konteks tinggi sesudah 6 bulan berada di Malaysia. Mereka perlu menyesuaikan jarak kuasa dalam organisasi yang berorientasikan jarak kuasa yang tinggi, yang sangat mementingkan hierarki dan perbezaan kuasa untuk mengelakkan sebarang konflik dengan pekerja tempatan. Kadar pelajar yang berubah gaya komunikasinya adalah relatif rendah berbanding dengan pekerja kerana, dalam persekitaran pendidikan jarak kuasa adalah tidak memberi implikasi yang signifikan dengan keperluan individu budaya konteks rendah mengubah gaya komunikasi mereka sendiri.

Analisis seterusnya adalah untuk mengenalpasti perubahan gaya komunikasi individu daripada negara budaya konteks rendah apabila berinteraksi dengan masyarakat tempatan dan menguji hipotesis kajian ini. Dalam analisis ini, hanya 62 responden yang diuji kerana mereka merupakan kelompok yang mengalami perubahan gaya komunikasi dari gaya komunikasi budaya konteks rendah kepada gaya komunikasi budaya konteks tinggi. Ujian T-berpasangan (*Paired Sample t-test*) digunakan sama ada perubahan gaya komunikasi tersebut signifikan atau tidak.

Berdasarkan Jadual 8, didapati terdapat perbezaan yang signifikan ($t = -3.168$, $p < 0.05$) antara gaya komunikasi sebelum berada di Malaysia dengan selepas berada di Malaysia. Oleh itu hipotesis kajian ini adalah diterima. Didapati nilai purata selepas berada di Malaysia lebih tinggi berbanding sebelum berada di Malaysia. Ini bermakna sebelum berada di Malaysia, responden kajian ini

JADUAL 6

Taburan Responden Mengikut Tahap Perubahan Gaya Komunikasi Dalam Budaya Konteks Tinggi dan Budaya Konteks Rendah

Tahap Perubahan Gaya Komunikasi	Frekuensi	%
Skor (< 3.36) Tidak Berubah	60	49.2
Skor (> 3.36) Berubah	62	50.8

JADUAL 7

Ujian Khi-Kuasa Dua terhadap Gaya Komunikasi dan status pekerjaan Responden

Status pekerjaan	Gaya komunikasi tidak berubah (%)	Gaya komunikasi berubah (%)	Jumlah (%)
Pelajar	30 (24.6)	17 (13.9)	47 (38.5)
Pekerja	30 (24.6)	45 (36.9)	75 (61.5)
Jumlah responden	60 (49.2)	62 (50.8)	122 (100)

$\chi^2 = 6.565$, $p = 0.010$

mengamalkan gaya komunikasi budaya konteks rendah (\bar{x} = 1.508), manakala selepas 6 bulan berada di Malaysia, gaya komunikasi mereka berubah kepada gaya komunikasi budaya konteks tinggi (\bar{x} = 4.115). Perubahan ini boleh dijelaskan berdasarkan Teori Adaptasi (Kim, 1988, 1995, 2001) yang menyatakan kejayaan adaptasi orang asing menjadi kenyataan apabila komunikasi peribadi (termasuk gaya komunikasi) mereka bertindih dengan orang tempatan. Keupayaan orang asing menerima, menghantar dan memproses maklumat secara bersesuaian dan berkesan sesuai dengan budaya masyarakat tempatan akan mengurangkan jurang perbezaan gaya komunikasi antara mereka.

KESIMPULAN

Dari aspek gaya komunikasi budaya konteks rendah, kajian merumuskan individu daripada negara budaya konteks rendah memang mengamalkan gaya komunikasi budaya konteks rendah sebelum berada di Malaysia. Walau bagaimanapun, selepas enam bulan berada di Malaysia, didapati sebahagian individu yang berasal daripada negara budaya konteks rendah telah mengalami perubahan dengan mengamalkan gaya komunikasi budaya konteks tinggi. Natijah perubahan gaya komunikasi ini

memberi petunjuk bahawa individu dari masyarakat berbudaya konteks rendah yang datang ke negara ini boleh atau terpaksa menerima gaya komunikasi yang diamalkan oleh masyarakat Malaysia, demi kelanjutan hidup mereka melaksana kerja atau tugas rasmi harian. Ini juga memberi makna keupayaan budaya Malaysia mempengaruhi budaya individu dari negara luar terutama para espatriat. Kajian ini memberi gambaran bahawa para pekerja tempatan yang bekerja dalam syarikat multi-nasional yang terdapat di negara ini tidak perlu mengubah gaya komunikasi mereka dengan mengikut rentak budaya espatriat, sebaliknya para espatriat itu yang perlu berakomodasi dengan pekerja tempatan. Masyarakat Malaysia amat wajar mempertahankan gaya komunikasinya kerana ini merupakan imej negara dan warisan budaya.

RUJUKAN

- Antwi, R., & Ziyati, A. (1993). *Life experience of African graduate students in multi-cultural setting: A case study*. Paper presented at the joint meeting of the Southern States Communication Association (Lexington, April 1993).
- Begley, P. A. (2000). Sojourner adaptation. In L.A. Samovar, and R.E Porter (Eds.), *Intercultural communication: A reader* (9th ed.) (pp. 400-406). Belmont, CA: Wadsworth Publishing Company.

JADUAL 8

Perubahan Gaya Komunikasi Mengikut Konteks Budaya (n=62)

Gaya Komunikasi	Purata	t value	Sig. Value
Sebelum berada di Malaysia	1.508	-3.168	0.0001
Selepas 6 bulan berada di Malaysia	4.115		

*Purata berdasarkan skala 1-5

- Chiu, M. L. (1995) The influence of anticipatory fear on foreign student adjustment: An exploratory study. *International Journal of Intercultural Relations*, 19, 1- 44.
- Christopher, E. (2004). *Differences Between Thai and Norwegian Students' Communication Problems at Macquarie University Sydney Australia*. Sydney: Conference.
- Douweilin. (2005). *Intercultural Business Communication*. Beijing: Higher Education Press.
- Graham, J. L. (1988). *Difference Given the Buyer: Variations Across Twelve Cultures*. Co-operative Strategies in International Business, Lexington Books, Lexington, MA.
- Giles, H. & Smith, P. (1979). Accommodation Theory: Optimal Levels of Convergence. In Giles, H., St. Clair, & Robert, N. *Language and Social Psychology*. Baltimore: Basil Blackwell.
- Gudykunst, W. B. (1993). Toward a theory of effective interpersonal and intergroup communication: An anxiety/uncertainty management (AUM) perspective. In R. L. Wiseman, & J. Koester (Eds.), *Intercultural communication Competence* (pp. 33-71). Thousand Oaks: Sage Publications.
- Gudykunst, W. B. (1995). Anxiety/uncertainty management (AUM) theory: Current status. In R.L Wiseman (Ed.), *Intercultural communication theory* (pp.5-58). Thousand Oaks: Sage.
- Gudykunst, W. B. ,& Kim, Y. Y. (1997). *Communicating with strangers: An approach to intercultural communication* (3rd ed.). New York: McGraw-Hill.
- Hall, E. T. (1976). *Beyond Culture*. Garden City, N.Y.: Doubleday.
- Hammer, M. R. (1992). Research, mission statements, and international student advising offices. *International Journal of Intercultural Relations*, 16, 217-236.
- Hofstede, G. (1991). *Cultures and Organization: Software of the Mind*, McGraw- Hill, Berkshire.
- Irwin, H. (1996). *Communicating with Asia: Understanding people and customs*. St Leonards, NSW: Australia: Allen & Unwin.
- Kim, Y. Y., & Paulk, S. (1994). *Intercultural challenges and personel adjustment: A Qualitative analysis of the experiences of American and Japanese co-workers*. In R.L. Wiseman, and R. Shuter (Eds.), *Communicating in multinational organizations*(pp. 117-140). Thousand Oaks, CA: Sage.
- Kim, Y. Y. (2001). *Becoming Intercultural: An Integrative Theory of Communication and Cross-Cultural Adaptation* Thousand Oaks, CA: Sage.
- Kreitner, R., & Kinicki, A. (2001). *Organizational behavior* (5th ed.). Boston: McGraw-Hill.
- Lailawati Mohd Salleh. (2005). High/Low Context Communication: The Malaysian Malay Style. *Journal of Communication*, Ohio University.
- Lustig, M. W., & Koester, J. (1993). *Intercultural competence: Interpersonal communication across cultures*. New York: Harper Collins.
- McKinlay, N. J., Pattison, H. M., & Gross, H. (1996). An exploratory investigation of the effects of a cultural orientation programme on the psychological well-being of international university students. *Higher Education*, 31, 379-395.
- Mintu-Wimsatt, A., & Gassenheimer, J.B. (2000). The Moderating Effects of Cultural Context in Buyer-Seller Negotiation. *The Journal of Personel Selling & Sales Management*, 20 (pp. 1-9).
- Porter, R. E., & Samovar, L. A., (2004). *Communication between cultures* (5th ed.). Belmont, CA: Wadsworth/Thomson Learning.

- Porter, R. E., & Samovar, L. A. (1997). An introduction to intercultural communication. In L.A. Samovar, & R. E. Porter. (Eds.), *Intercultural communication: A reader* (8th ed.) (pp. 5-26). Belmont, CA: Wadsworth.
- Samovar, L. A., Porter, R. E., & McDaniel, E. R. (2007). *Communication between cultures* (6th ed.). Belmont, CA: Thomson Wadsworth.
- Simintiras, A., & Thomas, A. H. (1998). Cross-Cultural Sales Negotiations: a Literature Review and Research Propositions. *International Marketing Review*, 15, 10-28.
- Schmitz, J., Walker, D. M., & Walker, T. (2003). *Doing business internationally: The guide to cross-cultural success*. New York: McGraw-Hill.
- Ting-Toomey, S. (2007). *Intercultural Conflict Training: Theory-Practice Approaches and Research Challenges*. *Journal of International Communication Research*.
- Ting-Toomey, S. (1988). Intercultural conflict styles: A face-negotiation theory. In Y.Y. Kim & W.B. Gudykunst (Eds), *Theories in intercultural communication* (pp.213-235). NewburyPark: Sage.
- Tajfel, H., & Turner, J. (1986). The Social Identity Theory of Intergroup Behavior. In Stephen W., & William, A. (Eds.). *The Social Psychology of Intergroup Relation*. Chicago: Nelson-Hall.
- Thatcher, B. (2001). Issues of Validity in Intercultural Professional Communication Research. *Journal of Business and Technical Communication*, 15, 458-89.

LAMPIRAN

JADUAL 9

Taburan Responden Mengikut Negara Asal (N = 122)

Negara Asal	Kekerapan	Peratus	Negara Asal	Kekerapan	Peratus
England	30	24.6	Switzerland	4	3.3
Amerika Syarikat	20	16.4	Finland	3	2.5
Sweden	11	9.0	Greece	3	2.5
German	10	8.0	Lithuania	2	1.6
Denmark	9	7.4	Belgium	1	0.8
Australia	8	6.5	Czech Republic	1	0.8
Canada	7	5.7	Italy	1	0.8
New Zealand	6	4.9	Netherland	1	0.8
Ireland	4	3.3	Scotland	1	0.8

JADUAL 10

Taburan Responden Mengikut Jantina dan Umur (N=122)

Profil	Kekerapan	Peratus
Jantina Responden		
Lelaki	62	50.8
Perempuan	60	49.2
Umur (tahun)		
13 – 20	32	26.3
21 – 29	49	34.4
30 – 39	22	17.9
40 – 49	18	14.6
50 – 69	8	5.8
Purata = 29.00		
Sisihan Piawai (sd) = 12.66		
Status Perkahwinan		
Berkahwin	38	31.1
Bujang	78	63.9
Berceraai	5	4.1
Bahasa Pertuturan		
Bahasa Inggeris	106	86.9
Lain-lain Bahasa	16	13.1



Lakuan Pernyataan dalam Wacana Wawancara

Haslinda Saad^{1*} dan Ahmad Mahmood Musanif²

¹Pusat Asasi (ASASI), Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor, Bandar Seri Putra, 43000 Kajang, Selangor, Malaysia

²Jabatan Bahasa Melayu, Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, Universiti Putra Malaysia, 43400 Serdang, Selangor, Malaysia

ABSTRAK

Dalam analisis ini, wacana wawancara dikaji dari sudut lakuan pertuturan. Lakuan pertuturan merupakan satu kerangka yang memperlihatkan penggunaan bahasa yang mempersembahkan lakuan. Wawancara sebagai satu peristiwa bahasa yang memaparkan tanya jawab antara pemeran, nampak sangat mudah tetapi sarat dengan lakuan pertuturan. Sesuatu peristiwa bahasa dicirikan oleh sekurang-kurangnya satu lakuan pertuturan. Justeru, kajian ini bertujuan memaparkan dan menjelaskan salah satu jenis lakuan pertuturan yang terdapat dalam peristiwa bahasa wawancara iaitu lakuan pernyataan. Kajian ini menggunakan data daripada teks wawancara yang dipilih berdasarkan kerelevanannya dalam objektif kajian. Wawancara dipilih secara rawak daripada sembilan buah majalah terbitan Kumpulan Karangkrif, iaitu penerbit majalah terbesar di Malaysia. Aspek lakuan pertuturan dirincikan mengikut kerangka Asmah (1997) dengan mengambil kira teori lakuan pertuturan yang dibangunkan oleh pengkaji terdahulu. Lakuan pernyataan didapati sangat menonjol dalam wawancara. Melaluinya, audiens (pembaca atau pendengar) mendapat sebanyak mungkin maklumat dan penjelasan daripada orang yang diwawancara (ODW). Hasil kajian menunjukkan terdapat enam subkategori dalam lakuan pernyataan, iaitu pernyataan biasa, pernyataan retorik, pengakuan, pengesahan, penolakan dan penerimaan. Selain daripada memperoleh maklumat dan penjelasan, kita dapat mengenal pasti emosi dan perasaan orang yang diwawancara (ODW) dengan jelas melalui subkategori lakuan pernyataan yang dipersembahkan.

Kata kunci: Wacana wawancara, peristiwa bahasa wawancara, lakuan pertuturan, lakuan pernyataan, teori lakuan pertuturan

ABSTRACT

This analysis highlights a study on speech acts in interview discourse. The speech act framework implies the current use of language behavior. An interview is a speech event that represents questions and answers between interviewers and panelists, a series of utterances which seems simple but which is, however, often loaded with multiple productions of speech acts. Such a speech event is characterized by at least one type of speech act. Hence, the study aimed to exemplify and explain one type of speech act found in the speech event of interview, which

INFO MAKALAH

Pewasitan Makalah:
Dihantar: 28 Ogos 2013
Diterima: 5 Disember 2013

E-mail:

-(Haslinda Saad)

* Penulis penghubung

is the act of statement. The study integrated data from selected texts of interviews relevant to the objectives of the study. The interviews were selected randomly from nine magazines published by the Karangraf Group, the largest magazine publisher in Malaysia. The detailed aspects of speech act as outlined by Asmah (1997) were taken into account together with the theory of speech acts developed by previous researchers. The act of statement was evidently prominent in the speech event of interview due to the fact that the audience was expected to effectively retrieve information and explanation from the interviewers and panelists. The research findings outlined six subcategories of the act of statement, specifically the common statement, rhetorical statement, confession, confirmation, rejection, and acceptance. Apart of retrieving information and explanation, the emotions and related feelings of the people interviewed could be clearly identified through these subcategories.

Keywords: Interview discourse, interview language event, speech act, declarative act, speech act theory

PENDAHULUAN

Lakuan pertuturan (*speech act*) merupakan inti dalam komunikasi. Mengujarkan sesuatu adalah sama dengan melakukan tindakan, iaitu tindakan yang menghasilkan ujaran. Dalam menekuni bidang lakuan pertuturan Searle menjelaskan bahawa:

The reason for concentrating on the study of speech acts is simply this: all linguistic communication involves linguistic acts. The unit of linguistic communication is not, as has generally been supposed, the symbol, word or sentence, or even the token of the symbol, word or sentence, but rather the production

or issuance of the symbol or word or sentence in the performance of the speech act.

(Searle, 1969, ms. 16).

Perlakuan menuturkan kata-kata bukan sekadar mengujarkan atau mengatakan sesuatu, tetapi membawa makna melakukan sesuatu perbuatan. Oleh itu, dalam mengujarkan sesuatu, seseorang (penutur) memiliki maksud tertentu. Maksud inilah yang dapat menimbulkan kesan tertentu terhadap orang lain (pendengar) sehingga menimbulkan respons dan terjadilah lakuan pertuturan. Lakuan pertuturan ialah tindakan yang dilakukan yang tergambar dalam bahasa yang digunakan. Sebagai contoh, ujaran “Saya minta maaf kerana datang lambat,” bukanlah sekadar ujaran untuk menyampaikan rasa kesal kerana datang lambat tetapi juga merupakan lakuan meminta maaf atas kelewatan tersebut.

Wawancara bukan perbualan atau dialog kosong. Berbeza daripada perbualan biasa, wawancara mempunyai tujuan dan arah yang jelas. Wawancara tidak terlepas daripada kerangka satu wacana. Dari segi jenis wacana, wawancara dikategorikan dalam wacana lisan. Wawancara ialah perbualan antara dua pihak dengan tujuan yang ditetapkan iaitu untuk mendapatkan maklumat daripada orang yang diwawancara (ODW). Melalui wawancara juga, kita mendapat fakta, pendapat, pandangan malah emosi ODW supaya khalayak dapat membuat rumusan berkenaan apa-apa persoalan yang hangat diperkatakan oleh masyarakat.

Wawancara melibatkan proses menyoal dan menjawab. Pewawancara bertindak sebagai pihak yang menyoal manakala ODW bertindak sebagai pihak yang menjawab atau menjelaskan perkara yang dibincangkan. Oleh itu, bahasa menjadi nadi utama dalam mengemudi perjalanan soal jawab tersebut. Keupayaan berbahasa dapat menghasilkan soalan yang bermutu. Dengan kemahiran berbahasa juga seseorang pewawancara akan dapat mengemukakan soalan dengan jelas, ringkas, dan padat serta mudah difahami sekali gus menjadikan setiap pertanyaan yang dikemukakan selari dengan jawapan/penjelasan yang dikehendaki.

Wawancara berkait rapat dengan cara bertanya dan menjawab soalan. Bertanya dan menjawab merupakan satu lakuan, iaitu lakuan yang menghasilkan ujaran. Setiap ujaran yang dituturkan itu mempunyai maksud tertentu. Maksud inilah yang dapat menimbulkan kesan tertentu terhadap orang yang dilawan bercakap sehingga menimbulkan respons maka terjadilah lakuan pertuturan. Lakuan pertuturan haruslah dimanipulasikan dan difahami sebaik mungkin agar pewawancara dan ODW berkomunikasi dalam suasana saling faham-memahami antara satu sama lain.

PERMASALAHAN DAN OBJEKTIF

Meskipun kajian wacana dalam pelbagai wacana seperti wacana iklan, wacana pengucapan umum, wacana akademik, wacana perbualan dan wacana penulisan telah banyak dijalankan, namun dalam wacana wawancara pula, didapati masih

terlalu sedikit bilangan pengkaji yang mengkaji aspek penggunaan bahasa dalam wawancara. Walhal wawancara sudah merupakan bahagian yang penting dalam kehidupan zaman moden ini. Fontana (2007, ms. 10) memetik pernyataan Atkinson dan Silverman (1997) ; Silverman (1993) iaitu

“The use of interviewing to acquire information is so extensive today that it has been said that we live in an ‘interview society’”.

Tidak dapat dinafikan setiap orang boleh dikatakan sekurang-kurangnya menghadapi satu wawancara dalam hidupnya. Contohnya dalam membuat penyelidikan lapangan, mendapatkan pekerjaan, ketika disoal siasat, ditemu ramah, atau melalui televisyen dan radio setiap penduduk dapat melihat dan mendengar wawancara dijalankan. Oleh itu, penyelidikan secara serius tentang penggunaan bahasa dalam wawancara perlu dijalankan dan dikembangkan agar masyarakat memahami bentuk-bentuk bahasa yang mendasari sesebuah wawancara.

Berdasarkan analisis terhadap kajian lakuan pertuturan dan kajian wawancara, ternyata pengkaji sebelum ini belum memberikan tumpuan terhadap aspek lakuan pertuturan dalam wawancara. Justeru, pengkaji merasakan bahawa kajian lanjut untuk meneliti penggunaan lakuan pertuturan dalam wacana wawancara sangat penting dilakukan memandangkan wawancara merupakan salah satu cara untuk mendapatkan maklumat dan penjelasan. Kajian ini bertujuan untuk mengetengahkan

salah satu lakuan pertuturan yang terdapat dalam wacana wawancara iaitu lakuan pernyataan.

KAEDAH KAJIAN

Kajian ini menggunakan kaedah analisis kandungan teks dengan memberikan tumpuan khusus terhadap wawancara yang terdapat dalam media cetak, iaitu majalah berbahasa Melayu. Bahan kajian dipilih secara rawak daripada sembilan buah majalah yang menyiarkan ruangan wawancara iaitu majalah *NUR*, *Rapi*, *InTrend*, *Maskulin*, *Dara.Com*, *Keluarga*, *Midi*, *Yezz* dan *Majalah PC*. Kajian ini menggunakan data daripada teks wawancara yang dipilih berdasarkan kerelevanannya dalam objektif kajian. Analisis lakuan pertuturan dalam wacana wawancara dijalankan berlandaskan kategori lakuan pertuturan yang dikemukakan oleh Asmah (1997).

Berdasarkan kategori tersebut, analisis secara deskriptif dilakukan dengan merujuk Teori Lakuan Pertuturan Austin (1962), Searle (1969), dan Barch & Harnish (1979). Penganalisisan data dengan menggunakan kerangka Asmah Hj. Omar dirasakan sangat signifikan memandangkan data yang dianalisis ialah data-data wawancara yang dijalankan dalam persekitaran dan budaya masyarakat Malaysia.

ANALISIS LAKUAN PERNYATAAN

Pernyataan ialah lakuan pertuturan yang mengungkapkan fikiran untuk menyatakan atau memberi maklumat tentang sesuatu

misalnya, keadaan, peristiwa, sifat atau apa-apa sahaja baik konkrit mahupun abstrak (Asmah, 1997, ms. 32). Analisis yang berdasarkan kaedah nahu menunjukkan bahawa pernyataan dipersembahkan dalam bentuk ayat penyata, ayat berita atau ayat keterangan. Ayat penyata ialah ayat yang menyatakan dan menerangkan sesuatu perkara. Dari segi bentuknya, ayat penyata boleh dalam bentuk susunan biasa, susunan songsang, ayat aktif, ayat pasif, dan ayat kompleks (Sulaiman Masri, 2006, ms. 156).

Dalam konteks nahu, Asmah (2009, ms. 433) menjelaskan bahawa pernyataan boleh dibahagikan kepada dua jenis, iaitu pernyataan biasa dan pentakrifan. Tetapi menurutnya lagi, dalam bahasa temu duga dan wawancara, pentakrifan tidak digunakan. Namun, dalam analisis yang berdasarkan kaedah wawancara, Asmah (1997, ms. 33) telah memasukkan subkategori baharu dalam pernyataan, iaitu pernyataan retorik, pengakuan, pengesahan, penolakan, dan penerimaan. Subkategori ini dianggap sebagai subkategori lakuan pertuturan, bukan subkategori sistem nahu.

a. Pernyataan Biasa

Pernyataan biasa ialah maklumat yang disampaikan melalui ayat berita, tentang apa-apa sahaja, baik konkrit mahupun abstrak (Asmah, 2009:433). Pernyataan biasa merupakan pernyataan yang paling kerap digunakan dalam mana-mana wacana. Pernyataan jenis ini dinyatakan dalam bentuk ayat berita atau ayat penyata. Dari segi nahu, struktur ayat penyata biasa,

subjeknya terletak di bahagian hadapan ayat manakala predikatnya terletak di bahagian belakang ayat.

b. Pernyataan Retorik

Perkataan retorik pada asalnya merupakan seni atau kecekapan berpidato untuk mempengaruhi khalayak. Bagaimanapun, pengertian retorik telah diperluas konsepnya. Dalam bidang linguistik, perkataan retorik membawa pengertian kajian tentang teknik pemakaian bahasa secara berkesan dalam penulisan atau pertuturan. Andrew Dousa (2001, ms. 13) menjelaskan definisi retorik seperti berikut:

“Rhetoric is the science of the laws and forms of prose. It investigates the method and general principles to which every discourse must conform that is designed to instruct, convince, or persuade.”

Ringkasnya, retorik ialah seni menggunakan bahasa yang indah dan berkesan untuk memujuk, mempengaruhi, dan meyakinkan. Asmah (1997, ms. 33) menjelaskan bahawa pernyataan retorik boleh diungkapkan dalam bentuk ayat seruan atau ayat tanya. Ayat seruan yang membawa pengertian pernyataan adalah sama sahaja dengan ayat seruan yang lain dari segi intonasinya, yakni intonasi seru. Demikian juga dengan ayat tanya yang membawa pengertian pernyataan ini: intonasi dan strukturnya sama dengan ayat tanya yang lain.

Penuturan ayat ini tidak memerlukan jawapan, yakni jawapan dalam bentuk bahasa atau gerak balas. Jika ada tindak balas sekalipun daripada pihak yang mendengar, maka tindak balas itu hanya terdapat dalam fikirannya sahaja, sama ada menerima atau tidak apa-apa yang dituturkan di hadapannya. Ayat seruan dan ayat tanya seperti ini lebih dikenal sebagai ayat retorik.

Retorik seperti yang telah dinyatakan sebagai seni menggunakan bahasa yang indah dan berkesan untuk memujuk, mempengaruhi, dan meyakinkan. Justeru, ayat retorik sama ada dalam bentuk seruan atau tanya itu menyatakan sesuatu untuk memujuk, mempengaruhi atau meyakinkan orang mempercayai atau memberi simpati kepada apa yang dikatakannya. Dalam konteks wawancara, pernyataan dengan kaedah ini lebih merupakan ciri temu duga siasatan daripada temu duga jenis lain.

c. Pengakuan

Pengakuan termasuk dalam jenis lakuan pengesahan (*assertive*), iaitu lakuan membuat kenyataan yang mengakibatkan penutur bertanggung jawab terhadap kebenaran proposisi yang diungkapkan. Menurut Asmah (1997, ms. 36), pengakuan mempunyai nilai benar terhadap pernyataan yang dibuat.

Lakuan ini diungkapkan dalam bentuk ayat berita/penyata. Contohnya dalam ujaran, “ Saya mengaku bahawa kenyataan ini adalah benar.” Jelas dilihat kata kunci dalam lakuan tersebut

ialah mengaku. Justeru, bagi pengakuan, kata kerjanya ialah *mengaku* (Asmah, 2009, ms. 434). Walau bagaimanapun, pengakuan tidak hanya dinyatakan dalam ayat yang mengandungi kata mengaku, tetapi boleh juga diwujudkan dengan cara lain yang boleh ditafsirkan sebagai pengakuan. Contohnya dalam ujaran “Inilah pertama kali saya melakukannya.”

d. Pengesahan

Asmah (2009, ms. 433) menjelaskan, dari segi modus, tiada beza antara pengakuan dengan pengesahan. Kedua-duanya memberi penilaian benar-tidaknya (*truth-value*) sesuatu pernyataan. Beza antara keduanya adalah pada dua ciri. Pertama ialah kata kerja yang dipilih. Bagi pengesahan, kata kerjanya ialah *mengesahkan*. Kedua, wajibnya ciri penyungguhan bagi pengesahan, tetapi tidak bagi pengakuan. Contohnya dalam ujaran, “Saya mengesahkan bahawa keterangan ini adalah benar dan tuntutan ini belum pernah saya buat lagi.”

Selanjutnya, Asmah (2009, ms. 434) juga menjelaskan bahawa pengakuan dan pengesahan mempunyai makna yang berbeza dan boleh dibuktikan dalam contoh ujaran, “Saya mengaku dan mengesahkan bahawa butir-butir ahli yang tercatat di atas adalah mengikut kandungan kad pengenalan ahli tersebut di atas yang telah saya periksa sendiri.” Namun menurut Asmah (1997, ms. 38) lagi, dalam temu duga dan wawancara,

pengesahan dinyatakan dalam ucapan “ya”, “benar”, dan “betul”. Ujaran-ujaran yang seperti ini ialah jawapan kepada ayat tanya tertutup.

e. Penerimaan dan Penolakan

Lakuan ini ialah penerimaan atau penolakan oleh satu pihak (pendengar) akan kenyataan atau keterangan yang diberikan oleh pihak yang lain (penutur). Dalam wawancara, ungkapan penerimaan yang sering digunakan ialah “baiklah”. Penerimaan boleh juga ditafsirkan sebagai persetujuan (Asmah, 1997, ms. 39). Sebaliknya, adanya kata “tidak” dan “bukan” dalam ujaran orang yang terlibat menggambarkan lakuan penolakan. Penolakan juga boleh ditafsirkan sebagai penafian.

Lakuan Pernyataan

Analisis yang berdasarkan kaedah wawancara tidak mempunyai matlamat yang sama dengan analisis nahu. Oleh itu, dalam analisis yang berdasarkan kaedah wacana wawancara, terdapat beberapa jenis subkategori dalam lakuan pernyataan, iaitu pernyataan biasa, pernyataan retorik, pengakuan, pengesahan, penolakan dan penerimaan (Asmah, 1997, ms. 33). Pernyataan dalam lakuan pertuturan menggunakan bukan sahaja bentuk ayat berita atau penyata tetapi terdapat juga dalam bentuk seruan ataupun pertanyaan.

Pernyataan biasa ialah pernyataan yang paling kerap digunakan dalam wacana wawancara. Pernyataan jenis ini dinyatakan dalam bentuk ayat berita atau ayat penyata.

Dalam bahasa Melayu, ayat penyata ditandai oleh intonasi yang mempunyai nada menurun sebelum kesenyapan. Pernyataan biasa adalah seperti dalam contoh (1):

- (1) PW : Sedikit mengenai Yes 4G?
ODW : Suara dan internet mobil sentiasa menjadi dua dunia yang berasingan. Tetapi buat pertama kali, kami gabungkan keduanya dan menawarkan kelajuan internet mudah alih 4G dan suara, satu-satunya di Malaysia. Yes 4G bukan sekadar jalur lebar. Tetapi ia juga adalah gaya hidup dan perubahan paradigma yang besar mengenai internet dan komunikasi keseluruhannya.
(Majalah PC, 2011, ms. 26)

Ujaran PW dalam contoh (1) di atas merupakan pertanyaan langsung supaya ODW memberi sedikit penjelasan tentang Yes 4G. Jawapan kepada pertanyaan itu merupakan pernyataan dalam bentuk ayat berita atau ayat penyata. Istilah untuk jenis ayat ini dalam bahasa Inggeris ialah *statement* atau pernyataan, iaitu butir maklumat atau pendapat daripada pihak penutur kepada pihak kedua (Asmah, 2008, ms. 201). Lakuan pernyataan ini tidak melibatkan emosi ODW. Yang berlaku ialah ODW memberi maklumat atau keterangan tentang Yes 4G sementara bahasa yang digunakan juga adalah bahasa huraian.

Lakuan pernyataan sangat menonjol dalam wawancara. Hal ini kerana wawancara adalah dialog atau perbualan berfokus kepada sesuatu isu atau perkara. Melaluinya, audiens (pembaca atau pendengar) mendapat sebanyak mungkin maklumat dan penjelasan daripada ODW. Justeru, maklumat dan penjelasan tersebut dipersembahkan melalui lakuan pernyataan. Selain contoh (1) tadi, pernyataan biasa dalam wawancara ini dapat dilihat dalam contoh (2) di bawah:

- (2) PW : Ceritakan sedikit mengenai EPP?
ODW : Program Rakan Pendidikan ini telah dilaksanakan di beberapa universiti tempatan dan terbaharu di Universiti Sains Malaysia. Kami menawarkan kepada penuntut dan warga universiti kelajuan internet 4G yang relevan dan berguna untuk tugas serta kehidupan mereka...
(Majalah PC, 2011, ms. 28)

Ujaran PW, "*Ceritakan sedikit mengenai EPP?*" ialah pertanyaan langsung. Dari segi bentuk, ayat tanya yang digunakan ialah ayat tanya tanpa kata tanya. Dari segi fungsi, ujaran pertanyaan oleh PW mengandungi fungsi direktif. Fungsi direktif dalam contoh (2) di atas digambarkan dalam kata kerja, iaitu *ceritakan* yang memiliki makna perintah atau arahan. Oleh itu, ujaran PW di atas berfungsi untuk mengarahkan ODW agar menceritakan sedikit mengenai EPP. Tindak balas daripada

ODW ialah penjelasannya tentang EPP yang telah dilaksanakan di beberapa universiti tempatan serta menyatakan bahawa mereka telah menawarkan kelajuan internet 4G kepada warga universiti. Secara mudah, ujaran tersebut berfungsi untuk memberitahu kemudahan EPP.

Subkategori kedua dalam lakuan pernyataan ialah pernyataan retorik. Perkataan retorik didefinisikan sebagai keupayaan menggunakan bahasa secara berkesan atau juga ciri yang berkesan dalam bahasa (Asmah, 2007, ms. 163). Pernyataan retorik boleh diungkapkan dalam bentuk ayat seruan dan bentuk ayat tanya. Oleh itu, ayat retorik sama ada dalam bentuk seruan atau tanya, tetap berusaha mempengaruhi sikap dan perasaan pendengar. Bahasa dimanipulasikan untuk membentuk persepsi khalayak, mengubah sikap mereka, dan akhirnya mempengaruhi tindakan. Pernyataan retorik dalam bentuk ayat tanya dapat dilihat dalam contoh (3) seperti berikut:

- (3) PW : Kecantikan Kak Sheila masih tidak banyak berubah.
Apakah nilai kecantikan di mata kak Sheila?
- ODW : Cantik itu meliputi banyak perkara, bukan sekadar wajah yang cantik. Kadang-kadang seseorang itu tidaklah secantik mana tetapi entah kenapa kita suka melihatnya. Kita tertarik untuk memandangnya. Mungkin tarikan itu

daripada sikapnya, tingkah laku atau mungkin cara percakapannya. Ada pula wajah yang memang cantik tetapi menjengkelkan pula. Paling penting kecantikan itu Kak Sheila lihat apabila kehadirannya disenangi. Kalau kita tengok, orang dulu-dulu tidaklah secantik mana, tetapi **kenapa kita tetap mahu menatapnya?** Kerana perwatakan mereka yang lemah-lembut dan menyenangkan.

- PW : Seperti kata Kak Sheila, kecantikan itu anugerah yang mesti dipelihara, apa pendapat Kak Sheila tentang wanita hari ini yang 'ligat' dengan rawatan pengubahan wajah?
- ODW : (Ketawa). Aduhai, Kak Sheila bukanlah nak cakap takbur tetapi setakat ini, Kak Sheila tidak pernah terfikir untuk melakukannya. Apa yang Tuhan dah bagi ini, tak terlintas di hati untuk mengubahnya. Sudah jelas dalam agamapun, haram. Apa yang sudah Tuhan anugerahkan, itulah sebaik-baik pembuatan. Jika sudah hidung dibentuk begitu mesti ada sebabnya, untuk disesuaikan dengan mata atau keadaan muka yang

lainnya. Contohnya, kalau ada yang buat hidung, lepas tu, tengok-tengok dah tak nampak serasi dengan mata, dah nak diubah bentuk mata pula. **Sampai bila?** Bukan apa, Kak Sheila bimbang kalau Kak Sheila buat, nanti anak-anak pula terikut-ikut.

PW : Jentayu Spa antara spa terkenal di Kuala Lumpur Sekarang ini. Bagaimana terlintas untuk membukanya?

ODW : Sebagai penyanyi, Kak Sheila terfikir **sampai bila mahu menyanyi saja?** Dengan nama dan duit yang ada, Kak Sheila mahu menggunakannya dengan cara yang betul. Kebetulan ketika itu, Kak Sheila tengah 'gila' melakukan *Cream Bath* di spa di Indonesia dan apabila mencarinya di sini, susah pula nak jumpa. **Jadi, mengapa tidak Kak Sheila memperkenalkannya di sini?**

(InTrend, 2011, ms. 62-64)

Dalam tanya-jawab di atas, jawapan yang diberikan oleh ODW mengandungi pernyataan retorik yang diungkapkan dalam bentuk ayat Tanya, iaitu "*Kenapa kita tetap mahu menatapnya?*", "*Sampai bila?*", "*Sampai bila mahu menyanyi saja?*", dan "*Jadi, mengapa tidak Kak Sheila memperkenalkannya di sini?*". Dari

segi bentuk, ayat tanya yang membawa pengertian pernyataan adalah sama sahaja dengan ayat tanya yang lain dari segi intonasinya, yakni intonasi tanya, iaitu nada yang meninggi sedikit sebelum kesenyapan.

Keempat-empat pertanyaan retorik tersebut merupakan pertanyaan terbuka yang disampaikan secara langsung. Dari segi fungsi, pernyataan retorik yang diungkapkan dalam bentuk ayat tanya ini bukanlah untuk meminta jawapan kepada pendengar tetapi untuk mempengaruhi pendengar tentang apa-apa yang dikatakannya di samping memberi penegasan kepada pernyataan yang dibuat. Hal ini jelas berdasarkan ujaran ODW iaitu "*...Kalau kita tengok, orang dulu-dulu tidaklah secantik mana, tetapi kenapa kita tetap mahu menatapnya? kerana perwatakan mereka yang lemah-lembut dan menyenangkan.*"

Melalui ujaran ini, ODW sedapat mungkin menegaskan bahawa kecantikan bukanlah semata-mata dilihat daripada paras rupa, kerana ada orang yang tidak kelihatan cantik dari segi rupa paras tetapi orang tetap suka menatapnya. ODW cuba mengukuhkan lagi pernyataannya dengan mengaitkan kecantikan orang dulu-dulu (wanita zaman dahulu) yang tidaklah secantik mana. Hal ini kerana, dalam masyarakat Melayu, wanita pada zaman dahulu tidak terdedah dengan dunia kecantikan seperti yang ada pada zaman moden ini. Mereka menjaga kecantikan dengan cara tradisional seperti menggunakan ramuan herba berbanding wanita pada zaman sekarang yang begitu terdedah dengan perubatan moden seperti pembedahan perubahan wajah, suntikan

botox dan sebagainya.

Pertanyaan retorik “...*kenapa kita tetap mahu menatapnya?*”, membayangkan perasaan ODW terhadap pernyataannya. Menurut Indirawati (2006, ms. 125) intonasi dan nada suara menentukan emosi seseorang yang sedang berbicara. Aspek intonasi menentukan aspek interpersonal si pembicara. Oleh itu, melalui pertanyaan retorik tersebut jelas menunjukkan perasaan yakin ODW bahawa kecantikan bukan semata-mata dilihat berdasarkan paras rupa. Selain itu, pertanyaan retorik bukanlah menuntut jawapan daripada pendengar sebagaimana dijelaskan oleh Mills bahawa:

A rhetorical question is one that you give the answer to after asking the question. Compare this to most questions – you expect the listener to answer your questions directly. Because rhetorical questions engage your listener’s minds, they are much more persuasive than direct statement. (2000, ms. 194)

Dengan ini, pertanyaan retorik walaupun tidak menuntut jawapan daripada pendengarnya, namun jawapan kepada pertanyaan tersebut digambarkan dalam pernyataan penutur. Ujaran “...*kerana perwatakan mereka yang lemah-lembut dan menyenangkan.*” merupakan jawapan ODW terhadap pertanyaan retorik yang diungkapkannya. Pertanyaan retorik digunakan untuk menarik perhatian pendengar dalam sesebuah pernyataan. Melalui pertanyaan retorik sesebuah

pernyataan menjadi lebih meyakinkan dan tidak membosankan. Daripada ujaran tersebut jelas menunjukkan bahawa ODW ingin meyakinkan PW bahawa kecantikan juga dilihat daripada perwatakan seseorang yang lemah-lembut dan menyenangkan dan bukan semata-mata dinilai berdasarkan paras rupa.

Selanjutnya, ujaran “*Contohnya, kalau ada yang buat hidung, lepas tu, tengok-tengok dah tak nampak serasi dengan mata, dah nak diubah bentuk mata pula. Sampai bila? Bukan apa, Kak Sheila bimbang kalau Kak Sheila buat, nanti anak-anak pula terikut-ikut.*” mempunyai fungsi bahawa ODW ingin melahirkan rasa ketidakpuasan hatinya terhadap perlakuan rawatan pengubahan wajah. Perasaan dan emosi seseorang yang sedang bertutur dapat diteloh melalui intonasi dan nada suaranya.

Justeru, pertanyaan retorik “*sampai bila?*” merupakan adverba tanya perhinggaan, iaitu merujuk tempoh yang ingin diambil bagi melakukan pengubahan wajah seterusnya menyerlahkan sikap ODW terhadap perlakuan pengubahan wajah yang tiada kesudahannya. Di samping itu, ujaran tersebut juga merungkai perasaan peribadi ODW yang bimbang sekiranya dia melakukan rawatan pengubahan wajah, anak-anaknya akan mengikuti jejak langkahnya juga.

Selain penggunaan adverba tanya perhinggaan seperti “*sampai bila?*”, terdapat juga penggunaan adverba tanya perhinggaan yang diikuti oleh frasa “...*mahu menyanyi saja?*”. Hal ini dapat dilihat dalam ujaran seterusnya ODW mengungkapkan

fikirannya melalui pernyataan “*Sebagai penyanyi, Kak Sheila terfikir sampai bila mahu menyanyi saja?*”. Pertanyaan retorik “*sampai bila mahu menyanyi saja?*” menggambarkan perasaan peribadi ODW bahawa dia tidak selamanya akan terus menyanyi.

Dalam dunia hiburan seperti bidang nyanyian, tidak semua penyanyi akan terus bertahan dalam bidang tersebut. Ada penyanyi yang tiba-tiba hilang dan terus menyepikan diri daripada dunia nyanyian. Justeru, sebagai seorang penyanyi yang mencecah usia 46 tahun dan dikenali ramai, ODW mengambil tindakan untuk membuka perniagaan sendiri sebagai sumber pendapatan sekiranya dia tidak menyanyi lagi. Pernyataan ini berdasarkan ujaran ODW, iaitu “*Dengan nama dan duit yang ada, Kak Sheila mahu menggunakannya dengan cara yang betul.*”

Pertanyaan retorik yang seterusnya dapat dilihat dalam ujaran “*Kebetulan ketika itu, Kak Sheila tengah ‘gila’ melakukan Cream Bath di spa di Indonesia dan apabila mencarinya di sini, susah pula nak jumpa. Jadi, mengapa tidak kak Sheila memperkenalkannya di sini?*”. Penggunaan kata ‘gila’ merupakan penggunaan unsur analogi untuk menggambarkan sikap taksib ODW terhadap aktiviti melakukan *Cream Bath* di spa. Pada asasnya, kata ‘gila’ merujuk seseorang yang sudah tidak waras fikirannya. Namun demikian, dalam konteks ujaran tersebut kata ‘gila’ mempunyai maksud bahawa ODW terlalu gemar melakukan aktiviti *Cream Bath* di spa.

ODW mengungkapkan pernyataannya dalam bentuk penceritaan, iaitu dia merupakan seorang yang sangat gemar melakukan *Cream Bath* di spa terutamanya apabila berada di Indonesia dan menyatakan bahawa di Malaysia sangat susah untuk menemui spa yang menawarkan rawatan kecantikan seperti di spa yang dikunjungnya di Indonesia. Pertanyaan retorik, “*Jadi, mengapa tidak kak Sheila memperkenalkannya di sini?*” berfungsi untuk menegaskan pernyataan ODW tentang sebab perniagaan kecantikan tersebut diperkenalkan. Menurut Meibauer (1986, ms. 76), *we define rhetorical questions as a special use of interrogative sentences where the interrogative structure serve to perform an assertions*. Melalui pertanyaan retorik tersebut, jelas menggambarkan ketegasan pernyataan ODW tentang perniagaan kecantikan yang diperkenalkannya.

Pernyataan retorik yang seterusnya adalah dalam bentuk seruan retorik. Menurut Asmah, seruan retorik ini mudah sahaja dikenal, iaitu dengan adanya ungkapan *takkan*. Kadangkala kedengaran juga kata *masakan*, tetapi ini jarang-jarang digunakan. Kata *masakan* ialah pinjaman daripada bahasa Indonesia (Asmah, 2010, ms. 42). Menurut Asmah lagi, pernyataan jenis ini lebih merupakan ciri wawancara siasatan daripada wawancara jenis lain. Memandangkan wawancara dalam kajian ini bukanlah merupakan jenis wawancara penyiasatan maka penggunaan seruan retorik tidak begitu menyerlah. Dalam kajian ini, terdapat hanya satu contoh

penggunaan seruan retorik yang dikenal pasti, iaitu seperti berikut:

- (4) PW : Apa pendapat kamu bila lelaki memilih karier tukang masak sebagai mata pencarian sedangkan memasak lebih sinonim pada orang perempuan?
ODW : Bagi saya, kalau dah minat takkan nak halang pula. Bila lelaki bergelar tukang masak atau chef, itu adalah satu keunikan.
(Dara.Com, 2006, ms. 77)

Penanda adanya seruan retorik dalam contoh (4) di atas ialah perkataan *takkan* dalam ujaran “Bagi saya, kalau dah minat *takkan* nak halang pula.” Dalam ujaran tersebut dikesan makna afektif dalam penggunaan kata *takkan*. Higgins (2002, ms. 154) menjelaskan makna afektif sebagai:

Affective meaning is an emotive effect which is worked on the reader or the person spoken to by the choice of expression, and which forms part of its overall meaning.

Ringkasnya, dalam makna afektif memperlihatkan adanya reaksi yang berhubungan dengan perasaan pendengar atau pembaca setelah mendengar atau membaca sesuatu. Dalam contoh (4), makna afektif *takkan* wujud sebagai reaksi daripada pertanyaan PW, iaitu “*Apa pendapat kamu bila lelaki memilih karier tukang masak sebagai mata pencarian sedangkan memasak lebih sinonim pada orang perempuan?*”.

Jawapan kepada pertanyaan tersebut menggambarkan sikap dan perasaan ODW yang secara peribadinya berpendapat kita tidak boleh menghalang orang lelaki untuk memilih karier tukang masak jika mereka betul-betul berminat dalam bidang masakan. Dengan adanya seruan retorik *takkan* menyerlahkan lagi sikap dan pendirian ODW tentang pernyataannya. Di samping dapat menimbulkan emosi pendengar atau pembaca agar turut sama merasai bahawa lelaki juga boleh memilih karier tukang masak walaupun memasak lebih sinonim bagi orang perempuan.

Makna afektif dapat dikesan daripada bahasa yang digunakan yang dapat mencerminkan perasaan peribadi penutur. Perasaan tersebut termasuklah sikapnya terhadap pendengar atau sikapnya tentang sesuatu yang diucapkan atau yang dirujukinya. Hal ini bertepatan dengan perkataan retorik itu sendiri yang membawa pengertian ‘memujuk’ atau ‘mempengaruh’, yakni berusaha menimbulkan nilai rasa dalam hati setiap yang mendengar atau membacanya seperti nilai rasa kasihan, simpati, percaya, marah dan sebagainya.

Selain pernyataan retorik, terdapat juga lakuan pernyataan pengakuan yang diungkapkan dalam bentuk ayat penyata. Pengakuan boleh tentang apa-apa sahaja seperti mengakui kesalahan, mengakui pendapat atau pandangan, mengakui kecantikan seseorang dan sebagainya. Contoh (5) berikut memperlihatkan pengakuan yang dilakukan oleh ODW:

- (5) PW : Sekadar pendapat peribadi kamu, menilai masakan di

- restoran yang sering kamu kunjungi mana satu lebih sedap rasanya jika dibandingkan dengan masakan ibu dan kenapa?
- ODW(1) : Masakan ibu tiada tandingan...
- ODW (2) : Masakan ibu di rumah lebih menambat selera kerana masakan ibu mempunyai 1001 ramuan rahsia berbeza dengan masakan di kedai yang berfokuskan keuntungan.
- ODW (3) : Secara jujur saya katakan masakan di kedai lebih sedap daripada masakan ibu.
- ODW (4) : Mestilah masakan ibu lebih sedap kerana ibu memasak dengan penuh kasih sayang dan mahu beri yang terbaik untuk anak-anaknya.
- (Dara.Com, 2006, ms. 78)

Sesuatu pernyataan itu boleh ditafsirkan sebagai pengakuan meskipun tidak dinyatakan dalam ayat yang mengandungi kata mengaku. Hal ini selaras dengan kenyataan Allott, iaitu "*Speech act can be indirect: not every promise begins "I promise to..." , not every prediction begins "I predict that..." and so on"* (2010, ms. 5). Contoh (5) di atas memperlihatkan pengakuan oleh empat orang peserta yang diwawancara tentang pandangan mereka terhadap masakan restoran dan masakan ibu.

ODW yang pertama mengakui bahawa masakan ibunya tiada tandingan. Hal ini bermakna pandangannya terhadap masakan

ibu adalah lebih sedap berbanding masakan di restoran. Pernyataan ODW yang kedua juga menjurus kepada masakan ibu yang lebih menambat selera berbanding masakan di kedai yang hanya mengutamakan keuntungan. Sementara ODW yang ketiga pula mengakui sejujurnya bahawa masakan di kedai lebih sedap daripada masakan ibu. Manakala ODW yang keempat mengakui masakan ibu lebih sedap kerana ibu memasak dengan penuh kasih sayang.

Pengakuan keempat-empat ODW dalam wawancara tersebut tidak mengandungi kata kerja mengaku tetapi pernyataan itu ditafsirkan sebagai pengakuan, iaitu seramai tiga orang yang mengakui masakan ibu adalah yang paling sedap berbanding masakan di restoran, manakala seorang sahaja yang mengakui masakan di restoran lebih sedap berbanding masakan ibu. Pengakuan termasuk dalam jenis lakuan pengesahan (*assertive*), iaitu lakuan membuat kenyataan yang mengakibatkan penutur bertanggungjawab terhadap kebenaran proposisi yang diungkapkan.

Seterusnya, satu lagi bentuk lakuan yang menyamai lakuan pengakuan ialah lakuan pengesahan. Kedua-dua lakuan ini mempunyai nilai benar (*truth value*). Perbezaannya terletak pada kata kerjanya. Dalam bahasa yang formal seperti bahasa bertulis atau bahasa undang-undang ayat pengakuan mengandungi kata kerja *mengaku* manakala ayat pengesahan pula mengandungi kata kerja *mengesahkan*. Dalam wawancara, pengesahan dinyatakan dalam ucapan *ya, benar, dan betul*. Tutur yang seperti ini ialah jawapan kepada

ayat tanya tertutup (Asmah, 2009, ms. 46). Contoh (6) di bawah memperlihatkan pengesahan yang dilakukan oleh ODW:

- (6) PW : Pernah menangis kerana patah hati? Ceritakan sedikit.
ODW : Yurp, kerana ada ahli keluarga yang meninggal dan pernah juga semasa putus cinta tetapi tidak lagi sekarang...tak macho la bro.hahaha
PW : Adakah you seorang yang romantik? Buktinya.
ODW : Ya. Buktinya saya pernah menghadihkan sejambak bunga kepada bekas teman wanita saya.

(Yezz, 2011, ms. 58)

ODW mengesahkan pertanyaan PW dengan mengujarkan perkataan *Yurp*. Dalam bahasa Melayu, perkataan *yurp* adalah sama dengan perkataan *ya*. Lazimnya dalam perbualan seharian peralihan kod dan percampuran kod sering terjadi sama ada secara tidak sengaja mahupun disengajakan. Peralihan berlaku daripada bahasa Melayu kepada bahasa Inggeris, satu bentuk peralihan yang asas dalam *repertoire* sesebuah komuniti dwibahasa. ODW mengesahkan bahawa dia pernah menangis kerana patah hati dan mengesahkan bahawa dia juga merupakan seorang yang romantik.

Selain itu, dalam wawancara ini juga terdapat pernyataan lakuan penerimaan dan penolakan. Penerimaan dan penolakan boleh diungkapkan sama ada secara tidak verbal melalui isyarat tubuh badan seperti mengangguk kepala tanda setuju atau

menggelang kepala tanda menolak. Ia juga boleh dilakukan melalui ungkapan-ungkapan yang mengandungi makna penerimaan dan penolakan. Penerimaan boleh ditafsirkan sebagai persetujuan manakala penolakan boleh ditafsirkan sebagai penafian. Barch & Harnish (1979, ms. 41) menjelaskan penerimaan dan penolakan tergolong dalam kategori pengumuman (*constatives*). Contoh tanya jawab (7) di sebelah memperlihatkan pernyataan penerimaan dan penolakan daripada ODW:

- (7) PW : Apabila ramai lelaki bergelar chef di restoran dan hotel-hotel sekaligus mengambil alih tugas memasak yang sinonim dengan perempuan adakah ini tandanya orang perempuan lemah dan tidak berani bersaing?

ODW (1) : Eh, pada saya itu tak betul...sekarang ni kan ramai perempuan mempunyai kelulusan akademik di dalam bidang-bidang kritikal jadi pastinya mereka akan memilih kerjaya yang sesuai dengan kelayakan mereka.

ODW (2) : Betul sebab mereka hanya boleh masak dalam kuantiti yang sedikit dan kalau masak banyak sikit mesti tak sedap seperti kebiasaannya.

(Dara.Com, 2006, ms. 78)

Berdasarkan contoh (7) di atas, PW mengemukakan pertanyaan untuk mengetahui pandangan ODW terhadap

bidang masakan di restoran dan hotel yang didominasi oleh golongan lelaki adakah ia menjadi petanda kelemahan golongan wanita dan adakah disebabkan mereka tidak berani bersaing. Kedua-dua peserta yang diwawancara memberikan pendapat yang berbeza, iaitu seorang menerima dan seorang lagi menolak. Penerimaan dan penolakan oleh ODW (1) dan ODW (2) diujarkan melalui kaedah langsung. Hal ini kerana pernyataan tersebut dengan jelas ditandai dengan penanda penerimaan, iaitu kata *betul* dan penanda penolakan, iaitu *tak betul*.

Ujaran ODW (1) secara peribadi menolak kenyataan bahawa golongan wanita adalah lemah dan tidak berani bersaing. Hal ini kerana menurutnya, ramai wanita pada hari ini mempunyai kelulusan akademik dalam bidang kritikal dan semestinya mereka akan memilih kerjaya yang sesuai berdasarkan kelayakan akademik. Penanda penolakan dalam ujaran ini ialah "...*tak betul*...". *Tak* merupakan kata nafi yang telah disingkatkan daripada perkataan tidak. *Tak* digunakan dalam bahasa lisan atau perbualan. Perkataan *tak* dijadikan frasa dengan penambahan kata *betul* menjadi *tak betul* dalam ujaran tersebut berfungsi menyatakan penolakan secara langsung terhadap pertanyaan PW dalam ujaran sebelumnya.

Menurut Asmah (2009, ms. 48), adanya perkataan *tidak* dan *bukan* dalam tutur orang yang terlibat menggambarkan adanya lakuan penolakan. Dengan ini, penolakan ialah lakuan pertuturan yang menafikan

kebenaran sesuatu proposisi. Hal ini diperjelas oleh Mustafa sebagai :

Denial on the other hand, is the speech act of objecting to the truthfulness, weather this propotion that is assumed to be part of the addressee's background knowledge, wheather this propotion is asserted in previous discourse or implicated. (2007, ms. 74)

Seterusnya berdasarkan contoh (7) memperlihatkan lakuan penerimaan oleh ODW (2). Lakuan penerimaan menurut Asmah ialah penerimaan oleh satu pihak akan keterangan atau kenyataan yang diberi oleh pihak lain dalam wawancara. Ungkapan yang sering digunakan ialah *baiklah*. (Asmah, 2009, ms. 47). Namun dalam contoh (7), pernyataan penerimaan yang dinyatakan oleh ODW (2) ditandai dengan ungkapan "*betul*..." Penggunaan kata *betul* menunjukkan ODW menerima kenyataan bahawa golongan wanita adalah lemah dan tidak berani bersaing. Ungkapan tersebut diikuti dengan penjelasan ODW (2), iaitu "...*sebab mereka hanya boleh masak dalam kuantiti yang sedikit dan kalau masak banyak sikit mesti tak sedap seperti kebiasaannya.*"

Selain ungkapan *betul*, penerimaan juga boleh diungkapkan dengan perkataan *setuju*, iaitu pernyataan persetujuan tentang sesuatu perkara yang dinyatakan sebelumnya seperti yang terdapat dalam contoh (8) di bawah:

(8) PW : Setuju atau tidak jika dikatakan orang lelaki lebih banyak mendominasi ruang kerja komersial sebagai tukang masak di restoran dan hotel-hotel dan mengapa ini boleh berlaku?

ODW (1) : Setuju sebab selain daripada minat, lelaki juga ingin mendominasi ruang kerja perempuan sebagaimana perempuan mahu mengambil alih peranan lelaki di dalam kerjaya tertentu.

ODW (2) : Setuju kerana lelaki mahukan kelainan dalam dunia masakan kerana cara memasak orang lelaki berbeza dengan perempuan.

ODW (3) : Sayapun setuju dengan pernyataan tersebut kerana perempuan agak cerewet lagipun lelaki menganggap kerja ini sebagai satu tugas professional yang memerlukan teknik dan kemahiran yang tinggi.

(Dara.Com, 2006, ms. 78)

Pertanyaan PW dalam contoh (8) memfokuskan pernyataan bahawa golongan lelaki lebih banyak mendominasi ruang kerja komersial sebagai tukang masak di restoran dan hotel-hotel. Jawapan yang dituntut berupa pendapat sama ada setuju ataupun tidak terhadap pernyataan PW tadi. Ketiga-tiga peserta yang diwawancara dalam contoh (8) memperlihatkan penerimaan mereka terhadap pernyataan bahawa golongan lelaki lebih banyak mendominasi ruang kerja komersial sebagai tukang masak di restoran

dan hotel. Penerimaan mereka diwujudkan secara langsung melalui ungkapan *setuju*.

Terdapat juga penolakan yang dilakukan secara tidak langsung (*indirect speech act of denial*). Penolakan sesuatu keterangan atau kenyataan boleh ditafsirkan dari sudut konteks walaupun sesuatu ujaran itu tidak menggunakan kata *tidak* atau *bukan* seperti yang terdapat dalam contoh (9) berikut:

(9) PW : Apakah Tiara memasak sendiri hidangan untuk keluarga?

ODW : Er...Bahagian ini saya kurang 'terror'..Tugas saya sebagai tukang rasa saja.
(Keluarga, 2005, ms. 20)

Jawapan yang dikemukakan oleh ODW merupakan ujaran yang mempunyai fungsi asertif, iaitu pernyataan pengakuan tentang dirinya yang kurang pandai memasak dan tugasnya adalah sebagai tukang rasa sahaja. Dari segi konteks ujaran tersebut, makna ilokusinya ialah penolakan. Meskipun dalam ujarannya tidak terdapat perkataan *tidak*, namun ujarannya mengandungi makna penolakan bahawa dia tidak memasak hidangan untuk keluarganya. Ujaran ODW, iaitu "Tugas saya sebagai tukang rasa saja" sudah cukup membuktikan bahawa ODW hanya menikmati makanan yang telah dihidangkan. Hal ini kerana sebagai seorang selebriti dan isteri kepada seorang usahawan bergelar Dato', sudah pasti ODW mempunyai tukang masak tersendiri.

ODW tidak menyatakan penolakan secara langsung dengan mengatakan *tidak*. Zhang (2009, ms. 100) menjelaskan "... *indirectness is also used as a means of*

self-protection in language representatives of particular culture and as a means of conveying denial, advise, humor, etc."

Dalam masyarakat Melayu, sudah menjadi lumrah seseorang isteri melakukan kerja rumah tangga, khususnya memasak hidangan untuk keluarga.

Seseorang isteri yang tidak memasak hidangan untuk keluarganya dianggap janggal dan dipandang negatif. Justeru penolakan secara tidak langsung ODW terhadap pertanyaan PW berfungsi sebagai 'self-protection'. Penolakan secara tidak langsung digunakan agar menimbulkan nilai rasa positif dengan menjelaskan sebab penolakan tersebut berbanding dengan mengatakan penolakan secara langsung melalui kata *tidak*.

KESIMPULAN

Kajian ini yang memanfaatkan Teori Lakuan Pertuturan telah memperlihatkan bahawa bahasa yang dituturkan mempunyai lakuan yang tersendiri. Blackmore (1992, ms. 92) menjelaskan bahawa pengklasifikasian lakuan pertuturan memainkan peranan penting dalam perlakuan komunikasi, dan berdasarkan teori Lakuan Pertuturan ini, komunikasi bukan sahaja bererti perlakuan bagi mendapatkan maksud penutur, tetapi juga perlakuan bagi mendapatkan maksud atau niat penutur tersebut terlaksana dan dapat dikenal pasti.

Hal ini kerana, dalam sesuatu ujaran pastinya memiliki maksud tertentu dan maksud inilah yang dapat menimbulkan kesan tertentu terhadap pendengar sehingga menimbulkan respon. Oleh itu, kajian

ini dijalankan untuk mengenal pasti, menghuraikan, dan seterusnya menjelaskan lakuan peruturan yang terdapat dalam wacana wawancara. Wawancara ialah perbualan dan pertukaran idea, maklumat, dan pandangan antara PW dengan ODW.

Secara umum, wacana wawancara melibatkan proses tanya jawab, iaitu PW bertindak sebagai penyoal dan ODW bertindak sebagai penjawab dengan menggunakan tulisan sebagai salurannya. Oleh itu, dari perspektif wacana, wawancara merupakan representasi percakapan. Kajian wacana juga merupakan kajian bahasa dalam penggunaannya yang sebenar. Berdasarkan analisis data, pemeran dalam wawancara yang dipaparkan cenderung menggunakan ragam bahasa lisan.

Lakuan pertuturan merupakan sesuatu yang secara nyata dilakukan ketika seseorang sedang bercakap. Berdasarkan analisis yang dijalankan, lakuan pernyataan juga dikenal pasti sangat menonjol dalam wawancara. Lakuan pernyataan ialah lakuan atau tindakan menyatakan sesuatu. Didapati terdapat beberapa jenis subkategori dalam lakuan pernyataan, iaitu pernyataan biasa, pernyataan retorik, pengakuan, pengesahan, penolakan dan penerimaan. Pernyataan biasa diujarkan dalam bentuk ayat berita atau ayat penyata. Lakuan pernyataan ini bersifat mendatar, iaitu tidak melibatkan emosi dan hanya melibatkan penjelasan semata-mata.

Pernyataan retorik pula diujarkan sama ada dalam bentuk ayat tanya ataupun ayat seruan. Dalam konteks ini, bahasa dimanipulasikan untuk membentuk

persepsi khalayak, mengubah sikap mereka, dan akhirnya mempengaruhi tindakan. Ringkasnya, lakukan pernyataan retorik diujarkan demi mempengaruhi sikap dan perasaan pendengar.

Selanjutnya, dapatan kajian juga menunjukkan lakukan pernyataan pengakuan dan lakukan pernyataan pengesahan hampir menyamai satu sama lain. Kedua-dua lakukan ini mempunyai nilai benar (*truth value*), iaitu lakukan membuat pernyataan yang mengakibatkan penutur bertanggung jawab terhadap kebenaran proposisi yang diujarkan. Selain itu, dari sudut lakukan penerimaan dan penolakan memperlihatkan adanya penanda yang jelas, iaitu kata *betul* atau *setuju* bagi penerimaan dan kata *tidak* dan *bukan* bagi penolakan. Namun didapati ada sesetengah ujaran penolakan yang tidak menggunakan penanda penolakan secara nyata tetapi penolakan sesuatu keterangan atau pernyataan itu boleh ditafsirkan dari sudut konteks ujaran.

BIBLIOGRAFI

- Allott, Nicholas. (2010). *Key Terms in Pragmatics*. London: Continuum International Publishing Group.
- Andrew Dousa. (2001). *Manual of English Rhetoric (1875): a facsimile reproduction with an introduction by Charlotte Downey*. University of Michigan: Scholars' Facsimiles.
- Asmah Hj. Omar (2007). *Kesantunan Bahasa dalam Pengurusan Pentadbiran dan Media*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asmah Hj. Omar. (1997). *Wacana Temu Duga dan Wawancara*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asmah Hj. Omar. (2000). *Wacana Perbincangan Perbahasan dan Perundingan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asmah Hj. Omar. (2006). *Panduan Wacana Akademik Teori dan Penerapannya*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asmah Hj. Omar. (2008). *Nahu kemas Kini: Panduan Bahasa yang Baik dan Betul*. Kuala Lumpur: PTS Professional Publishing Sdn. Bhd.
- Asmah Hj. Omar. (2009). *Nahu Melayu Mutakhir (Edisi Kelima)*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asmah Hj. Omar. (2010). *Wacana Temu Duga dan Wawancara (Edisi Kedua)*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Bach, K dan Harnish, R. M. (1979). *Linguistics Communication and Speech Acts*. Cambridge & London: The MIT Press.
- Blakemore, D. (1992). *Understanding Utterances: An Introduction to Pragmatics*. Oxford (London): Blackwell Publisher.
- Fontana, A. dan Prokos, A. H. (2007). *The Interview: From Formal to Postmodern*. United States of America: Left Coast Press, Inc.
- Higgins, I. (2002). *Thinking French Translation: A Course in Translation Method, French-English (Second Edition)*. New York: Routledge.
- Indirawati Zahid. (2006). *Fonetik dan Fonologi*. Kuala Lumpur: PTS Professional Sdn. Bhd.
- Meibauer, J. (1986). *Rhetorische Fragen*. Tubigen: Niemeyer.
- Mills, H. (2000). *Artful Persuasion: How to Command Attention, Change Minds, and Influence People*. New York: AMA Publications.
- Searle, J. R. (1969). *Speech Acts an Essay in The Philosophy of Language*. Cambridge: Cambridge University Press.

- Searle, J.R. (1991a). *What Is Speech Act?* Dalam Davis, S. (ed.). *Pragmatics: A Reader*. (hal.254-263). New York: Oxford University Press.
- Sulaiman Masri dan Ahmad Khair Mohd Nor. (2006). *Tatabahasa Melayu*. Kuala Lumpur: Utusan & Distributors Sdn. Bhd.
- Zhang, F. dan You,H. (2009). *Motives of Indirectness in Daily Communication : An Asian Perspective*. dlm Jurnal Asian Culture and History (CCSE). vol.1, No 2, July 2009.



Hubungan antara Kesantunan Berbahasa dengan Perlakuan Tidak Bermoral Orang Melayu-Islam

Abdul Rashid Daing Melebek* dan Shamsul Hazliyatul Akma Mohmad

Jabatan Bahasa Melayu, Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, Universiti Putra Malaysia, 43400 Serdang, Selangor, Malaysia

ABSTRAK

Penyelidikan ini dijalankan untuk meneliti dan menganalisis pandangan sebilangan anggota masyarakat Melayu daripada segi hubungan antara kesantunan berbahasa dengan amalan yang negatif dalam kalangan masyarakat Melayu yang beragama Islam. Penyelidikan yang menggunakan pendekatan kualitatif ini memilih sebanyak 30 orang informan dan telah memberikan maklumat untuk menghuraikan objektif kajian. Penyelidikan ini mendapati bahawa pandangan sebilangan anggota masyarakat terhadap fenomena kesantunan berbahasa pada zaman dahulu dan kini sudah berbeza sama sekali. Pada zaman dahulu, masyarakat yang mengamalkan kesantunan berbahasa dengan sendirinya terpelihara dengan sifat-sifat yang terpuji dan menjauhi perkara-perkara yang terlarang. Kini, pada pandangan sebilangan anggota masyarakat Melayu mengatakan bahawa ada manusia yang menggunakan bahasa yang santun dan berbudi pekerti semata-mata untuk mencapai hasrat dan niat untuk menipu dan pelbagai lagi perlakuan yang tidak bermoral. Desakan untuk hidup dalam dunia yang semakin mencabar, keadaan persekitaran dan keruntuhan nilai pekerti diri mendorong manusia menipu atas dasar untuk memenuhi naluri tarikan kepada kebendaan dan kesenangan secara mudah dan cepat dengan menjadikan bahasa itu sebagai wahana untuk mencapai hasrat tersebut tanpa menghiraukan lagi tentang agama Islam dan adat ketimuran masyarakat Melayu. Banyak saranan yang diberikan untuk mengatasi masalah ini seperti pendidikan kini haruslah terarah kepada ilmu bukan mengutamakan kemahiran semata-mata, menanamkan konsep nilai dan jati diri serta penerapan agama yang mendalam.

Kata kunci: Bahasa santun, strategi, moral, akhlak, nilai, menyamar diri

ABSTRACT

This research was conducted to examine the relationship between politeness in language and immoral practices within Malay-Muslim society as perceived by a selected group of Malay individuals. The research adopted a qualitative approach using questionnaires distributed to 30 selected respondents in order to fulfil the objectives of the research. The research revealed that there was politeness in language in the past but what is being practised now has changed totally. In the past, people who practised linguistic politeness upheld the sanctity of

INFO MAKALAH

Pewasitan Makalah:

Dihantar: 2 Disember 2013

Diterima: 28 Februari 2014

E-mail:

ardm@upm.edu.my (Abdul Rashid Daing Melebek)

* Penulis penghubung

refined behaviour and refrained from wrong deeds. Currently, according to the opinions of the selected respondents, there are some individuals who misuse polite language in order to achieve their aims of spreading lies and engaging in other immoral activities. The pressures of living in a challenging world, adverse surroundings, and the deterioration of human norms encourage certain people to cheat in order to achieve their materialistic aims and become wealthy by relying on language as a stepping stone. They ignore the ethical practices in Islam and also the norms of practice in Malay society. Various suggestions have been put forward to overcome this problem, such as that educational practice must be based on knowledge not on skills per se, and the need to inculcate positive norms for a deeper understanding of Islamic religious knowledge.

Keywords: Language politeness, strategy, moral behaviour, ethical values, social imposters

PENDAHULUAN

Kesantunan boleh didefinisikan sebagai halus budi bahasa dan pekerti dalam kelakuan berinteraksi dan berkomunikasi supaya terhindar konflik dan persengketaan dengan pendengarnya dan sentiasa menjaga air muka mereka. Hal ini adalah berkaitan dengan perangai dan budi pekerti, budi bahasa dan tutur kata dan hati budi, iaitu kalbu dan akal nya yang tinggi dan bijaksana (Hashim Hj. Musa, 2008). Konsep kesantunan bagi orang Melayu tidak boleh dipisahkan daripada agamanya, iaitu Islam. Dalam pengajaran Islam, segala tindak-tanduk, perlakuan dan pertuturan yang baik itu mesti disertai dengan niat yang ikhlas, iaitu hanya untuk mendapat keredaan Allah semata-mata. Orang Melayu merupakan suatu bangsa yang sangat sinonim dengan

Islam. Hal ini terbukti dalam Perlembagaan Malaysia yang jelas menunjukkan bahawa Melayu didefinisikan sebagai orang yang lazimnya berbahasa Melayu, berkebudayaan Melayu, beragama Islam dan warganegara Malaysia.

Kesantunan berbahasa lahir daripada budi pekerti yang mulia, berhemah tinggi dan mempunyai hati yang baik, jujur dan ikhlas. Hati budi yang luhur dalam masyarakat Melayu mempunyai nilai yang tinggi dan citranya itu ditonjolkan dengan jelas oleh rangkaian pantun yang berikut:

*Limau manis dimakan manis,
Manis sekali rasa isinya;
Dilihat manis dipandang manis,
Manis sekali hati budinya.*

(Hashim Musa, 2008, ms. 1)

Pantun ini memperlihatkan seorang yang berhati budi mulia diibaratkan sebagai sebiji limau manis, iaitu sejenis buah yang mempunyai banyak khasiat selain rasanya yang manis dan enak dimakan. Limau manis mempunyai bau yang harum dan menyegarkan yang berkhasiat secara aromaterapi, iaitu bau harum bertindak ke atas sel badan secara positif menimbulkan kesegaran dan memulihkan tenaga, membantu penghadaman serta membersihkan perut dan melawaskan pembuangan najis daripada badan (Hashim Musa, 2008:2). Hal ini dapat diibaratkan seperti seorang yang berhati budi yang mulia, iaitu seorang yang budiman yang memiliki budi pekerti yang mulia, budi bahasa yang halus, budi bicara yang bernas

dan hati yang tinggi dan luhur adalah sangat berguna dan penuh bermanfaat kepada manusia lain dan masyarakatnya.

Jati diri merupakan benteng yang kukuh kepada setiap insan untuk mempertahankan citra diri daripada tercemar, dipengaruhi atau cenderung melakukan perkara yang terlarang. Jati diri yang luhur dalam masyarakat Melayu sering terpancar daripada budi pekerti dan kesantunan berbahasa sesuai dengan tuntutan ajaran Islam. Kesantunan berbahasa mempunyai nilai yang tinggi dan citranya itu terpancar dengan jelas dalam pantun yang berikut:

*Yang kurik itu kundi,
Yang merah itu saga;
Yang baik itu budi,
Yang indah itu bahasa.*

Pada masa ini, kita telah dapat merasakan dilema yang dihadapi oleh individu Islam yang hidup di tengah-tengah masyarakat yang tidak menjadikan Islam sebagai sistem hidupnya. Kita semua maklum bahawa dalam pengajaran Islam, segala tindak-tanduk, perlakuan dan pertuturan yang baik itu mesti disertai dengan niat yang ikhlas, iaitu hanya untuk mendapat keredaan Allah. Namun, sekiranya hati atau kalbu, mahu juga melakukan perkara yang bercanggah dengan ajaran Islam setelah didorong oleh nafsu jahat dan syaitan, maka perlakuan itu akan dilakukan juga sebagai mana yang berleluasa di negara kita kini.

PERNYATAAN MASALAH

Masyarakat Melayu memang terkenal dengan sifat yang terpuji seperti berhemah tinggi, bersopan santun, hormat-menghormati, bekerjasama, bertolak ansur, dan sebagainya. Masyarakat ini sangat memelihara keperibadian diri, keluarga, masyarakat dan negara. Ciri ini tersemai sejak kecil hingga ke akhir hayat. Perkara yang menjadi persoalan dan permasalahan ialah bagaimana masyarakat yang terpelihara dengan nilai murni ini berhadapan dengan era globalisasi yang memungkinkan manusia hilang ciri ini dalam dunia yang penuh dengan perlumbaan hidup yang semakin mencabar. Manusia kini berlumba-lumba mengejar kehidupan, kesenangan, kemewahan tanpa memelihara lagi nilai murni di atas. Dunia yang penuh cabaran ini menjadi dilema kepada masyarakat Melayu yang memelihara dua puluh enam gaya hidup yang murni seperti hidup berteraskan agama Islam, pendidikan demi membentuk manusia yang berilmu, beradab, berbudi, bertakwa dan beramal, nilai kerja yang mengutamakan kesungguhan, kecekapan, kerajinan dan kerukunan bagi manfaat dunia dan akhirat sehingga ke anak cucu, taat dan berkhidmat kepada ibu bapa serta memuliakan mereka dan setia kepada ketua yang adil, terpuji dan benar. Selain itu, masyarakat Melayu terkenal dengan kehalusan budi bahasa dan budi pekerti, sentiasa bermuafakat, bertimbang rasa, tolong-menolong dan mengutamakan kebajikan umum dan hidup bermasyarakat, hormat dan khidmat dalam

pergaulan dan dengan tetamu, sederhana bukan eksteris dalam tutur kata dan tingkah laku, hemat dan cermat, tidak kasar, keras, militan dan ganas, sangat prihatin tentang harga diri dan maruah yang terjelma dalam istilah “menjaga air muka” dan “rasa malu yang mendalam”, tahu tempat dan letak sesuatu dan diri setiap orang dan bertindak sewajarnya, membela dan mempertahankan kebenaran dan keadilan (Hashim Hj Musa, 2008)

Masyarakat Melayu sejak zaman-berzaman mengamalkan sikap menanam budi dan membalas budi, sifat pemaaf dan pemurah, sifat kasih-sayang, hidup sederhana, ikhlas dan rela berkorban, sikap, berdikari, menghormati hak dan milik, memelihara kejujuran dan keikhlasan, berbaik sangka terhadap sesama makhluk, sifat keterbukaan, tidak menyimpan rasa dan curang, sifat amanah, memanfaatkan waktu, tidak membuang masa, memandang masa depan dan mensyukuri nikmat Allah (Hashim Hj Musa, 2008). Sebanyak dua puluh enam sifat dan amalan murni di atas dipegang teguh dalam menjalani kehidupan harian. Pada masa ini, kehidupan masyarakat Melayu telah banyak menyimpang dan terkeluar daripada norma Islam yang terpelihara daripada gejala sosial dan perkara yang menyimpang dan kini seperti sukar untuk dibendung lagi.

OBJEKTIF KAJIAN

Penyelidikan ini dijalankan bertujuan untuk mencapai objektif yang berikut:

- i. Mengkaji pandangan sebilangan anggota masyarakat Melayu tentang

persoalan sama ada amalan kesantunan bahasa masih wujud dalam kalangan masyarakat Melayu-Islam kini atau tidak.

- ii. Menganalisis pandangan sebilangan anggota masyarakat Melayu tentang hubungan antara kesantunan bahasa dengan aktiviti keruntuhan moral dalam kalangan masyarakat Melayu-Islam.

METODOLOGI

Pendekatan Kajian

Pertimbangan utama dalam pemilihan kaedah kajian ialah sama ada teknik tersebut bersesuaian dengan tujuan dan objektif penyelidikan. Kaedah kajian kualitatif sesuai apabila penyelidikan bertujuan untuk memahami sesuatu fenomena. Menurut Glense dan Peshkin (1992), kaedah kajian kualitatif dapat menghuraikan pelbagai realiti dalam latar sosial yang sebenar. Oleh hal yang demikian, penyelidik memilih untuk menggunakan kaedah kualitatif untuk menghuraikan fenomena yang berlaku dalam masyarakat kita pada hari ini yang menggunakan kesantunan berbahasa sebagai strategi untuk melakukan jenayah atau perlakuan yang bertentangan tatasusila orang Melayu dan ajaran Islam.

Penyelidik memilih 30 orang informan di seluruh negara daripada pelbagai jurusan dan latar belakang seperti Pengetua Sekolah, Penguasa Polis, Kaunselor Pelajar, Pegawai Kebajikan Masyarakat, Doktor Perubatan, Pensyarah, Pegawai Penguat kuasa Agama Daerah, dan sebagainya untuk mendapatkan maklumat berkaitan dengan objektif

kajian. Mereka dipilih daripada pelbagai disiplin pekerjaan dan latar belakang supaya maklumat yang diperolehi ialah pelbagai dan menyeluruh. Soalan kajian yang ditujukan kepada informan bersesuaian dengan objektif kajian. Maklumat daripada informan yang ditemu bual dan dirakamkan itu dibuat transliterasi, iaitu daripada bahasa lisan kepada tulisan untuk dianalisis. Analisis bahan ini dijalankan dengan cermat untuk memenuhi dua objektif kajian yang tersebut di atas.

SOROTAN LITERATUR

Banyak kajian dan pandangan daripada penyelidik sama ada di dalam mahupun di luar negara berkaitan dengan gejala keruntuhan moral, hati budi Melayu dan hidup beragama. Hati budi ialah tempat letaknya Islam, iman dan ihsan yang membuahkan niat, motivasi, maksud dan tujuan yang sah bagi segala perlakuan dan perbuatan yang baik, iaitu dibuat semata-mata untuk mendapatkan keredaan Allah. Hati atau kalbu ialah raja dalaman yang berkuasa sepenuhnya ke atas diri manusia dan hatilah yang mengarah dan mendorong segala tindak-tanduk dan perlakuan manusia (Hashim Hj. Musa, 2008).

Menurutnya lagi, empat anggota luaran manusia yang disambungkan dengan hatinya ialah:

*Mata yang memandang,
Lidah yang bercakap,
Telinga yang mendengar, dan
Akal dan minda yang berfikir.*
(Hashim Hj. Musa, 2008, ms.
145).

Pengkaji sejarah tamadun manusia (misalnya Braudel, 1993 dan Huntington, 1996 dlm. Hashim Hj. Musa, 2008) mengatakan bahawa ada dua unsur utama dalam pembentukan tamadun, iaitu agama dan bahasa. Agama sebagai unsur yang amat bertenaga untuk mengeratkan hubungan jiwa dan emosi para penganutnya, manakala bahasa sebagai unsur yang amat bertenaga untuk mengeratkan hubungan akal budi para penuturnya. Kedua-dua unsur ini mampu membentuk jati diri yang kukuh, padu dan utuh bagi sesuatu kelompok manusia membentuk sesebuah tamadun.

Pandangan di atas disokong sepenuhnya oleh Yusuf Al-Qardhawi:

antara bentuk budaya masyarakat Islam ialah tidur awal dan bangun awal. Dengan itu, seseorang itu akan dapat menikmati tidur yang tenang serta nyenyak pada sepanjang malam yang Allah jadikannya sebagai pakaian.

(Yusuf Al-Qardhawi, 2000, ms.
152)

Kebudayaan Islam ialah hubungan erat yang abadi lagi suci antara anak dengan kedua-dua ibu bapa. Hubungan ini tidak terputus apabila anak tersebut menjadi dewasa, atau mempunyai pendapatan sendiri, atau sudah berkahwin.

(Yusuf Al-Qardhawi, 2000, ms.
155)

Selain itu, Yusuf Al-Qardhawi mengatakan lagi:

kebudayaan Islam berdasarkan penjagaan fitrah, menghormati kesederhanaan dan bersahaja serta menghindari sikap memaksa diri menunjuk-nunjuk serta menjauhkan sikap sombong dan berlebihan.

(Yusuf Al-Qardhawi 2000, ms. 159)

Kewajipan masyarakat Islam dewasa ini ialah menafikan segala bentuk kesopanan serta budaya masyarakat yang memasukkan ke dalamnya perkara yang bertentangan dengan tabiat yang seimbang dan normal, tidak kira sama ada ia berasal dari zaman kelemahan pemikiran atau kemunduran ketamadunan yang telah menimpa dunia Islam sejak beberapa kurun yang lampau.

(Yusuf Al-Qardhawi 2000, ms. 161)

Begitu juga dengan budaya yang diseludup masuk kepada kita melalui tamadun moden Barat seperti ciptaan fesyen terbaharu, perabot rumah, makan-minum, adat perkahwinan, pelbagai jenis perayaan dan hubungan antara lelaki dengan wanita “Lantaran itu, kita dapati masyarakat Islam sekarang mengandungi dua kelompok manusia yang hidup dalam dua bentuk masa

yang berbeza...” (Yusuf Al-Qardhawi 2000, ms. 161).

Berdasarkan bentuk dan cara hidup masyarakat Islam, Yusuf Al-Qardhawi menambah:

masyarakat Islam yang sebenar ialah masyarakat yang memelihara adab kesopanannya yang tulen dan budaya yang sejati sebagaimana ia melindungi tanahnya dari dijajah, kehormatannya dari dicabuli, kekayaannya dari dirompak, dan harga dirinya dari dihina.

(Yusuf Al-Qardhawi, 2000, ms. 163-164).

masyarakat Islam tertegak di atas syiar-syiar yang mengukuhkan lagi hubungannya dengan Allah melalui amalan-amalan lahiriah, masyarakat yang beribadah, yang tugas utamanya ialah beribadat kepada Allah.

(Yusuf Al-Qardhawi 2000:165).

masyarakat Islam yang terbina di atas pemikiran dan pemahaman yang jelas yang menjadikan ia mampu menilai amalan, pendirian, individu dan ideologi berdasarkan pertimbangannya yang khusus yang tidak cenderung ke arah kanan dan kiri, ia ialah “masyarakat intelektual” yang unik.

(Yusuf Al-Qardhawi, 2000, ms. 165).

Masyarakat Islam terbina atas dasar akhlak dan nilai luhur yang diyakini keimanannya kepada agamanya serta syariatnya. Akhlak ialah sebahagian daripada agama memandangkan akhlak ialah perintah atau larangan yang datang daripada Allah. Oleh itu, akhlak ialah “masyarakat berakhlak” (Yusuf Al-Qardhawi, 2000:165). Masyarakat Islam terbina atas adab kesopanan dan budaya tertentu yang menjadikannya unik, yang bukan diciplak daripada masyarakat lain sama ada yang jauh atau yang lama, terbinanya masyarakat Islam atas dasar tersebut keseluruhannya. Akhlak juga terbina atas dasar perikemanusiaan yang tinggi sebagaimana yang sentiasa dicari oleh manusia yang bertamadun (Yusuf Al-Qardhawi 2000, ms. 165).

DAPATAN KAJIAN

Berdasarkan temu bual yang berstruktur dengan sebilangan informan yang dikenal pasti, maka analisis jawapan mereka dilakukan untuk memperoleh dapatan berasaskan dua objektif yang disebutkan di atas:

Objektif 1 : Mengkaji pandangan sebilangan anggota masyarakat Melayu tentang persoalan sama ada amalan kesantunan bahasa masih wujud dalam kalangan masyarakat Melayu-Islam kini atau tidak.

Informan 14, 23 dan 24 memberikan pendapat yang menyokong pandangan Informan 6 seperti yang berikut:

Masyarakat Melayu mengamalkan kesantunan berbahasa

Ada penjenayah yang telah melakukan pembunuhan tetapi apabila di soal siasat, beliau menggunakan bahasa yang sungguh sopan, lembut dan baik sehingga kita tidak yakin bahawa beliau telah melakukan jenayah tersebut. Jadi, bahasa yang indah, lembut dan sebagainya itu gagal mengawal dirinya daripada melakukan jenayah atas sebab-sebab tekanan hidup, faktor persekitaran, dan sebagainya.

Informan 15, 25, 26 dan 27 masing-masing mengatakan bahawa kesantunan berbahasa manusia tidak semestinya menggambarkan perlakuan mereka. Hal ini bersesuaian dengan pandangan Informan 7 seperti yang berikut:

Kesantunan berbahasa adalah pada luarannya sahaja

Tidak semestinya bahasanya elok perangnya pun elok ... bertutur lemah-lembut, bertudung labuh atau pakai kopiah, tetapi perbuatannya di luar lingkungan keluarga entah ke mana. Pendidikan bahasa itu bersifat ilmu sahaja bukan dibatin. Dibatinkan melalui amalan. Zaman dahulu lain. Sekarang zaman dah berubah, orang boleh berselindung menggunakan bahasa yang baik, sebaliknya lain. Manusia telah pandai menipu menggunakan bahasa sebagai mengharap ihsan bahawa dia tu baik.

Informan 11, 12, dan 18 telah memberikan maklumat tentang penggunaan bahasa dan tingkah laku manusia. Pandangan mereka bersesuaian dengan pandangan Informan 4 seperti yang berikut:

Kesantunan berbahasa bukan gambaran tingkah laku

Bahasa itu pertuturan sahaja, bukan perlakuan ... jadi untuk mengenal pasti seseorang itu baik hendaklah dengan melihat tingkah laku dan perbuatannya, bukan berpegang pada penggunaan bahasanya semata-mata.

Sebanyak 13 informan di atas telah memberikan pandangan bahawa kesantunan bahasa dalam kalangan masyarakat Melayu-Islam memang wujud kini. Kesantunan berbahasa pada zaman dahulu memperlihatkan hakikat bahawa penuturnya mempunyai budi pekerti yang mulia, perlakuan yang sopan dan memelihara tatasusila Melayu dan agama Islam. Kini masyarakat Melayu yang beragama Islam yang memiliki kesantunan berbahasa tidak lagi secara keseluruhannya memperlihatkan penuturnya mempunyai budi pekerti yang mulia, perlakuan yang sopan dan memelihara tatasusila Melayu dan agama Islam.

Pada kerseluruhannya, dapatan kajian berdasarkan objektif 1 adalah seperti yang berikut:

- i. Masyarakat Melayu mengamalkan kesantunan berbahasa
- ii. Kesantunan berbahasa adalah pada luarannya sahaja

- iii. Kesantunan berbahasa bukan gambaran tingkah laku

Objektif 2 : Menganalisis pandangan sebilangan anggota masyarakat Melayu tentang hubungan antara kesantunan bahasa dengan aktiviti keruntuhan moral dalam kalangan masyarakat Melayu-Islam).

Informan 13, informan 19 dan informan 22 telah memberikan pandangan yang menyokong pandangan informan 5 seperti yang berikut:

Bahasa yang santun harus dimiliki bersama-sama dengan kesedaran tentang nilai

Aspek yang menjadi tunjang kepada budaya Melayu ialah nilai. Nilai merupakan idea yang dikongsi bersama berkenaan dengan apa yang penting dan berguna. Nilai juga membentuk prinsip atau pegangan anggota masyarakat yang menjadi panduan untuk bertindak. Pengaruh dari luar ada yang menjadikan masyarakat Melayu bersifat materialistik. Tuntutan keinginan untuk memenuhi ruang kehidupan yang tidak terjangkau oleh upaya menyebabkan individu itu terlibat dalam masalah gejala sosial yang tidak sihat.

Pandangan informan 9, informan 16 dan informan 17 mempunyai persamaan dengan pandangan informan 2 seperti yang berikut:

Bahasa santun bukan gambaran perlakuan

Bahasa bagi saya tidak mampu menghalang kita melakukan gejala sosial. Mungkin sebagai pembentuk sopan bertutur sahaja. Bahasa tidak banyak hubungannya dengan perlakuan, mungkin ada tetapi tidak banyak mempengaruhi, terutama remaja untuk berkelakuan sepatutnya.

Informan 20, informan 21 dan informan 28 memberikan pandangan yang menyamai pandangan informan 3 seperti yang berikut:

Bahasa santun untuk berpura-pura

Seseorang itu tidak boleh menilai orang lain melalui bahasa yang digunakan kerana seseorang itu boleh menggunakan bahasa untuk berpura-pura. Orang yang berakhlak buruk, mereka hanya menggunakan bahasa untuk sekadar berpura-pura sedangkan pada masa yang sama mereka mencuri dan banyak lagi bentuk aktiviti yang tidak bermoral.

Pandangan informan 8, informan 10, informan 15 dan informan 29 menyokong pandangan informan I seperti yang berikut:

Bahasa ialah ilmu bukan pembentuk peribadi

Bahasa itu ialah ilmu, namun dipinggirkan. Sebilangan anggota masyarakat kita tampaknya sudah melupakan peranan bahasa dalam pembentukan keperibadian atau

rupa bangsa ... pembangunan yang hakiki bagi insan ialah pembangunan yang seimbang antara aspek fizikal dengan rohaninya. Pembangunan yang hanya menitikberatkan aspek fizikal menyebabkan kemusnahan aspek akhlak dan kemanusiaan. Manusia yang fitrahnya memikul amanah sebagai khalifah di muka bumi berubah menjadi makhluk yang rakus, haloba, *kiasu*, zalim, oportunistik dan seribu satu jenis keruntuhan akhlak yang lain lagi sehingga menimbulkan kerosakan di muka bumi.

Sebanyak 17 informan di atas telah memberikan pandangan tentang kesantunan bahasa dalam kalangan masyarakat Melayu-Islam yang memang wujud pada masa ini. Kesantunan berbahasa pada zaman dahulu memperlihatkan penuturnya mempunyai budi pekerti yang mulia, perlakuan yang sopan dan memelihara tatasusila Melayu dan agama Islam. Kini masyarakat Melayu yang beragama Islam yang memiliki kesantunan berbahasa, menjadikannya sebagai strategi untuk melakukan jenayah, aktiviti keruntuhan moral, menipu, memperdaya orang lain, dan sebagainya yang membawa kepada pembentukan dapatan objektif 2 seperti yang berikut:

- i. Bahasa santun bukan gambaran perlakuan
- ii. Bahasa yang santun harus dimiliki bersama dengan kesedaran tentang nilai
- iii. Bahasa santun untuk berpura-pura

- iv. Bahasa ialah ilmu bukan pembentuk peribadi

KESIMPULAN

Kesantunan berbahasa yang lahir daripada budi pekerti yang mulia, berhemah tinggi dan mempunyai hati yang baik, jujur dan ikhlas dapat memelihara masyarakat Melayu daripada perkara yang yang tidak diingini dan yang bercanggag dengan nilai yang mulia. Hakikatnya kini, segala perlakuan baik yang terpelihara dalam kalangan masyarakat Melayu yang secara keseluruhannya beragama Islam sudah tersasar daripada landasan yang terpelihara teguh sejak zaman-berzaman. Kini, kesantunan berbahasa dan perlakuan yang sopan santun tidak lagi menjadi benteng yang menentukan perilaku yang mulia malah telah digunakan sebagai strategi atau penipuan untuk mencapai matlamat yang negatif dan aktiviti keruntuhan moral dalam kalangan masyarakat Melayu yang beragama Islam.

Hashim Hj. Musa (2008) telah menyedari hakikat ini serta menyarankan pengukuhan 26 sifat, iaitu mengamalkan sikap menanam budi dan membalas budi, sifat pemaaf dan pemurah, sifat kasih sayang, hidup sederhana, ikhlas dan rela berkorban, sikap, berdikari, menghormati hak dan milik, memelihara kejujuran dan keikhlasan, berbaik sangka terhadap sesama makhluk, sifat keterbukaan, tidak menyimpan rasa dan curang, sifat amanah, memanfaatkan waktu, tidak membuang masa, memandang masa depan dan mensyukuri nikmat Allah untuk kita menghadapi cabaran abad ke-21.

BIBLIOGRAFI

- Al-Attas, S. Hussein. (1997). *The Myth of the Lazy Native*. London: Frank Cass.
- Al-Attas, S. M. Naquib. (1995). *Prolegomena to The Metaphysics of Islam*. Kuala Lumpur: ISTAC.
- Al-Ghazali, Iman Abu Hamid. (1997). *Ihya' Ulumuddin. (Djiwa Agama)* Diterjemahkan oleh Maisir Thaib dan A. Thaher Hamidy, 7. Bukittinggi: Syamza.
- Al- Razi, Fakhar al-Din. (1969). *Ilmu al-Akhlaq*, English Translation M.S. Hassan Mas'umi. Islamabad: Islamic Research Insitute.
- Fromm, Erich. (1942). *Character and the Social Process*. London: Routledge.
- Glense, C. dan Peshkin, A. (1992). *Becoming Qualitative Researcher: An Introduction*. New York: Longman Publication Group
- Gould, J. A. (1992). *Classic Philosophical Questions*. New York: MacMillan.
- Hashim Musa. (2001). *Falsafah, Logik, Teori Nilai dan Etika Melayu: Suatu Pengenalan*. Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Melayu.
- Hashim Haji Musa. (2008). *Hati Budi Melayu*, Serdang: Penerbit Universiti Putra Malaysia.
- Ibn Khaldun. (1981). *The Muqaddimah of Ibn Khaldun*. Diterjemahkan oleh Franz Rosenthal. Disunting oleh N. J. Dawood. Priceton N. Jersey: Bolingen Series/Princeton.
- Ismail Hamid. (1991). *Masyarakat dan Budaya Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Maccoby, Michael. (2002). "Toward a Science Character". In *International Forum of Psychoanalysis*. 11: 33-44.
- Majid Fakhry. (1997). *Islamic Philosophy, Theology and Mysticism: A Short Introduction*. Oxford: One World Publication.

- Mead, Margaret. (1953). *National Character*, In *Anthropology Today*. Chicago: University of Chicago Press.
- Senu Abdul Rahman *et. al.* (2004). (trans). *Mental Revolution*. Subang Jaya: Pelanduk Publication.
- Osman Bakar. (1992). *Classification of Knowledge in Islam: A Study in Islamic Philosophy*. Kuala Lumpur: Institute Policy Research.
- Raja Ali Haji. (1927). *Kitab Pengetahuan Bahasa, iaitu Kamus Lughat Melayu Johor, Pahang, Riau dan Lingga*. Singapura: Al-Ahmadiyah Press.
- Yusuf al-Qardhawi. (2000). *Ciri-Ciri Unggul Masyarakat Islam Yang Kita Idamkan*. Bandar Baru Bangi: Penerbitan Seribu Dinar.



Hubungan antara Nilai Pencapaian dan Lokus Kawalan Denganatribusi Kemiskinan dalam Kalangan Remaja Orang Asli

Azlina Mohd Khir*, Ma'rof Redzuan, Hanina H. Hamsan dan Mohamad Ibrani Shahrinin

Jabatan Sains Kemasyarakatan dan Pembangunan, Fakulti Ekologi Manusia, Universiti Putra Malaysia, 43400 Serdang, Selangor, Malaysia

ABSTRAK

Kajian ini dilakukan untuk menentukan hubungan antara nilai pencapaian dan lokus kawalan dengan atribusi kemiskinan dalam kalangan remaja Orang Asli. Seramai 402 pelajar Orang Asli yang berumur 14 dan 16 tahun dari sepuluh buah sekolah menengah di negeri Pahang dan Perak terlibat dalam kajian ini. Responden dipilih melalui kaedah persampelan pelbagai peringkat (*multi-stage sampling*). Nilai pencapaian dan atribusi kemiskinan diukur menggunakan alat ukuran yang dibina sendiri oleh penyelidik, manakala Skala Kawalan Internal-Eksternal Nowicki-Strickland (SKIENS) digunakan untuk mengukur lokus kawalan responden. Kesemua alat ukuran yang digunakan di dalam kajian ini menghasilkan nilai Pekali Kebolehpercayaan Alpha Cronbach antara 0.665 hingga 0.892. Hasil kajian menunjukkan atribusi kemiskinan yang paling dominan adalah faktor ekonomi. Selain itu, kajian turut mendapati nilai pencapaian dan lokus kawalan remaja Orang Asli berada pada tahap sederhana. Keputusan analisis korelasi Pearson menunjukkan hubungan signifikan antara nilai pencapaian dengan atribusi kemiskinan ($r = -.237$ hingga $r = 0.134$; $p < .01$) dan lokus kawalan dengan atribusi kemiskinan responden ($r = -.166$ hingga $r = .263$; $p < .01$). Kesimpulannya, nilai pencapaian dan lokus kawalan mempunyai hubungan dengan atribusi kemiskinan dalam kalangan remaja Orang Asli. Persepsi remaja Orang Asli terhadap faktor dalaman boleh ditingkatkan dengan penerapan nilai pencapaian yang positif dan lokus kawalan dalaman. Ini penting agar mereka lebih mengoptimumkan potensi diri untuk lebih cemerlang dan keluar dari putaran kemiskinan.

Kata kunci: Atribusi kemiskinan, Lokus kawalan, Nilai pencapaian, Remaja orang Asli

ABSTRACT

The study was conducted to determine the relationships between achievement value and locus of control, and attribution of poverty among Orang Asli adolescents. A total of 402 Orang Asli students aged between 14 years and 16 years from 10 secondary schools in the states of Pahang and Perak participated in this

INFO MAKALAH

Pewasitan Makalah:

Dihantar: 30 Ogos 2013

Diterima: 28 Februari 2014

E-mail:

m_azlina@upm.edu.my (Azlina Mohd Khir)

* Penulis penghubung

research. Respondents were selected using multi-stage sampling technique. Achievement value and attribution of poverty were measured using instruments developed by the researcher, while the Nowicki-Strickland Internal-External Control Scale was utilised to measure respondents' locus of control. All instruments used had yielded a Cronbach's alpha reliability coefficient value ranging from 0.665 to 0.892. Findings revealed that the most important attributes of poverty were economic factors. Further, the current study also indicated that achievement value and locus of control among Orang Asli adolescents were at moderate levels. Results of Pearson's correlation analysis revealed that there were significant relationships between achievement value and attribution of poverty ($r = -.237$ to $r = 0.134$; $p < .01$), and locus of control and attribution of poverty ($r = -.166$ to $r = .263$; $p < .01$). As a conclusion, achievement value and locus of control were related to attribution of poverty among Orang Asli adolescents. Their perception about internal factors can be heightened through the inculcation of positive achievement value and internal locus of control. It is imperative for them to optimise their self-potential to succeed further and alleviate themselves from the poverty cycle.

Keywords: Attribution of poverty, Locus of control, Achievement value, Orang Asli adolescents

PENDAHULUAN

Masalah kemiskinan merupakan satu masalah yang sering dikaitkan dengan masyarakat Orang Asli. Ini kerana kadar kemiskinan dalam kalangan Orang Asli masih tinggi iaitu 49 peratus pada tahun 2009, berbanding kemiskinan keseluruhan di Malaysia iaitu 3.8 peratus (Rancangan Malaysia Kesepuluh, 2011). Orang Asli merupakan golongan minoriti yang sebahagian besarnya masih tinggal di

kawasan pedalaman di beberapa negeri seperti Pahang, Perak, Kelantan, Terengganu, Johor, Negeri Sembilan, Melaka dan Kedah. Walaupun terdapat pelbagai kajian kemiskinan dalam kalangan Orang Asli, namun ia lebih tertumpu kepada aspek ekonomi dan sosial yang melibatkan ketua isi rumah. Kajian psikologi kemiskinan terutamanya persepsi dan atribusi kemiskinan amat kurang dilakukan terutamanya dalam kalangan remaja Orang Asli di Malaysia. Walhal, kajian tentang atribusi kemiskinan telah menarik perhatian ramai penyelidik (Wollie, 2009).

Atribusi merujuk kepada usaha kita untuk memahami penyebab di sebalik tingkahlaku kita dan orang lain (Baron, Branscombe & Byrne, 2009). Kajian mengenai bagaimana manusia cenderung membuat atribusi sosial telah dimulakan sejak lebih 40 tahun dahulu oleh pelopor dalam kajian atribusi sosial iaitu Fritz Heider (1958). Heider berpendapat bahawa setiap individu mempunyai teori umum dalam memahami tingkah laku individu lain. Teori umum itu disebut sebagai psikologi naif iaitu kecenderungan untuk merumus dan menjelas peristiwa sosial. Untuk memahami siapa diri individu, kita boleh lakukan melalui faktor-faktor tingkah laku, yang boleh dibahagikan kepada dua iaitu faktor dalaman dan faktor luaran. Faktor dalaman merujuk kepada faktor yang datang daripada individu itu sendiri, sementara luaran merujuk kepada faktor yang datang daripada luar diri individu.

Atribusi kemiskinan pula merupakan proses yang cuba menerangkan sebab-

sebab kemiskinan sama ada penyebab dalaman atau penyebab luaran seperti mana yang dipelopori oleh Feagin (1972). Feagin telah mengetengahkan tiga petunjuk penyebab kemiskinan iaitu penyebab individu, penyebab struktural dan penyebab fatalistik ataupun nasib. Penyebab individu menjelaskan kemiskinan dari segi ciri-ciri atau gaya hidup orang miskin seperti kurang kemahiran, usaha atau simpanan. Penyebab struktural menyifatkan kemiskinan kepada kuasa-kuasa ekonomi dan sosial yang tidak menguntungkan seperti pengagihan kekayaan yang tidak saksama, eksploitasi ke atas orang miskin, kurang pendidikan, upah yang rendah dan ketiadaan peluang sosial. Seterusnya penyebab ketiga iaitu penyebab takdir termasuk nasib yang malang atau ketentuan oleh kuasa-kuasa besar yang tidak diketahui.

Kebanyakan kajian lepas yang mengkaji persepsi atau atribusi kemiskinan (Cozzarelli, Wilkinson & Tagler, 2001; Nasser, Singhal & Abouchedd, 2005; Ljubotina & Ljubotina, 2007; Murnizam & Webley, 2009; dan Wollie, 2009) telah dilakukan ke atas orang awam dan pelajar-pelajar kolej serta universiti tanpa melibatkan golongan miskin itu sendiri sebagai subjek kajian. Walhal, pemahaman bagaimana orang miskin mempersepsi penyebab kemiskinan adalah penting kerana kepercayaan memainkan satu peranan penting dalam mempengaruhi tingkah laku orang miskin itu sendiri (Kane, 1987). Ini disokong oleh Shek (2003) yang mendapati persepsi tentang kemiskinan mungkin mempengaruhi motivasi masyarakat miskin

untuk berubah. Begitu juga dengan atribusi kemiskinan oleh anak-anak dari keluarga yang miskin mungkin memberi impak kepada matlamat masa hadapan mereka termasuk aspirasi akademik anak-anak tersebut (Murry, Brody, Brown, Wisenbaker, Cutrona & Simons, 2002). Dalam konteks kajian ini, adalah penting untuk mengkaji atribusi kemiskinan dalam kalangan remaja Orang Asli yang kebanyakannya berasal dari keluarga yang miskin.

Sejak tahun 1970an, kajian-kajian atribusi kemiskinan memfokus kepada bagaimana ciri-ciri individu menentukan persepsi penyebab kemiskinan. Kebanyakan kajian lepas yang mengkaji tahap individu dalam menentukan persepsi kemiskinan memfokus kepada ciri-ciri sosio-demografi individu seperti gender, umur, bangsa atau etnik, pendidikan dan status pekerjaan (Cozzarelli et al. 2001; Kainu & Niemala, 2010; Niemala, 2008). Walau bagaimanapun, dapatan kajian lepas turut menunjukkan bahawa perubahan demografi hanya dapat menerangkan sedikit perkaitan dengan persepsi penyebab kemiskinan dan penyelidik seperti Gilens (1999) dan Hunt (1996, 2002, 2004) tidak menunjukkan pola yang jelas dan konsisten. Di samping itu, para pengkaji turut mendapati faktor-faktor psikologi seperti kepercayaan, nilai, sikap, (Kainu & Niemala, 2010) dan lokus kawalan (Nasser & Abouchedd, 2006) juga mempunyai hubungan yang signifikan dengan atribusi kemiskinan. Ini bermakna seseorang yang mempunyai nilai, sikap dan lokus tertentu mempengaruhi cara mereka berfikir dan mempersepsikan penyebab

kemiskinan kepada faktor dalaman atau luaran.

Berdasarkan kajian yang dijalankan ini, fokus domain motivasi nilai adalah kepada nilai pencapaian (Schwartz, 1992, 2012), iaitu nilai yang menitikberatkan kejayaan peribadi menerusi demonstrasi kecekapan mengikut piawai sosial. Nilai pencapaian juga memberi perhatian kepada keinginan untuk menonjol sebagai cemerlang dan berjaya sebagaimana yang didefinisikan oleh sesebuah masyarakat atau mengikut piawai sosial. Merujuk kepada ciri-ciri utama konsep nilai asas oleh Schwartz, nilai adalah konstruk motivasi. Nilai diandaikan untuk mewakili motivasi dan menjadi kewakilan kognitif. Keadaan ini dikaitkan juga dengan ciri-ciri nilai yang berperanan sebagai pembimbing pemilihan atau penilaian tindakan. Nilai yang berhubung dengan penaakulan mampu untuk bertindak sebagai satu kuasa motivasi yang membentuk atribusi.

Kajian oleh Morgon (2010) telah memfokus kepada mekanisma motivasi yang spesifik iaitu peranan nilai dalam membentuk kesimpulan atribusi. Dengan mengukur, memanipulasi dan menjalankan ujian empirikal ke atas peranan nilai, penyelidikan semasa menyediakan bukti yang penting bahawa nilai-berhubung penaakulan (*values-related reasoning*) bertindak sebagai satu kuasa motivasi yang membentuk bukan sahaja perbezaan ideologi dalam atribusi tetapi lebih umumnya kepada atribusi. Menurut Morgon lagi, penyelidikan semasa mencadangkan bahawa nilai menyediakan satu sumber yang penting

bagi motivasi yang membentuk penaakulan atribusi. Justeru, kajian yang dilakukan ini menyambung penyelidikan lalu dengan menguji satu jenis motivasi yang khusus iaitu nilai pencapaian yang membentuk atribusi-konsistensi antara kesimpulan nilai dan atribusi. Nilai pencapaian dilihat sebagai satu pemboleh ubah motivasi yang berpotensi untuk mempengaruhi atribusi kemiskinan dalam kalangan remaja Orang Asli.

Tambahan pula, kajian-kajian nilai sebelum ini banyak memberi tumpuan kepada nilai ideologi atau orientasi politik seperti konservatif dan liberal (Lepianka, 2010 & Skitka et al. 2002), nilai agama dan keagamaan (Hunt, 2002), etika kerja Protestant (Cozzarelli et al. 2001) dan kepercayaan dalam sebuah dunia yang adil (Harper & Manasse, 2001). Sedangkan nilai-nilai tersebut kurang sesuai untuk dikaji dalam konteks kajian ini yang melibatkan remaja Orang Asli yang bersekolah. Justeru, satu nilai khusus iaitu nilai pencapaian yang kurang dikaji hubungannya dengan atribusi kemiskinan dianggap sebagai satu nilai yang sangat berkait dengan perkembangan remaja Orang Asli dan berpotensi untuk memberi sumbangan kepada atribusi kemiskinan.

Seterusnya, kajian yang mengkaji atribusi kemiskinan dan hubungannya dengan lokus kawalan adalah sangat terhad (Nasser & Abouchedid, 2006). Konsep lokus kawalan didefinisikan oleh Rotter (1966) sebagai darjah sejauh mana kita menjangkakan sama ada kita dapat menguasai atau mengawal hasil atau kesan daripada tingkah laku kita, atau

hasil tersebut dikawal oleh faktor-faktor seperti nasib, takdir, atau kebetulan. Rotter mengemukakan dua konsep utama iaitu lokus kawalan dalaman dan lokus kawalan luaran. Lokus kawalan dalaman berkaitan dengan kepercayaan atau persepsi bahawa kita sendiri yang menguasai tingkah laku diri sendiri dan juga hasil atau kesan daripada tingkah laku tersebut, manakala lokus kawalan luaran pula dikaitkan dengan kepercayaan atau persepsi bahawa tingkah laku dan hasilnya dikuasai oleh faktor-faktor luar daripada diri sendiri seperti nasib, takdir dan kebetulan.

Lokus kawalan asal oleh Rotter iaitu dalaman atau luaran telah digunakan sebagai satu pengukuran penetapan matlamat dan motivasi dalam organisasi-organisasi (Biggs, 1987) serta dalam pembelajaran dan prestasi dalam pendidikan dan penetapan organisasi (Rose, 1996). Walaupun skop dan objektif kajian yang menggunakan konstruk dalaman-luaran oleh Rotter berbeza, hasil yang konsisten dalam bidang penyelidikan, sama ada gaya personaliti individu adalah subjek kepada kawalan dalaman atau luaran memberi kesan kepada hasil persepsi (Wan & Bond, 1982).

Lokus kawalan seseorang menentukan tingkah lakunya seharian, menentukan sama ada seseorang itu cuba mengawal situasi-situasi yang berada di sekitarnya, atau hanya berserah kepada nasib dan situasi tersebut. Merujuk kepada kajian ini, responden yang mempunyai jangkakan kawalan dalaman atau luaran memberi kesan kepada persepsi mereka terhadap penyebab kemiskinan. Lokus kawalan adalah jangkakan umum

yang mampu meramal tingkah laku manusia merentasi situasi. Apa yang mengawal peristiwa dalam kehidupan remaja Orang Asli turut mempengaruhi persepsi mereka terhadap penyebab kemiskinan. Peneguhan daripada tingkah laku sama ada di bawah kawalan mereka atau tidak, mempengaruhi persepsi mereka.

Justeru, dalam skop kajian ini, pengkaji memberi fokus kepada pemikiran atau kognisi anak-anak Orang Asli khususnya remaja dalam memahami dan mempersepsikan penyebab kemiskinan sama ada kepada sebab-sebab dalaman seperti sikap dan personaliti Orang Asli itu sendiri atau sebab-sebab luaran seperti peluang pekerjaan, infrastruktur yang disediakan oleh pihak kerajaan, lokasi penempatan yang jauh dari bandar mahupun takdir yang tidak dapat dielakkan. Pengkaji juga cuba untuk menentukan tahap nilai pencapaian dan lokus kawalan remaja Orang Asli dan seterusnya mengkaji hubungan faktor-faktor tersebut dengan atribusi kemiskinan.

METODOLOGI

Sampel

Seramai 402 remaja Orang Asli yang merupakan pelajar tingkatan dua dan empat dari sepuluh buah sekolah menengah di negeri Pahang dan Perak terlibat dalam kajian ini. Pemilihan sampel adalah secara persampelan pelbagai peringkat (multi-stage sampling). Pemilihan sampel negeri iaitu Pahang dan Perak adalah berdasarkan kriteria jumlah populasi pelajar Orang Asli yang tertinggi berbanding negeri-

negeri lain di Semenanjung Malaysia. Manakalapemilihan sampel sekolah adalah berdasarkan kriteria sekolah yang mempunyai bilangan pelajar Orang Asli melebihi 200 orang. Pemilihan sampel pelajar pula menggunakan persampelan rawak sistematik berdasarkan senarai nama pelajar yang diperoleh daripada pihak sekolah.

Lokasi Kajian

Lima buah sekolah di negeri Pahang yang terlibat adalah SMK Orang Kaya Haji, Kuala Lipis; SMK Felda Sg. Koyan, Raub; SMK Kuala Krau, Kuala Krau; SMK Sultan Ahmad Shah, Cameron Highlands; SMK Karak, Karak; sementara lima buah sekolah di negeri Perak yang terlibat adalah SMK Tapah, Tapah; SMK Ulu Kinta, Ulu Kinta; SMK Muhibbah, Sungai Siput Utara; SMK Syeikh Abdul Ghani, Bidor; dan SMK Sultan Idris Shah II, Gerik.

Instrument dan Prosedur

Satu set soal selidik yang mengandungi empat bahagian digunakan untuk kajian ini iaitu 1) maklumat latar belakang responden, 2) alat ukuran nilai pencapaian (AUNP) (kebolehpercayaan = 0.892), 3) Skala Kawalan Internal-Eksternal Nowicki-Strickland (SKIENS) bagi mengukur lokus kawalan (kebolehpercayaan = 0.665), dan 4) alat ukuran atribusi kemiskinan (AUAK) (kebolehpercayaan = 0.858). AUNP telah diadaptasi daripada *Schwartz Value Survey* (1992) berdasarkan beberapa nilai asas iaitu cita-cita (rajin, harapan), kemampuan (cekap, berkesan, berkebolehan) dan kejayaan

(mencapai matlamat). AUNP mengandungi 13 kenyataan dan permarkatan berdasarkan skala empat pilihan daripada sangat tidak penting (1) kepada sangat penting (4). Jumlah skor antara 13 hingga 52, di mana skor yang lebih tinggi menunjukkan responden lebih mementingkan nilai pencapaian. Sementara itu, SKIENS adalah satu kontinum lokus kawalan, di mana semakin tinggi skor menunjukkan kecenderungan lebih kepada lokus kawalan luaran, manakala semakin rendah skor adalah lokus kawalan dalaman. SKIENS mengandungi 40 kenyataan dan pemarkatan berdasarkan skala dua pilihan iaitu “Ya” (1) dan “Tidak” (0). Julat skor adalah antara 0 (dalaman) hingga 40 (luaran). Untuk mengukur lokus kawalan luaran, 24 kenyataan memerlukan jawapan “Ya”, manakala 16 lagi “Tidak”. Selain itu, AUAK telah dibina sendiri oleh penyelidik mengikut kesesuaian latar belakang Orang Asli di Malaysia. AUAK telah diadaptasi daripada beberapa alat ukuran yang telah digunakan oleh penyelidik-penyelidik lepas seperti Feagin (1972), Nasser dan Abouchedid (2001) dan Wollie (2009). Dimensi yang dibentuk adalah berdasarkan gaya atribusi (Heider, 1958) yang mereflek bagaimana peristiwa tertentu boleh berlaku ke atas seseorang atau bagaimana seseorang boleh mengatribut sebab-sebab di luar daripada diri mereka. AUAK mengandungi 27 kenyataan yang dikategorikan kepada empat faktor iaitu faktor diri, ekonomi, sokongan dan fatalistik. Pemarkatan adalah berdasarkan skala lima pilihan iaitu dari “Tidak Benar” (1) kepada “Sangat Benar” (5). Semakin tinggi skor menunjukkan

responden lebih mempersepsikan penyebab kemiskinan kepada faktor tertentu. Teknik pengumpulan data bagi kajian ini adalah dengan menggunakan borang soal selidik melalui prosedur tadbir sendiri dengan pemantauan minima.

Analisis Data

Statistik deskriptif digunakan untuk pemerihalan latar belakang responden dan pengukuran tahap nilai pencapaian, lokus kawalan dan atribusi kemiskinan. Sementara itu, analisis inferensi iaitu korelasi Pearson digunakan untuk menguji hubungan antara tiga pemboleh ubah iaitu nilai pencapaian, lokus kawalan dan orientasi masa hadapan.

HASIL KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Analisis Deskriptif

Jadual 1 membentangkan maklumat latar belakang responden yang berkaitan dengan gender, umur, kumpulan kaum dan etnik, dan pendapatan ibu bapa. Majoriti (60.95%) responden adalah perempuan. Perempuan lebih ramai berbanding lelaki disebabkan oleh populasi pelajar perempuan adalah lebih besar berbanding lelaki. Berdasarkan statistik daripada Kementerian Pelajaran Malaysia pada tahun 2010, jumlah pelajar perempuan Orang Asli yang mendaftar ke sekolah menengah di negeri Perak adalah lebih ramai ($n = 1933$) berbanding pelajar lelaki ($n = 1445$). Begitu juga di negeri Pahang yang mempunyai pelajar perempuan Orang Asli yang lebih ramai ($n = 1979$) berbanding pelajar lelaki ($n = 1607$). Di samping itu, tinjauan lapangan mendapati

masih terdapat remaja lelaki yang tidak suka ke sekolah dan merasakan diri mereka bertanggungjawab mencari rezeki untuk membantu menambah pendapatan keluarga.

Responden kajian ini terdiri daripada pelajar tingkatan dua dan empat yang berumur 14 dan 16 tahun. Peratusan pelajar tingkatan dua (57.71%) yang lebih tinggi berbanding peratusan pelajar tingkatan empat (42.29%) menunjukkan berlakunya keciciran dalam kalangan pelajar Orang Asli sebelum tamat tingkatan lima. Berdasarkan statistik yang dikeluarkan oleh JAKOA, kadar keciciran pelajar Orang Asli yang tidak tamat tingkatan lima pada tahun 2008 masih tinggi iaitu 47.8 peratus. Ini bermakna hampir separuh pelajar Orang Asli yang mendaftar ke tingkatan satu pada tahun 2004, mengalami keciciran dengan tidak menamatkan pengajian sehingga tingkatan lima pada tahun 2008. Kadar keciciran yang tinggi dalam kalangan Orang Asli sering dikaitkan dengan ikatan kekeluargaan yang cukup akrab sehingga anak-anak enggan tinggal berjauhan daripada keluarga dan desakan ibu bapa pelajar Orang Asli yang mahu anak mereka membantu menambah pendapatan keluarga (Mohamad Johdi & Abdul Razak, 2009).

Masyarakat Orang Asli di negeri Pahang terdiri daripada 52.95 peratus kaum Melayu Proto, diikuti 45.52 peratus kaum Senoi dan 1.54 peratus kaum Negrito. Di negeri Perak pula terdiri daripada 95.37 peratus kaum Senoi, diikuti 3.68 peratus kaum Negrito dan 0.96 peratus kaum Melayu Proto. Berdasarkan tiga kumpulan kaum masyarakat Asli di Malaysia, majoriti

responden (di negeri Pahang dan Perak) adalah daripada kaum Senoi iaitu seramai 389 orang (96.77%), diikuti oleh kaum Melayu Proto iaitu seramai sembilan orang (2.24%) dan kaum Negrito seramai 4 orang (1%). Daripada 389 orang responden kaum Senoi, sejumlah besar responden adalah daripada etnik Semai iaitu 255 orang. Seterusnya, purata pendapatan ibu bapa responden pula adalah sebanyak RM503.35, menunjukkan responden berada dalam masalah kemiskinan.

Jadual 2 memaparkan rumusan analisis deskriptif berkaitan dimensi atribusi kemiskinan dalam kalangan pelajar Orang Asli. Hasil kajian menunjukkan responden didominasi faktor ekonomi (2.95) dalam mengatribut penyebab kemiskinan dalam kalangan Orang Asli. Seterusnya diikuti faktor fatalistik (2.81), diri (2.77) dan sokongan (2.13). Atribusi ekonomi menunjukkan responden mengatribut kemiskinan berpunca daripada keadaan ekonomi komuniti Orang Asli seperti

JADUAL 1
Latar belakang Responden

Latar belakang	N	%
Gender		
Lelaki	157	(39.05)
Perempuan	245	(60.95)
Umur		
14 tahun	232	(57.72)
16 tahun	170	(42.28)
Kumpulan Kaum dan Etnik		
<i>Melayu Proto</i>		
Jakun	2	(0.50)
Semelai	2	(0.50)
Temuan	5	(1.24)
<i>Senoi</i>		
Jahut	30	(7.46)
Semai	255	(63.43)
Semoq Beri	1	90.25)
Temiar	103	(25.62)
<i>Negrito</i>		
Jahai	4	(1.00)
Jumlah Pendapatan Ibu Bapa		
RM499 ke bawah	214	66.05
RM500-RM999	59	18.21
RM1000-RM1499	24	7.41
RM1500-RM1999	11	3.40
RM2000 ke atas	16	4.94
Keseluruhan	324	100
Purata: 503.35 , S.P.: 549.69		

pergantungan kepada hasil hutan sebagai sumber ekonomi dan tempat tinggal yang jauh di pedalaman menyulitkan perhubungan dan pemasaran barang-barang yang hendak dijual. Dapatan ini adalah seperti mana yang dilaporkan Juli Edo (2008) dan Zainal Abidin (2008). Selain itu, remaja Orang Asli juga peka terhadap isu gaji yang rendah, ketiadaan modal untuk berniaga dan eksploitasi harga barang dalam kalangan Orang Asli. Keadaan ini menunjukkan generasi muda Orang Asli kini semakin berubah, mengalami transformasi arus pemodenan dan memandang penting faktor-faktor ekonomi seperti sumber, modal dan pekerjaan sebagai faktor yang sangat berkait dengan kemiskinan.

Seterusnya, Jadual 3 membentangkan hasil analisis deskriptif berkenaan nilai pencapaian dan lokus kawalan pelajar Orang Asli yang dikaji. Klasifikasi nilai pencapaian dan lokus kawalan kepada tiga kategori iaitu tahap rendah, sederhana dan tinggi adalah berdasarkan formula min teoritikal dan sisihan piawai, dengan andaian bahawa skor responden dalam populasi mempunyai taburan normal.

Keputusan yang dipaparkan dalam Jadual 3 menunjukkan majoriti responden (66.9%) mempunyai tahap nilai pencapaian sederhana dengan nilai purata 44.50 (S.P. = 4.92), diikuti oleh tahap tinggi (17.4%). Skor tinggi menunjukkan responden mementingkan nilai pencapaian, manakala

JADUAL 2
Dimensi Atribusi Kemiskinan

Dimensi	Purata	S.P	Min	Maks
Ekonomi	2.95	0.90	1	5
Fatalistik	2.81	0.78	1	4.86
Diri	2.77	0.90	1	5
Sokongan	2.13	0.91	1	4.57

Nota: S.P= Sisihan Piawai, Min=Minimum,Maks=Maksimum

JADUAL 3
Skor dan Tahap Nilai Pencapaian dan Lokus Kawalan Pelajar Orang Asli

Pembolehubah	n	%
<i>NilaiPencapaian</i>		
Rendah (31-39)	63	15.7
Sederhana (40-49)	269	66.9
Tinggi (50-52)	70	17.4
Purata: 44.50; S.P.: 4.92; Min: 31; Maks: 52		
<i>LokusKawalan</i>		
Rendah (5-11)	64	15.9
Sederhana (12-19)	261	64.9
Tinggi (20-27)	77	19.2
Purata: 15.84; S.P.: 4.10; Min: 5; Maks: 27		

skor rendah menunjukkan responden kurang mementingkan nilai pencapaian. Seterusnya, majoriti responden (64.9%) mempunyai tahap lokus kawalan sederhana dengan purata skor 15.84 (S.P. = 4.10). Analisis turut menunjukkan 19.2 peratus responden mempunyai tahap lokus kawalan tinggi, diikuti tahap lokus kawalan yang rendah (15.9%). Semakin tinggi skor lokus kawalan menunjukkan responden semakin mempunyai lokus kawalan luaran dengan mempersepsikan tindakannya lebih dipengaruhi kuasa luar seperti orang yang berkuasa, kebetulan, nasib dan qadar. Sebaliknya, semakin rendah skor menunjukkan responden semakin mempunyai lokus kawalan dalaman dan mempersepsikan sesuatu tindakan itu berlaku dengan kuasanya sendiri.

Analisis Inferensi

Jadual 4 membentangkan hubungan antara nilai pencapaian dan lokus kawalan dengan atribusi kemiskinan. Keputusan menunjukkan bahawa nilai pencapaian hanya mempunyai hubungan positif secara signifikan dengan atribusi-diri ($r = .134$, $p < .01$), sebaliknya mempunyai hubungan negatif secara signifikan dengan atribusi-sokongan ($r = -.237$, $p < .01$), atribusi-

ekonomi ($r = -.144$, $p < .01$) dan atribusi-fatalistik ($r = -.182$, $p < .01$). Pekali korelasi positif menunjukkan bahawa peningkatan pada tahap nilai pencapaian meningkatkan atribusi-diri. Sebaliknya, hubungan negatif secara signifikan antara nilai pencapaian dengan atribusi-sokongan, atribusi-ekonomi dan atribusi-fatalistik menunjukkan bahawa peningkatan pada skor nilai pencapaian, diikuti dengan penurunan pada skor atribusi-sokongan, atribusi-ekonomi dan atribusi-fatalistik. Ini bermakna semakin tinggi nilai pencapaian, responden semakin mempersepsikan kemiskinan kepada faktor diri, sebaliknya semakin rendah nilai pencapaian, responden semakin mempersepsikan kemiskinan kepada faktor luaran seperti faktor sokongan, ekonomi dan fatalistik. Dapatan kajian ini menyokong dapatan kajian Lepianka et al. (2010) dan Kluegel dan Smith (1986) yang mendapati nilai yang dikaitkan dengan kejayaan berdasarkan usaha sendiri dan nilai yang berorientasikan diri sendiri (Ljubotina & Ljubotina, 2007) lebih cenderung untuk mengaitkan atribusi kemiskinan kepada pembawaan individu berbanding faktor luaran. Ini bermakna mereka percaya bahawa golongan miskin yang menyumbang dan bertanggungjawab sepenuhnya kepada

JADUAL 4

Hubungan antara Nilai Pencapaian dan Lokus Kawalan dengan Atribusi Penyebab Kemiskinan

	Diri	Sokongan	Ekonomi	Fatalistik
Nilai Pencapaian	.134** (.007)	-.237** (.000)	-.144** (.004)	-.182** (.000)
Lokus Kawalan	-.166** (.001)	.263** (.000)	.109* (.028)	.191* (.000)

* $p < 0.05$, ** $p < 0.01$

keadaan kemiskinan yang mereka alami.

Seterusnya, lokus kawalan mempunyai hubungan positif secara signifikan dengan atribusi-sokongan ($r = .263, p < .01$), atribusi-ekonomi ($r = .109, p < .01$) dan atribusi-fatalistik ($.191, p < .01$). Tetapi, mempunyai hubungan negatif secara signifikan dengan atribusi-diri ($r = .134, p < .01$). Pekali korelasi positif menunjukkan bahawa peningkatan pada tahap lokus kawalan (luaran), meningkatkan atribusi-sokongan, atribusi-ekonomi dan atribusi-fatalistik remaja Orang Asli. Manakala, hubungan negatif secara signifikan dengan lokus kawalan menunjukkan bahawa peningkatan pada lokus kawalan (lokus kawalan luaran), diikuti penurunan atribusi-diri. Ini menunjukkan semakin rendah lokus kawalan (lokus kawalan dalaman), semakin responden mempersepsikan kemiskinan kepada faktor diri, sebaliknya semakin tinggi lokus kawalan (lokus kawalan luaran), responden mempersepsikan kemiskinan kepada faktor luaran iaitu sokongan, ekonomi dan fatalistik. Hasil kajian ini seiring dengan hipotesis kajian oleh Nasser dan Abouchedid (2006) dan dapatan kajian oleh Heaven (1989) yang mendapati responden yang mempunyai lokus kawalan dalaman, lebih mengatribut kemiskinan kepada faktor individu dan tingkah laku. Justeru, dapat dirumuskan bahawa nilai pencapaian dan lokus kawalan adalah pemboleh ubah yang signifikan yang dapat dikaitkan dengan atribusi kemiskinan dalam kalangan remaja Orang Asli.

KESIMPULAN

Hasil kajian ini memberikan gambaran tentang penyebab kemiskinan Orang Asli berdasarkan persepsi remaja Orang Asli. Kajian ini menyokong teori atribusi (Heider, 1958) berkenaan kecenderungan individu untuk merumus dan menjelas peristiwa sosial, di mana penekanan diberikan kepada faktor dalaman dan luaran. Kajian mendapati remaja yang dikaji mengatribut kemiskinan kepada faktor diri, sokongan, ekonomi dan fatalistik. Faktor yang paling dominan adalah faktor ekonomi yang menunjukkan remaja Orang Asli semakin peka terhadap faktor-faktor yang berkaitan dengan keadaan ekonomi komuniti Orang Asli dan semakin matang dalam mempersepsikan realiti kemiskinan yang berlaku dalam komuniti di mana mereka dibesarkan. Pihak yang bertanggungjawab seperti Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA) perlu memberikan lebih perhatian dan penekanan kepada aspek ekonomi dalam usaha untuk membasmi kemiskinan memandangkan masalah-masalah atau penyebab-penyebab seperti lokasi yang jauh dari bandar, tiada modal untuk berniaga, masih bergantung kepada hasil hutan sebagai sumber ekonomi, gaji yang rendah dan eksploitasi ke atas harga barang seringkali dikemukakan sebagai penyebab utama kemiskinan dalam kalangan Orang Asli. Kajian turut mendapati faktor-faktor psikologi seperti nilai pencapaian dan lokus kawalan remaja Orang Asli berada pada tahap sederhana, dan mempunyai hubungan yang signifikan dengan atribusi kemiskinan. Untuk meningkatkan persepsi remaja Orang

Asli terhadap faktor dalaman yang berkaitan dengan diri, nilai pencapaian dan lokus kawalan dalaman perlu diterapkan dalam diri remaja Orang Asli. Hakikatnya, kita tidak menafikan bahawa faktor-faktor luaran seperti ekonomi, fatalistik dan sokongan turut menyumbang kepada kemiskinan. Namun, sekiranya remaja Orang Asli sedar bahawa faktor diri turut berperanan kepada penyebab kemiskinan, mereka akan lebih terbuka dan berusaha mengoptimumkan potensi diri untuk lebih cemerlang dan seterusnya mengubah nasib keluarga agar keluar dari belenggu kemiskinan yang masih belum berkesudahan. Oleh itu, pihak yang bertanggungjawab seperti para pendidik, ahli psikologi dan ibu bapa terutamanya perlu menerapkan nilai-nilai positif kepada remaja Orang Asli agar mereka lebih positif dalam mempersepsikan kemiskinan dan seterusnya mempunyai daya usaha untuk maju dan berjaya.

RUJUKAN

- Baron, R. A., Branscombe, N. R., & Byrne, D. (2009). *Social psychology*. (12th ed.). Boston: Pearson Education, Inc.
- Biggs, J. (1987). *Student approaches to learning and studying*. Australian Council for Educational Research.
- Cozzarelli, C., Wilkinson, A., & Tagler, M. J. (2001). Attitudes toward the poor and attributions for poverty. *Journal of Social Issues*, 57(2), 207-227.
- Feagin, J. (1972). Poverty: We still believe that God helps those who themselves, *Psychology Today*, 6, 101-129.
- Gilens, M. (1999). *Why Americans hate welfare*. Chicago: University of Chicago Press.
- Harper, D. J., & Manasse, P. R. (2001). The just world and the third world: British explanations for poverty abroad. *The Journal of Social Psychology* 132(6), 783-785.
- Heaven, P. C. L. (1989). Economic locus of control beliefs and lay attributions of poverty. *Australian Journal of Psychology*, 41(3), 315-325.
- Heider, F. (1958). *The psychology of interpersonal relations*. New York: Wiley.
- Hunt, M. O. (1996). The individual, society, or both? A comparison of black, latino, and white beliefs about the causes of poverty [Electronic version]. *Social Forces*, 75 (1), 293-322.
- Hunt, M. O. (2002). Religion, race/ethnicity, and beliefs about poverty. *Social Science Quarterly* 83(3), 810-831.
- Hunt, M. O. (2004). Race/ethnicity and beliefs about wealth and poverty. *Social Science Quarterly*, 85(3), 827-853.
- Jabatan Hal Ehwal Orang Asli (2008). *Data maklumat asas*. Kuala Lumpur: Percetakan Nasional Malaysia Berhad.
- Juli Edo dan rakan-rakan. (2008). Kemiskinan Orang Asli Bandar. Kertas kerja dibentangkan dalam *International Conference on Indigenous People (ICIP)*, 2008, anjuran The Center of Poverty and Development Studies (CPDS), 29-31 Julai, Fakulti Ekonomi dan Pengurusan, Universiti Malaya.
- Kane, T. J. (1987). Giving back control: Long-term poverty and motivation. *Social Service Review*, 61, 405-419.
- Kluegel, J., & Smith, E. (1986). *Belief about inequality: Americans' view of what is and what ought to be*. New York: Aldine DeGruyter.
- Lepianka, D., Gelissen, J., & Oorschot, W. V. (2010). Popular explanations of poverty in Europe: Effects of contextual and individual characteristics across 28 European countries. *Acta Sociologica*, 53(1), 53-72.

- Ljubotina, O. D., & Ljubotina, D. (2007). Attributions of poverty among social work and non-social work students in Croatia. *Croat Med J.*, 2007(48),741-749.
- Malaysia. (2011). *Rancangan Malaysia Kesepuluh 2011-2015*. Kuala Lumpur: Percetakan Negara.
- Ma'rof, R. (2005). *Psikologi sosial*. Serdang: Penerbit Universiti Putra Malaysia.
- Mohamad Johdi, S., & Abdul Razak, A.(2009). Kesedaran pendidikan dalam kalangan masyarakat Orang Asli. Dalam Abdul Razak, A. & Zalizan, M. J. (Pyt.), *Masyarakat Orang Asli: Perspektif Pendidikan dan Sosiobudaya* (pp. 47-58). Bangi: Penerbit UKM.
- Morgon, G. S., Mullen, E., & Skitka, L. J. (2010). When values and attributions collide: Liberals' and conservatives' values motive attributions for alleged misdeeds. *Personality and Social Psychology Bulletin* 36(9), 1241-1254.
- Murnizam, H. & Webley, P. (2009). The attribution of Poverty Among Malaysian Students In The United Kingdoms. Kertas kerja yang dibentangkan di *Southeast Asia Psychology Conference (SEAP)*, 2009, anjuran School of Psychology and Social Work, 9-11 Julai, Universiti Malaysia Sabah.
- Murry, V. M., Brody, G. H., Brown, A., Wisenbaker, J., Cutrona, C. E. & Simons, R. L. (2002). Linking employment status, maternal psychological well-being, parenting, and children's attributions about poverty in families receiving government assistance. *Family Relations*, 51, 112-120.
- Nasser, R., & Abouchedid, K. (2006). Locus of control and the attribution for poverty: comparing Lebanese and South African university students. *Social Behavior and Personality*. FindArticles.com 20 Dec, 2010. http://findarticles.com/p/articles/mi_qa3852/is_200601/ai_n17181358/
- Nasser, R., Singhal, S., & Abouchedid, K. (2005). Causal attributions for poverty among Indian youth. *Current Research in Social Psychology*, 11(1), 1-13.
- Niemala, M. (2008). Perceptions of the causes of poverty in Finland. *Acta Sociologica*, 51 (1), 23-40.
- Nowicki, S., Jr., & Strickland, B. R. (1973). A locus of control scale for children. *Journal of Consulting and Clinical Psychology*, 40, 148-154.
- Rose, R. (1996). Locus of control and college students' approaches to learning. *Psychological Reports*, 79, 163-171.
- Rotter, J. B. (1966). Internal-external locus of control scale. *Psychology Monographs*, 80, 1-25.
- Schwartz, S. H. (1992). Universals in the content and structure of values: Theory and empirical test in 20 countries. In M. Zanna (Ed.), *Advances in experimental social psychology* (25), 1-65. New York: Academic Press.
- Schwartz, S. H. (2012). An overview of the Schwartz Theory of Basic Values. *Online Reading in Psychology and Culture*, 2(1). Retrieved June 12, 2013. <http://dx.doi.org/10.9707/2307-0919.1116>.
- Shek, D. T. L. (2003). Chinese people's explanations of poverty: The perceived causes of poverty scale. *Research on Social Work Practice*, 13(5), 622-640.
- Skitka, L. J., Mullen, E., Griffin, T., Hutchinson, S., & Chamberlin, B. (2002). Dispositions, scripts, or motivated correction? Understanding ideological differences in explanations for social problems. *Journal of Personality and Social Psychology*, 83(2), 470-487.
- Wan, K., & Bond, M. (1982). Chinese attributions for success and failure under public and anonymous conditions of rating. *Journal of Consumer research*, 24, 23-31.
- Wollie, C. W. (2009). Causal attributions for poverty among youths in BAHir Dar, Amhara Region, Ethiopia. *Journal of Social, Evolutionary, and Cultural Psychology*, 3(3), 251-272.

Zainal Abidin, H. A. (2008). Peranan Jabatan Hal Ehwal Orang Asli (JHEOA) dalam pembangunan masyarakat Orang Asli. Dalam Ma'Rof, R. & Sarjit, S. G. (Pyt.), *Orang Asli: Isu, Transformasi dan Cabaran* (pp. 1-24). Serdang, Malaysia: Penerbit Universiti Putra Malaysia.

SENARAI NAMA PEWASIT
MAHAWANGSA
(Jurnal Bahasa, Budaya dan Warisan Melayu)
VOL. 1(I) APR. 2014

Sidang Editorial Pertanika Mahawangsa ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada individu-individu berikut.

Hashim Musa

(Universiti Putra Malaysia, Malaysia)

Musa Abu Hassan

(Universiti Sains Islam Malaysia, Malaysia)

Arba'ie Sujud

(Universiti Putra Malaysia, Malaysia)

Che Ibrahim Salleh

(Universiti Putra Malaysia, Malaysia)

Ahmad Mahmood Musanif

(Universiti Putra Malaysia, Malaysia)

Zaitul Azma Zainon Hamzah

(Universiti Putra Malaysia, Malaysia)

Abdul Rashid Daing Melebek

(Universiti Putra Malaysia, Malaysia)

Mohd Zariat Abdul Rani

(Universiti Putra Malaysia, Malaysia)

Mohd Sharifudin Yusop

(Universiti Putra Malaysia, Malaysia)

Nor Azuwan Yaakob

(Universiti Putra Malaysia, Malaysia)

Nik Rafidah Nik Muhamad Affendi

(Universiti Putra Malaysia, Malaysia)

Rahimah Hamdan

(Universiti Putra Malaysia, Malaysia)



Pertanika

Gerbang sebaran hasil penyelidikan berkualiti tinggi

MAHAWANGSA
(Jurnal Bahasa, Budaya dan Warisan Melayu)

GARIS PANDUAN PENULISAN DAN TATACARA SERAHAN

Semakan: Mac 2014

Sila baca dan patuhi garis panduan dengan teliti. Makalah yang memenuhi spesifikasi yang diberikan akan membantu melancarkan proses penerbitan. Lembaga Editorial berhak menolak kembali makalah yang tidak disediakan mengikut garis panduan ini.

About the Journal

Pertanika merupakan jurnal berwasit antarabangsa yang berfungsi sebagai medium penerbitan dan perbincangan isu pertanian tropika serta bidang-bidang berkaitan. *Pertanika* memulakan penerbitan pertama pada 1978 sebagai *Journal of Tropical Agricultural Science*. Pada 1992, *Pertanika* diselaraskan kepada tiga jurnal berasingan, iaitu *Journal of Social Sciences & Humanities* (JSSH), *Journal of Tropical Agricultural Science* (JTAS) dan *Journal of Science and Technology* (JST) sebagai memenuhi keperluan jurnal yang lebih khusus dalam bidang pengajian. Pengasingan ini memberikan ruang tumpuan yang khusus terhadap kekuatan bidang yang pelbagai di universiti. Pada tahun 2013, siri terbaharu dalam *Pertanika* telah diwujudkan, iaitu *Jurnal Bahasa, Budaya dan Warisan Melayu* (MAHAWANGSA). Siri jurnal ini lebih tertumpu kepada bidang bahasa, budaya dan warisan Melayu. *Pertanika* Mahawangsa diterbitkan dalam **bahasa Melayu**, dua kali setahun iaitu pada **Jun** dan **November** dan dibuka kepada pengarang dari seluruh dunia.

Matlamat

Menyebarkan penyelidikan berkualiti tinggi kepada umum.

Kualiti

Pertanika menyasarkan kecemerlangan melalui profesionalisme dalam penerbitan. Keputusan penerimaan makalah dijamin dalam tempoh 14 minggu. Masa diambil daripada serahan makalah kepada penerbitan untuk artikel adalah dalam purata 5-6 bulan.

Indeks Petikan

Pengetahuan dan pengalaman penerbitan selama 33 tahun telah melayakkan siri terbitan *Pertanika* diindeks dalam *SCOPUS* (*Elsevier*), *Thomson (ISI) Web of Knowledge [CAB Abstracts]*, *EBSCO*, *DOAJ*, *ISC*, *MyAIS* dan *Rubriq*.

Visi

Pertanika akan terus mempertingkatkan kandungan, khidmat penyelidikan dan capaian arkib jurnal kepada umum. *Pertanika* berusaha merealisasikan wawasan baharu yang akan memberikan manfaat kepada ahli akademik dan masyarakat umum. Kemunculan medium atas talian menjadi pemacu utama sebaran berita penyelidikan terkini untuk pembaca *Pertanika*.

Skop dan Matlamat

Matlamat *Pertanika* Mahawangsa adalah untuk menjadi peneraju utama dalam bidang **bahasa, budaya dan warisan Melayu** merentas multidisiplin. Kandungan penulisan boleh berbentuk konseptual, teoritikal, empirikal, sejarawi, dan sebagainya dalam kerangka **kebahasaan, kesusasteraan, pendidikan, kebudayaan dan warisan Melayu**. Ranah pengajian mestilah meliputi alam Melayu dan diaspora Melayu.

Kenyataan Redaksi

Pertanika ialah jurnal rasmi Universiti Putra Malaysia. Singkatan untuk *Jurnal Bahasa, Budaya dan Warisan Melayu* ialah **MAHAWANGSA**.

GARIS PANDUAN PENULISAN

Dasar Penerbitan

Dasar *Pertanika* melarang penghantaran makalah yang sama untuk penilaian serentak oleh dua atau lebih penerbitan. Penerbitan semula mana-mana makalah yang telah diterbitkan oleh pihak penerbitan lain sama ada secara menyeluruh atau sebahagian daripadanya juga dilarang. Penerbitan semula makalah yang telah diterbitkan secara keseluruhan dalam bentuk prosiding juga dilarang. .

Proses Editorial

Pengarang akan diberitahu tentang penerimaan makalah dan sebarang keputusan yang telah dibuat berkaitan dengan proses penerbitan oleh pihak Editorial.

Proses Pewasitan: Makalah yang sesuai untuk diterbitkan akan dimajukan kepada sidang editorial dan/atau pihak pewasit lain. Pengarang digalakkan untuk mencadangkan nama pewasit yang berpotensi untuk pewasitan. Pemberitahuan keputusan sidang editorial lazimnya mengambil masa 8 hingga 10 minggu daripada tarikh penerimaan makalah. Sidang editorial tidak menjamin penerbitan setiap makalah.

Kebenaran Penulis: Pengarang bertanggungjawab terhadap semua kenyataan yang disiarkan dalam makalah tulisannya, termasuk perubahan yang dilakukan oleh editor. Pengarang perhubungan diminta bersedia untuk berunding dengan editor jurnal untuk menjawab soalan semasa proses editorial dan meluluskan salinan makalah yang telah disunting. Pengarang akan menerima versi makalah yang telah disunting untuk kelulusan akhir. Bagi melancarkan proses penerbitan, sebarang perubahan pada makalah yang sudah disunting dan diluluskan adalah tidak dibenarkan.

Penyediaan Makalah

Pertanika menerima serahan empat jenis makalah. Setiap serahan diklasifikasikan sebagai **makalah** atau **karya asli**, **ulasan buku**, **notapenyelidikan** dan juga cadangan untuk terbitan **isu khas**. Makalah harus ditulis dalam **bahasa Melayu** dan mestilah tepat, jelas, mudah difahami dan berupaya menyampaikan isi dengan baik menggunakan aturan bahasa Melayu yang grammatikal.

Pengarang digalakkan membuat semakan bahasa sebelum dimajukan kepada pihak editorial. Makalah yang lemah dalam penggunaan tatabahasa akan ditolak serta-merta (contoh: bahasa dan gaya penulisan terlalu lemah atau maksud perkataan sukar difahami).

Penggunaan singkatan perkataan adalah diterima. Penggunaan *slang*, jargon atau singkatan yang tidak jelas dilarang. Unit dalam sukatan metrik dibenarkan dan sekiranya unit ukuran (penjelasan) dalam bahasa Inggeris digunakan, unit itu hendaklah dimasukkan di dalam kurungan. Sebarang singkatan perkataan hendaklah dieja penuh pada setiap kali penggunaan pertama dalam teks.

Pengarang dikehendaki mematuhi panduan yang diberikan. Makalah yang tidak mematuhi format penulisan yang dikehendaki akan dipulangkan untuk pembetulan sebelum proses pewasitan.

Pewasitan

Makalah *Pertanika* disemak melalui proses pewasitan. Pewasit bagi setiap makalah terdiri daripada pakar bidang dalam skop makalah. Pewasit akan dipilih oleh sidang editor jurnal atau dipertimbangkan melalui cadangan pewasit yang telah dinamakan oleh penulis.

Pewasit akan mengemukakan penilaian bertulis yang menyatakan kekuatan dan kelemahan makalah bagi tujuan penambahbaikan dan mengenal pasti bahan sokongan tambahan yang sesuai untuk makalah tersebut.

Makalah akan dinilai oleh dua hingga tiga orang pewasit. Pengarang digalakkan untuk mencadangkan nama pewasit yang berpotensi dan dinyatakan dalam borang penilaian. Walau bagaimanapun, cadangan yang dikemukakan tetap tertakluk kepada keputusan akhir editor.

Makalah dinilai berdasarkan kandungan. Oleh itu, editor berhak membuat suntingan pada teks untuk mengelakkan kekaburan makna dan pengulangan serta meningkatkan komunikasi antara pengarang dengan pembaca. Makalah akan dikembalikan kepada pengarang untuk semakan sekiranya sebarang perubahan diperlukan.

Proses Semakan Jurnal

Tujuh langkah proses semakan editorial:

1. Editor Eksekutif meneliti makalah untuk menentukan kesesuaiannya dengan skop jurnal. Makalah yang tidak sesuai dengan skop jurnal akan ditolak. Pengarang akan dimaklumi sekiranya makalah ditolak.
2. Editor Eksekutif akan menghantarkan maklumat identifikasi makalah kepada dua hingga tiga pewasit. Salah seorang pewasit biasanya terdiri daripada sidang editorial jurnal, sementara dua orang pewasit lain mewakili pakar dalam bidang atau disiplin perbincangan makalah tersebut. Proses penilaian melibatkan dua borang,

iaitu (a) borang pewasitan B dan (b) borang ulasan pewasit bersama panduan pewasitan. Proses pewasitan ini mengambil masa dua hingga tiga minggu. Ulasan yang diberikan merangkumi kesesuaian kerangka teori dan konseptual, sorotan kajian, metodologi, dapatan, perbincangan dan kesimpulan. Pewasit biasanya akan menyertakan bersama cadangan penambahbaikan. Ulasan dan penilaian yang dibuat berdasarkan kepentingan dan sumbangan makalah terhadap perkembangan disiplin ilmu.

3. Editor Eksekutif meneliti laporan pewasitan. Editor Eksekutif akan berunding dengan Ketua Editor untuk memutuskan sama ada sesebuah makalah wajar ditolak atau diserahkan semula kepada pengarang untuk pembetulan. Keputusan akhir tertakluk kepada sidang editorial yang berhak menolak apa-apa bahan untuk diterbitkan. Dalam beberapa keadaan, makalah diterima dengan hampir tiada semakan. Laporan pewasitan akan dimajukan kepada pengarang dengan sedikit penambahan daripada editor untuk memudahkan pengarang mengikuti cadangan panel pewasit.
4. Pengarang memberikan jawapan terhadap ulasan penilaian. Pengarang dikehendaki menghantarkan edisi semakan makalah kepada Editor Eksekutif bersama-sama maklumat khusus yang memerihalkan respon terhadap laporan pewasitan.
5. Setelah selesai proses semakan, Editor Eksekutif, sidang editorial dan Ketua Editor akan membuat semakan terhadap laporan pewasitan. Keputusan sama ada makalah tersebut diterima untuk penerbitan atau memerlukan semakan semula atau ditolak akan dibuat pada peringkat ini.
6. Makalah yang memerlukan semakan semula akan dihantar kepada penilai selain daripada penilai asal makalah tersebut.
7. Makalah yang diterima akan dihantar ke Bahagian Penerbitan untuk dicetak. Proses cetakan makalah mengambil masa lebih kurang 3 bulan. Pihak penerbit akan memastikan bahawa makalah mematuhi gaya penulisan yang ditetapkan (petikan, rujukan, jadual, kejelasan dan tatabahasa). Pengarang diminta memberikan kerjasama terhadap sebarang keperluan dan pertanyaan daripada pihak penerbitan. Halaman yang sudah siap disemak akan dihantar kepada pengarang utama untuk pengesahan akhir. Sebarang perubahan pada penulisan pada tahap ini hanya melibatkan perubahan yang penting. Makalah yang telah melalui kesemua proses ini akan diterbitkan dalam talian pada keluaran semasa.

Jurnal *Pertanika* menerima makalah berbentuk:

1. Makalah

Definisi: Karya asli yang menampilkan kajian empirikal. Kajian asal yang dirujuk mestilah disertakan dengan rujukan yang jelas. Sementara itu, penjelasan berkaitan penemuan dalam kajian haruslah yang terkini dan penting.

Panjang Makalah: Jumlah perkataan **tidak melebihi 6000 perkataan** (tidak termasuk muka surat abstrak dalam bahasa Melayu dan bahasa Inggeris, rujukan, jadual serta gambar rajah).

2. Ulasan Buku

Definisi: Penilaian ringkas tentang sesuatu karya (buku, hasil seni, makalah dan sebagainya).

Panjang Ulasan: Jumlah perkataan **tidak melebihi 6000 perkataan** (tidak termasuk muka surat abstrak dalam bahasa Melayu dan Inggeris, rujukan, jadual serta gambar rajah).

3. Nota Penyelidikan

Definisi: - Maklumat baharu berkaitan sebahagian atau keseluruhan dapatan kajian dalam bentuk penulisan ringkas yang rinci. Nota penyelidikan sesuai untuk penerbitan berkaitan disiplin teknikal atau penemuan baharu tentang mana-mana disiplin atau subdisiplin ilmu yang mempunyai hubungan dengan budaya, warisan dan bahasa Melayu.

Panjang Laporan: - Jumlah perkataan **tidak melebihi 3000 perkataan** (tidak termasuk muka surat abstrak dalam bahasa Melayu dan bahasa Inggeris, rujukan, jadual serta gambar rajah).

4. Isu Khas

Definisi: Bahan daripada hasil kajian yang telah dibentangkan dalam persidangan, seminar, kongres atau simposium.

Panjang Makalah: Jumlah perkataan **tidak melebihi 4000-8000 perkataan** (tidak termasuk muka surat abstrak dalam bahasa Melayu dan Ingeris, rujukan, jadual serta gambar rajah).

5. Lain-lain

Definisi: Laporan ringkas, kajian kes, komen, Surat kepada Editor, dan balasan pada makalah sebelum ini yang disiarkan boleh dipertimbangkan.

Panjang Makalah: Jumlah perkataan **tidak melebihi 2000 perkataan**.

Format

Pengarang digalakkan untuk menyediakan makalah dalam format **Microsoft Word**. Teks ditulis dalam **satu ruang lajur** (*column*) dengan **margin 4cm** dan **langkau 2 baris**. Pengarang digalakkan untuk menggunakan rupa taip **Times New Roman**, dengan saiz fon **12 poin**. Pengarang dinasihatkan agar memberi perhatian pada penggunaan aksara/rupa taip khas dalam penulisan sekiranya penulisan tersebut menggunakan jenis rupa taip berbeza daripada aksara khas, terutamanya fon *Symbol* dan *Mincho*.

Pengarang diminta meninggalkan satu jalur kosong antara setiap perenggan teks dan rujukan. Jadual dan gambar rajah perlu diasingkan daripada teks ataupun diletakkan pada ruang lampiran.

Pengarang dikehendaki memberi penomboran pada setiap muka surat.

Judul

Judul bagi setiap jenis penulisan hendaklah ditulis dalam **bahasa Melayu dan bahasa Inggeris** dengan **tidak melebihi 10 perkataan**. Judul ditulis menggunakan fon dan saiz fon yang sama dengan penulisan teks penuh.

Abstrak

Abstrak perlu ditulis dalam **bahasa Melayu dan bahasa Inggeris** dengan **tidak melebihi 250 perkataan** bagi makalah dan **tidak kurang daripada 100 perkataan** bagi nota penyelidikan. Abstrak perlu ditaip menggunakan saiz fon **11poin** dengan **langkau sebaris** (*single spacing*). Pengarang perlu menyertakan **5 hingga 8 kata kunci** pada ruang di bawah abstrak untuk menjelaskan keseluruhan isi kandungan makalah.

Susunan Makalah

Halaman 1: Judul:-

Judul mestilah tidak melebihi 10 perkataan. Singkatan bagi judul makalah perlu diletakkan di jidar bahagian atas setiap halaman makalah (*header*).

Halaman 2: Maklumat Pengarang dan Pengarang Utama:-

Halaman ini harus mengandungi judul makalah beserta nama pengarang, institusi, dan alamat penuh, saluran untuk dihubungi (sambungan pejabat, telefon bimbit, fax dan alamat e-mel). Nama pengarang mestilah ditulis dalam bentuk singkatan sebagaimana yang digunakan dalam sistem penamaan antarabangsa. Misalnya, Salleh, A.B., Tan, S.G., atau Sapuan, S.M.

Alamat Pengarang

Bagi makalah yang ditulis oleh lebih daripada seorang pengarang daripada alamat yang berbeza, alamat setiap pengarang perlu diberikan penomboran dengan menggunakan superskrip.

George Swan¹ dan Nayan Kanwal²

¹Jabatan Biologi, Fakulti Sains, Universiti Duke, Durham, Carolina Utara, USA.

²Pejabat Timbalan Naib Canselor (P&I), Universiti Putra Malaysia, Serdang, Malaysia.

Halaman 3: Halaman ini mengandungi tajuk penuh makalah beserta abstrak (sila rujuk Subtajuk Abstrak untuk panduan penulisan abstrak).

Halaman 4 dan seterusnya: Halaman ini harus dimulai dengan pengenalan makalah. Perbincangan subtajuk selepasnya bermula daripada halaman 5 dan seterusnya.

Singkatan

Sebarang singkatan yang digunakan dalam penulisan hendaklah dinyatakan dengan jelas dan disusun mengikut abjad. Perkataan atau frasa yang menggunakan singkatan perlu ditulis penuh pada setiap kali penggunaan kali pertama dalam teks dan disertakan singkatan baginya dalam kurungan ().

Nota kaki

Alamat semasa pengarang sekiranya berbeza dengan paparan di bahagian jidar atas halaman perlu dinyatakan pada nota kaki.

Kandungan

Makalah perlu mengandungi bahagian **pengenalan, bahan dan kaedah, dapatan dan perbincangan, dan penutup**.

Jadual

Semua jadual hendaklah tekal dengan format dan kesesuaian isu semasa jurnaldan hendaklah dinomborkan dengan angka Arab (1,2,3...). Bahan rujukan perlu disertakan dalam bentuk jadual dan nota kaki. Setiap jadual dilampirkan dalam halaman yang berasingan.

Perhatian: Jadual bagi makalah yang diterima untuk penerbitan mestilah diserahkan dalam bentuk:- .doc, .rtf, excel atau powerpoint- jadual yang diserahkan dalam bentuk data imej tidak boleh disunting untuk penerbitan.

Formula dan Persamaan

Sebarang rumus, persamaan dan formula yang digunakan dalam makalah perlu dinyatakan dengan jelas dan ditaip dengan langkau 3 baris . Penomboran rumus ditulis dalam tanda kurung siku [] dan diposisikan di margin kanan penulisan.

Rajah dan Gambar

Setiap rajah atau gambar harus disediakan dalam lampiran berasingan dan disusun secara berturutan mengikut penomboran Arab. Pengarang dinasihatkan agar menggunakan aplikasi yang menyediakan fail TIFF beresolusi tinggi. Secara umumnya, pihak editorial menerima resolusi 300 dpi atau yang lebih tinggi untuk lampiran berwarna dan karya hafton; 1200 dpi atau yang lebih tinggi untuk lukisan garis.

Bagi fail bersaiz besar, pengarang boleh melampirkan rajah beresolusi rendah yang jelas untuk memastikan bahawasaiz makalah sesuai untuk penghantaran secara atas talian. Pengarang boleh memohon persembahan ilustrasi berwarna dengan kos tambahan sebanyak Ringgit Malaysia 50 bagi setiap halaman berwarna.

Rujukan

Nama pengarangdan tahun terbitan hendaklah diletakkan bagi petikan rujukan dalam teks. Bagi rujukan yang ditulis oleh lebih daripada dua orang , nama pengarangpertama perlu diikuti dengan 'et al.'

Swan dan Kanwal (2007)melaporkan bahawa ...

Dapatan kajian ini ditafsirkan sebagai ... (Kanwal *et al.*, 2009).

Senarai rujukan perlu disusun mengikut abjad nama penulis. Bagi pengarangyang sama atau kumpulan pengarangyang sama, rujukan perlu disusun secara kronologi. Sekiranya pengarang mempunyai lebih daripada satu penerbitan dalam tahun yang sama, angka 'a', 'b' dsb ditambahkan pada tahun terbitan.

Sekiranya teks rujukan ditulis oleh lebih daripada 11 orang penulis, senaraikan 5 pengarangdan diikuti dengan et al.

Dilarang menggunakan ensotan (*indent*) dalam penulisan rujukan. Gunakan langkau baris untuk mengasingkan setiap rujukan. Nama jurnal perlu ditulis penuh.

Contoh:

Mellers, B. A. (2006a). Choice and the relative pleasure of consequences. *Psychological Bulletin*, 126, 910-924.

Mellers, B. A. (2006b). Treatment for sexually abused children and adolescents. *American Psychologist*, 55, 1040-1049.

Hawe, P. (2005). Capturing the meaning of "community" in community intervention evaluation: Some contributions from community psychology. *Health Promotion International*, 9, 199-210.

Braconier, H., & Ekholm, K. (2006). Swedish multinationals and competition from high and low wage location. *Review of International Economics*, 8, 448-461.

Sebarang data yang belum diterbitkan dan komunikasi peribadi tidak dianggap sebagai petikan rujukan. Bagaimanapun, pengarang boleh menyatakan bahan tersebut dalam kurungan (). Artikel yang sudah diterima untuk penerbitan (*in press*) boleh dijadikan rujukan dengan menyatakan penerbit dan tarikh terbitan bagi artikel tersebut dalam Rujukan (jika ada).

Contoh petikan rujukan:

Monograf: Kalimipour, Y.R. (2004). *Images of the U.S. Around the World: A Multicultural Perspective*. Albany, NY: State University of New York Press.

Bab dalam buku: Bjork, R. A. (2007). Retrieval inhibition as an adaptive mechanism in human memory. Dalam H. L. Roediger III & F. I. M. Craik (Eds.), *Varieties of memory & consciousness* (pp. 309-330). Hull: Hull University Press.

Prosiding: Amir Awang. (2006). Counseling, human resources development and counseling services. Dalam Sulaiman M. Yassin, Yahya Mat Hassan, Kamariah Abu Bakar, Esah Munji dan Sabariah Mohd. Rashid (Eds.), *Proceedings of Asia Pacific Conference on Human Development* (p. 243-246). Serdang: Universiti Putra Malaysia.

Gaya Makalah

Makalah yang diserahkan untuk penerbitan harus mematuhi panduan versi terkini Manual Penerbitan *American Psychological Association (APA)*. Jurnal ini menerima ejaan Amerika dan British untuk penulisan yang melibatkan penggunaan bahasa Inggeris. Pengarang boleh menggunakan edisi terkini *Oxford Advanced Learner's Dictionary* sebagai panduan untuk ejaan British.

PENYERAHAN MAKALAH

Surat Iringan

Penyerahan manuskrip perlu disertakan dengan surat iringan yang menyatakan maklumat makalah yang diserahkan. Makalah yang diterima untuk penerbitan dalam jurnal ini ialah tulisan yang asli dan belum pernah diterbitkan atau dihantar kepada mana-mana syarikat penerbitan. Perkara ini perlu dinyatakan dalam surat iringan.

Pengarang juga perlu memaklumkan dalam surat iringan bahawa kesemua pengarang telah memberikan sumbangan dalam proses penulisan makalah dan telah bersetuju dengan kandungan makalah yang dihantar untuk penerbitan.

Surat iringan perlu mengandungi **(i) tajuk; (ii) nama penuh pengarang; (iii) alamat institusi bagi kerja penulisan bersama; (iv) poskod dan alamat e-mel, faksimili dan nombor telefon pengarang-perhubungan**. Alamat semasa bagi pengarang yang berbeza dengan alamat institusi hendaklah dinyatakan pada ruangan nota kaki.

Suntingan Bahasa

Pertanika menitikberatkan aspek ketepatan dalam penggunaan bahasa bagi setiap makalah yang diterbitkan. Pengarang dinasihatkan untuk memastikan bahawa manuskrip yang dihantar menggunakan bahasa Melayu yang baik, jelas dan tepat dari segi tatabahasa. Khidmat semakan profesional boleh digunakan bagi tujuan ini. Makalah yang baik dari segi bahasa akan memudahkan dan mempercepat urusan semakan untuk penerbitan.

Polisi Arkib

Pengarang yang memerlukan pemulangan sebarang bahan yang ditolak untuk penerbitan harus menyatakan sedemikian dalam surat iringan. Hal ini kerana pihak Editorial akan melupuskan semua bahan bercetak dan elektronik sekiranya tiada tuntutan daripada pengarang secara bertulis seperti yang disebutkan.

Hak cipta

Pengarang dikehendaki menandatangani Borang Akuan yang menyatakan bahawa pengarang telah mendapat kebenaran untuk menggunakan bahan hak cipta dan bahan terbitan sebelumnya. Sekiranya pengarang utama menandatangani Borang Akuan bagi pihak pengarang yang lain, syarat yang digariskan dalam Borang Akuan hendaklah dibaca dan dipersetujui oleh kesemua pengarang yang terlibat sebelum ditandatangani. Makalah tidak akan diterbitkan selagi Borang Akuan hak cipta belum ditandatangani.

Jeda Masa

Jangka waktu keputusan penerimaan dan penolakan makalah adalah tiga hingga empat bulan (lebih kurang 14 minggu). Jangka waktu antara penyerahan makalah dengan penerbitan adalah lebih kurang lima hingga enam bulan.

Salinan Cetak Jurnal dan Cetak Ulang

Pengarang utama akan menerima satu salinan cetak (*hardcopy*) jurnal yang mengandungi makalah tulisannya.

Prosedur Serahan

Makalah perlu diserahkan bersama-sama **surat iringan, Kit Penyerahan Makalah dan Borang Akuan Hak cipta** yang telah lengkap diisi. Makalah yang dihantar kepada jurnal ini dikehendaki memenuhi arahan yang telah dinyatakan. Kegagalan berbuat demikian akan menyebabkan makalah dipulangkan dan menimbulkan kelewatan penerbitan.

Penyerahan makalah juga boleh dibuat dalam bentuk CD sekiranya fail yang dilampirkan terlalu besar untuk perkhidmatan e-mel. Serahan terus makalah kepada editor atau mana-mana pegawai adalah tidak diterima. Makalah hendaklah diserahkan melalui Ketua Editor untuk tindakan seterusnya ke alamat seperti yang berikut:

Ketua Editor
MAHAWANGSA (Jurnal Bahasa, Budaya dan Warisan Melayu)
Pejabat Dekan
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi
Universiti Putra Malaysia
43400 UPM, Serdang, Selangor,
Malaysia
E-mel: pertanikabbwm@upm.edu.my; azuwan_nor@yahoo.com
Tel: + 603-8946 8661/ 8929 / 8723/ 8753

Pengarang dinasihatkan untuk menyimpan salinan makalah dan dokumen berkaitan untuk rujukan peribadi. Pengarang dikehendaki memaklumkan sebarang pertukaran alamat pada makalah yang dihantarsebelum suntingan akhir.

BACKGROUND

Pertanika began publication in 1978 as the Journal of Tropical Agricultural Science (JTAS).

In 1992, a decision was made to streamline *Pertanika* into **3 journals**. i.e.,

1. Journal of Tropical Agricultural Science (JTAS)
2. Journal of Science and Technology (JST)
3. **Journal of Social Sciences and Humanities (JSSH)**

BENEFITS TO AUTHORS

PROFILE: *Pertanika* publishes original academic articles rapidly. It is fully committed to the Open Access Initiative and provides free access to all articles as soon as they are published.

QUALITY: Articles submitted to *Pertanika* undergo rigid originality checks. Our double-blind peer review procedures are fair and open.

AUTHOR SERVICES: We ensure that your work reaches the widest possible audience in print and online rapidly. Submissions are through **ScholarOne** system by Thomson Reuters.

SUBMISSION GUIDELINES

The Journal accepts articles as **regular, short communication** or **review papers**.

The article should include the following:

- An abstract of not more than 300 words;
- Up to 8 related keywords;
- Name(s), Institutional affiliation(s) and email(s) of each author.
- The maximum length of your article must not exceed:
 - approximately 6000 words or 27 pages, including abstract, diagrams tables and references for full research papers,
 - 2000 words for short communication papers, or
 - 4000 words for review papers
- References should be listed in APA style.

SUBMISSION DEADLINE

You may submit your articles at any time of the year. The journal is now accepting papers for its **2013-14 issues**.

CONTACT US

For guidance on the submission process, or for any questions regarding submissions, you may contact the **Chief Executive Editor** at: nayan@upm.my

Call for Papers 2013-14

now accepting submissions...

About the Journal



- ▶ An international multidisciplinary peer-reviewed leading Malaysian journal.
- ▶ Publishes articles in **English** quarterly. i.e., *March, June, September* and *December*.
- ▶ The elapsed time from submission to publication for the articles averages 5 to 6 months. A decision on acceptance of a manuscript is reached in 3 to 4 months (average 14 weeks).

- ▶ Indexed in **SCOPUS** (Elsevier), **EBSCO**, **DOAJ**, **CABI**, **Google Scholar**, **MyAIS** & **ISC**.

Scope of Journal

- ▶ *Pertanika* JSSH aims to develop as a flagship journal for the Social Sciences with a focus on emerging issues pertaining to high-quality research related to the **social** and **behavioural sciences** as well as the **humanities**, particularly in the Asia Pacific region.
- ▶ Refer to our website for detailed scope areas. <http://www.pertanika.upm.edu.my/scope.php>

Format for Paper Submission

- ▶ Articles should include the following:
 - problem formulation
 - conceptual framework
 - methodology/ approach
 - research design (if applicable)
 - statistical analysis (if applicable)
 - main findings
 - overall contribution
 - conclusions & suggestion for further research
 - acknowledgements (if applicable)

Rapid research publication...

Pertanika is the resource to support you in strengthening your research.

View [current issue](#)

View [journal archives](#)

Submit your manuscript to
<http://mc.manuscriptcentral.com/upm-jssh>



Journal's profile: <http://www.pertanika.upm.edu.my/>





MAHAWANGSA
(Jurnal Bahasa, Budaya dan Warisan Melayu)
Vol. 1 (1) Jun 2014

Kandungan

Editorial	i
<i>Ketua Editor</i>	
Penulis Undangan	
Strategi Menjayakan Bahasa Melayu sebagai Bahasa Negara	1
<i>Awang Sariyan</i>	
Makalah	
Peranan Bahasa Melayu dan Legasi Sejarah Penubuhan Malaysia dalam Penyemaian Cinta akan Negara Bangsa Malaysia	19
<i>Hashim bin Musa dan Rozita Che Rodi</i>	
Kata Serapan Arab dalam Bahasa Melayu: Perubahan dari Segi Ejaan Jawi dan Makna	43
<i>Muhammad Bukhari Lubis</i>	
Retrospek Sumbangan Dato' Dr. Hassan Ahmad dalam Kebahasaan dan Penerbitan	61
<i>Nor Azuwan Yaakob, Syed Nurulakla Syed Abdullah dan Muhd Zulkifli Ismail</i>	
Budaya Melayu: Transformasi Gaya Komunikasi daripada Budaya Konteks Rendah kepada Budaya Konteks Tinggi	85
<i>Norliana Ali Haidzir, Jusang Bolong dan Ezhar Tamam</i>	
Lakuan Pernyataan dalam Wacana Wawancara	101
<i>Haslinda Saad dan Ahmad Mahmood Musanif</i>	
Hubungan antara Kesantunan Berbahasa dengan Perlakuan Tidak Bermoral Orang Melayu-Islam	121
<i>Abdul Rashid Daing Melebek dan Shamsul Hazliyatul Akma Mohmad</i>	
Hubungan antara Nilai Pencapaian dan Lokus Kawalan Denganatribusi Kemiskinan dalam Kalangan Remaja Orang Asli	133
<i>Azlina Mohd Khir, Ma'rof Redzuan, Hanina H. Hamsan dan Mohamad Ibrani Shahrinin</i>	



Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi
Universiti Putra Malaysia
43400 UPM Serdang
Selangor Darul Ehsan
Malaysia

<http://www.mahawangsa.upm.edu.my/>
E-mail: mahawangsa@upm.my
Tel: +603 8947 1621 / 1619

PENERBIT
UPM
UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA
PRESS

<http://www.penerbit.upm.edu.my/>
E-mail: penerbit@upm.my
Tel: +603 8946 8855

